

**ISTILAH TUMBUH-TUMBUHAN DALAM AL-
QUR'AN AL-KARIM: KAJIAN LEKSIKOGRAFI DAN
ANALISIS WACANA BAHASA ARAB**

SAIPOLBARIN BIN RAMLI

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA**

2015

SAIPOLBARIN BIN RAMLI

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tajuk tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut leksikografi dan analisis wacana Arab. Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim merangkumi perkataan tumbuh-tumbuhan, perkataan pokok dan nama tumbuhan-tumbuhan. Korpus kajian ialah semua ayat tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Fokus kajian pula adalah dalam bidang leksikografi dan analisis wacana Arab serta dilengkapi dengan disiplin ilmu yang lain iaitu bidang tafsir, hadith, balaghah, philologi Arab, pertanian, perubatan dan geografi. Perbincangan dari aspek leksikografi bertujuan untuk mendapatkan maksud sebenar perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Terdapat beberapa nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang diterjemahkan kepada pelbagai maksud yang berbeza. Situasi ini berlaku disebabkan oleh faktor perkembangan agama Islam dan bahasa Arab ke seluruh dunia. Kajian dalam bidang analisis wacana Arab pula menggunakan teori sastera formalis balaghah bagi tujuan menganalisis kepelbagaian bentuk penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan ayat tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim menunjukkan bahawa ayat-ayat ini tidak sekadar berperanan dalam bidang pertanian, perubatan dan geografi sahaja, tetapi berperanan juga dalam bidang bahasa yang menampilkan keindahan gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini menggunakan metode historis dan metode dokumentari yang mengaplikasikan kaedah pengumpulan data secara kualitatif. Kedua-dua metodologi ini mempraktikkan kaedah kajian perpustakaan dan tinjauan luar. Data yang diperoleh dianalisis dengan merujuk kepada hasil karya para sarjana silam dan moden dalam bidang leksikografi Arab dan analisis wacana. Perisian komputer serta internet juga digunakan bagi memudahkan proses penganalisaan data. Hasil kajian dalam bidang leksikografi Arab telah dapat menjelaskan maksud sebenar istilah dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Manakala dalam bidang analisis wacana pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa ayat tumbuh-tumbuhan digunakan dalam empat jenis gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan istilah tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa ini menampilkan keindahan gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim bagi menyampaikan mesej Ilahi kepada manusia.

ABSTRACT

This study discusses about the plants in Al-Qur'an Al-Karim from the point of lexicography and Arab discourse analysis. Plants in Al-Qur'an Al-Karim includes the words of plants, words of trees and name of plants. The corpus of the study includes all the verses mentioning about plants in Al-Qur'an Al-Karim. The focus of this study is mainly on the field of lexicography and Arab discourse analysis, which incorporates other disciplines as well such as the field of code interpretation, hadith, rhetoric, philology Arab, agriculture, medicine and geography. Discussion from the aspects of lexicography was conducted to obtain the true meaning of the word and name of the plants in Al-Qur'an Al-Karim. There are several names of plants in Al-Qur'an Al-Karim that has been translated into different meanings. This situation occurs due to the global development of Islam and Arabic language. On the other hand, study in the field of Arab discourse analysis by using rhetoric formalist literary theory for the purpose of analyzing types of language style used in Al-Quran Al-Karim. Verses that mentioned about plants in the Qur'an Al-Karim do not only serve in the fields of agriculture, medicine and geography, but also plays an important role in the field of language style as they showcase the beauty of Qur'an Al-Karim. The data was collected qualitatively using two different methods, the historical method and the documentary method. Both methods are carried out using two different approaches, the library research and external reviews. The collected data were analyzed based on the research done by Arabic scholars from both ancient and modern era. Computer software and the internet has been used to facilitate the process of analyzing the data. The finding of this study reveals the true meaning of each verse as described in Al-Qur'an Al-Karim. In addition, the finding of discourse analysis reveals that there are four different types of language styles used in Al-Qur'an Al-Karim to convey the message of Allah S.W.T to man.

PENGHARGAAN

Puji dan syukur dipanjatkan kepada yang Maha Esa, yang telah menganugerahkan hidayah dan keupayaan sehingga membolehkan kajian ini disempurnakan penulisannya bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada Professor Dr. Zuraidah Mohd Don, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dan Dr Mat Taib bin Pa, Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah kerana memberi peluang kepada penulis mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah di fakulti ini. Terima kasih juga kepada pihak Bahagian Biasiswa KPM dan Unit Cuti Belajar Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi peluang kepada penulis mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah.

Penghargaan juga ditujukan khas untuk para pensyarah Fakulti Bahasa & Linguistik Universiti Malaya yang banyak membantu sepanjang penulis mengikuti pengajian di fakulti ini. Terima kasih juga kepada rakan pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI, pihak perpustakaan Universiti Malaya, pihak perpustakaan Tuanku Bainun UPSI dan pihak perpustakaan UMP Gambang atas kemudahan yang diberikan sepanjang menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga dirakamkan khas kepada Dr. Hj.Ahmad Fikri bin Hj. Husin selaku penyelia dalam kajian ini. Dedikasi penghargaan juga ditujukan khas kepada Dr. Mohd Zaki bin Abd. Rahman yang telah banyak mencurahkan ilmu, memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan kajian ini.

Dengan titisan air mata, penghargaan khas ditujukan untuk insan tersayang, Allahyarham ayahanda Ramli bin Mohammad serta bonda Kamariah bte Mainan yang merupakan asas kepada kejayaan ini. Penghargaan juga ditujukan untuk semua ahli keluarga, ayahanda Zainal Abidin dan isteri, bonda Sadiyah bte. Baharom, kekanda Kartini bte Ramli, adinda Nordiana bte Ramli serta keluarga dan adinda Mohammad Amin bin Ramli yang merupakan antara individu yang banyak mendorong dan mengorbankan masa serta tenaga untuk penulis. Pasti penghargaan istimewa dititipkan khas untuk isteri tercinta Sumaiya bte Zainal Abidin@Murad dan anakanda tersayang Safiyyah An-Nur bte Saipolbarin. Semoga segala bantuan, tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan akan diberi ganjaran oleh Allah S.W.T.

JADUAL ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Halaman Tajuk	i
Borang Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Jadual Isi Kandungan	vi
Senarai Gambar Rajah	xi
Senarai Jadual	xiv
Jadual Transliterasi	xv
Senarai Singkatan Kata	xvii

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Deskripsi tajuk kajian	4
1.2 Hipotesis kajian	6
1.3 Faktor pemilihan tajuk	6
1.4 Kepentingan kajian	8
1.5 Penyataan masalah	9
1.6 Objektif kajian	10
1.7 Persoalan kajian	11
1.8 Batasan kajian	11
1.9 Bidang kajian	12
1.10 Metodologi kajian	14
1.11 Rangka kajian	28
1.12 Penutup	32

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan	32
2.1 Sejarah dan perkembangan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam	33
2.2 Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim	43
2.3 Gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim	48
2.4 Penutup	58

BAB 3

PERKATAAN النَّبَاتُ (TUMBUH-TUMBUHAN) DAN الشَّجَرَةُ

(POKOK) DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

3.1 Pendahuluan	60
3.1 Perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأَسْمُ (kata nama)	60
3.2 Perkataan نَبَتَ (menumbuhkan) dalam bentuk الْفِعْلُ (kata kerja)	71
3.3 Perkataan الشَّجَرَةُ (pokok) dalam Al-Qur'an Al-Karim	83
3.3.1 Perkataan merujuk kepada pokok yang berada di syurga dan neraka.	84
3.3.2 Perkataan pokok yang disandarkan kepada pengkisahan nabi-nabi.	87
3.3.3 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T.	89
3.3.4 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan.	94
3.3.5 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya.	96
3.4 Penutup	97

BAB 4

KAJIAN LEKSIKOGRAFI NAMA TUMBUH-TUMBUHAN DAN	
DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM	
4.0 Pendahuluan	101
4.1 Pohon Kayu Dalam Al-Qur'an Al-Karim	101
4.1.1 Pokok الْأَثَلُ (tamarisk)	93
4.1.1.1 Habitat dan kegunaan pokok الْأَثَلُ (tamarisk)	103
4.1.2 Pokok الْأَيْكَةُ (al-Aikat)	105
4.1.3 Pokok الْحَمْطُ (sugi)	109
4.1.3.1 Habitat dan kegunaan الْحَمْطُ (pokok sugi)	112
4.1.4 Pokok الْبِدْرَةُ (bidara)	118
4.1.4.1 Habitat dan kegunaan الْبِدْرَةُ (pokok bidara)	123
4.1.5 Pokok الطَّلْحُ (Pisang dan Pokok <i>Umm Ghailan</i>)	126
4.1.5.1 Habitat dan kegunaan الطَّلْحُ-الموز (pokok pisang)	133
4.1.5.2 Habitat pokok الطَّلْحُ-أم غيلان (<i>umm ghailan</i>)	135
4.1.6 Pokok الكافور (kapur baru)	137
4.1.6.1 Habitat dan kegunaan الكافور (kapur baru)	142
4.1.7 Pokok النخيل (kurma)	145
4.2 Sayur-Sayuran Dalam Al-Qur'an Al-Karim	147
4.2.1 البصل (bawang)	147
4.2.1.1 Habitat dan kegunaan bawang	149
4.2.2 البقل (sayur-sayuran hijau)	152
4.2.3 الریحان (selasih/al-As)	155
4.2.3.1 Habitat dan kegunaan selasih	162
4.2.4 الزنجبيل (halia)	163

4.2.4.1 Habitat dan kegunaan halia	165
4.2.5 الْحَرْدُلُ (<i>sawi</i>)	167
4.2.6 الْفُومُ (<i>bawang putih</i>)	169
4.2.7 الْقَيْئَاءُ (<i>timun</i>)	172
4.2.8 الْكَيْطِينُ (<i>labu</i>)	174
4.2.8.1 Habitat dan kegunaan labu	178
4.3 Rumput dan kekacang dalam Al-Qur'an Al-Karim	180
4.3.1 الْأَبُّ (<i>rumput</i>)	180
4.3.2 الْكَعْسُ (<i>kacang dal</i>)	185
4.3.2.1 Habitat dan kegunaan kacang dal	186
4.4 Penutup	189

BAB 5

TUMBUH-TUMBUHAN DALAM GAYA BAHASA AL-QUR'AN AL-KARIM

5.0 Pendahuluan	193
5.1 Gaya bahasa bidalan (<i>al-Mathal/المَثَل</i>)	193
5.1.1 Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan cahaya Allah s.w.t	193
5.1.2 Gambaran tentang akhlak nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat	195
5.1.3 Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan perkataan tauhid	199
5.1.4 Gambaran tentang kehidupan dunia seperti tumbuh-tumbuhan	202
5.1.5 Gambaran menafkahkan harta benda dengan perihalan tumbuh-tumbuhan	206
5.2 Gaya bahasa التَّشْبِيهِ (<i>al-Tasybih</i>)	211
5.2.1 Perihalan keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat	211
5.2.2 Perbandingan orang beriman dan orang kafir	215

5.2.3 Perbandingan gambaran bulan di alam cakerawala dengan tandan kurma yang kering	216
5.2.4 Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah s.w.t di dunia dan di akhirat	219
5.3 Gaya bahasa <i>الاستفهام</i> (pertanyaan)	228
5.3.1 Gambaran tentang kekuasaan Allah s.w.t	228
5.3.2 Gambaran tentang galakan untuk mencari kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia.	238
5.3.3 Galakan bersedekah	240
5.3.4 Gambaran tentang tumbuh-tumbuhan yang sentiasa sujud kepada Allah s.w.t.	244
5.4 Gaya bahasa <i>القسَم</i> (sumpah)	247
5.4.1 Gaya bahasa sumpah <i>الصريح</i> (<i>al-Sarih</i>)	247
5.4.2 Gaya bahasa sumpah <i>الضمي</i> (<i>al-Dimniy</i>)	252
5.5 Penutup	256
BAB 6	
PENUTUP DAN CADANGAN	
6.0 Pendahuluan	261
6.1 Rumusan kajian	261
6.2 Cadangan	273
6.3 Penutup	273
RUJUKAN	274
GLOSARI PERKATAAN	295

SENARAI GAMBAR RAJAH

BILANGAN	TAJUK	HALAMAN
BAB 1		
Rajah 1.1	Proses gerak kerja kajian	14
Rajah 1.2	Peringkat penentuan subjek kajian	15
Rajah 1.3	Peringkat pengumpulan data	19
Rajah 1.4	Contoh pencarian <i>al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim</i>	20
Rajah 1.5	Contoh hasil pencarian ayat 99 surah Al-'An'am	21
Rajah 1.6	Contoh hasil pencarian makna perkataan كَسَخَلُ	23
Rajah 1.7	Contoh hasil pencarian makna perkataan كَسَخَلُ	24
Rajah 1.8	Contoh hasil pencarian istilah tumbuh-tumbuhan dalam perisian <i>hodaalquran</i>	25
Rajah 1.9	Contoh hasil pencarian istilah tumbuh-tumbuhan dalam pencarian google	25
Rajah 1.10	Peringkat analisis data	26
Rajah 1.11	Data mengikut kategori	27
Rajah 1.12	Rangka kajian	31
BAB 2		
Rajah 2.1	Peringkat perkembangan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam.	41
Rajah 2.2	Peringkat pertama carta kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan disiplin ilmu yang lain.	42
Rajah 2.3	Peringkat kedua carta perkembangan kajian tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim kepada disiplin ilmu yang pelbagai.	42
Rajah 2.4	Bidang kajian yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.	47
Rajah 2.5	Skop kajian yang dilakukan terhadap gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.	57

BAB 3

Rajah 3.1	Hubungan perkataan نَبَاتٌ dalam surah al-An‘am ayat 99 menurut Sayyid Qutb.	62
Rajah 3.2	Kedudukan stamen dan carpel pada kelopak bunga mawar menurut Harun Yahya.	64
Rajah 3.3	Perbandingan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan dengan kehidupan manusia dalam surah Yunus ayat 24.	66
Rajah 3.4	Konteks penggunaan perkataan مَوْزُونَ bagi nisbah keperluan kalium untuk tumbuh-tumbuhan menurut al-Maraghiy.	72
Rajah 3.5	Elemen-elemen alam yang terkandung dalam surah al-Qaf ayat 7-9.	74
Rajah 3.6	Tafsiran ayat 60 surah al-Naml oleh al-Qurtubiy	76
Rajah 3.7	Contoh tangkai bijirin yang digambarkan Al-Qur’an Al-Karim	79
Rajah 3.8	Perbandingan kebangkitan manusia pada hari akhirat dengan tumbuh-tumbuhan	80

BAB 4

Rajah 4.1	Gambar pokok الْأَنْثُلُ (tamarisk)	105
Rajah 4.2	Gambar pokok الْأَيْكَةُ (Aikat) menurut Ibn ‘Atiyyat	109
Rajah 4.3	Gambar pokok الْأُرَاكُ (sugi)	117
Rajah 4.4	Gambar pokok الْبِيدْرَةُ (bidara)	125
Rajah 4.5	Gambar pokok أُمُّ غَيْلَانَ (umm ghailan)	136
Rajah 4.6	Gambar pokok الْمَوْزُ (pisang)	136
Rajah 4.7	Gambar daun pokok الْكَافُورُ (kapur barus)	144
Rajah 4.8	Gambar pokok الْتَخِيلُ (kurma)	146
Rajah 4.9	Gambar antara jenis bawang	151
Rajah 4.10	Gambar pokok herba <i>purslane</i> yang merujuk kepada الْبَعْلُ menurut al-Asma‘iy	154

Rajah 4.11	Gambar pokok الرَّيْحَانُ (selasih)	163
Rajah 4.12	Gambar pokok زُرْبَيْجِيَّةٌ (halia)	166
Rajah 4.13	Gambar pokok الْحَرْدَلُ (sawi)	168
Rajah 4.14	Bawang الأُومُ (putih)	171
Rajah 4.15	Gambar pokok الْقَيْثَاءُ (timun)	173
Rajah 4.16	Gambar pokok يَمْطِيرُ (labu)	179
Rajah 4.17	Gambar jerami antara kategori dalam الأَبُّ	184
Rajah 4.18	Gambar kacang الْعَدَسُ (dal)	188

BAB 5

Rajah 5.1	Tafsiran ayat 29 surah al-Fath menggambarkan perbandingan Nabi S.A.W dan para sahabat dengan tumbuh-tumbuhan oleh al-Sa'adiy	198
------------------	--	-----

BAB 6

Rajah 6.1	Kekerapan pola kata perkataan نَبَتْ dalam Al-Qur'an Al-Karim	264
------------------	---	-----

SENARAI JADUAL

BILANGAN	TAJUK	HALAMAN
BAB 3		
Jadual 3.1	Maksud perkataan نَبَاتٌ dalam surah al-'A'raf ayat 58.	65
Jadual 3.2	Peringkat kehidupan manusia dalam surah al-Hadid ayat 20 menurut Ibn 'Asyur.	68
Jadual 3.3	Makna perkataan النَّبَاتُ.	98
Jadual 3.4	Makna perkataan نَبَتٌ.	98
BAB 4		
Jadual 4.1	Perbandingan perkataan الطَّلْحُ dengan pokok pisang dan <i>umm ghailan</i> .	129
Jadual 4.2	Perbincangan perbandingan perkataan الكَرْجُحَانُ.	161
Jadual 4.3	Frekuensi kedudukan setiap nama tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.	189
Jadual 4.4	Makna nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.	190
BAB 5		
Jadual 5.1	Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 1	213
Jadual 5.2	Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 2	215
Jadual 5.3	Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 3	217
Jadual 5.4	Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 4	220
Jadual 5.5	Fleksi perkataan مُنْتَعِرٌ dan خَاوِيَةٌ dalam Al-Qur'an Al-Karim	222
Jadual 5.6	Analisis Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 5	225
Jadual 5.7	Analisis Analisis ayat <i>al-Tasybih</i> 6	227
Jadual 5.8	Perbandingan dalam ayat 21 surah al-Zumar	239
Jadual 5.9	Analisis ayat sumpah 1	250
BAB 6		
Jadual 6.1	Frekuensi kedudukan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim	267

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan dalam pengalihan ejaan adalah berdasarkan kepada transliterasi yang telah diperakui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) berdasarkan buku “PEDOMAN TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI” Bagi Pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1. Konsonan

Nama Huruf	Huruf Arab	Huruf Rumi
Alif	ا	a
Ba'	ب	b
Ta'	ت	t
Tha'	ث	th
Jim	ج	j
Ha'	ح	h
Kha'	خ	kh
Dal	د	d
Dhal	ذ	dh
Ra'	ر	r
Zai	ز	z
Sin	س	s
Syin	ش	sy
Sad	ص	s
Dad	ض	d
Ta'	ط	t
Za'	ظ	z

'Ain	ع	'
Ghain	غ	gh
Fa'	ف	f
Qaf	ق	q
Kaf	ك	k
Lam	ل	l
Min	م	m
Nun	ن	n
Waw	و	w
Ha'	ه	h
Hamzat	ء	'
Ya'	ي	y
Ta' Marbutat	ة	t

2. Vokal

Dalam bahasa Arab terdapat vokal pendek dan vokal panjang. Selain itu ada juga apa yang diistilahkan sebagai diftong.

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
_____a	(ا) + _____ a	(او) _____aw
_____i	(ي) + _____ i	(اي) _____ay
_____u	(و) + _____ u	

SENARAI SINGKATAN KATA

SINGKATAN	PENUH
a.s	'alaih al-salam
Bhg	Bahagian
C	Cetakan
e.d	Editor
et al	dan pengarang-pengarang yang lain
Ibid	di tempat yang sama
Jld	Jilid
Juz	Juzuk
m.s	muka surat
Ptrj	Penterjemah
r.a	radiyallah 'anh
S.A.W	sallallah 'alayh wa sallam
S.W.T	Subhanah wa Ta'ala
t.c	tiada cetakan
t.pt	tiada penerbit
t.t	tiada tahun
t.tp	tiada tempat

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Al-Qur'an Al-Karim adalah mukjizat Nabi Muhammad S.A.W yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T sebagai bukti dan tanda kewujudanNya. Terdapat sebanyak 1300 ayat Al-Qur'an Al-Karim yang menceritakan tentang kejadian makhluk. Jumlah ini hampir kepada 1/5 isi ayat Al-Qur'an Al-Karim¹. Ia menunjukkan bahawa pentingnya ayat-ayat ini dalam membina keimanan dan keyakinan kepada Allah S.W.T.

Antara ayat kejadian yang dicatatkan oleh Al-Qur'an Al-Karim ialah ayat yang berkaitan dengan perihalan tumbuh-tumbuhan. Allah S.W.T merekodkan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan berulang-ulang kali dalam Al-Qur'an Al-Karim. Tumbuh-tumbuhan yang diciptakan merupakan antara makhluk Allah S.W.T yang sentiasa bertasbih dan memuji kebesaranNya². Keadaan ini ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam firman Allah S.W.T beberapa ayat yang terkandung dalam Al-Qur'an Al-Karim, antaranya firman Allah S.W.T dalam surah al-Isrā' ayat ke-44:

﴿تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَعْقَهُونَ
تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا﴾

Maksudnya: “Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun”. (17:6)

¹ Terdapat pelbagai pandangan sarjana Islam berkaitan dengan statistik kandungan Al-Qur'an Al-Karim. Antara pandangan yang terkenal ialah pandangan dari Abū Bakar Aḥmad bin Ḥussīn bin Mihrān. Menurut beliau jumlah keseluruhan huruf dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah 323015 huruf, jumlah keseluruhan perkataan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah 77439 perkataan, jumlah keseluruhan ayat dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam kalangan Mazhab al-Kufīy ialah 6232 ayat, jumlah keseluruhan surah dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah 114 Surah dan jumlah juzuk dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah 30 juzuk. Lihat *al-Burhān fī 'Ulūm Al-Qur'an* oleh al-Zarkasyī (2006:175), *Funūn al-'Afnān fī 'Uyyūn 'Ulūm Al-Qur'ān* oleh al-Jawzīy (1987:1:245).

² Kajian yang dilakukan oleh Profesor Muḥammad Rātīb al-Nābulsiy dari Fakulti Sains Pertanian Universiti Damascuss Syiria (Kesan Al-Qur'an dalam Pembentukan Sifat Tumbuh-Tumbuhan) membuktikan bahawa tumbuh-tumbuhan juga mendengar, merasa dan dipengaruhi oleh persekitaran dalam proses tumbesaran. Eksperimen dijalankan kepada tiga benih pokok dari jenis yang sama. Setiap benih pokok akan disirami dan dibajai dengan cara yang sama selama enam bulan. Dalam aktiviti membaja dan menyiram anak pokok tersebut, ia dilakukan dengan tiga cara. Pokok pertama dibaja dan disiram sambil dibacakan ayat-ayat suci Al-Qur'an Al-Karim. Pokok kedua pula dibaja dan disiram sambil mengungkapkan kata-kata kesat dan cacian. Manakala pokok ketiga dibaja dan disiram tanpa mengeluarkan sebarang perkataan. Dapatan kajian selepas enam bulan menunjukkan pokok yang dibajai dan disirami air sambil dibacakan ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim tumbuh dengan cepat dan subur. Pokok kedua yang dikeluarkan kata-kata kesat serta cacian terbantut tumbesaranNya. Manakala pokok ketiga yang tidak diungkapkan sebarang perkataan, membesar dalam keadaan normal. Lihat *Mawsū'at al-Ijāz al-'Ilmī fī Al-Qur'ān wa Al-Sunnat Ayāt Allah fī al-Insān* oleh Rātīb al-Nābulsiy (2010:23).

Terdapat pelbagai bentuk perkataan yang berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah pokok, buah-buahan, nama tumbuh-tumbuhan, kebun dan ladang pertanian. Allah S.W.T juga mencatatkan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan secara ghaib dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti tumbuh-tumbuhan yang berada dalam syurga dan tumbuh-tumbuhan yang berada dalam neraka. Kekekapan dan kepelbagaian penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim telah mendorong penulis untuk melakukan kajian secara terperinci dan menyeluruh terhadap penggunaan nama tumbuh-tumbuhan ini. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut bahasa.

Terdapat juga kepelbagaian konteks penggunaan penterjemahan yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut leksikografi Arab. Contohnya seperti yang terdapat dalam tiga ayat berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ayat pertama firman Allah S.W.T dalam surah Fāṭir ayat ke-13:

﴿يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلًّا يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ﴾

Maksudnya: “Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti) dan Dia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu daripada keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu, bagi-Nya lah kuasa pemerintahan; sedang mereka yang kamu sembah (yang lain dari Allah) tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji benih”. (35:13)

Perkataan القِطْمِيرُ hanya digunakan sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim yang membawa maksud selaput biji benih. Walaupun begitu, terdapat konteks lain dalam penggunaan perkataan القِطْمِيرُ ini apabila perkataan ini digunakan bagi merujuk kepada nama anjing yang bersama-sama dengan pemuda beriman dalam kisah *Aṣḥāb al-Kahf* (Sulaymān al-Maghribīy, 1998:3:157).

Ayat kedua seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisā' ayat 124:

﴿وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَبِيًّا﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun”. (4:124)

Ayat ketiga seperti Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Isrā' ayat ke-71:

﴿يَوْمَ نَدْعُو كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ فَمَنْ أُوِّيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَأُولَٰئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا﴾

Maksudnya: “(Ingatlah) hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imamnya; kemudian sesiapa diberikan kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita) dan mereka tidak dikurangkan (pahala amal-amalannya yang baik) sedikit pun”. (17:71)

Dalam kedua-dua ayat ini, perkataan نَبِيًّا dan فَتِيلًا diterjemahkan secara umum dengan maksud sedikit dalam bahasa Melayu. Maksud yang lebih tepat untuk perkataan نَبِيًّا ialah tunas benih yang baru bercambah seperti bentuk titik. Manakala perkataan فَتِيلًا pula bermaksud tunas yang sudah bercambah dan berbentuk anak pokok. Walaupun kedua-dua perkataan ini digunakan sebagai perumpamaan untuk menunjukkan maksud sedikit, tetapi terdapat perbezaan yang jelas antara keduanya³.

Selain itu, nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim juga digunakan dalam bentuk gaya bahasa yang pelbagai seperti contoh dalam gaya bahasa sumpah. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Tīn ayat 1:

﴿وَالزَّيْتُونَ﴾

Maksudnya: “Demi buah tin dan zaitun”. (95:1)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984:30:420), dalam ayat ini Allah S.W.T bersumpah dengan menggunakan buah tin dan zaitun untuk menunjukkan kemuliaan dan kesucian ciptaan Allah S.W.T. Buat tin simbolik kepada buah-buahan yang boleh dimakan terus, manakala buah zaitun pula adalah simbolik kepada buah-buahan yang diproses buahnya untuk menghasilkan minyak. Kedua-dua buah ini merupakan buah yang diberkati

³ Lihat *Lisān ‘Arab* oleh Ibn Manẓūr (1996: 10:178) dan (14: 257), *Maqāyīs al-Lughat* oleh Ibn Fāris (2001: 806,1006), *al-Ṣiḥḥah Tāj al-Lughat wa al-Ṣiḥḥah al-‘Arabiyat* oleh al-Jawhārīy (1990: 612 &1256).

kerana khasiat yang terkandung di dalamnya di samping mudah ditanam. Ayat ini menggunakan gaya bahasa sumpah bagi menunjukkan kejadian dan ciptaan Allah S.W.T. Allah S.W.T mahu manusia sentiasa berfikir tentang kejadianNya.

Istilah yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan ini sekiranya dikaji dan diteliti pasti akan menyerlahkan lagi kehalusan dan keindahan bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyingkap pengertian, hikmah serta mukjizat bahasa di sebalik pemilihan nama tumbuh-tumbuhan tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ia juga bertujuan untuk melihat kekuatan dan keberkesanan penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam pelbagai bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim bagi tujuan untuk menyampaikan mesej kepada manusia. Penulis juga berpeluang untuk berinteraksi dengan pelbagai sumber rujukan utama bahasa Arab, silam mahu pun moden yang didahului oleh Al-Qur'an Al-Karim, hadis Nabi Muhammad S.A.W, himpunan syair-syair dan prosa Arab, himpunan surat-surat lama Arab, himpunan khutbah-khutbah lama dan dari sumber-sumber yang lain.

1.1 Deskripsi tajuk kajian

Tajuk yang dipilih penulis ialah "*Istilah Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Qur'an Al-Karim: Kajian Leksikografi dan Analisis Wacana Bahasa Arab*".

Untuk menjelaskan lagi maksud kajian ini, dihuraikan setiap patah perkataan yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Penulis merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat yang dicetak pada tahun 2005. Berikut ialah huraian deskripsi tajuk kajian:

1. Istilah: *Perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian).*
2. Tumbuh-tumbuhan: *Segala yang hidup dan berbatang (berakar, berdahan, berdaun, dll), pokok: paku pakis mempunyai beberapa sifat yang sama dengan tumbuh-tumbuhan berbunga.*
3. Al-Qur'an Al-Karim: *Kitab suci agama Islam*
4. Kajian: *Kegiatan (usaha, proses) mengkaji. Kajian tentang sesuatu isu (institusi, org dsb) berdasarkan data, maklumat dsb terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.*
5. Leksikografi: *Kajian tentang makna dan penggunaan perkataan.*

6. Analisis: *Penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci atau mendalam.*

7. Wacana: *Keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan. Perbincangan atau pertukaran idea secara lisan. Kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan (seperti pidato, khutbah) atau tulisan (seperti surat, artikel, novel, cerpen)*

8. Bahasa Arab: *Bahasa yang dituturkan oleh bangsa yang berasal dari semenanjung besar barat daya Asia. Bahasa yang dituturkan oleh bangsa ini adalah bahasa Al-Qur'an.*

Berdasarkan deskripsi tajuk di atas, kajian ini membincangkan aspek-aspek berikut:

perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan), أَنْبَتَ (tumbuhkan)

1. Istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang merangkumi perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأَسْمُ (kata nama), perkataan أَنْبَتَ (tumbuhkan) dalam bentuk الْفِعْلُ (kata kerja), perkataan الشَّجَرُ (pokok) dan semua jenis nama tumbuh-tumbuhan seperti pokok kayu, rumput, kacang dan sayur-sayuran.

2. Tumbuh-tumbuhan yang dibincangkan adalah hanya berkisarkan kepada tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim sahaja.

3. Fokus utama perbincangan tertumpu kepada bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab. Bidang leksikografi adalah berkaitan dengan bidang pengkamusan Arab yang membincangkan tentang maksud sesuatu perkataan dengan merujuk kepada kamus-kamus istilah bahasa Arab. Perbincangan dalam bidang analisis wacana pula merujuk kepada perbincangan berkaitan dengan teks Al-Quran Al-Karim dalam menghuraikan maksud istilah tumbuh-tumbuhan dan juga bentuk gaya bahasa yang digunakan. Fokusnya perbincangan adalah dalam bidang analisis wacana teks balaghah Arab sahaja yang hanya melibatkan gaya bahasa *al-Insyā'iy*⁴ dalam bahasa Arab.

⁴ Gaya bahasa *al-Insyā'iy* ialah ungkapan yang tidak boleh dianggap benar atau bohong. Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:48).

1.2 Hipotesis kajian

Beberapa hipotesis menjadi latar belakang dan garis panduan dalam menyiapkan kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Hipotesis pertama ialah sub-topik penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bagi pembaca muslim, hipotesis penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim pastinya tertumpu kepada bidang sains pertanian khususnya untuk penutur kedua bahasa Arab. Kajian secara khusus berkaitan dengan penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam bidang bahasa dapat meluaskan lagi konsep kefahaman penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan ini.

Hipotesis kedua pula adalah berkaitan dengan maklumat sedia ada pada penulis tentang gambaran dan maksud sebenar nama tumbuh-tumbuhan bersamaan dengan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana Al-Qur'an Al-Karim adalah sumber rujukan utama dalam bidang bahasa Arab termasuklah dalam bidang leksikografi. Sekiranya terdapat pelbagai maksud terhadap nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, maka penulis akan mencari maksud yang paling tepat atau hampir dengan apa yang digambarkan dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan merujuk kepada sumber-sumber yang lain seperti hadith Nabi S.A.W, philologi Arab dan sains pertanian.

1.3 Faktor pemilihan tajuk

Setelah membuat pembacaan secara meluas di beberapa buah perpustakaan tempatan dan sumber dari sesawang internet, penulis telah membuat keputusan untuk memilih dan mengkaji tajuk ini. Terdapat beberapa faktor yang mendorong penulis untuk mengkaji tajuk ini secara terperinci, antara faktor tersebut ialah:

1. Faktor mengembangkan ilmu: Kajian ini diharapkan dapat memperbanyakkan lagi jumlah bilangan dan koleksi kajian yang sedia ada berkenaan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Walaupun kajian berkenaan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim pernah dilakukan, tetapi kebanyakan kajian tersebut hanya memberi fokus kepada bidang sains pertanian dan perubatan. Manakala kajian tempatan yang melibatkan bidang bahasa berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim adalah terlalu terhad bilangannya serta tidak mencukupi untuk dijadikan rujukan yang lengkap.

Antara kelainan dalam kajian ini ialah, penulis membincangkan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut leksikografi dan analisis wacana Arab. Penulis juga menggabungkan kajian ini dengan disiplin ilmu yang lain seperti bidang tafsir, hadis dan akidah.

2. Faktor pendedahan: Tujuan kajian ini adalah untuk mendedahkan bahawa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim mengandungi seni, keunikan dan pelbagai keistimewaan dari aspek bahasa. Keindahan gambaran tumbuh-tumbuhan ini dipersembahkan oleh Allah S.W.T dalam gaya bahasa yang pelbagai dalam Al-Qur'an Al-Karim. Tumbuh-tumbuhan yang dipilih dan digunakan dalam Al-Qur'an Al-Karim merupakan satu mukjizat dan rahsia Ilahi. Tumbuh-tumbuhan ini adalah berbeza dan mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding dengan tumbuh-tumbuhan lain yang tidak terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim.

3. Faktor minat dan keinginan: Kajian ini dilakukan adalah atas dorongan serta keinginan penulis untuk mengetahui kepelbagaian variasi istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam menyampaikan mesej kepada manusia. Kajian dari sudut sains pertanian terhadap tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim amat giat dilakukan yang bertujuan untuk menyingkap rahsia dan manfaatnya kepada manusia. Oleh itu, kajian terhadap ketinggian dan kehalusan bahasa Al-Qur'an Al-Karim yang menggunakan unsur tumbuh-tumbuhan juga perlu giat dilakukan. Ia bertujuan untuk memberi manfaat kepada manusia dalam meyakini bahawa Al-Qur'an Al-Karim itu adalah wahyu Allah S.W.T dan bukannya pertuturan manusia biasa.

Penulis percaya, kajian ini tidak akan ada noktahnya sehingga ke akhir zaman memandangkan mukjizat yang dimiliki oleh Al-Qur'an Al-Karim. Pelbagai hasil penemuan yang baru dan menakjubkan diperolehi melalui kajian yang dilakukan sejak dari mula Al-Qur'an Al-Karim diturunkan sehinggalah hari kiamat. Oleh itu, kajian seumpama ini perlu dipergiat dan diperbanyakkan lagi.

1.4 Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam aspek-aspek berikut:

1. Membuka ruang kepada pembaca untuk berfikir tentang kewujudan Allah S.W.T melalui ayat-ayat berkaitan dengan kejadian alam dan seluruh isi di dalamnya. Seterusnya menambahkan keimanan kepada Allah S.W.T di samping dapat membuktikan kehebatan Allah S.W.T sebagai Pencipta yang bersifat mutlak.
2. Membuktikan bahawa Al-Qur'an Al-Karim adalah wahyu dari Allah S.W.T dan bukannya ciptaan Nabi Muhammad S.A.W. Bahasa yang digunakan dalam Al-Qur'an Al-Karim merupakan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an Al-Karim adalah wahyu Allah S.W.T. Setiap perkataan yang digunakan dalam Al-Qur'an Al-Karim mempunyai fungsi dan rahsianya yang tersendiri serta memberi manfaat kepada manusia. Ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim tidak sekadar mengajar manusia cara untuk beribadat kepada Allah S.W.T, tetapi pada waktu yang sama ia memberi manfaat dalam kehidupan seharian manusia.
3. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari aspek bahasa yang merangkumi bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab. Terdapat beberapa kajian tempatan yang pernah dilakukan berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Tetapi fokus perbincangan yang dilakukan hanya berkisarkan kepada bidang sains pertanian dan perubatan tanpa memberi penekanan terhadap bidang bahasa.
4. Melihat penggunaan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa yang pelbagai dalam Al-Qur'an Al-Karim. Jenis-jenis gaya bahasa ini ialah gaya bahasa bidalan (*al-Mathal/المثال*), gaya bahasa *التشبيه* (*al-Tasybih*), gaya bahasa *الاستيفهام* (pertanyaan) dan gaya bahasa *القسم* (sumpah).
5. Membuat analisis penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan perkataan-perkataan lain dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan nama tumbuh-tumbuhan ini tidak hanya tertumpu dalam konteks hubungan sesama manusia sahaja, tetapi ia meliputi bidang yang lebih luas seperti hubungan dengan binatang, alam sekitar, dosa dan pahala, syurga dan neraka dan sebagainya.

6. Sumbangan terhadap kajian ilmu-ilmu bahasa Arab yang melibatkan Al-Qur'an Al-Karim. Bahasa Arab berkait rapat dengan Al-Qur'an Al-Karim. Kajian penyelidikan ini sebagai salah satu pelengkap yang membuktikan sesungguhnya skop perbincangan Al-Qur'an Al-Karim adalah meluas dan pelbagai. Buktinya dalam Al-Qur'an Al-Karim, tumbuh-tumbuhan tidak sekadar berperanan memberi manfaat kepada manusia dan alam sekitar sahaja, tetapi dari sudut yang lain, ia juga berperanan dalam keindahan dan kehalusan bahasa Arab.

7. Menarik minat pembaca untuk mengetahui secara lebih dekat konteks penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, dengan harapan untuk meningkatkan minat terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan semua penduduk Malaysia tanpa mengira perbezaan agama dan kaum.

1.5 Penyataan masalah

Ayat Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada disiplin ilmu yang pelbagai. Antara ayat yang banyak dicatat dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah ayat yang berkaitan dengan kewujudan Allah S.W.T dan kejadian alam semesta. Dalam ayat ini, hampir 20% adalah ayat yang berkaitan dengan alam tumbuh-tumbuhan yang dipaparkan dalam bentuk gaya bahasa yang pelbagai.

Penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang banyak dicatat dalam Al-Qur'an Al-Karim telah mencetuskan idea kepada penulis untuk mengkaji tajuk ini. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepelbagaian penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat ini juga digunakan dalam pelbagai bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim bagi menyampaikan mesej kepada manusia.

Kepelbagaian variasi perkataan yang terdapat di dalam Al-Qur'an Al-Karim memerlukan kepada penjelasan yang terperinci khususnya kepada penutur kedua bahasa ini. Terdapat beberapa perkataan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang diterjemahkan kepada pelbagai maksud yang berbeza. Antara perkataan tersebut ialah perkataan yang berkaitan dengan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Situasi ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor perkembangan agama Islam dan bahasa Arab ke seluruh pelusuk dunia. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi satu

penjelasan yang tepat atau hampir terhadap perihalan kepelbagaian maksud terjemahan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Dalam kajian ini, penulis berusaha untuk mengenal pasti bentuk penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim serta jumlah kekerapan penggunaan tersebut. Perbincangan dalam bidang leksikografi Arab pula bertujuan untuk mengenal pasti apakah maksud sebenar nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim?

Manakala perbincangan dalam bidang analisis wacana, fokus perbincangan adalah dalam bidang balaghah Arab. Perbincangan dalam bidang ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimanakah penggunaan gaya bahasa yang melibatkan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim serta bidang topik perbincangan yang terlibat? Selain itu, kajian ini juga turut membincangkan manfaat tumbuh-tumbuhan tersebut kepada manusia, binatang dan alam sekitar.

1.6 Objektif kajian

Kajian yang melibatkan bidang leksikografi dan analisis wacana dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim adalah amat terhad bilangannya. Penulis berhasrat untuk mendalami dan menambahkan lagi koleksi pengetahuan yang berkaitan dengan bidang leksikografi dan analisis wacana Arab yang melibatkan penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Semoga kajian ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui pasti bentuk penggunaan dan maksud perkataan النَّبَات (tumbuh-tumbuhan), أَنْبَتَ (tumbuhkan) dan pokok (الشَّجَرُ) dalam Al-Qur'an Al-Karim serta jumlah kekerapannya.
2. Mengetahui pasti nama tumbuh-tumbuhan yang digunakan secara khusus dalam Al-Qur'an Al-Karim dan jumlah kekerapannya.
3. Mengetahui pasti dan menganalisis maksud sebenar dan maksud lain nama tumbuh-tumbuhan yang digunakan secara khusus dalam Al-Qur'an Al-Karim, skop perbincangan serta jumlah kekerapannya.

4. Merumuskan penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim.

1.7 Persoalan kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan, diharapkan kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah bentuk penggunaan dan maksud sebenar perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan), أَنْبَتَ (tumbuhkan) dan الشَّجَرُ (pokok) dalam Al-Qur'an Al-Karim dan berapakah jumlah kekerapan penggunaannya?
2. Apakah nama tumbuh-tumbuhan yang digunakan secara khusus dalam ayat Al-Qur'an Al-Karim dan berapakah jumlah kekerapan penggunaannya?
3. Apakah maksud sebenarnya dan maksud lain nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dan apakah kegunaannya?
4. Bagaimanakah penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang melibatkan gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim?
5. Apakah rumusan penggunaan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim?

1.8 Batasan kajian

Fokus kajian ini adalah dalam bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab. Korpus yang digunakan pula terdiri daripada perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan), perkataan أَنْبَتَ (tumbuhkan) dan pokok (الشَّجَرُ) dalam Al-Qur'an Al-Karim. Korpus juga kajian juga melibatkan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang terdiri daripada pokok kayu, sayur-sayuran, rumput dan kacang. Perbincangan dalam kajian ini tidak membincangkan bahagian-bahagian yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan seperti daun, pucuk, bunga dan buah. Walau pun begitu, untuk tujuan melengkapkan data, kajian ini akan membincangkan tiga jenis buah-buahan yang terdapat dalam Al-

Qur'an Al-Karim iaitu buah pisang, tin dan zaitun yang dibincangkan dalam bab empat dan bab lima dalam kajian ini.

Kajian ini juga tidak terhad kepada surah-surah tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim, sebaliknya ia merupakan kajian keseluruhan ayat yang terkandung dalam Al-Qur'an Al-Karim. Faktor yang menyebabkan kajian ini dilakukan terhadap keseluruhan ayat Al-Qur'an Al-Karim adalah kerana nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim tidak terhad kepada surah-surah tertentu sahaja, tetapi sebaliknya nama tumbuh-tumbuhan ini terdapat pada gabungan pelbagai surah dalam Al-Qur'an Al-Karim. Oleh itu, adalah menjadi keperluan kepada penulis untuk mengeluarkan keseluruhan nama tumbuh-tumbuhan ini dan seterusnya menganalisis setiap nama tumbuh-tumbuhan tersebut bagi memperolehi dapatan kajian yang diperlukan.

Gaya bahasa yang dibincangkan dalam kajian ini hanya tertumpu kepada gaya bahasa *al-Insyā'iy* sahaja. Gaya bahasa *al-Insyā'iy* tersebut ialah gaya bahasa bidalan (*al-Mathal/المَثَل*), gaya bahasa *al-Tasybih* (*التَّشْبِيه*), gaya bahasa *al-istifham* (الِاسْتِفْهَامُ) (pertanyaan) dan gaya bahasa *al-Qasam* (السَّوْمُ) (sumpah).

1.9 Bidang kajian

Fokus kajian adalah kepada bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab. Korpus kajian yang terdiri daripada nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim akan dianalisis secara analitis bagi melihat hubungannya dalam bidang bahasa. Bidang perbincangan dalam kajian ini seperti berikut:

1. Leksikografi Arab: Fokus utama kajian ini adalah dalam bidang leksikografi Arab. Ini adalah kerana, setiap korpus kajian yang akan dianalisis akan dirujuk kepada kamus Arab lama dan moden untuk mendapatkan maksud sebenar perkataan tersebut. Kepentingan bidang leksikografi dalam kajian ini bertujuan untuk memberi kefahaman makna yang tepat dan konteks penggunaan yang betul terhadap setiap nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

2. Analisis wacana

Perbincangan dalam bidang analisis wacana pula bertujuan untuk mengenal pasti bentuk penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan

perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur ‘an Al-Karim digunakan secara umum dalam bentuk kata kerja dan kata nama. Analisis korpus kajian juga membincangkan makna perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam Al-Qur’an Al-Karim, sama ada makna tersebut merujuk kepada makna sebenar tumbuh-tumbuhan atau pun merujuk kepada maksud lain seperti makna metafora dan simile.

Metafora merupakan satu bentuk perbandingan, yang membandingkan dua perkara tetapi tanpa menggunakan perkataan seperti *bagai, bak, macam, umpama, dan seperti*. Jika simile mengatakan A seperti B, metafora pula mengatakan A ialah B. Ia juga menyatakan perbandingan itu secara literal dan secara implisit (Mohammad Yazid bin Abdul Hamid, 2010:23). *Tasybīh al-Mu’akkad al-Mufaṣṣal* adalah sebahagian daripada gaya bahasa metafora dalam bahasa Melayu


Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara gaya bahasa *al-Tasybīh* dengan gaya bahasa simile dan gaya bahasa metafora dalam bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, semua gaya bahasa *al-Tasybīh* adalah gaya bahasa simile dan gaya bahasa metafora, tetapi tidak semua gaya bahasa simile dan metafora itu adalah gaya bahasa *al-Tasybīh*. Oleh itu, istilah gaya bahasa *al-Tasybīh* ini dikekalkan penggunaannya dalam bahasa Melayu agar konteks kefahaman berkaitan dengan gaya bahasa ini dapat difahami dengan lebih tepat khususnya kepada penutur kedua bahasa Arab.

3. Balaghah: Kajian ini turut melibatkan perbincangan dalam bidang ilmu balaghah yang melihat kepada keindahan dan kehalusan gaya bahasa Al-Qur’an Al-Karim. Contoh perbincangan bidang balaghah ialah perbincangan berkaitan dengan peranan tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa التَّوْرِيَّةُ (*al-Tawriyyat*) dalam Al-Qur’an Al-Karim.

4. Tafsir: Tafsir juga merupakan perkara penting yang perlu dilibatkan dalam kajian ini. Setiap analisis yang dilakukan akan merujuk kepada tafsiran ayat-ayat tersebut. Tafsir menjelaskan tentang makna kosa kata dalam susunan ayat. Dalam erti kata lain, tafsir menjelaskan sesuatu yang diinginkan oleh lafaz. Tanpa ketinggian pemahaman berfikir dan daya analisis yang tinggi, ia tidak akan menghasilkan tafsiran yang tepat.

1.10 Metodologi penyelidikan

Menurut Kerlinger (1973) dan Syed Arabi Idid (1992), metode yang sesuai digunakan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan ialah metode analisis wacana (*discourse analysis*). Kajian yang berkaitan dengan bahasa dan linguistik merupakan antara cabang disiplin ilmu dalam bidang sains sosial. Oleh itu, dalam proses menyiapkan kajian ini, metode utama yang digunakan oleh penulis ialah metode analisis wacana. Setiap data akan dianalisis bagi tujuan perolehan maklumat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Untuk menyiapkan kajian ini, gerak kerja yang digunakan melibatkan tiga peringkat utama. Peringkat-peringkat tersebut ialah peringkat penentuan subjek, peringkat pengumpulan data dan peringkat analisis data.




Rajah 1.1: Proses gerak kerja kajian

1. Peringkat penentuan subjek kajian

Langkah pertama yang dilakukan oleh penulis dalam kajian ini ialah menentukan tajuk atau subjek kajian, bidang kajian dan batasan kajian. Tajuk atau subjek kajian yang dipilih oleh penulis ialah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penentuan kepada sesuatu subjek atau tajuk dalam kajian merupakan elemen asas yang sangat penting. Ia bertujuan untuk menghasilkan satu kajian yang terperinci di samping mempunyai garis panduan yang jelas. Selain itu, penentuan kepada subjek atau tajuk sesuatu kajian juga dapat mengelakkan daripada perbincangan kepada fakta-fakta yang tidak penting yang boleh menjejaskan mutu kajian tersebut. Bidang kajian pula adalah bidang leksikografi dan analisis wacana Arab. Manakala batasan kajian pula adalah kajian terhadap tumbuh-tumbuhan yang hanya terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Terdapat tiga jenis korpus yang digunakan dalam kajian ini. Korpus-korpus tersebut ialah perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan), perkataan الشَّجَرُ (pokok) dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada dua bentuk iaitu perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الاسم (kata nama) berasal dari perkataan نَبَتٌ dan perkataan أَنْبَتَ (tumbuhkan) dalam bentuk الفعل (kata kerja) berasal dari perkataan نَبَتَ.

Nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim pula ialah pokok kayu, rumput, kacang dan sayur-sayuran. Kajian ini juga tidak melibatkan perbincangan kepada bahagian-bahagian yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan seperti daun, pucuk, bunga dan buah. Penulis mengeluarkan semua perkataan yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Korpus kajian disusun berdasarkan kepada susunan alifba'iy.



Rajah 1.2: Peringkat penentuan subjek kajian

2. Peringkat pengumpulan data

Peringkat pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan dua metode yang sering kali digunakan dalam kajian sains sosial seperti bidang bahasa. Metode-metode tersebut ialah metode historis dan metode dokumentari.

i. Metode Historis: Metode ini merujuk kepada satu proses yang bertujuan untuk memastikan adanya pendapat yang tepat berkaitan dengan sesuatu keadaan dan fenomena dalam kajian ini. Metode ini digunakan untuk memperolehi dan meneliti data-data sejarah yang berkaitan dengan kajian ini. Data-data sejarah yang diperolehi dalam kajian ini adalah bersumberkan kajian lampau terhadap subjek kajian seperti buku-buku lama dan artikel ilmiah. Dalam metode historis ini, penulis dapat mengenali ramai tokoh besar berkaitan dengan bidang kajian di samping dapat berinteraksi dengan sumber ilmu yang pelbagai silam mahu pun moden.

Contoh penggunaan metode historis dalam kajian ini ialah perbincangan dalam permasalahan untuk menentukan maksud perkataan الطَّلْح dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana terdapat dwi-terjemahan perkataan الطَّلْح yang merujuk kepada maksud pokok

pisang *المؤز* dan pokok *أُمُّ غَيْلَانَ* (*umm ghailan*). Untuk mendapat maksud yang tepat seperti yang digambarkan Al-Qur'an Al-Karim, penulis telah mengumpulkan pendapat para sarjana Arab silam dalam menghuraikan maksud perkataan *الطَّلْحُ* ini. Antara pendapat yang merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok *umm ghailan* ialah al-Zabidīy (1965:6:579), al-Farrā' (1955:3:124), Ibn Sīdah (2003:3:241), 'Abd al-Qādir al-Rāzīy (1986:166) dan al-Faiyūmīy (1977:2:275).

Manakala antara pendapat yang merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok pisang ialah al-Marāghīy (1946:27:138), al-Qāsimīy (1957:16:5651), al-Nasfīy (t.t:4:169) dan Ibn 'Āsyūr (t.t:27:299). Berdasarkan kepada kedua-dua pendapat ini, jelas menunjukkan bahawa kebanyakan ahli leksikon Arab merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok *umm ghailan*, manakala ahli tafsir pula merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok pisang.

Untuk menentukan pendapat yang lebih tepat seperti yang telah digambarkan dalam Al-Qur'an Al-Karim, penulis merujuk kepada bidang philologi Arab. Dari sudut philologi Arab, data menunjukkan bahawa penduduk Yaman menggunakan perkataan *الطَّلْحُ* yang merujuk kepada maksud pokok pisang manakala penduduk Sfax Tunisia pula merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok *umm ghailan*.

Dari sudut sejarah bangsa dan bahasa Arab, bahasa Arab Yaman adalah lebih tua berbanding bahasa Arab Tunisia, oleh itu bahasa yang digunakan oleh penduduk Arab Yaman diterima pakai sebagai rujukan dalam permasalahan yang timbul dalam bahasa Arab. Oleh itu, pendapat yang merujuk perkataan *الطَّلْحُ* dalam Al-Qur'an Al-Karim sebagai pokok pisang adalah pendapat yang lebih tepat berbanding pendapat yang merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok *umm ghailan*.

ii. Metodologi dokumentari: Metode ini merujuk kepada teknik pengumpulan data yang berkaitan dengan subjek kajian dan masalah-masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan kajian ini. Pengumpulan data-data kajian ini merangkumi aspek penelitian terhadap dokumen-dokumen asas yang berkaitan dalam kajian contohnya data-data dari

buku-buku Arab silam, prosa-prosa syair dan himpunan surat-surat lama. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan adalah secara kualitatif.

Dalam metodologi ini melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama ialah menentukan data yang akan dikumpul yang merangkumi bentuk dokumen dan sumber dokumen tersebut diperolehi. Dokumen-dokumen yang telah dikumpul terdiri daripada buku-buku lama, buku-buku moden, kajian peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah, himpunan artikel dalam buku dan artikel pendek terbitan majalah dan surat khabar. Terdapat juga naskhah manuskrip yang ditulis dengan edisi tulisan tangan yang dirujuk oleh penulis seperti *كِتَابُ الْفَلَاحَةِ الْبَيْطِيَّةِ* (*Kitāb al-Falāhat al-Nibṭiyyat*) oleh Abū Bakar Ibn Wahsiyyat. Semua dokumen ini diperolehi daripada pelbagai sumber rujukan seperti perpustakaan, kedai buku dan edisi internet.

Peringkat kedua pula ialah peringkat analisis data. Semua data yang telah dikumpul dari pelbagai sumber dokumen ini akan dianalisis satu persatu bagi menghuraikan setiap permasalahan yang timbul di samping untuk menghasilkan kajian yang bermutu. Data-data yang dikumpul ini terdiri daripada pelbagai bidang disiplin ilmu dengan memberi keutamaan dalam bidang leksikografi dan analisis wacana balaghah Arab.

Contoh proses pada peringkat ini ialah dalam membincangkan tajuk perkataan *الطَّلْحُ* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Proses pertama yang dilakukan ialah dengan merujuk perkataan *الطَّلْحُ* dalam pelbagai edisi kamus serta huraiannya seperti kamus klasik Arab contohnya *Lisan al-'Arab* dan kamus moden Arab seperti *al-Mu'jam al-'Arabīy al-'Asāsīy*. Seterusnya penulis merujuk perkataan *الطَّلْحُ* dalam buku-buku dalam bidang sains pertanian Arab klasik seperti *Kitāb al-Nabāt* oleh Abū Hanīfa al-Daynūrīy untuk memastikan ketepatan dan hubungannya seperti yang dihuraikan dalam kamus.

Penulis juga merujuk tafsiran perkataan *الطَّلْحُ* dalam pelbagai kitab tafsir seperti *al-Jāmi' li Ahkām Al-Qur'ān* oleh al-Qurṭubīy. Analisis dokumen juga melibatkan rujukan dokumen dalam bidang sains perubatan bagi menghuraikan kegunaan tumbuh-tumbuhan ini dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pelbagai buku rujukan dalam bidang sains perubatan telah digunakan pada peringkat ini. Kebanyakan buku perubatan ini adalah

buku perubatan lama seperti buku *al-Qānūn fī al-Ṭibb* karangan Ibn Sinā. Manakala dalam bidang analisis wacana balaghah Arab pula, penulis merujuk kepada buku-buku dan naskah disertasi peringkat sarjana serta doktor falsafah dalam bidang balaghah Arab yang membincangkan tajuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Selain itu, kedua-dua metode ini juga turut menggunakan teknik metode kajian perpustakaan dan metode tinjauan luar.


i. Kajian perpustakaan: Kajian perpustakaan bermaksud pengkaji akan membuat bacaan terhadap bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk di perpustakaan. Bahan-bahan terdiri daripada buku-buku lama dan baru, artikel-artikel berkaitan, jurnal terbitan, tesis dan disertasi, majalah-majalah dan semua bahan bercetak mautud atau maya. Perpustakaan pula melibatkan perpustakaan peribadi dan juga perpustakaan awam di universiti-universiti tempatan dan bahan-bahan yang berkaitan dari perpustakaan dari luar negara seperti negara Mesir, Arab Saudi, Jordan, United Kingdom dan Australia.

Melalui kajian perpustakaan yang dijalankan, penulis berjaya mengumpul kajian-kajian silam dan moden berkaitan dengan tajuk kajian ini. Penulis juga telah melakukan proses pengumpulan data di beberapa perpustakaan tempatan seperti Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa kajian silam berkaitan dengan tesis ini tetapi tidak berjaya diperolehi di perpustakaan dalam negara.

Untuk itu, penulis telah mengambil langkah inisiatif dengan mengunjungi beberapa perpustakaan dan kedai buku di luar negara bagi tujuan perolehan dan pengumpulan data. Negara-negara yang telah dikunjungi oleh penulis dalam proses melengkapkan data yang sedia ada ialah Perpustakaan Raja 'Abd Aziz di Madinah, Perpustakaan Ubaykan di Makkah, Perpustakaan University al-Fayyoun Mesir, Perpustakaan University of Jordan, Perpustakaan Pilkington Loughborough University dan Perpustakaan Philips Island Australia. Melalui kajian keperpustakaan yang melibatkan pelbagai sumber dari pelbagai universiti, data-data yang berkaitan dengan kajian ini telah dapat dilengkapkan. Walaupun begitu, sepanjang kajian perpustakaan ini dilakukan, penulis mendapati tiada jurnal-jurnal akademik tempatan dan antarabangsa berkaitan dengan perbincangan istilah tumbuh-tumbuhan dalam bidang bahasa. Jurnal-

jurnal yang pernah diterbitkan berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan adalah dalam bidang sains pertanian, sains perubatan dan geografi.

ii. Tinjauan luar: Untuk memberi kefahaman yang lebih jelas terhadap nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, penulis berusaha untuk melampirkan setiap nama tumbuh-tumbuhan ini dengan gambar yang sesuai. Oleh itu, kaedah tinjauan luar perlu dilakukan. Hal ini kerana, tidak semua gambar tumbuh-tumbuhan tersebut dapat diperoleh melalui kajian perpustakaan sahaja, sebaliknya memerlukan penulis untuk berinteraksi dengan kaedah tinjauan luar.



Rajah 1.3: Peringkat pengumpulan data

3. Peringkat analisis data

Data-data yang diperolehi akan dianalisis. Proses ini merupakan peringkat yang terpenting kerana kajian analisis terhadap data-data yang telah dikumpul akan bermula pada peringkat ini. Pada peringkat ini juga, analisis memerlukan daya penaaakulan dan pemikiran yang tajam, kritis dan kreatif untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penganalisis data ini akan melibatkan interaksi dengan buku-buku yang pelbagai dari pelbagai disiplin ilmu.

Proses analisis data dalam kajian ini, melibatkan tiga bidang disiplin ilmu yang utama. Bidang pertama ialah bidang leksikografi Arab seperti yang dibincangkan dalam bab tiga dan bab empat. Bidang kedua ialah bidang analisis wacana yang berkaitan dengan bidang bahasa seperti yang terdapat dalam lima. Bidang ketiga pula ialah bidang analisis wacana berkaitan dengan bidang tafsir seperti yang terdapat dalam keseluruhan bab dalam kajian ini. Metode analisis data yang digunakan ialah:

i. Leksikografi Arab

Korpus kajian yang terdapat dalam kajian ini merupakan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Peringkat analisis data untuk bidang leksikografi melibatkan empat peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

Peringkat pertama: Mengenal pasti keseluruhan perkataan dan nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pada peringkat ini, penulis menggunakan kaedah bacaan secara manual. Manakala untuk tujuan pengesahan, penulis merujuk kepada *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* karangan Muḥammad Fū'ad 'Abd al-Bāqīy (1994) dan menggunakan perisian komputer *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* dari laman web <http://www.qurancomplex.org>.


Melalui cara ini, penulis dapat mengetahui perkataan dan nama-nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim secara mudah, cepat dan tepat. Cara ini juga sering kali diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik lain khususnya kajian yang berkaitan dengan perkataan-perkataan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Contoh aplikasi penggunaan cara ini ialah seperti pencarian untuk perkataan **الْتَحَلُّ** dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti gambarajah berikut:

م	السورة	رقمها	الآية
1	الأعداء	6	99
2	هـ	20	71

Rajah 1.4: Contoh pencarian *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*

Melalui cara ini, penulis dapat memastikan semua perkataan **الْتَخْلُ** yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dari aspek nama surah, kedudukan ayat dan frekuensi penggunaannya dalam Al-Qur'an Al-Karim. Contohnya, hasil daripada carian perkataan **الْتَخْلُ** melalui perisian ini, data menunjukkan perkataan **الْتَخْلُ** terdapat pada surah yang ke-6 dalam Al-Qur'an Al-Karim iaitu surah al-'An'am ayat 99 dan surah yang ke-20 iaitu surah Taha ayat 71. Data juga menunjukkan frekuensi perkataan **الْتَخْلُ** dalam Al-Qur'an Al-Karim hanya diulang dua kali sahaja.

Peringkat kedua: Setelah kedudukan ayat dan nama surah diperolehi melalui perisian komputer, penulis akan merujuk kepada perisian Al-Qur'an Al-Karim dari sesawang internet <http://www.quranexplorer.com/quran> bagi tujuan perolehan teks Al-Qur'an Al-Karim dan terjemahan dalam bahasa Melayu. Penulis juga akan membuat pengesahan terjemahan teks Al-Qur'an Al-Karim secara manual dengan merujuk kepada Tafsir Bimbingan Ar-Rahman terbitan JAKIM. Contohnya teks dan terjemahan bahasa Melayu perkataan **الْتَخْلُ** yang terdapat pada surah al-'An'am ayat 99 seperti berikut:




Rajah 1.5: Contoh hasil pencarian ayat 99 surah Al-'An'am

Peringkat ketiga: Kata dasar untuk nama tumbuh-tumbuhan yang telah dikeluarkan akan ditentukan dengan cara membezakan antara huruf asal dan huruf imbuhan. Apabila kata dasar ini telah diperolehi, langkah seterusnya ialah merujuk kepada kamus Arab untuk mengenal pasti makna premier perkataan tersebut. Terdapat tiga jenis kamus Arab yang digunakan oleh penulis. Kategori yang pertama adalah kamus klasik contohnya *Lisān al-‘Arab* dan *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughat*. Kategori yang kedua adalah kamus moden contoh *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī* dan kategori yang ketiga ialah perisian internet seperti perisian terjemahan <http://www.baheth.info/index.jsp>.

Selain itu penulis juga merujuk kamus dwi-bahasa seperti Arab-Melayu dan Arab-Indonesia untuk tujuan kesahan makna. Antara contoh kamus dwi-bahasa yang digunakan ialah Kamus Besar Arab-Melayu, Kamus Idris al-Marbawīy dan Kamus al-Munawwir. Tujuan merujuk kepada pelbagai jenis kamus adalah untuk melihat kepelbagaian makna nama tumbuh-tumbuhan. Adakah mempunyai perbezaan makna antara kamus Arab, dan sekiranya berbeza, apakah makna yang tepat mengikut tafsiran ayat Al-Qur’an Al-Karim?

Contohnya aplikasi penggunaan cara ini ialah dalam pencarian maksud perkataan *الْكَنْخُلُ*.


Perisian komputer telah menyenaraikan maksud perkataan *الْكَنْخُلُ* seperti yang terdapat dalam *Lisān al-‘Arab*, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, *Maqāyīs al-Lughat* dan sebagainya. Melalui cara ini, penulis dapat membuat perbandingan makna perkataan *الْكَنْخُلُ* seperti yang terdapat dalam kamus Arab dan menyesuaikannya dengan makna Al-Qur’an Al-Karim.



Rajah 1.6: Contoh hasil pencarian makna perkataan النخل

Penulis juga menggunakan aplikasi internet *Qāmūs al-Ma‘ānīy* bahasa Arab dari sesawang <http://www.almaany.com/home>. Tujuan rujukan terhadap perisian ini adalah untuk mencari makna nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur’an Al-Karim. Contohnya, carian untuk perkataan النخل dengan menggunakan perisian ini, data menunjukkan kata dasar, makna ringkas dan kedudukan perkataan النخل dalam Al-Qur’an Al-Karim.

Penggunaan aplikasi kamus versi internet merupakan satu alternatif yang sesuai digunakan sekarang ini kerana ia dapat membantu penulis daripada membuat bacaan secara manual melalui kaedah klasik. Maklumat yang diperolehi dari aplikasi ini juga adalah bersamaan dengan maklumat yang terdapat dalam medium versi bercetak. Cara ini juga sering kali digunakan oleh para penyelidik lain khususnya kajian berkaitan dengan leksikografi perkataan dalam bahasa Arab. Ia banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini di samping dapat menjimatkan masa dan tenaga.



Rajah 1.7: Contoh hasil pencarian makna perkataan تَحَلَّ

Peringkat keempat: Peringkat seterusnya ialah, penulis akan melihat kata terbitan lain yang terbina dari nama tumbuh-tumbuhan tersebut dan apakah makna sekunder bagi perkataan tersebut. Adakah makna tersebut merujuk kepada makna asal atau sebaliknya?

(ii) Analisis Wacana


Analisis wacana dilakukan dengan mempraktikkan teori kritikan sastera formalis dalam bidang balaghah Arab. Melalui kaedah ini, teori-teori dalam bidang balaghah diguna pakai seperti teori Ibn Jawziyyat untuk melihat kepelbagaian makna yang digambarkan oleh istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, analisis wacana juga bertujuan untuk melihat skop makna yang digunakan oleh Al-Qur'an Al-Karim, adakah makna tersebut bersifat positif atau pun negatif.

Untuk tujuan analisis ini juga, penulis telah menggunakan perisian komputer dari sesawang internet <http://www.hodaalquran.com>. Melalui perisian komputer ini, maklumat ringkas berkaitan dengan nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim mampu diperolehi. Walau pun begitu, penulis masih lagi perlu untuk merujuk kepada kitab-kitab utama bahasa Arab berkaitan dengan perbincangan ayat-ayat tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.




Rajah 1.8 Contoh hasil pencarian istilah tumbuh-tumbuhan dalam perisian *hodaalquran*

Dalam proses analisis wacana ini juga, penulis membuat carian dari internet dengan menggunakan mesin pencarian bahasa Arab dari sesawang internet <http://www.google.ae> dan <http://scholar.google.com>. Melalui carian dari google bahasa Arab ini, data menunjukkan beberapa artikel yang ditulis yang membincangkan tentang istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Walaupun begitu, kebanyakan topik perbincangan artikel ini adalah berkisarkan kepada bidang sains pertanian dan hanya dua artikel sahaja yang membincangkan istilah tumbuh-tumbuhan dari sudut bahasa.



Rajah 1.9: Contoh hasil pencarian istilah tumbuh-tumbuhan dalam pencarian google



Rajah 1.10: Peringkat analisis data

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian akan dipersembahkan di akhir kajian ini. Persembahan ini akan melibatkan data dan statistik yang berkaitan serta turut melibatkan carta pai, gambar dan jadual. Untuk menghasilkan persembahan data yang melibatkan penggunaan carta pai, gambar dan jadual, penulis akan menggunakan perisian komputer Microsoft Excel 2010. Dapatan kajian ini akan dianalisis sekali lagi untuk menentukan kesahan maklumat dan keputusan yang diperolehi. Selain itu, dapatan kajian juga akan menampilkan nisbah ayat tumbuh-tumbuhan berbanding keseluruhan ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ia juga akan mengumpulkan istilah tumbuh-tumbuhan berdasarkan frekuensi penggunaannya dalam Al-Qur'an Al-Karim.

1.11 Rangka kajian

Kajian ini terdiri daripada enam bab. Bab satu merupakan pengenalan kepada tajuk kajian yang merangkumi latar belakang kajian, deskripsi tajuk, hipotesis kajian, faktor pemilihan tajuk, kepentingan kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, bidang kajian, dan metodologi penyelidikan.

Bab dua dalam kajian ini adalah berkisarkan kepada tinjauan kajian berkaitan. Dalam bab ini, penulis membincangkan tentang kajian-kajian ilmiah yang pernah dilakukan berkaitan dengan tajuk ini. Perbincangan dalam bab ini lebih berbentuk historis yang mana ia membincangkan tentang sejarah awal tumbuh-tumbuhan dalam kalangan masyarakat arab dan perkembangannya sehinggalah sekarang ini. Ia merangkumi perbincangan dari aspek topik kajian, metode yang digunakan dan bidang kajian. Dengan mengemukakan hasil karya cendekiawan silam, perbincangan dalam bab ini dapat memberi gambaran jelas tentang tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Arab umumnya dan Al-Qur'an Al-Karim khususnya. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan kajian dalam bidang sains pertanian dan sains perubatan yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Sejarah dan perkembangan kajian tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam.
- ii. Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Bab tiga dalam kajian ini merupakan perbincangan berkaitan dengan perkataan النَّبَاتُ tumbuh-tumbuhan sama ada dalam bentuk الْأَسْمُ (kata nama) atau الْفِعْلُ (kata kerja) dan perkataan الشَّجَرُ (pokok) dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut leksikografi Arab. Terdapat dua bentuk perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama ialah perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأَسْمُ (kata nama) yang berasal dari perkataan نَبَتْ dan bentuk kedua ialah أَنْبَتَ (tumbuhkan) dalam bentuk الْفِعْلُ (kata kerja) yang berasal dari perkataan نَبَتْ. Pokok merupakan sebahagian daripada maksud tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pokok merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang. Manakala tumbuhan yang tidak mempunyai batang dan hidup secara melata dikenali sebagai النَّجْمُ.

Bab empat membincangkan tentang kajian leksikografi terhadap nama tumbuh-tumbuhan yang disebut secara khusus dalam Al-Qur'an Al-Karim. Fokus perbincangan dalam bab ini adalah dalam bidang leksikografi Arab. Selain itu, dalam bab ini juga akan memperincikan setiap jenis nama tumbuh-tumbuhan dari aspek makna, habitat, kegunaan dan gambar ilustrasi yang berkaitan. Terdapat empat jenis nama tumbuh-tumbuhan yang disebut dalam Al-Qur'an Al-Karim. Tumbuh-tumbuhan tersebut ialah pokok kayu, sayur-sayuran, rumput dan kekacang.

Topik ini membincangkan bidang leksikografi nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kajian dilakukan untuk memberikan penjelasan yang sebenarnya tentang nama-nama tumbuh-tumbuhan yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana, terdapat juga perselisihan dalam kalangan cendekiawan silam dalam memberi tafsiran terhadap nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Terdapat beberapa nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang ditafsirkan kepada lebih daripada satu nama tumbuh-tumbuhan. Adalah diharapkan hasil daripada perbincangan dalam bab ini akan dapat memberi kefahaman yang tepat atau yang hampir berkaitan dengan nama tumbuh-tumbuhan dengan apa yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, untuk tujuan menyokong setiap huraian yang dikemukakan, penulis juga melampirkan setiap nama tumbuh-tumbuhan tersebut dengan gambar yang sesuai.

Bab lima pula membincangkan jenis-jenis gaya bahasa yang berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Perbincangan bab ini adalah berkaitan dengan bidang analisis wacana bidang bahasa. Gaya bahasa yang berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada empat jenis gaya bahasa. Gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa gaya bidalan (*al-Mathal/المَثَل*), gaya bahasa *al-Tasybīh*, gaya bahasa pertanyaan dan gaya bahasa sumpah.

Bab enam merupakan bab penutup dan cadangan. Kesimpulan keseluruhan kajian akan dirumuskan dan dipersembahkan di akhir kajian ini. Persembahan ini akan melibatkan data dan statistik yang berkaitan serta turut melibatkan carta pai, gambar, jadual dan sebagainya. Selain itu, dapatan kajian juga akan menampilkan nisbah ayat tumbuh-tumbuhan berbanding keseluruhan ayat yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ia juga akan mengumpulkan istilah tumbuh-tumbuhan berdasarkan frekuensi penggunaannya dalam Al-Qur'an Al-Karim.

1.12 Penutup

Kajian yang dilakukan oleh penulis adalah kesinambungan kepada kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Kelainan dalam kajian ini ialah fokus kajian adalah dalam bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab di samping menggabungkan beberapa disiplin ilmu lain dalam bidang bahasa seperti balaghah, semantik dan tatabahasa. Dalam kajian ini juga, penulis turut membincangkan keseluruhan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Selain itu, dalam kajian yang pernah dilakukan, istilah tumbuh-tumbuhan adalah merupakan sub-topik kecil terhadap tajuk yang dibincangkan. Perbincangan berkaitan dengan unsur tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim terutamanya dalam bidang bahasa tidak disusun secara sistematik dan tidak dibincangkan dalam topik yang berasingan secara bersendirian. Ini menyebabkan kesukaran kepada pembaca untuk merujuk tajuk-tajuk khusus berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Oleh itu, melalui kajian ini, penulis akan mengumpulkan semua nama-nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dan seterusnya dibincangkan secara khusus dalam bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab. Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pembaca lain yang mempunyai keperluan untuk mengkaji istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari perspektif kajian yang melibatkan bidang bahasa.

Penulis juga turut membincangkan maksud sebenar nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan merujuk kepada kamus dan buku Arab. Terdapat beberapa nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim menjadi perbincangan dan perselisihan pendapat dalam kalangan cendekiawan Arab bagi menentukan maksud sebenar perkataan tersebut seperti perkataan **الطَّلْحُ** dan perkataan **الرَّيْحَانُ**. Penulis juga melampirkan gambar yang sesuai untuk setiap jenis tumbuh-tumbuhan. Perbincangan juga turut melibatkan disiplin ilmu lain seperti bidang tafsir, hadis Nabi S.A.W, philologi Arab, sains pertanian dan sains perubatan. Diharapkan kajian ini mampu menghasilkan satu data yang lengkap dan sistematik dalam bidang leksikografi dan analisis wacana bahasa Arab dengan fokus kajian kepada tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang kajian berkaitan yang pernah dilakukan oleh penyelidik silam dan moden. Perbincangan dalam bab ini hanya melibatkan perbincangan terhadap buku-buku, beberapa naskah tesis dan disertasi peringkat pengajian sarjana dan doktor falsafah dan artikel-artikel pendek yang diterbitkan dalam majalah sahaja. Perbincangan ini tidak melibatkan artikel jurnal tempatan atau luar negara disebabkan oleh tiada artikel jurnal yang pernah diterbitkan bagi membincangkan perihalan tumbuh-tumbuhan dalam bidang analisis wacana dan leksikografi Arab. Kebanyakan artikel jurnal yang diterbitkan adalah berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam bidang sains perubatan dan sains pertanian sahaja. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- iv. Sejarah dan perkembangan kajian tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam.
- v. Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- vi. Gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

2.1 Sejarah dan perkembangan kajian tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam

Topik perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam bermula seawal era penurunan kitab suci Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana terdapat banyak ayat-ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, terdapat banyak juga hadith nabi S.A.W yang secara tidak langsung membincangkan perihalan tumbuh-tumbuhan serta kegunaannya, contohnya hadith berkaitan dengan kegunaan *al-Habbat al-Sawdā'*. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy dari 'Ā'isyah r.a, Nabi S.A.W bersabda⁵:

"إِنَّ هَذِهِ الْحَبَّةَ السَّوْدَاءَ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا مِنَ السَّامِ. قُلْتُ وَمَا السَّامُ؟ قَالَ: الْمَوْتُ."

Maksudnya: "Sesungguhnya *al-Habbat al-Sawdā'* ini adalah penawar bagi segala penyakit melainkan *al-Sām*. 'Ā'isyah r.a bertanya: Apakah *al-Sām* itu? Jawab nabi (S.A.W): kematian".

⁵ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy, Kitāb al-Ṭībb, bāb Ḥabbatus al-Sawdā'*, hadith nombor 5363.

Menurut ‘Abd al-Salām Muḥammad al-Nuwaiḥīy (1995:1:412), kedua-dua faktor ini telah menjadi pendorong kepada para sarjana Arab-Islam untuk melibatkan diri dalam kajian yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan secara serius. Para sarjana ini juga memanfaatkan kajian-kajian silam yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di zaman sebelum kedatangan Islam seperti tamadun Yunani dan Rom. Para sarjana ini telah menterjemahkan hasil karya dari sarjana Yunani seperti hasil karya Aristotle dan muridnya Theophrastus (372-288SM) yang telah menghimpunkan pelbagai jenis nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dunia dalam dua karyanya yang bertajuk *تَارِيحُ الْكِبْبَاتَاتِ Historia de Plantis* dan *عِلْلُ الْكِبْبَاتَاتِ De Cousis Plantarum*. Theophrastus (372-288SM) merupakan sarjana pertama yang menceburi bidang tumbuh-tumbuhan secara formal dan dikenali dengan gelaran bapa tumbuh-tumbuhan.

Selain itu, para sarjana ini juga telah menterjemahkan karya dari tamadun Rom seperti karya Gaius Plinius Secundus yang bertajuk *التَارِيحُ الطَّبِيعِيُّ Naturalis Historia* yang terdiri daripada 27 jilid. Aktiviti penterjemahan juga dilakukan terhadap karya perubatan Yunani seperti karya Pedanius Dioscorides bertajuk *Latin de Materia Medica* yang juga dikenali dalam bahasa Arab sebagai *الحَشَائِشُ*. Aktiviti penterjemahan ini telah siap dilakukan oleh seorang Kristian yang bernama *إِصْطَفَاءُ بْنُ بَاسِيْلٍ (Iṣṭafān bin Bāsīl)* di Baghdad semasa pemerintahan kerajaan al-‘Abbāsīyyaḥ iaitu pada zaman khalifah al-Mutawakkal (232-237H). Gerak kerja yang dilakukan ini menunjukkan bahawa pemerintahan Islam sangat mengambil berat terhadap gerak kerja perpindahan ilmu pengetahuan dari pelbagai disiplin ilmu yang melibatkan kepelbagaian tamadun manusia tanpa batasan agama, bangsa dan geografi⁶.

Sepanjang kerja-kerja penterjemahan dilakukan, terdapat beberapa istilah yang tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Arab disebabkan oleh faktor kesukaran memahami istilah-istilah tersebut dalam bahasa Arab. Aktiviti penterjemahan buku ini diteruskan sehingga siap sepenuhnya pada zaman pemerintahan kerajaan Islam Andalus di bawah khalifah ‘Abd al-Raḥmān al-Nāṣir (300-350H). Raja kerajaan Constantinople ke-7 telah menghantar satu salinan lain buku tersebut kepada baginda sebagai rujukan untuk aktiviti terjemahan tersebut. Khalifah ‘Abd al-Raḥmān al-Nāṣir telah melantik beberapa orang doktor sarjana perubatan dari bangsa Arab dan Yunani sebagai ahli jawatankuasa

⁶ Lihat *Qiṣṣat al-‘Ulūm al-Ṭibbiyyaḥ fī al-Ḥaḍāraḥ al-Islāmiyyaḥ* oleh Rāghib al-Sarjānīy (2009:122).

yang bertanggung jawab untuk melaksanakan aktiviti penterjemahan tersebut. Hasil dari gerak kerja yang dilakukan, buku tersebut dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan lebih tepat dan terperinci dan siap sepenuhnya pada tahun 337H⁷.

Hasil penterjemahan buku-buku dari tamadun luar merupakan satu langkah efektif yang dilakukan oleh para sarjana Arab-Islam dalam usaha untuk memperbanyakkan koleksi ilmiah yang sedia ada. Ia juga merupakan penyumbang utama kepada perkembangan ilmu pengetahuan dalam peradaban Arab-Islam. Seterusnya buku-buku terjemahan ini akan dibahaskan secara ilmiah. Ada di antara maklumat yang diterima pakai dan ada pula yang ditolak. Akhirnya para sarjana ini akan menghasilkan karya baru hasil inovasi daripada terjemahan tersebut dengan ditambah maklumat-maklumat baru yang tidak terdapat dalam hasil karya sebelumnya⁸.

Peringkat permulaan perbincangan dan penyusunan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam dilakukan bersama-sama dengan perbincangan dan penyusunan dari disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti bidang bahasa, leksikografi dan perubatan. Sarjana Arab-Islam dalam bidang bahasa Arab merupakan golongan terawal yang telah menceburkan diri dalam bidang dunia tumbuh-tumbuhan. Ini kerana, pada era perkembangan ilmu dalam kalangan bangsa Arab-Islam, disiplin ilmu yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan adalah sebahagian daripada disiplin ilmu yang berkaitan dengan bahasa khususnya dalam bidang leksikografi Arab⁹.

Disiplin ilmu yang berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan tidak berdiri secara bersendirian, sebaliknya ia merupakan sebahagian daripada disiplin ilmu yang lain. Contoh karya dalam bidang bahasa Arab yang membincangkan tentang tumbuh-tumbuhan secara tidak langsung ialah *كِتَابُ الصِّفَاتِ فِي اللَّغَةِ* (*Kitāb al-Ṣifāt fī al-Lughat*) karangan al-Naḍir bin Syumail (203H). Dalam karya ini, perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan berada pada bab terakhir iaitu bab lima. Perbincangan dalam bab ini meliputi bidang pertanian, pokok dan buah anggur, nama sayur-sayuran, pokok-pokok, angin, awan dan hujan¹⁰.

⁷ Lihat *Tārīkh al-Nabāt 'inda al-'Arab* oleh Aḥmad 'Īsā (1944:64).

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Lihat *Bughyat al-Wu'āt fī al-Ṭabaqāt al-Lughawiyīn wa al-Nuḥḥāt* oleh al-Suyūṭiy (1979:2:316), *Ṭabaqāt al-Naḥwīyīn wa al-Lughawīyīn* oleh al-Zubaidiy (1973:61).

Pada pertengahan kurun ke-2 Hijrah, bermulanya aktiviti penulisan karya Arab-Islam secara sistematik. Terdapat tiga pendapat tentang tokoh Arab-Islam pertama yang telah menghasilkan karya dalam peradaban Arab-Islam. Tokoh-tokoh ini ialah ‘Abd al-Malik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurāij al-Baṣriy (155H), Abū al-Naṣir Sa‘īd bin Abu ‘Urūbat (156H) dan Rabī‘ bin Ṣabīḥ (160H). Usaha yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ini diteruskan oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti al-Khalīl bin Aḥmad al-Farāhīdiy (170H) yang merupakan pengarang kepada كِتَابُ الْعَيْنِ (*Kitab al-‘Ain*) yang telah merekodkan sejumlah besar istilah tumbuh-tumbuhan¹¹.

Berpandukan kepada metode yang telah dipelopori oleh al-Khalīl bin Aḥmad al-Farāhīdiy, lahir ramai lagi para sarjana Arab-Islam seperti Ibn al-Sikkīt (244H) pengarang kitab الْأَلْفَاظُ (*al-Alfāz*), al-Jawhariy (393H) pengarang kamus الصِّحَاحُ (*al-Siḥḥah*), Ibn Sīdah (458H) pengarang kamus الْمُخَصَّصُ (*al-Mukhaṣṣas*), Ibn Manzūr (711H) pengarang kamus لِسَانُ الْعَرَبِ (*Lisān al-‘Arab*), Maj al-Dīn al-Fairūzābādiy (817H) pengarang الْقَامُوسُ الْمُحِيطُ (*al-Qāmūs al-Muḥīf*) dan Murtaḍā al-Zabīdiy (1205H) pengarang kitab تَاَجُ الْعُرُوسِ (*Tāj al-‘Arūs*)¹².

Peringkat seterusnya ialah peringkat penyusunan ilmu pengetahuan mengikut pengkhususan dalam bidang masing-masing. Setelah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan sarjana Arab-Islam, perbincangan berkaitan dengan disiplin ilmu-ilmu tertentu mula dibincangkan dan disusun secara berasingan mengikut disiplin ilmu masing-masing termasuklah perbincangan berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan. Rentetan daripada itu, maka lahirlah ramai tokoh sarjana Arab-Islam yang mahir dalam bidang masing-masing dengan menghasilkan karya mereka tersendiri.

Abū ‘Ubaidat Mu‘ammar bin al-Muthannā (209H) merupakan tokoh Arab-Islam yang terawal terlibat secara khusus dalam bidang sains pertanian dengan menghasilkan karya yang bertajuk كِتَابُ الزَّرْعِ (*Kitāb al-Zar‘u*). Malangnya kitab ini telah hilang dan tidak

¹¹ Lihat *Mawsū‘at al-Haḍārat al-‘Arabīyyat al-Islāmiyyat* oleh ‘Abd al-Salām Muḥammad al-Nuwaihiy (1995:1:414), *Tārīkh al-Nabāt ‘Inda al-‘Arab* oleh Aḥmad ‘Īsā (1944:14).

¹² Ibid.

sampai kepada tamadun hari ini. Kewujudan kitab ini diketahui melalui catatan nama kitab ini oleh para sarjana Arab-Islam dalam catatan mereka ketika membahaskan topik berkaitan dengan ketokohan Abū ‘Ubaidat Mu‘ammar bin al-Muthannā¹³. Usaha ini diteruskan oleh beberapa tokoh lain seperti Abū Zaid al-Anṣārīy (215H) yang telah menghasilkan *كِتَابُ النَّبَاتِ وَالشَّجَرِ* (*Kitāb al-Nabāt wa al-Syajar*)¹⁴. Kitab ini juga dikenali dengan nama *كِتَابُ الشَّجَرِ وَالْكَالِ* (*Kitāb al-Syajar wa al-Kalā*)¹⁵, *الشَّجَرُ وَالنَّبَاتُ* (*al-Syajar wa al-Nabāt*)¹⁶, *الْكَالُ وَالشَّجَرُ* (*al-Kalā’ wa al-Syajar*)¹⁷ dan *النَّبَاتُ* (*al-Nabāt*)¹⁸.

Al-Aṣma‘īy (216H) merupakan salah seorang tokoh dalam bidang tumbuh-tumbuhan yang telah banyak memberi sumbangan dalam bidang leksikografi Arab dalam karyanya yang bertajuk *كِتَابُ النَّبَاتِ وَالشَّجَرِ* (*Kitāb al-Nabāt wa al-Syajar*). Di dalam kitab ini, al-Aṣma‘īy telah menyenaraikan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang dikenali dalam kalangan masyarakat Arab. Kitab ini merupakan antara rujukan utama yang digunakan oleh ahli leksikografi Arab untuk mendapatkan makna yang berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan. Dalam kitab ini, al-Aṣma‘īy telah menyenaraikan sebanyak 277 nama tumbuh-tumbuhan. Selain itu, al-Aṣma‘īy telah membahagikan isi kandungan kitab ini kepada lapan bab. Bab satu membincangkan tentang aspek tumbuh-tumbuhan secara umum. Bab dua membincangkan tentang tumbuh-tumbuhan *النَّبْتُ مِنَ الْأَحْزَارِ* (yang boleh dimakan terus) dan tumbuh-tumbuhan *النَّبْتُ غَيْرُ الْأَحْزَارِ* (yang perlu dimasak dahulu sebelum dimakan).

Bab tiga membincangkan tentang nama tumbuh-tumbuhan dalam bentuk *الذُّكُورُ* (*al-Zukūr*). Bab empat membincangkan tentang nama tumbuh-tumbuhan *غَيْرُ الذُّكُورِ* (tidak

¹³ Lihat *al-Gharīb al-Muṣannaḥ* oleh Abū ‘Ubaid al-Qāsim Sallām (1989:95), *al-Fihrisat* oleh Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm (2009:1:151).

¹⁴ Kitab ini dikenali oleh kebanyakan para sarjana Arab-Islam sebagai *كِتَابُ النَّبَاتِ وَالشَّجَرِ*. Lihat *Kasyf al-Zunūn ‘An Asāmiy al-Kutub wa al-Funūn* oleh Mustafā bin ‘AbdulLah Ḥājiy Khalīfat (1941:2:1466), *Bughyat al-Wu‘āt fī al-Ṭabaqāt al-Lughawiyyīn wa al-Nuḥḥāt* oleh al-Suyūṭīy (1979:1:583), *Inbāh al-Ruwāt ‘alā Anbāh al-Nuḥḥāt* oleh al-Qiftīy (1986:2:30), *Mu‘jam al-Buldān* oleh Yāqūt al-Ḥamawīy (1993:3:1359).

¹⁵ Lihat *Marātib al-Naḥwiyyīn* oleh Abū Ṭayyib al-Ḥalabīy (1955:43), *Tārīkh al-Adab al-‘Arabīy* oleh Carl Brockelmann (1941:2:147).

¹⁶ Lihat *Fihrasat Ibn Khayr* oleh al-Asybilī (1989:2:479).

¹⁷ Lihat *al-Muḥkam wa al-Muḥīṭ al-‘A‘ẓam fī al-Lughat* oleh Ibn Sīdah (2003:1:29) tajuk perkataan *غَضُّ*.

¹⁸ Lihat *al-Mukhaṣṣa* oleh Ibn Sīdah (t.t:11:182).

dalam bentuk maskulin). Bab lima membicarakan tentang jenis tumbuh-tumbuhan yang الحَمَضُ (berasid). Bab enam membicarakan jenis tumbuh-tumbuhan yang hidup di kawasan السَّهْلُ (ladang).

Bab tujuh membicarakan tentang jenis tumbuh-tumbuhan yang hidup di kawasan الرَّمْلُ berpasir. Bab lapan merupakan bab terakhir dalam kitab ini yang membicarakan tentang tajuk الشَّجَرُ pokok. Walau pun begitu, menurut Ramaḍān ‘Abd al-Tawwāb dalam (1999:211), terdapat beberapa istilah tumbuh-tumbuhan yang disenaraikan dalam kitab ini tanpa diberi sebarang ulasan oleh penulis contohnya untuk perkataan كَيْتٌ.

Ibn al-‘A‘rabiyy Muḥammad bin Ziyād (231H) pula telah menghasilkan tiga karya utama dalam bidang tumbuh-tumbuhan¹⁹. Karya-karya tersebut ialah كِتَابُ النَّبَاتِ (*Kitāb al-Nabāt*), كِتَابُ النَّبَاتِ وَالْبَقْلِ (*Kitāb al-Nabāt wa al-Baqal*) dan كِتَابُ صِفَةِ الرِّزْقِ (*Kitāb Ṣifāt al-Zar‘u*). Seorang lagi tokoh yang bernama Abū Naṣr Aḥmad bin Ḥātim al-Bāhiliyy (231H) telah menghasilkan dua karya utama dalam bidang tumbuh-tumbuhan yang bertajuk كِتَابُ الشَّجَرِ وَالنَّبَاتِ (*Kitāb al-Syajar wa al-Nabāt*) dan الرِّزْقُ وَالنَّخْلُ (*al-Zar‘u wa al-Nakhl*). Abū Naṣr Aḥmad bin Ḥātim al-Bāhiliyy (231H) juga dikenali dengan gelaran عَلَامٌ صَمْعِيّ (budak al-Aṣma‘īy)²⁰.

Selain itu, terdapat banyak lagi karya-karya lain yang dihasilkan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan pada zaman tersebut seperti kitab النَّبَاتِ (*al-Nabāt*) oleh Abū Yūsuf Ya‘qūb bin al-Sikkīt (244H)²¹, kitab النَّبَاتِ (*al-Nabāt*) oleh Abū Ja‘far Muḥammad bin Ḥabīb (245H)²², kitab النَّبَاتِ (*al-Nabāt*), kitab الْبَقْلُ (*al-Baqal*), kitab النَّخْلَةُ (*al-Nakhlāt*) dan

¹⁹ Lihat *al-Fihrisat* oleh Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm (2009:1:207), *Bughyat al-Wu‘āt fī al-Ṭabaqāt al-Lughawiyyīn wa al-Nuḥḥāt* oleh al-Suyūṭiy (1979:1:106).

²⁰ Lihat *al-Fihrisat* oleh Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm (2009:1:157).

²¹ Lihat *al-Fihrisat* oleh Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm (2009:1:220), *Ṭabaqāt al-Naḥwiyyīn wa al-Lughawiyyīn* oleh Abū Bakar Muḥammad bin al-Ḥassan al-Zubaidīy (1973:202), *Nazhat al-Albā’ fī Ṭabaqāt al-‘Udabā’* oleh Abū al-Barakāt ‘Abd al-Raḥmān al-Anbāriy (1985:137).

²² Lihat *al-Fihrisat* oleh Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm (2009:1:329).

kitab *الزرع* (*al-Zar‘u*) oleh Abū Ḥātim al-Sajastānīy (255H)²³, kitab *الزرع والنخل* (*al-Zar‘u wa al-Nakhl*) oleh ‘Amrū bin Baḥr al-Jāḥiẓ (255H)²⁴ dan kitab *النبات* (*al-Nabāt*) oleh Abū Sa‘īd al-Ḥassan bin al-Ḥussin bin ‘Abd al-Raḥmān bin al-‘Alā’ bin Abū Ṣafraṭ al-Sukarīy (275H) yang merupakan salah seorang daripada anak murid Abū Ḥātim al-Sajastānīy²⁵.

Seorang lagi tokoh Arab-Islam yang banyak memberi sumbangan dalam disiplin ilmu berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan ialah Abū Ḥanīfaṭ Aḥmad bin Dāwwud al-Daynūriy (282H) yang telah mengarang buku yang bertajuk *كتاب النبات* (*Kitāb al-Nabāt*)²⁶. Kitab ini merupakan antara kitab yang termahsyur berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam bahasa Arab. Kitab ini telah menjadi rujukan utama kebanyakan tokoh-tokoh besar dalam bidang bahasa Arab dalam karya mereka seperti kitab *جمهرة اللغة* (*Jamharat al-Lughat*) oleh Ibn Durayd (321H), kitab *تهديب اللغة* (*Tahzīb al-Lughat*) oleh al-Azhariy (370H), *كتاب الشجر والنبات* (*Kitāb al-Syajar wa al-Nabāt*) oleh Ibn Khāluwīyyat (370H), kitab *الصحاح* (*al-Ṣiḥḥāḥ*) oleh al-Jawhariy (393H), *المحكم* (*al-Muḥkam*) dan *المخصص* (*Mukhassas*) oleh Ibn Sīdah (458H), *الغباب الزاخر واللباب الفاخر* (*al-‘Ubāb al-Zākhir wa al-Lubāb al-Fākhir*) oleh al-Ḥaṣṣan bin Muḥammad al-Ṣaghānīy (650H), *لسان العرب* (*Lisān al-‘Arab*) oleh Ibn Manẓūr (630-711H), *القاموس المحيط* (*al-Qāmūs al-Muḥīṭ*) al-Fairūzābādiy (817H) dan *تاج العروس* (*Tāj al-‘Arūs*) oleh Murtaḍā al-Zabīdiy (1205H)²⁷.

Selain itu, kitab ini juga menjadi rujukan dalam bidang sains perubatan dan kesusasteraan Arab. Ibn al-Baiṭār (1248H) dalam kitab perubatannya *al-Jāmi‘ al-Mufradāt al-‘Adawīyyat* telah menukulkan hampir 130 istilah dari *Kitāb al-Nabāt* Abū Ḥanīfaṭ. Manakala ‘Abd al-Qādir bin ‘Umar al-Baghdadiy pula menjadikan *Kitāb al-*

²³ Ibid:1:168.

²⁴ Ibid:1:577.

²⁵ Lihat *Nazhat al-Albā’ fī Tabaqāt al-‘Udabā’* oleh Abū al-Barakāt ‘Abd al-Raḥmān al-Anbāriy (1985:160), *Bughyat al-Wu‘āt fī al-Ṭabaqāt al-Lughawīyyin wa al-Nuḥḥāt* oleh al-Suyūṭiy (1979:1:502).

²⁶ Lihat *Fihrasat* Ibn Khair oleh Amawīy al-Asybilīy (1989:2:490).

²⁷ Lihat *Tārīkh al-Nabāt ‘Inda al-‘Arab* oleh Aḥmad ‘Īsā (1944:36).

Nabāt Abū Ḥanīfah sebagai rujukan utama dalam bukunya yang bertajuk *Khazānah al-‘Adab*²⁸.

Peringkat seterusnya ialah perbincangan dunia tumbuh-tumbuhan bersama-sama dengan disiplin ilmu yang lain khususnya dalam bidang sains perubatan, sains pertanian dan sains geografi. Ramai tokoh-tokoh dilahirkan dalam bidang sains perubatan seperti Ḥunain bin Ishāq al-‘Abādiy (264H) pengarang *كِتَابُ فِي الْأَدْوِيَّةِ الْمُفْرَدَةِ* (*Kitāb fī al-‘adawīyyat al-Mufradat*), Ishāq bin Ḥunain bin Ishāq al-‘Abādiy (298H) pengarang *كِتَابُ فِي الْأَدْوِيَّةِ الْمُفْرَدَةِ* (*Kitāb fī al-‘adawīyyat al-Mufradat*), Abū Yūsuf bin Ya‘qūb al-Kindīy (260H) pengarang *كِتَابُ الْأَدْوِيَّةِ الْمُتَّحِنَةِ* (*Kitāb al-‘Adawīyyat al-Mumtaḥanat*), Abū Bakar Muḥammad al-Rāziy (313H) pengarang kitab *الْحَاوِي فِي الطَّبِّ* (*al-Ḥāwī fī al-Ṭibb*), Abū ‘Alīy al-Ḥussīn bin Sīnā (428H) pengarang kitab *الْقَانُونُ فِي الطَّبِّ* (*al-Qānūn fī al-Ṭibb*) dan al-Anṭākiy (1008H) pengarang kitab *التَّذَكِيرَةُ* (*al-Tazzkirat*)²⁹.

Terdapat banyak karya dalam bidang sains pertanian yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh Arab-Islam. Antara karya-karya tersebut ialah *كِتَابُ الْفَلَاحَةِ الْبَيْطِيَّةِ* (*Kitāb al-Falāḥat al-Nibḥīyyat*) oleh Abū Bakar bin Waḥsiyyat, kitab *الْفَلَاحَةُ* (*al-Falāḥat*) oleh Ibn al-‘Awām, kitab *بُعَيْتُهُ الْفَلَاحِينَ فِي الْأَشْجَارِ الْمُشْمَرَةِ وَالرِّيَاحِينَ* (*Bughyat al-Falāḥin fī al-Asyār al-Muthammarat wa al-Rayāḥīn*) oleh al-‘Abbās bin ‘Alīy bin Dāwwud al-Ghasānīy Rasūl Khalīfat dan kitab *الْفَلَاحَةُ* (*al-Falāḥat*) oleh Raḍīy al-Dīn al-Ghazziy al-Quraisīy³⁰.

Manakala karya yang dihasilkan dalam bidang sains geografi pula antaranya ialah kitab *الْبُلْدَانُ* (*al-Buldān*) oleh Ibn Wādīh al-Ya‘qūbīy (292H), kitab *الْأَعْلَاقُ النَّفِيسَةُ* (*al-‘A‘lāq al-Nafīsat*) oleh Ibn Rustat (300H), kitab *صِفَّةُ جَزِيرَةِ الْعَرَبِ* (*Siffat Jazīrat al-‘Arab*) oleh al-Hamdāniy (334H) dan kitab *تُحْفَةُ النَّظَارِ فِي غَرَائِبِ الْأَمْصَارِ وَعَجَائِبِ الْأَقْدَارِ* (*Tuhfat al-Nazār fī*


²⁸ Lihat *Tārīkh al-Nabāt ‘Inda al-‘Arab* oleh Aḥmad ‘Isā (1944:36).

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.


Qarā'ib al-Amṣār wa 'Ajā'ib al-Aqdār) oleh Abū 'AbdulLah Muḥammad yang lebih dikenali dengan nama Ibn Baṭūṭa (779H)³¹.

Secara keseluruhannya, karya-karya yang dihasilkan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam peradaban Arab-Islam dapat dilihat dari empat bidang utama. Bidang tersebut ialah bidang bahasa Arab khususnya kepada bidang leksikografi dan kesusasteraan Arab, bidang sains perubatan, bidang sains pertanian dan sains geografi.




Rajah 2.1: Peringkat perkembangan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam

³¹ Lihat *Tārīkh al-Nabāt 'Inda al-'Arab* oleh Aḥmad 'Īsā (1944:36).



Rajah 2.2: Peringkat pertama carta kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan disiplin ilmu yang lain.



Rajah 2.3: Peringkat kedua carta perkembangan kajian tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim kepada disiplin ilmu yang pelbagai

2.2 Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

Terdapat banyak kajian silam dan moden yang membincangkan berkaitan dengan istilah, nama dan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Secara keseluruhannya, perbincangan berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam beberapa bidang utama seperti bidang saintifik tumbuh-tumbuhan, tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian, tumbuh-tumbuhan dan sains perubatan, fiqh pertanian dan gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim. Dari satu sudut yang lain pula, tajuk-tajuk perbincangan berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan ini, ada yang dibincangkan secara khusus dengan tajuk yang berasingan dalam Al-Qur'an Al-Karim, dan ada pula yang dibincangkan bersama-sama dengan tajuk-tajuk besar yang lain dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Kajian yang dilakukan oleh Muḥammad 'Abduh Dasuqīy dari Universiti Sains dan Teknologi Sudan yang bertajuk *al-Nabāt fī Al-Qur'ān wa Al-Sunnat min al-Manzūr al-Islāmīy* (2011) merupakan salah satu contoh kajian yang berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim dan Sunnah Nabi S.A.W. Topik yang dibincangkan dalam kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan sebagai rezeki kepada manusia, hubungan antara air dan tumbuh-tumbuhan, tumbuh-tumbuhan sebagai makanan untuk binatang, tumbuh-tumbuhan yang menjadi makanan penghuni neraka, pokok kayu di neraka dan buah-buahan syurga. Kajian ini tidak membincangkan aspek leksikografi Arab terhadap istilah tumbuh-tumbuhan berkaitan, tetapi fokusnya kepada permasalahan tumbuh-tumbuhan dalam Islam. Perbincangan dalam bidang analisis wacana hanya tertumpu kepada analisis bidang tafsir berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan tersebut dan hukum hakam yang berkaitan dengannya.

Selain itu, dalam kajian ini juga menyenaraikan beberapa buah hadis Nabi S.A.W tentang galakan untuk bercucuk tanam dan beberapa hukum yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan seperti larangan memotong, mencabut atau menebang pokok-pokok yang terdapat di Makkah dan Madinah. Keseluruhan perbincangan dalam kajian ini adalah berkisarkan kepada bidang sains pertanian dan hukum hakam yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, kajian ini juga tidak melibatkan keseluruhan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, sebaliknya hanya tertumpu kepada beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang dipilih seperti pokok kurma dan pokok zaitun. Walaupun begitu kajian ini turut dimanfaatkan oleh penulis dari aspek rujukan dalam bidang sains pertanian.

Terdapat juga beberapa buah buku yang dihasilkan berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti buku bertajuk *Āyāt al-Nabāt fī Al-Qur'ān* karangan Zaghūl al-Najār terbitan *Maktabat al-Syurūq* pada tahun 2004. Kandungan bab dalam buku ini ialah sebanyak lima bab dengan jumlah bilangan muka surat sebanyak 500 muka surat. Perbincangan bab satu adalah berkisarkan kepada perbincangan *al-I'jāz* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab dua membincangkan tentang pandangan ahli-ahli tafsir Arab-Islam berkaitan dengan ayat-ayat kejadian dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab tiga membincangkan tentang prinsip-prinsip yang diperlukan ketika membincangkan ayat-ayat ilmiah yang berkaitan dengan perkara-perkara *al-I'jāz* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab empat pula membincangkan tentang ayat-ayat yang berkaitan dengan kejadian bumi serta kehidupan yang berada di atasnya. Hanya bab lima dari buku ini yang membincangkan tentang ayat-ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Walau pun begitu hanya 18 ayat sahaja yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dibincangkan dalam bab ini. Penulis tidak mengambil keseluruhan ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, sebaliknya hanya memilih ayat-ayat tertentu sahaja. Ini menyebabkan kajian ini tidak menyeluruh kepada keseluruhan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, fokus perbincangan dalam bab lima ialah bidang tafsir dan hubungannya dengan ilmu tauhid. Kajian ini tidak membincangkan aspek leksikografi terhadap istilah tumbuh-tumbuhan dan hanya tertumpu kepada bidang analisis wacana dalam bidang tafsir saintifik sahaja. Kajian ini juga tidak membincangkan bidang analisis wacana dalam bidang gaya bahasa.

Seorang lagi tokoh penyelidik moden yang banyak membincangkan tentang dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah Nazmī Khalīl Abū al-'Aṭā dari Universiti Kaherah Mesir. Beliau telah menghasilkan tiga buah buku berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Judul buku-buku tersebut ialah *I'jāz al-Nabāt fī Al-Qur'ān Al-Karīm* (1979), *Āyāt Mu'jizat min Al-Qur'ān Al-Karīm wa 'Ālim al-Nabāt* (1996) dan *Mu'jizat min Al-Qur'ān al-Karīm wa 'Ālim al-Nabāt* (2011).

Kajian yang dilakukan ini adalah kesinambungan kepada kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini yang berkisarkan kepada tajuk perbincangan berkaitan dengan bidang sains pertanian dan hubungannya dengan akhidah. Dalam kajian ini,

penulis menegaskan bahawa tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim merupakan satu bukti kukuh tentang kewujudan Allah S.W.T. Jumlah ayat tumbuh-tumbuhan yang dibincangkan dalam kajian ini ialah lebih dari 30 ayat.

Fokus utama dalam kajian ini ialah tafsiran ayat tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari perspektif saintifik tumbuh-tumbuhan di samping menyentuh tafsiran dari aspek bahasa. Menurut penulis, menjadi keperluan kepada orang Islam untuk mengetahui tafsiran ayat Al-Qur'an Al-Karim secara saintifik kerana ia merupakan salah satu pemangkin kepada percambahan ilmu pengetahuan dalam usaha untuk mencapai tahap kemajuan dalam peradaban kehidupan manusia.

Penulis merupakan seorang tenaga pengajar di Universiti Kaerah di Kuliah Sains Pertanian. Oleh itu, kajian ini merupakan satu sumbangan yang sangat bermanfaat kepada umat Islam yang memaparkan titik persamaan antara sains moden dan Al-Qur'an Al-Karim. Kajian yang dilakukan juga tidak menyentuh dalam bidang leksikografi Arab terhadap istilah tumbuh-tumbuhan, tetapi hanya memberi fokus dalam bidang sains pertanian. Perbincangan dalam bidang bahasa pula tertumpu kepada hubungan istilah tumbuh-tumbuhan dengan sains moden. Walau pun begitu, kajian ini dapat dimanfaatkan dalam penulisan tesis ini berkaitan dengan bidang saintifik tumbuh-tumbuhan dengan dunia moden.

Selain daripada buku-buku berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, terdapat juga beberapa artikel pendek yang ditulis berkisarkan kepada tajuk tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Antara artikel tersebut ialah artikel yang bertajuk *al-Nabāt fī Al-Qur'ān Al-Karīm Ni'am wa Ibdā'* oleh al-Mu'tāz Yaḥyā Sanbal dari majalah *al-Tabyān* bilangan 102 tahun 2012. Perbincangan artikel ini adalah dari skop perbincangan berkaitan dengan ilmu tafsir dan sejarah yang berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Penulis telah menyenaraikan beberapa ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, penulis juga membincangkan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan dan hubungannya dengan para nabi serta umat terdahulu seperti pohon syurga dan Nabi Adam a.s, Nabi Musa a.s bersama dengan pengikutnya dari kalangan Bani Israel, Nabi Yusuf a.s dan jerami gandumnya dan lain-lain lagi. Penulis


juga membincangkan tentang tumbuh-tumbuhan yang berada di syurga dan neraka seperti yang tercatat dalam Al-Qur'a Al-Karim.

Terdapat juga kajian tempatan berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti kajian ilmiah yang dilakukan oleh Muhammad Fauzi Jumingan yang bertajuk Konsep Agro-Pertanian Dalam Al-Qur'an Menurut Perspektif Semantik-Pragmatik (2006) dari Universiti Putra Malaysia. Kajian ini membincangkan konsep pertanian dalam Islam seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini juga menyentuh beberapa permasalahan hukum yang berkaitan dengan aktiviti pertanian dalam Islam. Contoh hukum pertanian yang diharamkan oleh Islam seperti penanam anggur untuk tujuan penghasilan Arak dan hukum permasalahan pemasaran hasil pertanian seperti masalah monopoli perdagangan dalam Islam. Objektif kajian ini, adalah untuk menghasilkan direktori indeks dan sub-bidang dalam domain agrotani dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Walau pun begitu, kajian ini tidak membincangkan istilah pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim dari aspek bahasa secara khusus. Sebaliknya, kajian ini lebih tertumpu kepada perbincangan permasalahan hukum fiqh dalam bidang pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini turut membincangkan beberapa pandangan ulama Islam berkenaan dengan permasalahan fiqh pertanian bersandarkan kepada ayat-ayat pertanian dan hadis nabi S.A.W. Selain itu, istilah pertanian yang dikumpulkan dari Al-Qur'an Al-Karim dalam kajian ini adalah tidak menyeluruh. Kajian ini hanya menyenaraikan 83 ayat yang berkaitan dengan istilah pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim. Jumlah sebenar ayat pertanian dalam Al-Qur'an Al-Karim adalah berjumlah hampir kepada 158 ayat dengan penggunaan istilah pertanian hampir kepada 236 istilah pertanian.

Selain itu, terdapat beberapa kajian tempatan lain yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti kajian yang dilakukan oleh Dunya bin Dir bertajuk Gambaran Pertanian di Dalam Al-Quran (2001) dari Universiti Putra Malaysia. Fokus kajian ini adalah dalam bidang semantik dan tatabahasa berkaitan dengan ayat-ayat tumbuh-tumbuhan dalam surah al-Baqara. Dalam kajian ini penulis hanya memaparkan tafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dari perspektif tafsiran ahli tafsir silam tanpa menyentuh secara mendalam aspek yang berkaitan dengan bidang semantik dan tatabahasa. Perbincangan berkaitan dengan tatabahasa pula hanya sekadar

melakukan fleksi ringkas terhadap ayat-ayat ini tanpa melibatkan perbahasan dari kalangan ahli bahasa Arab silam.



Rajah 2.4: Bidang kajian yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

2.3 Gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

Kajian berkaitan dengan gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim banyak dilakukan oleh para sarjana silam dan moden khususnya dalam bidang bahasa Arab dan Al-Qur'an Al-Karim. Terdapat tiga bentuk perbincangan yang dilakukan oleh para pengkaji gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama ialah perbincangan berkaitan dengan keseluruhan bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk kedua ialah perbincangan berkaitan dengan jenis-jenis gaya bahasa tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim dan bentuk ketiga pula merupakan pengkhususan berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Ketiga-tiga bentuk kajian ini secara tidak langsung akan melibatkan perbincangan berkaitan dengan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Nama tumbuh-tumbuhan ini dapat dilihat dalam empat jenis gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim iaitu gaya bahasa *المَثَلُ* (bidalan/*al-Mathal*), gaya bahasa *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*), gaya bahasa *الْإِسْتِفْهَامُ* (pertanyaan) dan gaya *الْقَسَمُ* (bahasa sumpah).

Antara karya yang membincangkan tentang keseluruhan bentuk gaya bahasa yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah kitab *al-Bayān fī Dū'i Asālib Al-Qur'ān* oleh 'Abd al-Faṭḥ Lāsyīn (1998). Kitab ini mengandungi tiga bab utama iaitu bab satu berkaitan dengan tajuk *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*), bab dua berkaitan dengan tajuk *المَجَازُ* (*al-Majāz*) dan bab tiga berkaitan dengan tajuk *الْكِنَايَةُ* (*al-Kināyat*). Pada bahagian pengenalan, penulis turut membincangkan tentang tajuk ilmu *الْبَيَانُ* (*al-Bayān*) dan perkembangannya.

Hanya pada bab satu sahaja yang membincangkan berkaitan dengan gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan iaitu pada tajuk gaya bahasa *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*).

Perbincangan dalam tajuk gaya bahasa *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*) ini meliputi berbincangan dalam kalangan pakar bahasa Arab silam-moden dan perbincangan berkaitan dengan perbezaan, persamaan dan hubungan antara *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*) dan *التَّمْثِيلُ* (*al-Tamthīl*).

Tiga ayat *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybīh*) yang mengandungi nama tumbuh-tumbuhan dijadikan

contoh dalam perbincangan berkaitan dengan gaya bahasa التَشْبِيْهِ (*al-Tasybīh*) ini. Ayat-ayat tersebut ialah ayat ke-24 dari surah Yunūs, ayat 45 dari surah al-Kahf dan ayat 20 dari surah al-Ḥadīd.

Buku lain yang membincangkan tentang bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah buku karangan Aḥmad Aḥmad Badawīy yang bertajuk *Min Balaghah Al-Qur'ān* (2003). Fokus perbincangan dalam buku ini ialah untuk melihat kepelbagai jenis gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim. Oleh itu, ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim juga digunakan sebagai contoh untuk menerangkan jenis-jenis gaya bahasa yang dibincangkan.

Penulis membahagikan buku ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada empat bab yang membincangkan berkaitan dengan kesusasteraan Al-Qur'an Al-Karim dan gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim. Dalam bahagian ini, terdapat dua tajuk kecil yang membincangkan berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim iaitu gaya bahasa *al-Tasybīh* dan gaya bahasa sumpah. Ayat-ayat yang dibincangkan ini dijadikan contoh untuk menunjukkan kepelbagaian elemen yang terdapat dalam kedua-dua jenis gaya bahasa ini.

Bahagian kedua dalam buku ini pula membincangkan berkaitan dengan makna-makna ayat dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti kalimah Allah S.W.T, Muhammad S.A.W, Al-Qur'an Al-Karim, syurga dan neraka. Secara keseluruhannya, penulis buku ini tidak membincangkan semua ayat berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana fokus perbincangan dalam buku ini ialah untuk melihat jenis-jenis gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim dan bukannya fokus perbincangan kepada elemen tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam sesuatu jenis gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Dirāsah li Uslūb Al-Qur'ān Al-Karīm buku karangan Muḥammad 'Abd al-Khāliq 'Aḍīmat (1972) yang merupakan antara karya berkaitan dengan ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim dari perspektif nahu, saraf, balaghah dan sastera Arab. Tujuan buku ini ditulis adalah untuk menjadikan Al-Qur'an Al-Karim sebagai satu bahan rujukan utama dalam pembelajaran berkaitan dengan jenis-jenis huruf, makna dan peranannya, pembelajaran saraf dan fonetik, pembelajaran nahu dan masalah perselisihan dalam kalangan sarjana Arab dan pembelajaran balaghah dan kesusasteraan Arab. Buku yang dihasilkan

oleh penulis merupakan buku yang sangat bernilai dalam bidang Al-Qur'an Al-Karim dan bahasa Arab serta boleh diandaikan bahawa tiada buku yang pernah dihasilkan sama seperti buku ini.

Buku ini yang terdiri daripada tiga bahagian dalam empat jilid yang besar. Terdapat ayat-ayat berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan yang direkodkan dalam dalam buku ini yang boleh dijadikan sebagai rujukan. Walau pun begitu, penulis buku ini hanya menyenaraikan sebahagian ayat tumbuh-tumbuhan sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana fokus perbincangan buku ini adalah dalam bidang nahu, sarf, balaghah dan sastera Arab-Al-Qur'an Al-Karim. Perbincangan dalam buku ini juga tidak menyentuh aspek analisis wacana gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Perbincangan dalam sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan bidang gaya dalam Al-Qur'an Al-Karim melibatkan perbincangan dari empat jenis gaya bahasa iaitu gaya bahasa *المَثَلُ* (*al-Mathal/bidalan*), gaya bahasa *التَّشْبِيهِ* (*al-Tasybih*), gaya bahasa *الِاسْتِفْهَامُ* (pertanyaan) dan gaya bahasa *الْقَسَمُ* (sumpah). Melalui kajian perpustakaan yang dilakukan terhadap keempat-empat jenis gaya bahasa ini, dapatan kajian mendapati apabila perbincangan berkaitan dengan jenis-jenis gaya bahasa ini dilakukan dalam Al-Qur'an Al-Karim, secara tidak langsung ia juga akan melibatkan perbincangan berkaitan dengan gaya bahasa tumbuh-tumbuhan.

Ini kerana elemen tumbuh-tumbuhan merupakan sebahagian elemen yang terdapat dalam semua jenis gaya bahasa ini. Walau pun begitu, perbincangan yang dilakukan terhadap gaya bahasa tumbuh-tumbuhan ini adalah secara umum kerana fokus perbincangan adalah kepada aspek jenis gaya bahasa dan tidak kepada elemen tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam gaya bahasa tersebut.

Antara karya yang membincangkan tajuk gaya bahasa *المَثَلُ* (*al-Mathal/bidalan*) dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah karya Ibn Qayyum al-Jawziyyaṭ (751H) yang bertajuk *al-Amthāl fī Al-Qur'ān Al-Karīm*. Fokus perbincangan beliau ialah berkaitan dengan gaya bahasa al-Mathal dalam bahasa Arab dengan mengambil ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim sebagai deskriptif kajian. Buku ini mengandungi empat bab utama. Bab satu

membincangkan tentang maksud, jenis dan karya-karya yang ditulis berkaitan dengan *al-Amthāl* dalam bahasa Arab. Bab dua pula membincangkan jenis-jenis *al-Amthāl* yang terdapat dalam hadith nabi S.A.W, bahasa *الفصحى* (baku) dan bahasa *العامية* (pasar). Bab tiga membincangkan sejarah ketokohan Ibn Qayyum al-Jawziyyat dan perkembangan *al-Amthāl* pada zamannya.

Hanya bab empat dalam buku ini yang membincangkan tentang *al-Amthāl* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Dalam bab empat ini, Ibn Qayyum al-Jawziyyat membahagikannya kepada 19 tajuk kecil. Setiap tajuk kecil ini mewakili topik dan ayat *al-Amthāl* yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Hanya tiga ayat yang berkaitan dengan *al-Amthāl* tumbuh-tumbuhan dibincangkan dalam buku ini iaitu ayat 24 dari surah Yunus, ayat 24 dari surah Ibrahim dan ayat 261 dari surah al-Baqarat sedangkan jumlah keseluruhan ayat *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan ialah sebanyak sepuluh ayat yang dibincangkan dalam lima topik yang berbeza.

Selain daripada karya Ibn Qayyum al-Jawziyyat ini, terdapat lagi beberapa karya lain yang membincangkan tentang gaya bahasa *المَثَل* (*al-Mathal/bidalan*) dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti buku *Amthāl Al-Qur'ān wa Šuwar min Adabih al-Rafī'* (1992) dan *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthāl li Kitāb Allah 'Azza wa Jall* (2009) karangan 'Abd Raḥmān Ḥassan Ḥanabakat al-Maidaniy. Buku pertama karangannya membincangkan berkaitan dengan gaya bahasa *المَثَل* (*al-Mathal/bidalan*) dalam bahasa Arab yang meliputi maksud *al-Mathal*, jenis *al-Mathal*, tujuan penggunaan *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim dan ciri-ciri *al-Mathal* yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Selain itu, penulis telah menggunakan ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim sebagai korpus kajian berkaitan dengan gaya bahasa *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Manakala buku keduanya pula membincangkan kaedah-kaedah yang dipraktikkan dalam gaya bahasa *al-Mathal* terhadap ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim. Terdapat 40 kaedah yang dinyatakan dalam buku ini dengan setiap satunya membincangkan tajuk-tajuk tertentu yang berkaitan dengan gaya bahasa *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Antara kajian pengajian peringkat sarjana yang pernah dilakukan berkaitan dengan gaya bahasa *al-Mathal* dalam al-Qur'an Al-Karim ialah kajian yang bertajuk *al-Āthār al-*

Tarbawīyyat wa al-Da'wīyyat min Khilāl Darb al-Amthāl fī Al-Qur'ān al-Karīm oleh 'Abdullah bin Syaṭ dari Kuliah Dakwah Universiti al-Jaza'ir pada tahun 2009. Tesis ini terdiri daripada empat bab utama yang membincangkan tentang tajuk *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab satu membincangkan maksud *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim, jenis-jenisnya dan tujuan penggunaan *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab dua membincangkan tentang *al-Mathal* yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan mengambil contoh beberapa ayat yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim sebagai analisis kajian. Antara ayat yang dijadikan contoh ialah ayat-ayat yang berkaitan dengan gaya bahasa *al-Mathal* tumbuh-tumbuhan.

Bab tiga membincangkan tentang matlamat dalam medium pendidikan dan dakwah penggunaan gaya bahasa *al-Mathal* dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bab empat yang merupakan bab terakhir dalam tesis ini membincangkan tentang kesan penggunaan gaya bahasa *al-Mathal* dalam medium pendidikan dan dakwah. Fokus kajian adalah untuk melihat kekuatan dan kesan penggunaan gaya bahasa *al-Mathal* sebagai salah satu medium dakwah. Oleh itu perbincangan yang terperinci berkaitan dengan gaya bahasa *al-Mathal* tumbuh-tumbuhan tidak dilakukan kerana ia tidak melibatkan fokus utama tesis ini iaitu dalam bidang dakwah.

Antara kajian berkaitan dengan tajuk gaya bahasa *al-Tasybīh* dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah kajian yang bertajuk *al-Jumān fī Tasybīhāt al-Qur'an* (1987) oleh Abū al-Qāsim al-Baghdādīy, *Adawāt al-Tasybīh Dilālātahā wa Isti'mālātahā fī Al-Qur'ān Al-Karīm* (1992) oleh Maḥmūd Muṣā Hamdān dan tesis sarjana dari Universiti Islam Negeri Malang Indonesia tahun 2008 bertajuk *al-Tasybih fī Surat al-Qamar* oleh 'Atikat. Kesemua kajian ini membincangkan tentang gaya bahasa *al-Tasybīh* dari aspek maksud, jenis, ciri-ciri dan peranannya dalam bahasa Arab. Seterusnya ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim yang berkaitan dengan jenis gaya bahasa ini akan dijadikan sebagai deskriptif kajian.

Tidak semua gaya bahasa *al-Tasybīh* tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dibincangkan dalam kajian ini. Walau pun begitu, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk melihat asas perbincangan yang melibatkan gaya bahasa *al-Tasybīh* tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kelainan yang terdapat dalam tesis ini berbanding kajian-kajian yang pernah dilakukan ialah penulis membincangkan

keseluruhan gaya bahasa *al-Tasybīh* tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut analisis wacana balaghah Arab.

Antara hasil kajian berkaitan dengan tajuk gaya bahasa *الاستفهام* (pertanyaan) yang pernah dilakukan pula ialah seperti buku *Uslūb al-Istifhām fī Al-Qur'ān Al-Karīm 'Araduhu wa 'I'rabuhu* oleh 'Abd Karīm Maḥmūd Yusūf (2000), kajian peringkat sarjana bertajuk *al-Su'āl fī Dū' Al-Qur'ān Al-Karīm Dirāsah Mauḍū'iyah* oleh Wardah Mustafā Kaḥīl dari Universiti Islam Gaza, Palestine (2009) dan kajian peringkat doktor falsafah bertajuk *Asālib al-Istifhām fī al-Baḥth al-Balaghīy wa Asraruha fī Al-Qur'an Al-Karim* oleh Muḥammad Ibrāhīm Muḥammad Syarīf dari Universiti Islam Antarabangsa Islamabad Pakistan (2007).

Tidak semua gaya bahasa pertanyaan yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dibincangkan dalam kajian ini. Walau pun begitu, kajian ini dapat dijadikan sebagai asas rujukan berkaitan dengan gaya bahasa pertanyaan yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kelainan yang terdapat dalam tesis ini berbanding kajian yang pernah dilakukan ialah penulis membincangkan keseluruhan gaya bahasa pertanyaan yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Antara buku berkaitan dengan tajuk gaya bahasa *القسَم* (sumpah) dalam Al-Qur'an Al-Karim pula ialah *al-Tabayān fī Aqsām al-Qur'ān* oleh Ibn Qayyum al-Jawziyyah (t.t) dan kajian peringkat sarjana bertajuk *Uslub al-Qasam fī Al-Qur'an Dirasah Balaghiyah* oleh 'Alīy bin Muḥammad 'Abd al-Muḥsin dari Universiti Umm al-Qurā Arab Saudi (1991). Kedua-dua kajian ini membincangkan secara keseluruhan gaya bahasa sumpah yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Secara tidak langsung, apabila perbincangan berkaitan dengan gaya bahasa sumpah dibincangkan dalam Al-Qur'an Al-Karim, ia akan menyentuh ayat-ayat sumpah yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan. Walaupun begitu, hanya satu ayat tumbuh-tumbuhan yang dibincangkan dalam kedua-kedua kajian ini sedangkan terdapat ayat lain yang berkaitan dengan gaya bahasa sumpah. Oleh itu, tesis ini sebagai pelengkap perbincangan berkaitan dengan gaya bahasa sumpah yang melibatkan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Antara kajian khusus yang boleh dianggap sebagai kajian berkaitan dengan jenis gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah disertasi Doktor Falsafah yang bertajuk *al-Nabāt fī Dū' Al-Qur'ān Al-Karīm wa Al-Sunnat al-Nabawīyyat al-Muṭṭaharat* oleh Jawāhir Muḥammad Surūr Sa'ad Bāslūm (1994) dari Universiti Umm al-Qurā Arab Saudi. Kajian ini membincangkan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam Al-Qur'an Al-Karim dan Sunnah Nabi S.A.W. Kajian ini mengandungi empat bab utama. Bab satu membincangkan tentang istilah tumbuh-tumbuhan dan elemen-elemen yang berkaitan dengannya dalam Al-Qur'an Al-Karim dan Sunnah Nabi S.A.W seperti elemen pertanian, perladangan, faktor tanah, hujan, matahari dan udara.

Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang kegunaan tumbuh-tumbuhan secara langsung dan tidak langsung kepada manusia. Kajian dalam bab ini adalah luas sehingga menyebabkan data yang direkodkan berbentuk umum. Perbincangan hanya dilakukan dengan cara mengemukakan ayat-ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dan Sunnah Nabi S.A.W dan beberapa pandangan ulama berkaitan dengannya tanpa kupasan dan pandangan dari penulis.

Bab dua pula membincangkan tentang cara penyampaian dan teknik persembahan ayat-ayat yang berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dan sunnah nabi S.A.W. Perbincangan yang dilakukan dalam bab ini adalah terlalu panjang yang disebabkan oleh penulis turut membincangkan perkara-perkara asas yang tidak sepatutnya diperbincangkan dalam kajian ini secara terperinci seperti maksud gaya bahasa dari sudut bahasa dan istilah. Bab ini boleh diringkaskan dengan cara penulis terus memberikan fokus kepada topik utama tajuk kajian iaitu gambaran tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dan sunnah nabi S.A.W. Perbincangan dalam bab ini melibatkan bidang analisis wacana dan balaghah Arab.

Bab tiga merupakan perbincangan yang berkisarkan kepada bidang tafsir dan bidang akidah. Bab ini menyentuh tentang dalil tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dan Sunnah Nabi S.A.W berkaitan dengan kewujudan Allah S.W.T dan hari akhirat. Bab empat pula membincangkan tentang disiplin-disiplin kehidupan manusia yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan seperti amalan berzakat, bersedekah, bersyukur, infaq dan sebagainya. Perbincangan dalam bab ini adalah berkisarkan kepada bidang ilmu fiqh.

Keseluruhan kajian ini bersifat terlalu luas sehingga menyebabkan perbincangan terhadap data yang terkumpul dilakukan secara umum. Selain itu, topik yang luas ini juga menyebabkan data yang dikumpulkan adalah tidak mencukupi contohnya istilah tumbuh-tumbuhan yang dikeluarkan dari Al-Qur'an Al-Karim adalah tidak menyeluruh. Terdapat banyak istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim yang tidak dikeluarkan. Perbincangan dari gabungan disiplin ilmu yang banyak juga menyebabkan kajian ini tidak memberi fokus kepada sesuatu disiplin ilmu secara terperinci.

Walau bagaimana pun, kajian ini amat bermanfaat kepada penulis dan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada penulis untuk menyiapkan penulisan kajian ini. Kelainan yang ditonjolkan oleh penulis berbanding kajian ini ialah, dalam tesis ini penulis telah mengumpulkan keseluruhan istilah tumbuh-tumbuhan dan nama tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dan membincangkannya dari sudut leksikografi dan analisis wacana balaghah Arab. Untuk mencari makna istilah tumbuh-tumbuhan yang tepat, penulis menyentuh perbincangan dari aspek sains pertanian, sains perubatan dan geografi.

Terdapat satu kajian dalam bidang leksikografi dan semantik Arab dalam Al-Qur'an Al-Karim yang khusus melibatkan tajuk tumbuh-tumbuhan bertajuk *Alfāz al-Nabāt wa Syajar fī Al-Qur'ān Al-Karīm: Dirāsat Dalāliyat* oleh Māsiat Ḥāmid Khalīl Ḥāmid (2006) dari Universiti al-Fayyūm, Mesir. Kajian ini berkaitan dengan kajian semantik istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini mengandungi lima bab utama. Bab pertama dalam kajian ini membincangkan sejarah tumbuh-tumbuhan dalam kalangan masyarakat Arab. Perbincangan dalam bab pertama dalam kajian ini adalah berkisar kepada teori tumbuh-tumbuhan dalam kalangan masyarakat Arab seperti yang tercatat dalam himpunan surat dan buku lama Arab.

Perbincangan dalam bab-bab yang seterusnya merupakan perbincangan dari aspek amali. Dalam bab-bab ini, penulis membincangkan makna istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan ini kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama adalah nama tumbuh-tumbuhan dan pokok dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kumpulan kedua pula ialah jenis pokok yang berbuah dan jenis buah-buahan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Manakala kumpulan ketiga ialah keadaan dan bentuk pokok yang dicatat dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Kajian ini hanya tertumpu kepada bidang semantik Arab. Selain itu, perbincangan yang dilakukan tidak memberi fokus kepada bidang analisis wacana, balaghah dan tatabahasa Arab. Kajian ini juga hanya berkisar kepada perbincangan makna sebahagian istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan tidak melibatkan keseluruhan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.


Kajian lain yang menggabungkan bidang leksikografi Arab dan sains pertanian seperti kajian penyelidikan bertajuk *'Ālim al-Nabāt fī Al-Qur'ān Al-Karīm* oleh 'Abd al-Mun'im Fahīm al-Hādiy dan Rīnā Muḥsin Barkat (1998) dari Universiti al-Zaqāzīq Mesir juga menyentuh perbincangan aspek gaya bahasa tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini terdiri dari tiga bab utama. Bab pertama membincangkan tajuk aktiviti pertanian yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti topik perladangan, penanaman, pembajakan dan penuaian. Bab kedua pula membincangkan tentang ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim yang berkaitan fizikal bentuk tumbuh-tumbuhan seperti biji benih, tunas, batang kayu, daun, tangkai, buah-buahan dan pokok kayu.

Manakala bab yang ketiga pula membincangkan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penyenaraian istilah tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam bab ini dilakukan secara tidak menyeluruh. Ini kerana terdapat beberapa istilah tumbuh-tumbuhan yang disebut di dalam Al-Qur'an Al-Karim tetapi tidak dibincangkan dalam kajian ini seperti istilah *الأُتُّ* (rumpun).

Keseluruhan kajian ini adalah terlalu ringkas. Bidang kajian hanya tertumpu kepada bidang leksikografi Arab dan sains pertanian. Terdapat data-data yang dikemukakan dengan hanya melampirkan ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim tanpa sebarang perbincangan dari penulis seperti contohnya pada tajuk *الْوَزْدُ* (bunga mawar). Walau pun begitu, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh penulis dalam melengkapkan kajian ilmiah ini.

Kajian terakhir ialah kajian yang bertajuk *'Adālat Ahl al-Bayyt wa al-Ṣaḥābat Baina al-Āyāt Al-Qur'ānīyat wa al-Tarākib al-Nabātīyat* oleh Nazmī Khalīl Abū al-'Aṭā (2011) dari Universiti Kaherah Mesir. Kajian ini hanya tertumpu kepada ayat 29 dari surah al-Faṭḥ yang menggambarkan tentang akhlak nabi S.A.W dan juga para sahabat.

Perbincangan dalam kajian ini menggabungkan antara kaitan fakta yang terdapat dalam bidang sains pertanian dengan gambaran akhlak nabi S.A.W yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini juga mengambil pendapat beberapa pandangan ahli tafsir seperti al-Ṭabariy. Kupasan yang menarik dalam kajian ini membuktikan bahawa sesungguhnya fakta-fakta yang terdapat dalam bidang sains moden dapat disetarakan dengan ayat-ayat Al-Qur'an Al-Karim sekiranya diolah dengan cara yang betul.



Rajah 2.5: Skop kajian yang dilakukan terhadap gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

2.4 Penutup

Kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam berkait rapat dengan faktor Al-Qur'an Al-Karim dan hadith nabi S.A.W. Ini kerana dalam Al-Qur'an Al-Karim dan hadith nabi S.A.W terdapat ayat-ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan. Faktor ini menjadi pendorong kepada para sarjana Arab-Islam untuk melibatkan diri dalam kajian yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan secara serius.

Terdapat tiga peringkat sejarah perkembangan kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

- i. Perbincangan dan penyusunan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang dilakukan bersama-sama dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti dalam bidang bahasa, leksikografi dan perubatan. Para sarjana Arab-Islam dalam bidang bahasa Arab merupakan golongan terawal yang telah menceburkan diri dalam bidang dunia tumbuh-tumbuhan. Ini kerana, pada era perkembangan ilmu dalam kalangan bangsa Arab-Islam, disiplin ilmu yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan adalah sebahagian daripada disiplin ilmu yang berkaitan dengan bahasa khususnya dalam bidang leksikografi Arab.

Aktiviti perterjemahan hasil karya dari tamadun silam seperti tamadun Yunani dan Rom merupakan langkah pertama yang dilakukan pada peringkat ini. Aktiviti perterjemahan ini melibatkan pakar bidang bahasa khususnya dalam bidang leksikografi Arab. Hasil terjemahan buku-buku ini akan dibahaskan secara ilmiah. Ada di antara maklumat yang diterima pakai dan ada pula yang ditolak. Seterusnya para sarjana ini akan menghasilkan karya baru hasil inovasi daripada terjemahan tersebut dengan ditambah maklumat-maklumat baru yang tidak terdapat dalam hasil karya sebelumnya.

- ii. Penyusunan ilmu pengetahuan mengikut pengkhususan dalam bidang masing-masing. Setelah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan sarjana Arab-Islam, perbincangan berkaitan dengan disiplin ilmu-ilmu tertentu mula dibincangkan dan disusun secara berasingan mengikut bidang ilmu masing-masing termasuklah perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan.

- iii. Perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan bersama-sama dengan disiplin ilmu yang lain khususnya dalam bidang sains perubatan, sains pertanian dan sains geografi.

Kajian silam dan moden yang membincangkan tentang dunia tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam lima bidang utama. Bidang-bidang tersebut ialah:

- i. Saintifik tumbuh-tumbuhan
- ii. Tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian
- iii. Tumbuh-tumbuhan dan sains perubatan
- iv. Fiqh pertanian
- v. Gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Terdapat tiga bentuk perbincangan yang dilakukan oleh para penulis gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk-bentuk tersebut ialah:

- i. Perbincangan berkaitan dengan keseluruhan bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- ii. Perbincangan berkaitan dengan jenis-jenis gaya bahasa tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Perbincangan yang khusus kepada gaya bahasa yang menggunakan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

BAB 3

PERKATAAN النَّبَاتُ (TUMBUH-TUMBUHAN) DAN الشَّجَرَةُ (POKOK) DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang perkataan tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dari sudut leksikografi Arab. Terdapat dua bentuk perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama ialah perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأِسْمُ (kata nama) yang berasal dari perkataan نَبَتٌ. Manakala bentuk kedua pula ialah perkataan أَنْبَتَ (tumbuhkan) dalam bentuk الْفِعْلُ (kata kerja) yang berasal dari perkataan نَبَتَ. Selain itu, perbincangan juga dilakukan terhadap perkataan الشَّجَرَةُ (pokok) yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana pokok adalah sebahagian daripada perkataan yang merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

3.1 Perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأِسْمُ (kata nama)

Perkataan النَّبَاتُ diulang sebanyak sembilan kali dalam Al-Qur'an Al-Karim. Perkataan النَّبَاتُ ini berasal dari perkataan النَّبَاتُ:النَّبِيْتُ:نَبَتٌ yang bermaksud tumbuh-tumbuhan. Selain itu, terdapat juga perkataan النَّبَاتُ yang merujuk kepada makna lain seperti yang akan dibincangkan dalam bab ini. Perkataan نَبَتٌ menurut Ibn Manzūr (1996:14:11) ialah tumbuh-tumbuhan, iaitu semua yang ditumbuhkan oleh Allah S.W.T di atas muka bumi, maka ia adalah tumbuh-tumbuhan نَبَتٌ. Perkataan النَّبَاتُ juga merujuk kepada apa sahaja yang tumbuh dan hidup di atas muka bumi, seperti dalam percakapan نَبَتَ الزَّرْعُ نَبَاتاً yang bermaksud tumbuh dan hidup.

Menurut Ibn Fāris (2001:970), perkataan ن-ب-ت merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di atas bumi (ladang) sebagaimana yang dinyatakan olehnya:

(النُّونُ وَالْبَاءُ وَالنَّاءُ أَصْلٌ وَاحِدٌ يَدُلُّ عَلَى تَمَاءٍ فِي مَرْزُوعٍ)

Maksudnya: *Huruf al-Nūn, al-Bā' dan al-Tā'* adalah asal dari yang satu, yaitu merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang tumbuh (di atas bumi).

Menurut Ibn Manzūr (1996:14:14), terdapat beberapa kata terbitan lain dari perkataan *النَّبَات*, seperti perkataan *الْمَنْبِثُ* yang bermaksud tempat tumbuhnya tumbuh-tumbuhan, perkataan *النَّبْئَة* yang bermaksud bentuk dan keadaan tumbuh-tumbuhan, perkataan *النَّبْئَة* juga bermaksud salah satu nama tumbuh-tumbuhan dan perkataan *التَّنْبِيْثُ* bermaksud keadaan tunas pokok yang paling awal keluar dalam proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan. Selain itu perkataan *التَّنْبِيْثُ* juga bermaksud akar tumbuh-tumbuhan. Ayat-ayat yang mengandungi perkataan *النَّبَات* dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-An'ām ayat 99:

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا مِّنْهُ خُجْرًا مِّنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus dan dari pohon-pohon tamar, dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima”. (6:99)

Penggunaan perkataan *نَبَات* dalam ayat ini adalah bermaksud tumbuh-tumbuhan yang hakiki. Dalam ayat ini juga, Allah S.W.T menggabungkan perkataan *نَبَات* dengan perkataan *ماء* (air). Air merupakan unsur yang saling berkait rapat dengan kehidupan tumbuh-tumbuhan. Ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T yang menurunkan air dari langit untuk kegunaan manusia dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan di atas muka bumi. Menurut al-Farrā' (1955:1:347), perkataan *نَبَات* dalam ayat ini bermaksud rezeki yang merujuk kepada setiap sesuatu yang tumbuh dan boleh dijadikan sebagai makanan seperti tumbuh-tumbuhan³².


³² Lihat *Malāk al-Ta'wīl* oleh al-Gharnāṭiy (t.t:1:467).

Al-Ālūsiy dalam tafsirnya (t.t:7:238) menjelaskan bahawa perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini merujuk kepada apa sahaja yang keluar dan tumbuh dari dalam tanah sama ada mempunyai batang seperti pokok kayu atau yang tidak mempunyai batang seperti rumput. Menurut al-Khāzin (t.t:2:39) dan al-Nasfīy (t.t:2:39), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini bermaksud semua jenis tumbuh-tumbuhan dari pelbagai jenis bentuk dan sifat. Al-Qāsimiy (1957:6:354) pula berpendapat bahawa perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini merujuk kepada semua jenis biji benih dan bijirin, tafsiran ayat ini seolah-olah:

"فَأَخْرَجْنَا بِالنَّامِيِّ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ يَنْبُتُ كُلُّ صِنْفٍ مِنْ أَصْنَافِ النَّامِيِّ"

Maksudnya: “Maka Kami keluarkan dari biji benih itu tumbuh-tumbuhan dari setiap sesuatu, yang tumbuh kesemuanya dari pelbagai biji benih”.

Menurut Sayyid Quṭb (2003:2:1161), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini adalah dalam bentuk yang umum dan bermaksud tunas semua jenis tumbuh-tumbuhan yang baru bercambah. Perkataan نَبَاتٌ ini diperincikan dengan perkataan خَضِرٌ yang bermaksud tumbuh-tumbuhan yang menghidu dan subur. Kehijauan dan kesuburan tumbuh-tumbuhan tersebut menghasilkan tandan dan gugusan buah-buahan yang masak ranum seperti tamar, anggur, zaitun dan delima. Hubungan perkataan نَبَاتٌ dengan perkataan-perkataan lain dalam ayat ini seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3.1: Hubungan perkataan نَبَاتٌ dalam surah al-An‘ām ayat 99 menurut Sayyid Quṭb

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naba' ayat 15:

﴿لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا﴾

Maksudnya: “Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan”. (78:15)

Menurut Ibn Kathir (1999:8:304), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini merujuk kepada tumbuh-tumbuhan hijau yang basah dan boleh dimakan secara mentah seperti sayur-sayuran. Manakala menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:30:25), perkataan نَبَاتٌ di sini bermaksud tumbuh-tumbuhan yang buahnya tidak dimakan oleh binatang dan serangga, tetapi manfaatnya dapat diperolehi secara terus seperti rumput, lalang, tembakau dan sayur-sayuran. Allah S.W.T menggunakan kata kerja نُخْرِجُ yang bermaksud mengeluarkan berbanding kata kerja لِنُنْبِتُ yang bermaksud menumbuhkan. Penggunaan perkataan نُخْرِجُ adalah untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T untuk membangkitkan semula manusia di hari akhirat kelak. Tumbuh-tumbuhan yang keluar dari dalam tanah diumpamakan dengan keadaan manusia yang dikeluarkan dari dalam kubur.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah Ṭaha ayat 53:


﴿وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْ نَبَاتٍ شَتَّى﴾

Maksudnya: “(Dialah Tuhan) telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan yang berpasangan dan buah-buahan yang berlainan keadaannya”. (20:53)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:16:235), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini bermaksud tumbuh-tumbuhan yang berpasangan. Ayat ini menunjukkan tumbuh-tumbuhan juga mempunyai gender jantan dan betina seperti makhluk lain. Perkataan أَزْوَاجٌ yang disandarkan kepada perkataan نَبَاتٌ bermaksud pasangan. Ia adalah kata *jama'* dari perkataan رَوْحٌ. Manakala perkataan شَتَّى adalah *jama'* dari perkataan شَتَيْتٌ pada pola kata فَعْلَى seperti perkataan مَرِيضٌ - مَرِيضَى yang bermaksud kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan dari aspek sifat, warna dan rasa. Ayat ini menjelaskan bahawa sekiranya Allah S.W.T

tidak menurunkan hujan dan tidak mengeluarkan tumbuh-tumbuhan, manusia dan binatang pasti akan kehausan dan kelaparan.

Keadaan gender tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada jantan dan betina juga diakui oleh para saintis moden. Antara saintis Islam yang membincangkan perihalan gender tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah Harun Yahya (2002:22). Beliau berpendapat bahawa setiap bunga mempunyai strukturnya yang tersendiri seperti tangkai, kelopak, stigma, ovari, filemen dan sebagainya. Debunga jantan (*pollens*) dihasilkan dari organ jantan bunga (*stamen*). Manakala bahagian bunga betina (*carpels*) pula terdiri daripada ovari, stigma dan filemen. Proses pendebungaan akan berlaku apabila debunga jantan dan betina disatukan melalui agen-agen pendebungaan yang pelbagai seperti binatang, manusia dan angin.



Rajah 3.2: Kedudukan stamen dan carpel pada kelopak bunga mawar menurut Harun Yahya (2002)

4. Firman Allah S.W.T dalam surah al-‘A’raf ayat 58:

﴿وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتَهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرِجُ إِلَّا نَكِدًا﴾

Maksudnya: “Dan negeri yang baik (tanahnya), mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya (yang subur) dengan izin Allah dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh (tumbuh-tumbuhannya) melainkan dengan keadaan bantut”. (7:58)

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsīy (1993:4:316), dalam ayat ini Allah S.W.T menggabungkan perkataan نَبَاتٌ (tumbuh-tumbuhan) dengan perkataan اَلْبَلَدُ (tanah) yang

bertujuan untuk memberi keterangan yang jelas kepada manusia dan agar manusia dapat berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T. Terdapat dua jenis tanah yang digambarkan dalam ayat ini. Jenis pertama ialah tanah yang subur. Tanah yang subur akan mengeluarkan tumbuh-tumbuhan yang baik dan bermanfaat untuk kegunaan manusia dan binatang. Manakala jenis kedua adalah tanah yang kering dan gersang. Tanah jenis ini akan mengakibatkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan terbantut.

Allah S.W.T membuat perbandingan dalam ayat ini dengan menggunakan unsur tumbuh-tumbuhan dan tanah dengan kehidupan manusia. Manusia yang baik akan memberi kebaikan kepada orang lain. Manakala manusia yang tidak baik akan memberi kejahatan kepada orang lain. Ibn Kathīr (1999:3:430) menukilkan pandangan dari ‘Alīy bin Abū Ṭalhaṭ yang meriwayatkan dari Ibn ‘Abbās, ayat ini merupakan perbandingan di antara orang mukmin dan orang kafir. Perbandingan tersebut seperti berikut:

Jadual 3.1: Maksud perkataan نَبَاتٌ dalam surah al-’A’rāf ayat 58

Perkataan	Maksud Sebenar	Maksud Ayat
الْبَلَدُ الطَّيِّبُ	Tanah yang baik	Manusia yang baik (mukmin)
النَّبَاتُ (الْوَابِغُ الْحَسَنُ)	Tumbuh-tumbuhan yang baik	Memberi kesan positif
الْبَلَدُ الْحَبِثُ	Tanah yang kering dan gersang	Manusia yang tidak baik (kafir)
النَّبَاتُ الْتَكِيدُ	Tumbuh-tumbuhan yang bantut	Memberi kesan negatif


5. Firman Allah S.W.T dalam surah Yūnus ayat 24:

﴿إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرًا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَنْ لَمْ تَغْنَبْ بِالْأَمْسِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tumbuh-tumbuhan di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang bercampur-aduk dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga berwarna-warni) dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat pelbagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan ia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu*”. (10:24)

Perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini merujuk kepada dua jenis tumbuh-tumbuhan. Jenis pertama ialah jenis boleh dimakan oleh manusia dan jenis kedua ialah jenis tidak boleh dimakan oleh manusia. Jenis yang kedua adalah hanya untuk kegunaan binatang sahaja. Perkataan tumbuh-tumbuhan نَبَاتٌ dalam ayat ini menggambarkan tentang nikmat dan keseronokan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Selain itu, dalam ayat ini juga menunjukkan bahawa terdapat dua jenis golongan manusia. Golongan pertama ialah golongan yang menggunakan nikmat dunia untuk tujuan kebaikan dan golongan kedua ialah golongan yang menggunakan nikmat dunia untuk tujuan maksiat.

Menurut al-Sa'adiy (2002:2:328), dalam ayat ini Allah S.W.T membuat perbandingan tentang proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan dengan kitaran kehidupan manusia. Kitaran ini melibatkan masa yang singkat dalam kehidupan manusia di dunia dan cara manusia menggunakan nikmat Allah S.W.T. Kitaran tersebut seperti rajah berikut:



Rajah 3.3: Perbandingan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan dengan kehidupan manusia dalam surah Yūnus ayat 24.

6. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Ḥadīd ayat 20:

﴿اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهُوَ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتْرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ﴾

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada tanamannya, kemudian tanaman itu bergerak segar, selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; Akhirnya ia menjadi hancur bersepai”. (57:20)

Menurut Ibn ‘Atṭīaṭ (t.t:27:404), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat merupakan perumpamaan kepada kehidupan manusia di atas muka bumi yang bersifat sementara. Setiap manusia di atas muka bumi ini akan melalui kitaran kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Dunia merupakan nikmat kehidupan dan permainan yang mengasyikkan. Dunia dihiasi dengan pelbagai jenis keseronokan.

Kebanyakan manusia berlumba-lumba untuk mencari keseronokan dunia dan hanya segelintir sahaja yang menyedari hakikat kehidupan dunia yang penuh dengan tipu daya dan bersifat sementara. Golongan ini akan menjadikan dunia sebagai landasan untuk mencari bekalan akhirat. Menurut Ibn ‘Asyūr (t.t:27:404), ayat ini menunjukkan lima peringkat kehidupan manusia yang mempunyai persamaan dengan tumbesaran tumbuh-tumbuhan. Peringkat tersebut ialah:

Jadual 3.2: Peringkat kehidupan manusia dalam surah al-Ḥadīd ayat 20 menurut Ibn ‘Asyūr

Peringkat	Kehidupan manusia	Tumbesaran tumbuhan
اللَّعِبُ (bermain-main)	Kehidupan kanak-kanak yang dipenuhi dengan permainan. Permainan adalah sesuatu yang menyeronokan.	Peringkat awal tumbesaran benih. Hujan (الغَيْثُ) yang turun akan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Petani akan merasa seronok dengan tanaman mereka.
اللَّهُوُ (sia-sia)	Alam remaja manusia yang penuh dengan perkara yang sia-sia. Pada peringkat ini, jiwa muda manusia cenderung kepada aktiviti yang menyeronokan.	Petani (الْكُفَّارُ) berusaha untuk memperbanyakkan tanaman walau pun pada hakikatnya kuasa yang menghidupkan benih adalah kuasa Allah S.W.T.
الزِينَةُ (berhias)	Pada peringkat umur awal dewasa. Manusia mula menghias diri dan persekitaran mereka agar kelihatan menarik. Golongan lelaki menghias diri untuk memikat perempuan dan golongan perempuan pula berhias diri untuk menarik perhatian lelaki. Manusia akan berusaha untuk mendapat perhiasan (nikmat kemewahan hidup) kerana pada peringkat ini tubuh badan mereka sihat dan kuat.	Tumbuh-tumbuhan dijaga dengan rapi agar dapat hidup subur. Pada satu tahap, tumbuh-tumbuhan ini akan mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan yang dapat memberi manfaat kepada manusia.
التَّعَاخُرُ (bermegah-megah)	Peringkat pertengahan dewasa. Manusia akan berbangga dengan apa yang mereka perolehi sama ada dari aspek harta, kepakaran dan kejayaan kehidupan mereka.	Petani bermegah dan berbangga dengan hasil tanaman yang mereka perolehi.
التَّكَاثُرُ (berbanyak-banyak)	Peringkat akhir dewasa (tua). Pada peringkat ini kehidupan manusia dipenuhi dengan harta dan anak-anak. Walaupun begitu, harta yang banyak dan kaum keluarga yang ramai tidak dapat memberi sebarang manfaat. Manusia berada dipenghujung kehidupan mereka di dunia dan tubuh badan sudah menjadi lemah. Manusia akan mati dan harta benda yang mereka kumpul selama ini berpindah kepada kaum keluarganya.	Setelah satu peringkat, tumbuh-tumbuhan yang pernah mengeluarkan hasil pada sebelum ini akan mula bertukar warna menjadi kekuningan (أَصْفَرُ). Ini kerana tumbuh-tumbuhan tersebut sudah tua dan akan musnah. Tumbuh-tumbuhan ini akan mati dan yang tinggal hanyalah biji benihnya sahaja. Para petani akan menyemai biji benih ini pada musim yang lain.

7. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Kahf ayat 45:

﴿وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ
الرياح وكان الله على كل شيء مقيتدرا﴾

Maksudnya: “Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tumbuh-tumbuhan di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (18:45)

Menurut al-Sa’adiy (2002:3:132-133), dalam ayat ini Allah S.W.T membuat perbandingan terhadap golongan musyrikin tentang kehidupan dunia yang mereka banggakan. Perkataan نَبَاتٌ digunakan bersama-sama dengan perkataan مَاءٌ (air) dalam perbandingan ini adalah dua unsur realistik yang hampir dengan persekitaran kehidupan manusia. Unsur realistik ini penting agar manusia dapat memahami dengan mudah tentang perbandingan yang berada di sekitar mereka.

Ayat ini menggambarkan kehidupan manusia di dunia yang bersifat sementara seperti keadaan air hujan yang mengakibatkan tumbuh-tumbuhan bercampur aduk dan menjadi subur. Kesuburan tumbuh-tumbuhan tersebut hanya bersifat sementara. Apabila tumbuh-tumbuhan ini berada pada tahap tertentu, ia akan musnah serta hancur dan berterbangan ditiup angin. Kehidupan manusia di dunia juga seperti tumbuh-tumbuhan, akan tiba masanya manusia akan mati dan jasad mereka akan hancur di dalam tanah.

8. Firman Allah S.W.T dalam surah Āl-‘Imrān ayat 37:

﴿فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا﴾

Maksudnya: “Maka dia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan tumbesaran (didikan) yang baik”. (3:37)

Menurut Ibn Juzāiy (1995:1:187), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini bermaksud membesar dengan didikan yang sempurna dan akhlak yang terpuji³³. Perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini tidak merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan sebenar, tetapi menceritakan tentang

³³ Lihat juga *Ma ‘ānīy Al-Qur’ān* oleh al-Zajjāj (1988:1:402)

perihal didikan yang diterima oleh Maryam a.s ketika waktu kecil. Perkataan نَبَاتٌ di sini menurut al-Farrā' (1955:1:208) ialah kata nama yang mengambil tempat kata terbitan tidak berkala.

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsīy (1993:2:460), diriwayatkan dari Ibn 'Abbās, ketika usia Maryam a.s sembilan tahun, baginda berpuasa sepanjang hari, beribadat sepanjang malam dan tidak melakukan sebarang maksiat. Penggunaan perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini tidak merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan yang sebenarnya, tetapi penggunaan perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini adalah dalam bentuk *al-Majāz* yang merujuk kepada maksud tumbesaran dan perkembangan didikan yang diterima oleh Maryam a.s.

9. Firman Allah S.W.T dalam surah Nūḥ ayat 17:

﴿وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا﴾

Maksudnya: “Dan Allah telah menumbuhkan (mengadakan) kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna”. (71:17)

Menurut al-Zamakhsharīy (1998:6:216), perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini merujuk kepada kejadian manusia dan proses perkembangannya yang sempurna. Proses ini mempunyai persamaan dengan proses pembiakan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan juga berasal dari tanah dan berkembang biak melaluinya. Penggunaan perkataan نَبَاتٌ dalam ayat ini tidak merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan yang sebenarnya, tetapi ia adalah dalam bentuk *al-Majāz* yang merujuk kepada maksud proses tumbesaran dan perkembangan manusia.

3.2 Perkataan نَبَتَ (menumbuhkan) dalam bentuk أَلْفَعْلُ (kata kerja)

Menurut Ibn Manzūr (1996:14:11), perkataan نَبَتَ adalah kata kerja yang mengambil alih tempat kata nama yang bermaksud tumbuhkan, seperti ungkapan: أَنْبَتَ اللَّهُ النَّبَاتَ إِنْبَاتًا yang bermaksud sesungguhnya Allah S.W.T telah menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Taburan ayat Al-Qur'an Al-Karim menunjukkan kebanyakan perkataan نَبَتَ adalah dalam bentuk أَنْبَتْنَا pada pola kata أَفَعَلْنَا yang bermaksud “*Kami telah tumbuhkan*”. Walaupun begitu, terdapat juga ayat dalam bentuk pola kata lain seperti perkataan أَنْبَتَتْ pada pola kata أَفَعَلَتْ, perkataan يُنْبِتُ pada pola kata يُفَعِّلُ, perkataan تُنْبِتُوا pada pola kata تُفَعِّلُوا, perkataan تُنْبِتُ pada pola kata تُفَعِّلُ dan تَنْبِتُ pada pola kata تَفَعَّلُ. Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hijir ayat 19:


﴿وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَوْزُونٍ﴾

Maksudnya: “*Dan Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya*”. (15:19)

Dalam ayat ini, perkataan أَنْبَتَ digabungkan dengan perkataan مَوْزُونٌ. Al-Baiḍāwiy (1998:3:208) mentafsirkan perkataan مَوْزُونٌ sebagai sesuatu yang mempunyai had dan ukuran timbangan tertentu yang diterima akal. Manakala menurut Ibn Zaīd, perkataan مَوْزُونٌ bermaksud emas dan perak³⁴. Perkataan أَنْبَتَ dalam ayat ini bermaksud kami ciptakan yang tidak hanya merujuk kepada tumbuh-tumbuhan, tetapi penggunaan perkataan ini lebih meluas yang meliputi hasil galian seperti emas dan perak. Abū Ḥayyān al-Andalusīy (1993:5:450), merujuk perkataan أَنْبَتَ di sini sebagai melakukan dan mengadakan.

³⁴ Seperti yang dinukilkan dari tafsir *Baḥr al-Muḥāḥ* oleh Abū Ḥayyān al-Andalusīy (1993:5:438).

Menurut al-Marāghiy (1946:14:15), penggunaan perkataan **مَوْزُونٌ** selepas perkataan **أَنْبَتٌ** di sini menunjukkan hubungannya dengan dunia tumbuh-tumbuhan. Perkataan **مَوْزُونٌ** dalam ayat ini merujuk kepada keperluan keseimbangan makanan yang diserap oleh tumbuh-tumbuhan yang mempunyai ketetapan tertentu. Contohnya kandungan kalium yang terdapat dalam tumbuh-tumbuhan. Setiap tumbuh-tumbuhan berbeza keperluan kalium antara satu sama lain. Keperluan kalium pada kadar yang tertentu adalah penting untuk keseimbangan tumbesaran tumbuh-tumbuhan. Contoh keperluan kalium tumbuh-tumbuhan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3.4: Konteks penggunaan perkataan **مَوْزُونٌ** bagi nisbah keperluan kalium untuk tumbuh-tumbuhan menurut al-Marāghiy

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Syua‘rā’ ayat 7:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ أَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ﴾

Maksudnya: “Masihkah mereka berdegil dan tidak memperhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya dari pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?” (26:7)

Menurut al-Marāghiy (1946:19:47), perkataan **أَنْبَتٌ** dalam ayat ini digunakan bersama-sama dengan perkataan **كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ** dalam bentuk pertanyaan yang bermaksud kami tumbuhkan semua jenis tumbuh-tumbuhan seperti pohon-pohon kayu, buah-buahan, sayur-sayuran dan semua jenis rumput. Kesemua jenis tumbuh-tumbuhan ini memberi manfaat kepada makhluk lain seperti manusia dan binatang. Dalam ayat ini, Allah S.W.T meminta supaya manusia melihat dan berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T, tetapi manusia tetap berdegil dan ini mengakibatkan diri mereka menjadi hina.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah Luqmān ayat 10:

﴿وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ﴾

Maksudnya: “Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat”. (31:10)

Menurut Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:7:43), perkataan الرُّوحُ dalam ayat ini dari sudut bahasa bermaksud jenis dan bilangan. Ia tidak bermaksud kepada pasangan kerana perkataan الرُّوحُ berada dalam bentuk tunggal. Perkataan الكَرِيمُ pula merupakan bentuk pujian-pujian yang menunjukkan sesuatu yang baik dan bermanfaat. Berdasarkan kepada penggunaan dua perkataan tersebut (الرُّوحُ dan الكَرِيمُ) bersama-sama perkataan أَنْبَتُ dalam bentuk ayat penyata, tafsiran perkataan أَنْبَتُ merujuk kepada makna “kami jadikan”. Ia merangkumi kejadian tumbuh-tumbuhan, binatang dan hasil galian.

4. Firman Allah S.W.T dalam surah Yāsīn ayat 36:

﴿سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Maha Suci Tuhan Yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; samada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya”. (36:36)

Menurut al-Marāghiy (1946:23:7), setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah secara berpasangan. Pasangan yang diciptakan adalah dari jenis yang berbeza-beza seperti lelaki dan perempuan untuk manusia, jantan dan betina untuk binatang dan tumbuh-tumbuhan, unsur positif dan negatif untuk tenaga elektrik dan siang dan malam untuk fenomena alam dan lain-lain lagi. Perkataan أَنْبَتُ dalam ayat ini merangkumi maksud kami jadikan manusia secara berpasangan dan kami tumbuhkan tumbuh-tumbuhan juga secara berpasangan dari pelbagai jenis sifat, warna, rasa dan bau.


5. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Qāf ayat 7-9:

﴿وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ (٧) تَبْصِرَةً وَذِكْرَى لِكُلِّ عَبْدٍ مُنِيبٍ (٨) وَنَزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُبَارَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ﴾

Maksudnya: “Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan ia sebagai hampan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang indah subur?. (Kami adakan semuanya itu) untuk menjadi perhatian dan peringatan, kepada tiap-tiap seorang hamba Allah yang mahu kembali kepadaNya. Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai”. (50:7-9)

Menurut al-Ṣabūnīy (1980:2:868), antara ciri bahasa Al-Qur’an Al-Karim ialah bertepatan dengan logik akal dan bersesuaian dengan naluri hati manusia. Keindahan bahasa Al-Qur’an Al-Karim tidak hanya pada susunan perkataannya sahaja, tetapi dalam waktu yang sama setiap fakta yang terkandung di dalamnya adalah tepat. Keindahan bahasa Al-Qur’an Al-Karim dan setiap fakta yang terkandung di dalamnya berlaku secara serentak. Keadaan ini merupakan antara ciri-ciri khusus keistimewaan Al-Qur’an Al-Karim dan sebagai bukti yang menunjukkan bahawa Al-Qur’an adalah wahyu dari Allah S.W.T.

Perkataan **أَنْبَتُ** dalam ayat ini bermaksud kami tumbuhkan. Ayat berkaitan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan secara berperingkat-peringkat ialah antara ayat yang menghimpunkan elemen kebenaran fakta dan keindahan bahasa. Dalam ayat ini, terdapat lima elemen alam yang diciptakan oleh Allah S.W.T yang mempunyai hubungan dengan tumbuh-tumbuhan secara langsung. Elemen-elemen tersebut ialah:



Rajah 3.5: Elemen-elemen alam yang terkandung dalam surah al-Qāf ayat 7-9

Menurut Ibn Kathīr (1999:7:396) pula, tumbuh-tumbuhan yang dimaksudkan dalam ayat ini meliputi semua jenis tumbuh-tumbuhan. Manakala biji-bijian pula terdiri daripada gandum, barli, oak, padi dan semua jenis bijirin yang boleh dituai.

6. Firman Allah S.W.T dalam surah ‘Abasa ayat 27:

﴿فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا﴾

Maksudnya: “Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian”. (80:27)

Allah S.W.T menggunakan perkataan فَلْيَنْظُرْ pada ayat yang sebelumnya. Ia bertujuan untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T yang telah menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Seterusnya Allah S.W.T meminta kepada manusia untuk melihat dengan mata dan berfikir dengan akal tentang kekuasaan Allah S.W.T. Perkataan أَنْبَتَ digunakan bersama-sama dengan perkataan biji-bijian الْحَبُّ. Biji-bijian ini merupakan antara elemen tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur’an Al-Karim.

7. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naml ayat 60:

﴿أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا أَإِلَهٌ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ﴾


Maksudnya: “Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid)”. (27:60)

Menurut al-Farrā’ (1955:2:297), dalam ayat ini Allah S.W.T menggunakan perkataan أَنْبَتَ dalam dua bentuk pola kata yang berbeza iaitu pada pola kata أَفْعَلْنَا dan pola kata تُفْعَلُونَ. Perkataan أَنْبَتَ yang pertama adalah merujuk kepada kekuasaan Allah S.W.T untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan yang hijau dan subur dengan kekuasaannya. Manakala perkataan أَنْبَتَ yang kedua pula merujuk kepada keadaan manusia yang tidak mampu menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Perihal ini yang membezakan antara

Pencipta dan makhluk. Ayat ini merupakan beberapa ayat Al-Qur'an Al-Karim yang menggunakan perkataan **أَنْبَتُ** lebih dari sekali dalam satu ayat yang sama.

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāziy (1999:6:414), perkataan **أَنْبَتُ** dalam ayat ini menyatakan bahawa sesungguhnya kekuasaan untuk menghidupkan tumbuh-tumbuhan adalah kuasa mutlak Allah S.W.T. Sekiranya manusia mempunyai kuasa untuk menghidupkan tumbuh-tumbuhan, manusia pasti tidak perlu menyiram, membaja dan menjaga tumbuh-tumbuhan tersebut dengan rapi. Manusia sentiasa berusaha untuk menjaga semaian tersebut sebaik yang mungkin dengan harapan ia hidup dengan subur.

Al-Syaukāniy (t.t:4:146) pula berpendapat sesungguhnya perkataan **أَنْبَتُ** dalam ayat ini merujuk kepada keadaan manusia yang tidak berkemampuan untuk mengeluarkan dan mengadakan sesuatu daripada yang tiada kepada yang ada. Manakala menurut al-Qurṭubīy (2006:3:147), Allah S.W.T menggambarkan tentang kekufuran dan kedegilan manusia untuk beriman kepada kekuasaan Allah S.W.T. Terdapat tiga peringkat kefahaman dalam ayat ini, peringkat-peringkat tersebut ialah:



Rajah 3.6 Tafsiran ayat 60 surah al-Naml oleh al-Qurṭubīy

8. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Şaffāt ayat 146:

﴿وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِنْ يَقْطِينٍ﴾

Maksudnya: “Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar (labu)”. (37:146)

Ayat ini menceritakan tentang pengkisahan Nabi Yūnus a.s selepas ditelan oleh ikan al-Ḥūt. Menurut al-Qāsimiy (1957:1:5063), perkataan أَنْبَتٌ dalam ayat ini bermaksud menumbuhkan. Allah S.W.T menumbuhkan pohon labu untuk melindungi Nabi Yunus a.s dari panas matahari dan gangguan lalat setelah dilepaskan dari perut ikan al-Ḥūt. Baginda a.s terdampar di satu kawasan yang tandus dan gersang, tiada sebarang tumbuh-tumbuhan yang hidup di kawasan tersebut dalam keadaan keletihan dan dipenuhi dengan luka. Lantas Allah S.W.T menumbuhkan pohon labu untuk memberi perlindungan kepada baginda a.s.

9. Firman Allah S.W.T dalam surah Āl-‘Imrān ayat 37:

﴿فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا﴾

Maksudnya: “Maka dia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan tumbesaran (didikan) yang baik”. (3:37)

Menurut Ibn Sīdah (2003:7:191), perkataan أَنْبَتٌ di sini bermaksud نَبَتُ الشَّيْءِ iaitu ditumbuhi sesuatu atau tumbesaran dari kata dasar نَبَتٌ - نَبَتْ - نَبَاتٌ - نَبَاتًا - نَبَاتًا - نَبَاتًا - نَبَاتًا. Perihalannya ini bersandarkan kepada ungkapan syair Zuhayr bin Abū Sulmā (1905:23) tentang gambaran sifat pemurah orang kaya:

"رَأَيْتُ الْحَاجَاتِ حَوْلَ بُيُوتِهِمْ فَطِينًا هُمْ حَتَّى إِذَا أَنْبَتَ الْبَقْلُ"

Maksudnya: “Aku melihat fakir miskin di sekitar perumahan mereka, mereka mendiami perumahan tersebut (dengan makmur) sehingga menjadikannya dipenuhi orang ramai dan ditumbuhi dengan pelbagai jenis sayuran”.

Ayat ini menggunakan pola kata أَفْعَلٌ. Ia merupakan kata kerja *al-Thulāthīy* dengan imbuhan huruf *al-Hamza* di hadapan perkataan. Kebiasaannya pola kata ini berada pada *Fi‘il al-Muta‘a’dīy* yang bermaksud صَارَ (menjadi). Menurut Ibn Juzā‘iy

(1995:1:143), perkataan **أُنْبِتَ** dalam ayat ini bermaksud tumbesaran kanak-kanak dengan didikan yang sempurna dan akhlak yang terpuji. Manakala menurut al-Qurtūbiy (2006:4:3269), perkataan **أُنْبِتَ** dalam ayat ini bermaksud kewujudan dan tumbesaran. Ayat ini menurut al-Zajjāj (1988:1:402) bermaksud: **جَعَلَ نَشْوَهَا نَشْوًا حَسَنًا** iaitu menjadi tumbesarannya membesar (berkembang) dengan baik.

10. Firman Allah S.W.T dalam surah Nūḥ Ayat 17:

﴿وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا﴾

Maksudnya: “Dan Allah telah menumbuhkan (mengadakan) kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sangat sempurna”. (71:17)

Menurut Ibn Sīdah (2003:7:192), perkataan **أُنْبِتَ** dalam ayat ini merupakan kata terbitan tidak berkala (**الْمَصْدَرُ**) yang tidak mengikut pola **الْفِعْلُ**. Ia merujuk kepada maksud tumbuh **نَبَتَ** yang merujuk kepada kejadian manusia. Maksud ayat ini ialah **نَبَتَتْ نَبَاتًا حَسَنًا** iaitu menumbuhkan (mencipta) manusia dengan sebaik-baik pertumbuhan (keadaan).

Perkataan **أُنْبِتَ** dalam ayat ini menurut al-Zamakhshariy (1998:6:217) berada dalam keadaan *al-Isti'āra*³⁵ untuk perkataan **الإِنشَاءُ** yang bermaksud mengadakan. Asal kejadian manusia iaitu Nabi Adam a.s adalah dari segumpal tanah. Tanah yang membentuk jasad Nabi Adam a.s ditiupkan roh ke dalamnya. Dari sini bermulanya perkembangan zuriat manusia dan terus berkembang biak sehingga hari kiamat.

11. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarāṭ ayat 261:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan

³⁵ *Al-Isti'āra* termasuk ialah penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana ada hubungan persamaan serta ada petanda yang menghalang daripada menggunakan perkataan asal. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:11).

pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya. (2:261)

Perkataan **أَنْبَتَتْ** digunakan sebanyak dua kali dalam Al-Qur'an Al-Karim dan salah satu daripadanya adalah dalam ayat ini. Menurut Abū Ḥayyān al-Andalusīy (1993:2:302), perkataan **أَنْبَتَتْ** dalam ayat ini bermaksud bercambah atau menumbuhkan anak tunas yang baru, daripada yang sedikit kepada yang lebih banyak.

Menurut al-Ālūsīy (t.t:3:23) pula, perkataan **أَنْبَتَتْ** dalam ayat ini bermaksud benih yang mengeluarkan tunas, dan dari tunas itu keluarnya tangkai. Setiap tangkai akan mengeluarkan seratus biji buah. Keadaan ini merujuk kepada pohon bijirin seperti gandum, barli, oak, padi dan sebagainya³⁶. Ini kerana, secara logiknya pokok buah-buahan biasa mustahil akan mengeluarkan 100 biji buah pada sebatang tangkai, oleh itu gambaran perihalan ini merujuk kepada tumbuh-tumbuhan dari jenis bijirin.



Rajah 3.7: Contoh tangkai bijirin yang digambarkan Al-Qur'an Al-Karim

12. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Ḥajj ayat 5:

﴿وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ﴾

Maksudnya: *“Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (22:5)*

Perkataan **أَنْبَتَتْ** yang kedua pula seperti dalam surah al-Ḥajj ayat ke-5. Menurut Abū Ḥayyān al-Andalusīy (1993:6:328), perkataan **أَنْبَتَتْ** dalam ayat ini bermaksud hidup daripada sesuatu yang tiada kepada yang ada. Ibn Kathīr (1999:5:398) meriwayatkan

³⁶ Pendapat ini juga disepakati oleh ahli tafsir seperti al-Zamakhshariy (1995:1:393), al-Khāzin (t.t:1:193), al-Ṭabarīy (1968:3:61), al-Baiḍāwīy (1998:1:263) dan al-Nasfiy (t.t:1:193).

bahawa ayat ini merupakan gambaran Allah S.W.T tentang kekufuran manusia terhadap hari kiamat. Allah S.W.T menggambarkan kekuasaanNya untuk menghidupkan kembali manusia sesudah kematian sebagaimana kekuasaan Allah S.W.T menghidupkan tumbuh-tumbuhan daripada tanah yang kering dan gersang. Tiada perkara mustahil bagi Allah S.W.T. Gambaran perbandingan antara manusia dan tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini adalah seperti berikut:

Situasi I	<ul style="list-style-type: none"> • Manusia yang telah mati dan jasadnya hancur di dalam kubur. • Keadaan tanah yang kering dan gersang. Tiada sebarang tumbuh-tumbuhan yang hidup di atasnya.
Situasi II	<ul style="list-style-type: none"> • Allah S.W.T berkuasa untuk membangkitkan manusia dari kubur walau pun jasad mereka telah hancur. • Keadaan di hari akhirat kelak. • Allah S.W.T menurunkan hujan. Tumbuh-tumbuhan mula bercambah.

Rajah 3.8: Perbandingan kebangkitan manusia pada hari akhirat dengan tumbuh-tumbuhan

13. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqaraṭ ayat 61:

﴿فَادْعُ لَنَا رَبَّنَا يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا...﴾

Maksudnya: “Maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya dan timunnya dan bawang putihnya dan adas...” (2:61)

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsīy (1993:2:313), ayat ini menceritakan tentang pengkisahan Nabi Musa a.s dan para pengikutnya dalam kalangan Bani Israel. Pengikut baginda a.s mendesak agar Nabi Musa a.s berdoa kepada Allah S.W.T untuk menghidupkan tumbuhan yang boleh dijadikan makanan. Perkataan تُنْبِتُ dalam ayat ini merujuk kepada kekuasaan Allah S.W.T untuk mengeluarkan dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan secara pantas dan terus membesar tanpa melibatkan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan secara normal.

14. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Mu’minūn ayat 20:

﴿وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبِتُ بِالذُّهْنِ وَصَبِغٍ لِلْأَكْلِينَ﴾

Maksudnya: “Dan pokok yang tumbuh di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan”. (23:20)

Menurut Al-Farrā' (1955:2:232), terdapat dua bentuk bacaan pada perkataan تُنْبِثُ dalam ayat ini. Bentuk pertama ia dibaca dengan tanda *al-Dammāt* pada huruf *al-Tā'* dan *al-Kasrat* pada huruf *al-Bā'* تُنْبِثُ yang merujuk kepada maksud نَبَتِ الْأَرْضِ. Bentuk bacaan kedua pula ialah ia dibaca dengan tanda *al-Fatḥat* pada huruf *al-Tā'* dan tanda *al-Dammāt* pada huruf *al-Bā'* تُنْبِثُ yang merujuk kepada maksud أَنْبَتَتْ. Perihalan ini sama dengan bentuk ayat مَطَرَتِ السَّمَاءُ dan أَمْطَرَتْ.

Sekiranya ayat ini dibaca dalam bentuk تُنْبِثُ, ayat ini bermaksud pokok الدُّهْنُ (*al-Duhn*) yang mengeluarkan minyak. Huruf *al-Bā'* dalam ayat ini merupakan partikel الرَّائِدَةُ (tambahan). Sekiranya ayat ini dibaca dalam bentuk تُنْبِثُ, ayat ini bermaksud pokok yang mengeluarkan minyak seperti pokok zaitun. Huruf *al-Bā'* dalam ayat ini merupakan partikel genitif yang bermaksud الْمَعِيَّةُ (bersama-sama). Maksud ayat ini تَخْرُجُ وَمَعَهَا (keluar bersamanya) seperti ayat خَرَجَ زَيْدٌ بِسِلَاحِهِ yang bermaksud Zaid keluar bersama-samanya dengan membawa senjata.

15. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naḥl ayat 11:

﴿يُنْبِثُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ﴾

Maksudnya: “Dia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan kurma serta anggur dan juga dari segala jenis buah-buahan”. (16:11)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:14:115), perkataan يُنْبِثُ dalam ayat ini disandarkan kepada Allah S.W.T bagi menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T yang menumbuhkan dan mengurniakan pelbagai nikmat kepada hambaNya. Allah S.W.T menumbuhkan dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan untuk dimanfaatkan oleh manusia. Kekuasaan Allah S.W.T untuk menumbuhkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan ini mengajak agar manusia berfikir tentang kebesaran Allah S.W.T dan seterusnya beriman kepada Allah S.W.T. Manakala menurut Ibn Kathīr (1999:4:561), perkataan يُنْبِثُ dalam ayat ini bermaksud يُخْرِجُهَا مِنَ الْأَرْضِ (mengeluarkan dari bumi).

Al-Baiḍāwiy (1998:3:188) pula memperincikan tafsiran perkataan يُنْبِتُ dalam ayat ini dengan menyatakan: *“Sesungguhnya biji benih yang terdapat dalam tanah menerima kelembapan melalui air hujan. Gabungan biji benih dan kelembapan tersebut maka keluarlah tunas dari bahagian atas, dan akar dari bahagian bawah. Biji benih tersebut membesar dan mengeluarkan daun, ranting, bunga dan buah-buahan”*.

3.3 Perkataan الشَّجَرَةُ (pokok) dalam Al-Qur'an Al-Karim

Menurut Ibn Manẓūr (1995:7:33), perkataan الشَّجَرَةُ bermaksud pokok iaitu tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang. Kata jama' perkataan الشَّجَرَةُ ialah الشَّجَرَاتُ, الشَّجَرُ dan الأشجار. Tempat yang banyak pokok pula dikenali dengan nama شَجِيرَةٌ dan شَجَرَاءٌ³⁷. Al-Azhariy (1976:12:353) pula menyatakan bahawa perbezaan antara tumbuh-tumbuhan dari jenis pokok dan tumbuh-tumbuhan lain ialah tunas tumbuhan dari jenis pokok akan kekal pada musim sejuk dan bercambah semula selepasnya. Manakala tumbuh-tumbuhan yang bukan dari jenis pokok pula hanya ditanam untuk tempoh satu musim dan akan mati apabila dituai. Ia perlu disemai semula pada tahun berikutnya. Contoh tumbuh-tumbuhan tersebut seperti sayur-sayuran, kekacang, rumput dan sebagainya. Tumbuh-tumbuhan jenis ini dikenali sebagai النَّجْمُ³⁸ iaitu tumbuh-tumbuhan yang melata di atas tanah seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Raḥmān ayat ke-6:

﴿وَالنَّجْمِ وَالشَّجَرِ يَسْجُدَانِ﴾

Maksudnya: *“Dan tumbuh-tumbuhan melata serta pokok-pokok kayu, masing-masing tunduk menurut peraturannya”*. (55:6)

Perkataan pokok diulang sebanyak 26 kali dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam lima topik perbincangan yang berbeza antara satu sama lain. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Perkataan merujuk kepada pokok yang berada di syurga dan neraka.
- ii. Perkataan yang disandarkan kepada pengkisahan nabi-nabi tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T.
- iv. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan.
- v. Perkataan pokok yang digunakan secara umum yang menunjukkan pokok-pokok juga merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadanya.

³⁷ Lihat *al-Sihhaḥ* oleh al-Jawhariy (1990:2:693).

³⁸ Lihat *'I'rāb Al-Qur'ān* oleh al-Nuḥḥās (2008:852), *Ma'ānī Al-Qur'ān* oleh al-Zajjāj (1988:4:314).

3.3.1 Perkataan merujuk kepada pokok yang berada di syurga dan neraka

Pokok yang berada di syurga dinyatakan dalam pengkisahan Nabi Adam a.s. Dalam pengkisahan ini, Allah S.W.T telah memerintahkan Nabi Adam a.s dan isterinya agar tidak menghampiri sebatang pokok yang terdapat di dalam syurga. Walau pun begitu, syaitan telah memperdayakan Nabi Adam a.s dan isterinya sehingga mereka berdua telah mengingkari perintah Allah S.W.T. Pengkisahan ini diceritakan dalam empat ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat berikut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat 35:

﴿وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ﴾

Maksudnya: “Dan Kami berfirman: Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja yang kamu berdua sukai dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu menghampirinya), maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim”. (2:35)

2. Firman Allah dalam surah al-'A'rāf ayat 19-20:

﴿وَيَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ﴾
(١٩) فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْآتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَتَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ﴾

Maksudnya: “Dan wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga serta makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja yang kamu berdua sukai dan janganlah kamu menghampiri pokok ini, (jika kamu menghampirinya), maka akan menjadilah kamu dari orang-orang yang zalim (19). Setelah itu maka syaitan membisikkan kepada mereka berdua supaya (dapatlah) dia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang tertutup dari (pandangan) mereka, sambil dia berkata: Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini, melainkan (kerana dia tidak suka) kamu berdua menjadi dari orang yang kekal”. (7:19-20)

3. Firman Allah S.W.T dalam surah Taha ayat 120:

﴿فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبُلَى﴾

Maksudnya: “Setelah itu maka syaitan membisikkan kepadanya, dengan berkata: Wahai Adam, mahukah aku tunjukkan kepadamu pokok yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap”. (20:120)

4. Firman Allah S.W.T dalam surah al-'A'rāf ayat 22:

﴿فَدَلَاهُمَا يُعْرُوْرٍ فَلَمَّا ذَاقَا الشَّجْرَةَ بَدَتْ لهُمَا سِوَاهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ وَنَادَاهُمَا رَبُّهُمَا أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَنْ تِلْكَ الشَّجْرَةِ وَأَقْبَلْ لَكُمَا إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ﴾

Maksudnya: “Dengan sebab itu dapatlah ia menjatuhkan mereka berdua (ke dalam larangan) dengan tipu dayanya. Setelah mereka memakan (buah) pokok itu, terdedahlah kepada mereka aurat masing-masing dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun (dari) syurga. Serta Tuhan mereka menyeru mereka: Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu dan Aku katakan kepada kamu, bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata? (7:22)

Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubāir dan Ju'dat bin Hubairat r.a mentafsir perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok الْكُرْمُ (anggur). Oleh sebab itu manusia diharamkan daripada meminum arak. Ini kerana arak dihasilkan dari perahan buah anggur. Selain itu, Ibn 'Abbās, Abū Mālik dan Qatādāṭ r.a mentafsirkan perkataan pokok dalam ayat ini sebagai sejenis pokok gandum yang rasanya lebih manis dari madu dan teksturnya lebih lembut daripada margerin. Manakala Ibn Jurayh r.a pula mentafsir perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok Tin³⁹.

Pokok yang terdapat di dalam neraka pula ialah pokok al-Zaqqūm. Perihal ini dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Sāffāt ayat 64:

﴿إِنَّهَا شَجْرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ﴾

Maksudnya: “Sebenarnya ia sebatang pokok yang tumbuh di dasar neraka yang marak menjulang”. (37:64)

Ahli tafsir merujuk perkataan شَجْرَةٌ dalam ayat ini sebagai pokok al-Zaqqūm. Pokok ini merupakan pokok yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam peristiwa Isra dan Mikraj⁴⁰. Allah S.W.T menegaskan bahawa pokok ini adalah pokok yang dilaknat. Firman Allah S.W.T dalam surah al-'Isrā' ayat 60:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّؤْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجْرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُحَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا﴾

³⁹ Lihat, Tafsīr al-Marāghīy (1946:1:86), Tafsir al-Qanūjīy (1992:1:135), Tafsīr al-Ṭabarīy (2001:1:551), Tafsir al-Qurṭubīy (2006:1:454).

⁴⁰ Lihat Tafsir Ibn Qutaibaṭ (1978:258), Tafsir Ibn al-Jawzīy (1983:7:63), *Kalimāt al-Qur'ān* Tafsir oleh Muhammad Makhlūf (1995:159), Tafsīr al-Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1996:26:142), Tafsir al-Baidāwīy (1998:2:309), *Fī Zilāl Al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (2003:4:2237, 5:2988, 6:3465).

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmuNya dan kekuasaanNya) dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran dan Kami beri mereka takut (dengan pelbagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau”. (17:60)

Pokok *al-Zaqqūm* ini dinyatakan secara jelas oleh Allah S.W.T dalam tiga ayat lain dalam Al-Qur’an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Şāffāt ayat 62:

﴿أَذَلِكْ حَيْرٌ نُّزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزُّقُومِ﴾

Maksudnya: “Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang termaklum itu atau pokok al-Zaqqūm?” (37:62)

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Dukhān ayat 43:

﴿إِنَّ شَجَرَتَ الزُّقُومِ﴾

Maksudnya: “(Ingatlah), sesungguhnya pokok al-Zaqqūm”. (44:43)

3. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī‘at ayat 52:

﴿لَا يَكُلُونَ مِنْ شَجَرٍ مِنْ زُقُومٍ﴾

Maksudnya: “Tetap akan memakan (pada hari itu) dari sebatang pokok, iaitu pokok zaqqūm”. (56:52)

Terdapat tiga bentuk penggunaan perkataan الشَّجَرَةُ yang disandarkan kepada perkataan *al-Zaqqūm* dalam semua ayat ini. Bentuk pertama ialah penggunaan perkataan الشَّجَرَةُ dalam keadaan kata *jama*’ iaitu شَجَرٌ seperti yang terdapat dalam surah al-Wāqī‘at ayat 52. Bentuk kedua pula ialah penggunaan perkataan الشَّجَرَةُ dalam keadaan kata tunggal dengan menggunakan huruf التَّاءُ الْمَفْتُوحَةُ (*al-Tā’ al-Maftūḥat*) seperti yang terdapat dalam surah al-Dukhān ayat 43. Manakala bentuk ketiga pula ialah penggunaan perkataan الشَّجَرَةُ dalam keadaan kata tunggal dengan menggunakan huruf التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ (*al-Tā’ al-Marbūṭat*) seperti yang terdapat dalam surah al-Şāffāt ayat 62.

Menurut al-Zarkasyīy (1984:1:415), penggunaan perkataan pokok dalam tiga bentuk yang berbeza adalah antara bukti yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an Al-Karim adalah wahyu dari Allah S.W.T. Sekiranya Al-Qur'an Al-Karim adalah ciptaan Nabi S.A.W, pasti semua bentuk perkataan *الشَّجَرَةُ* dalam semua ayat ini dalam keadaan satu bentuk sahaja. Huruf *al-Tā'* pada perkataan *الشَّجَرَةُ* bermaksud *al-Fiil al-Lāzim*, manakala huruf *al-Tā'* pada perkataan *الشَّجَرَةُ* adalah kerana dalam keadaan kata nama.

3.3.2 Perkataan pokok yang disandarkan kepada pengkisahan nabi-nabi

Terdapat tiga pengkisahan para nabi a.s yang disandarkan kepada perkataan pokok dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pengkisahan-pengkisahan tersebut ialah:

1. Pengkisahan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat dalam peristiwa perjanjian *al-Riḍwān* di Ḥudaibiyyat. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fath ayat 18:

﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon; maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka”. (48:18)

Taat setia dalam ayat ini merujuk kepada peristiwa perjanjian *al-Riḍwān*. Perjanjian *al-Riḍwān* berlaku pada tahun ke-7 hijrah untuk menuntut bela atas khabar tentang kematian utusan Nabi S.A.W (Uthmān bin ‘Affān r.a) kepada penduduk Arab Quraisy Makkah. Seramai 1400 orang sahabat telah bersama-sama berjanji untuk taat setia bersama-sama dengan Nabi S.A.W. Setelah pengkhabaran tentang perjanjian ini sampai kepada penduduk Quraisy, mereka mula merasa takut dan melepaskan Uthmān bin ‘Affān r.a yang pada awalnya dikhabarkan telah terbunuh⁴¹. Al-Marāghīy (1946:26:100) merujuk perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok *السَّمُرَةُ* (*al-Samurit*) atau *الطَّلْحُ* dari spesies pokok *akasia tortilis*.

⁴¹ Lihat Tafsir al-Ṣabūnīy (1980:3:223), Tafsir Ibn Juzāyī (1995:2:349), Tafsir Ibn Kathīr (1999:7:315), Tafsir al-Baidāwīy (1998:3:297).

2. Pengkisahan kedua pula ialah pengkisahan Nabi Musa a.s yang mendapat wahyu dari Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Qaşaş ayat 30:

﴿فَلَمَّا أَتَاهَا نُودِيَ مِنْ شَاطِئِ الْوَادِ الْأَيْمَنِ فِي الْبُقْعَةِ الْمُبَارَكَةِ مِنَ الشَّجَرَةِ أَنْ يَا مُوسَى إِنِّي أَنَا اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: “Maka ketika dia sampai ke tempat api itu, (kedengaran) dia diseru dari tepi lembah yang di sebelah kanan, di tempat yang dilimpahi berkat, dari arah pokok kayu (di situ): Wahai Musa, sesungguhnya Akulah Allah Tuhan sekalian alam”. (28:30)

Ibn Mas‘ūd r.a merujuk perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok الكَسْمُرَةُ (*al-Samurit*) atau الطَّلْحُ dari spesies pokok *akasia tortilis*. Qatādāt, Maqātil, al-Kalbīy dan Ibn al-Sā’ib r.a merujuk perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok عَوْسَجٌ dari spesies pokok goji atau pokok عَرَفْدٌ. Manakala Ibn ‘Abbās r.a pula merujuk perkataan pokok dalam ayat ini sebagai pokok عُنَابٌ dari spesies pokok *zizyphus jujube*⁴².

3. Pengkisahan ketiga pula ialah kisah Nabi Yūnus a.s dalam surah al-Şaffāţ ayat 146:

﴿وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِنْ يَقْطِينٍ﴾

Maksudnya: “Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar”. (37:146)

Ahli tafsir merujuk perkataan pokok (شَجَرَةً) dalam ayat ini sebagai pokok labu (al-Qāsimiy1957:1:5063).

⁴² Tafsir Ibn al-Jawzīy (1983:6:218), Tafsir al-Baghawīy (1992:6:206), Tafsir al-Qurtubīy (2006:16:274).

3.3.3 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T

Terdapat enam ayat yang menggunakan perkataan pokok dalam topik ini. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naḥl ayat 10:

﴿هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ﴾

Maksudnya: “Dialah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: Makan padanya”. (16:10)

Menurut Ibn Juzāyī (1995:1:459), ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T menurunkan hujan untuk kegunaan manusia, binatang dan pokok kayu.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naml ayat 60:

﴿أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا أَئِلَٰهَةٌ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ﴾

Maksudnya: “Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).”. (27:60)

Ayat ini telah dibincangkan pada bahagian awal dalam bab ini.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah Yāsīn ayat 80:

﴿الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ﴾

Maksudnya: “Tuhan yang telah menjadikan api dari pokok-pokok yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api darinya”. (36:80)

Terdapat dua pendapat ahli tafsir berkaitan dengan tafsiran perkataan الشَّجَرُ الْأَخْضَرُ dalam ayat ini. Pendapat pertama merujuk perkataan الشَّجَرُ الْأَخْضَرُ sebagai *al-Majāz*⁴³. Maksud sebenar ayat ini ialah pokok-pokok kayu yang sudah mati dan kering yang digunakan sebagai bahan bakar. Menurut Ibn Kathīr (1999:3:172), tafsiran ayat ini bermaksud Allah S.W.T menghidupkan pokok kayu yang hijau dan basah daripada sumber air. Apabila sampai satu peringkat, pokok-pokok ini akan mati dan kering. Pokok-pokok yang sudah mati dan kering ini akan dijadikan sebagai bahan bakar untuk menghasilkan api. Maksud ayat tersebut ialah tumbuh-tumbuhan hijau yang telah mati dan kering yang dibakar, tetapi yang disebut ialah tumbuh-tumbuhan yang masih hijau dan basah. Ia dikenali sebagai باعْتِبَارِ مَا كَانَ الْعَلَاقَةُ iaitu hubungan antara yang sekarang yang disebut dengan yang akan datang yang dikehendaki.

Ibn ‘Asyūr (1984:23:76) berpendapat bahawa perkataan الشَّجَرُ الْأَخْضَرُ dalam ayat ini tidak merujuk kepada maksud warna hijau pokok, tetapi ia adalah *al-Kināyat*⁴⁴ kepada keadaan الرُّطُوبَةُ⁴⁵ (lembab) yang terdapat pada pokok kayu yang hidup. Sekiranya elemen kelembapan ini hilang, pokok-pokok tersebut akan bertukar warna dan akan kering serta mati. Manakala al-Marāghīy (1946:23:38) pula menjelaskan ayat ini bermaksud Allah S.W.T telah menghidupkan pokok-pokok kayu daripada sumber air. Pokok-pokok ini akan membesar dan menghijau. Akhirnya pokok-pokok ini akan mati dan kering. Pokok yang sudah kering ini dijadikan sebagai bahan bakar. Allah S.W.T berkuasa untuk mengembalikan kelembapan yang terdapat pada biji benih setelah ia bercampur dengan air. Seterusnya Allah S.W.T juga berkuasa untuk menghilangkan kelembapan ini sehingga ia boleh dijadikan sebagai bahan bakar.

Al-Zarkasyīy (1984:3:457) membincangkan perihalan ini dalam bidang balāghat Al-Qur’an Al-Karim dari sudut keindahan dan kehalusan gaya bahasa التَّدْبِيحُ الْبَدِيعِيُّ (*al-*

⁴³ *al-Majāz* ialah perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi tetapi mengikut kewajaran. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:152).

⁴⁴ *Al-Kināyat* ialah perkataan yang maknanya tersirat di samping boleh menggunakan makna asalnya kerana tiada petanda yang menghalangnya. Ibid:1996:145.

⁴⁵ Lihat juga tafsir al-Sa‘adīy (2002:700).

Tadbīj al-Badī'iy)⁴⁶. Beliau berpendapat ayat ini termasuk dalam tajuk *al-Ṭibāq al-Khafīy*)⁴⁷. Ayat ini menghimpunkan dua perihalan perkataan yang berlawanan dalam satu ayat iaitu warna hijau yang terdapat pada pokok kayu dan warna merah yang terdapat pada api. Kedua-dua warna ini adalah berlawanan sifatnya antara satu sama lain. Warna hijau pada pokok adalah bersifat sejuk dan basah, manakala warna merah pada api pula bersifat panas dan kering. Kitaran hidup tumbuh-tumbuhan hijau bermula daripada titisan air yang sifatnya sejuk dan basah bercampur aduk dengan tanah dan biji benih. Sifat ini adalah berlawanan dengan sifat api yang panas dan kering.

Pendapat kedua pula merujuk perkataan *الشَّجَرُ الْأَخْضَرُ* sebagai sejenis tumbuh-tumbuhan. Menurut al-Qatādāṭ, perkataan *الشَّجَرُ* dalam ayat ini merujuk kepada pokok *الْمَرْحُ* (*al-Markh*) atau nama saintifiknya *leptadenia pyrotechnica* dan pokok *الْعَفَاؤُ* (*al-'Afār*) atau nama saintifiknya *Arbouse* yang tumbuh di kawasan Hijāz⁴⁸.

Al-Baiḍāwīy (1998:16:199) pula menjelaskan bahawa pokok hijau dalam ayat ini ialah pokok *al-Markh* dan *al-'Afār*. Kedua-dua pokok ini akan mengeluarkan api apabila kedua-dua kayu dari pokok ini digeselkan bersama-sama dengan air. Dalam kalangan masyarakat Arab, perihalan tumbuh-tumbuhan hijau boleh mengeluarkan api merupakan satu fenomena yang sedia maklum. Ia dapat dilihat dalam peribahasa dan syair mereka. Dalam buku *Jamharat al-Amthāl* oleh Abū Hilāl al-'Askariy (1988:2:81), terdapat peribahasa yang menggambarkan tentang perihalan kedua-dua pokok ini, iaitu:

فِي كُلِّ شَجَرٍ نَارٌ وَاسْتَمَجَدَ الْمَرْحُ وَالْعَفَاؤُ

Maksudnya : “Dalam setiap pokok terdapat api, dan lebih banyak api dalam pokok *al-Markh* dan *al-'Afār*”.

Syarahnya : “Setiap orang mempunyai kelebihan masing-masing, dan dalam ramai-ramai itu pastinya ada seorang yang terbaik”.

Peribahasa lain yang berbunyi:

أَرْخَ يَدَيْكَ وَاسْتَرْخِ إِنَّ الزَّنَادَ مِنْ مَرْخٍ

⁴⁶ *Al-Tadbīj al-Badī'iy* ialah proses menggunakan warna dalam kata-kata pujian dan sebagainya dengan tujuan *kināyat* atau *tawriyyat*. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:65).

⁴⁷ *Al-Ṭibāq al-Khafīy* ialah ungkapan yang mengandungi dua perkataan yang berlawanan erti atau jenis yang unsurnya tidak jelas kelihatan.

⁴⁸ Lihat Tafsir Ibn Qutaibāṭ (1978:368), *Kitāb al-Nabāt wa al-Syajar* oleh al-'Aṣma'iy (1908:52).

Maksudnya : “Ringankan tangan dari meminta-minta, sesungguhnya nyalaan api itu pokok Markh”.

Syarahnya : “Jangan suka meminta-minta walau pun sahabatmu itu seorang yang sangat pemurah, memadaiilah menyalakan api yang kecil dari pokok Markh yang sememangnya boleh mengeluarkan api yang besar”.

Dalam proses untuk menyalakan api dari kedua-dua pokok ini, pokok *al-‘Afar* akan berada di kedudukan atas manakala pokok *al-Markh* pula berada di kedudukan bawah. Kedua-dua batang pokok ini akan digeserkan antara satu sama lain. Tatacara kedudukan kedua-dua batang pokok ini telah sedia maklum dalam kalangan masyarakat Arab sehingga mereka menggunakan perihalan ini dalam syair mereka seperti yang terdapat dalam *Diwān* al-Kumait bin Zaid al-‘Asadiy (2000:74):

إِذَا الْمَرْحُ لَمْ يُورِ تَحْتَ الْعَفَارِ وَضُنَّ بِقَدْرِ فَلَمْ تُعَقَّبْ

Maksudnya : “Apabila pokok *al-Markh* tidak dinyalakan di bawah pokok *al-‘Afar*, dan memadaiilah dengan periuk yang tidak dinyalakan”.

Syarahnya : “Seseorang yang telah sedia mulia dan terpuji tidak memerlukan kepada sebarang pujian dan cacian dari orang lain”.

‘Abd al-Mun’im Fahim al-Hadiy (1996:114) berpendapat bahawa terdapat beberapa ayat dalam Al-Qur’an Al-Karim yang sentiasa berkembang dari aspek tafsirannya dari masa ke masa berdasarkan tahap kemajuan tamadun manusia. Ayat ini adalah antara ayat yang akan sentiasa berkembang tafsirannya bersesuaian dengan tahap kemajuan yang dicapai oleh manusia. Tafsiran ayat ini bermula dari tafsiran yang merujuk kepada pokok pokok *al-Markh* dan *al-‘Afār* berkembang kepada proses penghasilan arang kayu dari pokok kayu yang masih basah. Tafsiran terakhir ayat ini ialah merujuk kepada petroleum yang terhasil daripada proses pereputan tumbuh-tumbuhan hijau dan haiwan yang berlaku pada ratusan tahun yang lampau. Petroleum kini menjadi bahan bakar yang terpenting dalam menghasilkan sumber tenaga kepada manusia. Dalam perkembangan sains dan teknologi moden, tafsiran ayat ini boleh juga merujuk kepada maksud penghasilan biodiesel sebagai sumber tenaga alternatif kepada manusia.

4. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī‘at̃ ayat 72:

﴿أَأَنْتُمْ أَنْشَأْتُمْ شَجَرَتَهَا أَمْ نَحْنُ الْمُنْشِئُونَ﴾

Maksudnya: “Kamukah yang menumbuhkan pokoknya atau Kami yang menumbuhkannya?” (56:72)

Ayat ini merupakan pertanyaan Allah S.W.T kepada orang kafir yang mendustakan ayat Allah S.W.T. Pertanyaan tersebut adalah berkaitan dengan adakah terdapat kuasa lain yang dapat menghidupkan pokok kayu selain dari kuasa Allah S.W.T. Ayat ini juga merupakan kesinambungan maksud ayat 80 dari surah Yāsīn yang menunjukkan bahawa Allah S.W.T berkuasa untuk mengeluarkan tenaga dari pokok hijau.

5. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Mu'minūn ayat 20:

﴿وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبُتُ بِالذُّهْنِ وَصَبْغٍ لِأَكْلِينَ﴾

Maksudnya: “Dan pokok yang tumbuh di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan”. (23:20)

Ayat ini telah dibincangkan pada bahagian awal dalam bab ini.

6. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naḥl ayat 68:

﴿وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia”. (16:68)

Menurut Ibn Juzayy (1995:1:468), ayat ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T telah memberi ilham dan petunjuk kepada lebah untuk membuat sarang di tiga tempat, iaitu di gunung, di pokok-pokok kayu atau di tempat-tempat yang dibina oleh manusia. Ia merupakan kekuasaan Allah S.W.T yang mencipta pelbagai jenis makhluk dari kalangan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

3.3.4 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan

Terdapat tiga ayat yang menggunakan perkataan pokok dalam topik ini. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah Ibrāhīm ayat 24-26:

﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ (٢٤) تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ (٢٥) وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: Kalimah yang baik adalah seperti pokok yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (24) Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). (25) Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti pokok yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup*”. (14:24-26)

Ayat ini telah dibincangkan pada bahagian awal dalam bab ini.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah Luqmān ayat 27:

﴿وَلَوْ أَنَّ مَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نَفِدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ﴾

Maksudnya: “*Dan sekiranya segala pokok yang ada di bumi menjadi pena dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis*”. (31:27)

Ayat ini merupakan perbandingan yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T tentang keluasan ilmu yang dimiliki olehNya. Perihal ini dinyatakan oleh Allah S.W.T sekiranya semua pokok kayu yang berada di bumi dijadikan sebagai pena, dan lautan dijadikan sebagai dakwat dengan didatangi lagi tujuh lautan tambahan, ilmu Allah S.W.T tetap tidak akan habis ditulis. Perkataan “tujuh lautan” dalam bentuk *al-Mubālaghat* (hiperbola) iaitu menunjukkan kepada sesuatu yang bersifat banyak. Menurut al-Sa’adīy (2002:433), perbandingan yang digunakan dalam ayat ini adalah dari jenis *تمثيل تقريّب*

المعنى (*Tamthīl Taqrīb al-Ma’nā*) iaitu menggunakan unsur-unsur yang mudah untuk

difahami maksudnya. Penggunaan perkataan pokok dan lautan adalah dua unsur yang hampir dengan kehidupan manusia, dan manusia mampu memahaminya dengan mudah.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah an-Nūr ayat 35:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ
دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ...﴾

Maksudnya: “Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayat petunjuk Allah adalah sebagai sebuah "misykāt" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca, geluk kaca itu pula laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok zaitun yang banyak manfaatnya yang bukan sahaja disinari matahari tidak di Timur dan tidak pula di Barat...”(24:35)

Ayat ini akan dibincangkan dalam bab kelima dalam kajian ini.

3.3.5 Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya

Terdapat dua ayat yang membincangkan perihalan ini dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hajj ayat 18:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ
وَالدَّوَابُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan dan bintang-bintang dan gunung-ganang dan pokok-pokok dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia?*”(22:18)

2. Firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Rahmān ayat 6:

﴿وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ﴾

Maksudnya: “*Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pokok-pokok kayu, masing-masing tunduk menurut peraturanNya*”. (55:6)

Kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa selain daripada manusia, tumbuh-tumbuhan yang melata dan pokok-pokok kayu juga sentiasa sujud kepada Allah S.W.T. Menurut Ibn ‘Abbas, al-Sudaiy dan Sufyān, perkataan النَّجْمُ dalam ayat ini bermaksud tumbuh-tumbuhan melata dan tidak bermaksud bintang sebagaimana tafsiran sebahagian ahli tafsir seperti Mujahid, Qatadaṭ dan al-Ḥassan. Ini kerana sandaran perkataan الشَّجَرُ selepas perkataan النَّجْمُ.

Dalam ayat ini terdapatnya gaya bahasa التَّوْرِيَّةُ (*al-Tawriyyat*). Gaya bahasa *al-Tawriyyat* bermaksud satu perkataan mempunyai sebutan yang sama, tetapi hakikatnya mempunyai dua makna yang berbeza, makna yang hampir dan makna yang jauh. Pendengar beranggapan makna hampir itu yang dimaksudkan oleh penutur, tetapi sebaliknya penutur bermaksud kepada makna yang jauh.⁴⁹

⁴⁹ Lihat tafsir Ibn ‘Attiāṭ (2007:8:160).

3.4 Penutup

Kesimpulan keseluruhan bab ini ialah:

Terdapat dua bentuk perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama ialah perkataan النَّبَاتُ (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk الْأَسْمُ (kata nama) yang berasal dari perkataan نَبَتٌ. Manakala bentuk kedua pula ialah perkataan أَنْبَتَ (tumbuhkan) dalam bentuk الْفِعْلُ (kata kerja) yang berasal dari perkataan نَبَتَ.

Perkataan الشَّجَرَةُ (pokok) adalah sebahagian daripada perkataan yang merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Kekerapan penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk kata nama dalam ayat Al-Qur'an Al-Karim adalah sebanyak 9 kali. Manakala kekerapan penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk kata kerja pula sebanyak 17 kali. Terdapat satu ayat yang mengulangi penggunaan kata kerja tumbuhkan sebanyak dua kali. Ayat tersebut ialah ayat 60 dari surah al-Naml.

Kata kerja نَبَتَ dalam Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada tujuh pola kata yang berbeza.

Pola kata yang paling banyak digunakan ialah pola kata أَفْعَلْنَا untuk perkataan أَنْبَتْنَا. Pola kata أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَتَكُمْ dan perkataan أَنْبَتَهَا. Pola kata yang lain pula ialah أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَتْتُ, يُفْعَلُ untuk perkataan يُنْبِتُ, تُفْعَلُوا untuk perkataan تُنْبِتُوا, تُفْعَلُ untuk perkataan تُنْبِتُ dan تَفْعَلُ untuk perkataan تَنْبِتُ.

Makna asal perkataan نَبَتٌ dan نَبَتَ adalah merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan.

Walaupun begitu, ada ketikanya penggunaan perkataan نَبَتٌ dan نَبَتَ dalam konteks yang berlainan akan mengakibatkan perubahan pada makna penggunaannya. Makna perkataan النَّبَاتُ dalam bentuk kata nama yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti berikut:

Jadual 3.3: Makna perkataan النَّبَاتُ

Bil	Perkataan نَبَاتٌ	Makna نَبَاتٌ
1.	Al-An'ām: 99	Rezeki
2.	Al-Naba': 15 Al-'A'rāf: 58	Tumbuh-tumbuhan hijau yang basah dan boleh dimakan terus seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin. Tumbuh-tumbuhan yang tidak dimakan buahnya oleh binatang dan serangga, tetapi manfaatnya diperolehi terus dari tumbuhan tersebut seperti rumput, lalang, tembakau dan sayur-sayuran.
3.	Ṭaha: 53	Tumbuh-tumbuhan yang berpasangan.
4.	Yūnūs: 24	Nikmat dan keseronokan yang Allah S.W.T anugerahkan kepada manusia.
5.	Al-Ḥadīd: 20 Al-Kahf: 45	Kehidupan manusia di atas muka bumi ini yang hanya bersifat sementara.
6.	Āl-'Imrān: 37	Membesar dengan didikan yang sempurna dan akhlak yang terpuji.
7.	Nūḥ: 17	Kejadian dan perkembangan manusia yang sempurna.

5. Makna perkataan نَبَاتٌ yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim seperti berikut:

Jadual 3.4: Makna perkataan نَبَاتٌ

Bil	Perkataan نَبَاتٌ	Makna نَبَاتٌ
1.	Al-Hijir: 19 Luqmān: 10	Kami ciptakan tumbuh-tumbuhan, binatang dan hasil galian seperti emas dan perak.
2.	Al-Syua'rā': 7 Al-Qāf: 7-9 'Abasa: 27 Al-Naml: 60 Al-Ṣāffāt: 146 Al-Naḥl: 11 Al-Hajj: 5	Kami tumbuhkan semua jenis tumbuh-tumbuhan. Kami tumbuhkan daripada sesuatu yang tiada kepada yang ada.
3.	Yāsīn: 36	Kami jadikan manusia, binatang dan haiwan secara berpasangan.
4.	Āl-'Imrān: 37	Kami besarkan dengan didikan.
5.	Nūḥ: 17	الإِنشَاء (mengadakan).
6.	Al-Baqaraṭ: 261	Bercambah atau menumbuhkan anak tunas yang baru, daripada yang sedikit kepada yang lebih banyak.
7.	Al-Baqaraṭ: 61	Kekuasaan Allah S.W.T yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan secara pantas dan terus membesar tanpa melibatkan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang normal.
8.	Al-Mu'minūn: 20	تَخْرُجُ وَمَعَهَا (keluar bersamanya).

Tumbuh-tumbuhan yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah dari pelbagai jenis bentuk, sifat dan warna. Terdapat tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang dan ada pula yang melata di atas tanah. Selain itu, terdapat juga jenis tumbuh-tumbuhan yang menghasilkan buah dan ada pula yang tidak menghasilkan buah. Semua jenis tumbuh-tumbuhan ini bermanfaat kepada manusia, binatang dan alam sekeliling.

Tumbuh-tumbuhan yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah secara berpasang-pasangan. Terdapat tumbuh-tumbuhan jantan dan tumbuh-tumbuhan betina. Keperluan gender jantan kepada gender betina adalah untuk tujuan pembiakan.

Pokok **الشَّجَرَةُ** merupakan antara perkataan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ia merupakan sebahagian daripada maksud tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pokok merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang. Manakala tumbuhan yang tidak mempunyai batang dan hidup secara melata dikenali sebagai **النَّحْمُ**. Perkataan pokok digunakan sebanyak 26 kali dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam lima topik yang berlainan. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Perkataan pokok yang merujuk kepada pokok yang berada di syurga dan neraka.
- ii. Perkataan pokok yang disandarkan kepada pengkisahan nabi-nabi tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T.
- iv. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan.
- v. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok ini juga merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya.

Pokok di syurga menceritakan tentang pengkisahan Nabi Adam a.s yang direkodkan dalam empat ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Baqaraṭ ayat 35, surah al-'A'rāf ayat 19-20, surah Ṭaha ayat 120 dan surah al-'A'rāf ayat 22.

Pokok di neraka merujuk kepada pokok al-Zaqqūm yang dicatatkan dalam lima ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Sāffāt ayat 64, surah al-'Isrā' ayat 60, surah al-Ṣāffāt ayat 62, surah al-Dukhān ayat 43 dan surah al-Wāqī'aṭ ayat 52.

Terdapat tiga pengkisahan para anbiya a.s yang disandarkan dengan perkataan pokok dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pengkisahan pertama adalah pengkisahan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat dalam peristiwa perjanjian *al-Riḍwān* di Ḥudaibiyat dalam surah al-Faṭḥ ayat 18. Pengkisahan kedua ialah pengkisahan Nabi Musa a.s yang mendapat wahyu dari Allah S.W.T dalam surah al-Qaṣaṣ ayat 30 dan pengkisahan ketiga ialah pengkisahan Nabi Yunūs a.s dalam surah al-Ṣāffāt ayat 146.

Terdapat enam ayat yang menggunakan perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Naḥl ayat 10, firman Allah S.W.T surah al-Naml ayat 60, surah Yāsīn ayat 80, surah al-Wāqī'at ayat 72, surah al-Mu'minūn ayat 20 dan surah al-Naḥl ayat 68.

Terdapat tiga ayat menggunakan perkataan pokok yang menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan. Ayat-ayat tersebut ialah surah Ibrāhīm ayat 24-26, surah Luqmān ayat 27 dan surah an-Nūr ayat 35.

Terdapat dua ayat yang menggunakan perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok ini juga merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Hajj ayat 18 dan surah Al-Raḥmān ayat 6.

BAB 4

KAJIAN LEKSIKOGRAFI NAMA TUMBUH-TUMBUHAN DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

4.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan tentang kajian leksikografi terhadap nama tumbuh-tumbuhan yang disebut secara khusus dalam Al-Qur'an Al-Karim. Fokus perbincangan dalam bab ini adalah dalam bidang leksikografi Arab. Selain itu, dalam bab ini juga akan memperincikan setiap jenis nama tumbuh-tumbuhan dari aspek makna, habitat, kegunaan dan gambar ilustrasi yang berkaitan. Terdapat empat jenis nama tumbuh-tumbuhan yang disebut dalam Al-Qur'an Al-Karim. Tumbuh-tumbuhan tersebut ialah pokok kayu, sayur-sayuran, rumput dan kacang.

4.1 Pokok kayu dalam Al-Qur'an Al-Karim

Terdapat sebanyak tujuh jenis pokok kayu dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pokok-pokok kayu tersebut ialah ialah pokok الأثل (tamarisk), pokok الأيكة (aikat), pokok الحنط (sugi), pokok السدر (bidara), pokok الطلح (pisang atau pokok *umm ghailan*), pokok الكافور (kapur barus) dan pokok النخيل (kurma).

4.1.1 Pokok الأثل (tamarisk)

Perkataan الأثل dalam Al-Qur'an Al-Karim merujuk kepada maksud pokok tamarisk. Menurut Ibn Manzūr (1996:1:73), kata tunggal perkataan الأثل ialah أثل manakala *jama'* perkataan ini ialah أثلاث أو أثول seperti perkataan ثمر-ثمر⁵⁰. Perkataan ini digunakan hanya sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam ayat yang menceritakan tentang pengkisahan kerajaan Saba'⁵¹.

⁵⁰ Lihat Tafsir al-Qurtubiy (2006:14:184), *Ma'ānīy Al-Qur'ān* oleh al-Farrā' (1955:2:359), *al-Mufradāt fī Gharīb Al-Qur'ān* oleh al-Aṣḥānīy (t.t:10), *Kalimāt al-Qur'ān* oleh Muhammad Makhlūf (1995:245).

⁵¹ Abū Dāwūd (2011:6:113) meriwayatkan hadith dari Musā'ik al-Ghuṭaīfīy berkata: Aku telah datang kepada Nabi S.A.W dan baginda membacakan kepada kami hadith. Berkata salah seorang daripada lelaki kepada Nabi S.A.W: Wahai Rasulullah, ceritakan kepada kami tentang Saba', apakah ia, adakah ia nama tempat atau pun nama perempuan? Maka Rasulullah S.A.W menjawab: Ia bukanlah nama tempat atau pun nama perempuan, tetapi ia adalah nama lelaki yang mempunyai sepuluh orang anak dari Arab, enam orang berada di Yaman dan empat orang berada di Syām. Al-Marāghīy (1946:22:69) dalam tafsirnya meriwayatkan yang dimaksudkan dengan Saba' ialah nama qabilah yang merujuk kepada Saba' bin Yashjub bin Ya'rub bin Qaḥṭān.

Ibn ‘Āsyūr (t.t:7:175) meriwayatkan bahawa Allah S.W.T telah mengutuskan kepada penduduk Saba’ seramai 13 orang Nabi, tetapi mereka menolak ajaran yang dibawa oleh para Nabi ini. Kekufuran yang mereka lakukan ialah menjadikan matahari sebagai Tuhan dan menyembahnya. Akibat daripada kekufuran ini, Allah S.W.T telah menurunkan bala dengan menghantar tikus dan belalang yang merosakkan tanaman serta banjir besar yang memusnahkan empangan dan tempat tinggal mereka⁵². Kebun dan ladang yang banyak mengeluarkan buah-buahan yang beraneka jenis dan lazat digantikan dengan pokok-pokok yang pahit dan berduri selepas kemusnahan tersebut⁵³. Firman Allah S.W.T dalam surah Saba’ ayat 16:

﴿فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِحَبَّتِهِمْ حَبَّتَيْنِ ذَوَائِيٍّ أَكُلِ حَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّنْ سِدْرٍ قَلِيلٍ﴾

Maksudnya: “Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pokok-pokok sugi dan pokok-pokok tamarisk, serta sedikit pokok-pokok bidara”. (34:16)

Menurut Sayyid Faraj Khalīfaṭ (1979:36), pokok tamarisk adalah jenis العَبُّوْلُ iaitu salah satu daripada spesis pokok tamarisk. Pokok ini besar dan batangnya keras. Menurut al-Jawhariy 1990:4:1620, pohon الأَثَلُ termasuk dalam jenis tamarisk الطَّرْفَاءُ yang mempunyai batang yang besar. Selain itu, ia mempunyai daun yang berbentuk runcing dan menghijau sepanjang tahun. Bunganya pula berwarna merah muda.

Abū Ḥanīfaṭ al-Daīnūrīy (1974:419) meriwayatkan dari Abū Zīād bahawa pokok tamarisk adalah dari spesis yang mempunyai batang besar dan tegak lurus kelangit, kayunya kuat, keras dan tahan lama, hidup dengan subur di dalam hutan dan batangnya digunakan untuk membuat rumah. Ketinggiannya boleh mencapai sehingga 18 meter

⁵² Menurut Ḥamzaṭ al-Aṣḥānīy dalam *Tārīkh Mulūk al-’Ard* (1866:96) empangan Ma’rib musnah sekitar 400 tahun sebelum kedatangan Islam, Yāqūt al-Ḥamawīy dalam *Mu’jam al-’Udabā’* (1977:5:34) pula berpendapat, empangan Ma’rib musnah sekitar kurun ke-6 Masihi. Manakala Ibn Khaldūn dalam *al-Tārīkh* (2001:2:66) menukilkan bahawa empangan Ma’rib musnah sekitar tahun ke-5 Masihi.

⁵³ Lihat juga Tafsir Ibn Juzāiy (1995:3:344), Tafsir al-Sa’adīy (2002:4:176-178), *Ma’anīy Al-Qur’ān* oleh al-Farrā’ (1955:2:359), Tafsir al-Rāzīy (1996:25:252).

tinggi. Daun pokok ini pula berbentuk runcing seperti jarum dan tidak berduri. Buahnya dikenali dalam kalangan masyarakat Arab dengan panggilan الكرمع⁵⁴.

Buah tamarisk berwarna coklat dan bunganya berwarna merah muda. Bentuk buahnya seperti kekacang dan terbit keluar di celah-celah dahan seakan-akan kalung yang berada di leher anak gadis. Pokok ini berbunga dua kali dalam satu tahun, iaitu antara bulan Februari hingga April dan bulan Oktober hingga November. Apabila buahnya masak, ia akan gugur serta pecah dan akan mengeluarkan biji. Menurut al-Aṣma'īy (1908:51), pokok tamarisk adalah dari jenis tumbuhan berasid yang hidup di padang pasir. Sifat daunnya yang berasid telah menjadikannya sebagai makanan utama unta yang berperanan sebagai gantian kepada sumber air.

4.1.1.1 Habitat dan kegunaan pokok الأثل (tamarisk)

Menurut al-Marāghīy dalam tafsirnya (1946:22:70), pokok tamarisk adalah berasal dari negara Arab. Pokok ini banyak terdapat di kawasan padang pasir seperti di Mesir, Syam dan Hijaz. Pokok ini tumbuh dengan banyak di kawasan bukit Tursina dan Fayyūm di Mesir. Pokok ini digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Arab dahulu dan moden. Aspek penggunaan pokok ini tidak hanya kepada batang pokoknya sahaja, sebaliknya kegunaannya adalah menyeluruh yang melibatkan akar, batang, daun, buah dan getah pokoknya. Selain itu, cara penggunaannya juga adalah berbeza-beza. Ada yang menggunakannya secara terus seperti untuk tujuan pembuatan perabot dan ada pula yang diproses terlebih dahulu seperti untuk tujuan perubatan.

Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānīy (1997:866) meriwayatkan hadith dalam kitab Jumaat bab berkhotbah di atas mimbar, menceritakan tentang mimbar Nabi S.A.W yang diperbuat daripada kayu tamarisk. Kayu ini diambil dari kawasan pedalaman bernama al-Ghābat (الأغابة)⁵⁵. Selain itu, al-Ṭabariy dalam tafsirnya (2001:8:345:9482) meriwayatkan bahawa

⁵⁴ Menurut Sayyid Faraj Khalifaṭ (1979:36), buah pokok tamarisk dikenali dengan nama القَرْبَا oleh penduduk negara Arab Saudi. Menurut al-Anṭākīy dalam bukunya *Tazkirat* (1998:37), buah pokok tamarisk dikenali oleh penduduk Iraq dengan nama الكَرْمَاعُ dan الجسيم. Manakala penduduk Mesir pula mengenalinya dengan nama الأْبُهَالُ dan العُدْبَةُ.

⁵⁵ Hadith yang diriwayatkan dari Abū Ḥāzim bin Dīnar menceritakan bahawa seorang lelaki datang bertemu dengan Sahal bin Sa'ad al-Sā'adiy untuk bertanyakan tentangnya mimbar Nabi S.A.W. Sahal bin Sa'ad al-Sā'adiy berkata sesungguhnya dia tidak mengetahuinya melainkan ia hanya melihat pertama kali mimbar itu diletakkan ditempatnya dan pertama kali Nabi S.A.W duduk di atasnya. Rasul S.A.W

Nabi S.A.W pernah menjadikan kayu الطَّرْفَاءُ (*al-Ṭarfā'*) sebagai kegunaan baginda S.A.W semasa dalam perjalanan. Hadith yang diriwayatkan dari Ibn Abū Fudaik dari Fulān bin 'AbdulLah, bahawa Nabi S.A.W bersama-sama dengan salah seorang dari sahabat baginda telah masuk ke dalam kawasan pedalaman yang bernama al-Ghābaṭ dan mengambil batang kayu *al-Ṭarfā'*. Baginda S.A.W kemudiannya memotong kayu tersebut kepada dua, satu lurus dan satu lagi bengkok. Maka baginda S.A.W mengambil kayu yang bengkok dan memberikan kepada sahabat baginda S.A.W kayu yang lurus.

Buah tamarisk digunakan oleh masyarakat Arab dahulu untuk menyamak kulit binatang dan juga untuk membuat dakwat. Menurut Abū 'AbdulLah al-Zahabīy (1990:71), buah tamarisk digunakan dalam perubatan lama sebagai ubat untuk penyakit athma, batuk, sakit perut, melegakan sakit gusi dan gigi serta dapat menghentikan pendarahan dan meredakan melecur akibat kebakaran. Akarnya pula dimasak dengan cuka dan diminum untuk menyembuhkan penyakit barah hati.

Menurut al-Ghasānīy al-Turkumānīy (2000:6), daun pokok tamarisk direbus bersama air dan digunakan sebagai ubat kutu untuk kanak-kanak. Asap dari batang pokok ini pula dapat menyembuhkan penyakit kelamin gonorea dan dapat menguatkan rahim serta saluran peranakan wanita. Selain itu, batang pokok ini juga mengeluarkan manisan seperti madu yang boleh dijadikan makanan. Madu dari pokok tamarisk digunakan untuk mengurangkan kepanasan suhu badan akibat demam dan terik matahari.

Menurut Ibn al-Baiṭār (t.t:13), abu dari pokok tamarisk dapat menyembuhkan penyakit buasir dan kudis buta. Menurut al-Anṭākīy (1998:37), abu dari pokok tamarisk dicampurkan dengan minyak dan disapukan di kepala untuk menguatkan rambut. Selain itu, pokok ini juga dapat menyembuhkan penyakit cacar. Daunnya digunakan untuk menyembuhkan penyakit kulit vitiligo. Daunnya ditumbuk bersama-sama dengan minyak dan diletakkan ditempat yang mengalami penyakit vitiligo selama 10 hingga 15 minit bagi tempoh selama tiga hari. Penyakit tersebut akan beransur pulih. Daun pokok tamarisk yang sudah kering digunakan dalam perubatan tradisional masyarakat Arab

meminta anak seorang perempuan Anṣār yang bekerja sebagai tukang kayu untuk membuat tempat duduk (mimbar) untuk baginda S.A.W. Anak perempuan itu membuat mimbar tersebut dari kayu pokok *al-Ṭarfā'* yang diambil dari kawasan al-Ghābaṭ yang jaraknya sembilan batu dari al-Madināh al-Munawwarah. Mimbar Nabi S.A.W mempunyai tiga tingkat kekal digunakan sehingga zaman khalifah Mu'āwiyah bin Abū Sufyān yang menambahnya menjadi enam tingkat. Mimbar ini digunakan sehingga tahun 654H apabila ia musnah dalam peristiwa kebakaran masjid Nabawi (Ibn Ḥajar al-'Asqalānīy (1997:866).

untuk wanita yang baru bersalin. Ia digunakan untuk mengecutkan saluran peranakan, menghilangkan kesan luka dan juga sebagai minuman herba selepas bersalin. Selain itu, masyarakat Arab juga menggunakan kayu dari pokok tamarisk untuk membuat rumah dan juga perabot. Kayunya juga digunakan sebagai kayu api dan arang dalam industri pemakanan tradisional Arab.



Rajah 4.1: Gambar pokok الأثل (tamarisk) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.1.2 Pokok الأيكة (*al-Aikaṭ*)

Menurut Ibn Manẓūr (1996:1:289), perkataan الأيكة berasal dari perkataan أَيْكٌ dan *jama* ‘ perkataan ini ialah أَيْكٌ yang bermaksud sejenis pokok yang rimbun. Walau pun begitu, penggunaan perkataan الأيكة dalam Al-Qur’an Al-Karim tidak merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan, tetapi merujuk kepada penduduk sebuah tempat yang bernama al-Aikaṭ الأيكة.

Menurut Ibn Kathīr dalam *Qaṣṣaṣ al-Anbiyā’* (1997:264), nama tempat *al-Aikaṭ* ini adalah bersempena dengan nama pokok yang bernama *al-Aikaṭ*. Pokok ini menjadi pujaan dan sembaham penduduk kampung tersebut. Pengkisahan penduduk *Aikaṭ* dalam Al-Qur’an Al-Karim adalah tentang kezaliman, pendustaan dan kekufuran penduduk mereka dalam menerima dakwah yang dibawa oleh Nabi Syuaib a.s.

Menurut Ibn ‘Aṭīyyat (t.t:5:312), penduduk *Aikaṭ* adalah kaum Nabi Syuaib a.s dalam kalangan penduduk Madyan. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa

penduduk Aikaṭ berbeza dengan penduduk Madyan, penduduk Aikaṭ mendiami kawasan pedalaman dan wadi, manakala penduduk Madyan pula mendiami kawasan bandar. Walau bagaimana pun kedua-dua kumpulan ini adalah dari umat Nabi Syuaib a.s berdasarkan kepada hadith Nabi S.A.W yang berbunyi⁵⁶:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ قَوْمَ مَدْيَنَ وَأَصْحَابَ الْأَيْكَةِ أُمَّتَانِ، بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْهِمَا شُعَيْبًا النَّبِيَّ عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Maksudnya: *Dari ‘AbdulLah bin ‘Amrū r.a berkata: Nabi S.A.W telah bersabda: “Sesungguhnya kaum Madyan dan penduduk Aikaṭ adalah dua umat (yang berbeza), Allah mengutuskan kepada keduanya Nabi Syu’aib a.s”.*

Kemungkarannya yang dilakukan oleh penduduk Aikaṭ ialah dengan cara menyekat laluan orang ramai yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan pada diri mereka dan mengurangkan timbangan dalam urusan jual beli. Allah S.W.T telah mengutuskan Nabi Syuaib a.s kepada mereka. Menurut Ibn ‘Aṭiyyaṭ lagi (t.t:5:312), azab yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada penduduk Aikaṭ ialah dengan mendatangkan kepada mereka tujuh hari yang panas terik. Allah S.W.T juga mendatangkan gugusan awan tebal yang disangkakan dapat memberi teduhan daripada cuaca panas terik dan dapat menurunkan hujan. Tetapi tanpa mereka sedari, ia adalah azab dari Allah S.W.T. Penduduk Aikaṭ berlari untuk berlindung di bawah teduhan awan tersebut. Akhirnya mereka disambar dengan api dari langit sehingga diri mereka hangus terbakar.

Perkataan الْأَيْكَةُ direkodkan sebanyak empat kali dalam Al-Qur’an Al-Karim. Terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ahli tafsir berkaitan dengan perkataan الْأَيْكَةُ yang terdapat dalam Al-Qur’an Al-Karim. Al-Nāfi’, Ibn Kathīr, Ibn ‘Amir dan Abū Ja’far berpendapat bahawa perkataan الْأَيْكَةُ dalam Al-Qur’an Al-Karim berada dalam dua bentuk, iaitu dengan lafaz الْأَيْكَةُ dalam surah al-Hijr dan al-Qāf dan dengan lafaz لَيْكَةُ dalam surah al-Syu’āra’ dan Ṣād. Perkataan لَيْكَةُ dengan huruf Lām berbaris *al-Fathaṭ* dan huruf Yā’ berbaris *al-Sukun* adalah dalam keadaan *Mamnū’ Min al-Ṣarf* bagi nama tempat dan pada keadaan *Tā’* feminin seperti الْعَقَبَةُ pada pola kata فَعْلَةٌ.

⁵⁶ Hadith yang dikeluarkan oleh Ibn ‘Asākir yang terdapat dalam kitab *Mukhtaṣar Tārīkh Dimasyq li Ibn ‘Asākir* oleh Ibn Manzūr (1984:10:309).

Dari Ibn ‘Āsyūr (t.t:19:182) meriwayatkan dari Abū ‘Ubaid bahawa beliau melihat lafaz الأَيْكَةُ dalam mashaf Uthmān bin ‘Affān r.a dalam surah al-Ḥijr dan surah al-Qāf, manakala lafaz لَيْكَةُ pula dalam surah al-Syu‘arā’ dan Ṣād. Selepas itu, semua mashaf yang terdapat di seluruh negara menghimpunkan kedua-dua lafaz menjadi satu dengan lafaz الأَيْكَةُ. Manakala kebanyakan ulama pula berpendapat bahawa perkataan الأَيْكَةُ dalam Al-Qur’an Al-Karim hanya dalam satu bentuk sahaja iaitu dalam bentuk الأَيْكَةُ.

Perkataan الأَيْكَةُ dalam Al-Qur’an Al-Karim dapat dilihat dalam surah al-Ḥijr ayat ke-78 yang menggambarkan tentang kezaliman penduduk *Aikat*, firman Allah S.W.T:

﴿وَإِنْ كَانَ أَصْحَابُ الأَيْكَةِ لظَالِمِينَ﴾

Maksudnya: “Dan sebenarnya penduduk kampung *Aikat* adalah orang-orang yang berlaku zalim”. (15:78)

Seterusnya firman Allah S.W.T dalam surah al-Syu‘arā’ ayat ke-176 pula menggambarkan tentang pendustaan yang dilakukan penduduk *Aikat* terhadap dakwah yang dibawa oleh para rasul, firman Allah S.W.T:

﴿كَذَّبَ أَصْحَابُ لَيْكَةِ الْمُرْسَلِينَ﴾

Maksudnya: “(Demikian juga) penduduk *Aikat* telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka)”. (26:176)

Manakala firman Allah S.W.T dalam surah Ṣād ayat ke-13 pula menunjukkan bahawa penduduk *Aikat* adalah termasuk dalam kategori kaum yang ingkar terhadap dakwah yang dibawa oleh para Nabi, firman Allah S.W.T:

﴿وَمُؤُودٌ وَقَوْمٌ لُوطٍ وَأَصْحَابُ لَيْكَةِ أُولَئِكَ الْأَحْزَابُ﴾

Maksudnya: “Dan juga *Thamud* (kaum Nabi Soleh) dan kaum Nabi Lut, serta penduduk *Aikat*, merekalah kumpulan-kumpulan (yang menentang kebenaran)”. (38:13)

Allah S.W.T mengancam penduduk *Aikat* dengan azab yang pedih atas kekufuran yang telah mereka lakukan. Firman Allah S.W.T dalam surah Qāf ayat ke-14:

﴿وَأَصْحَابُ الأَيْكَةِ وَقَوْمٌ تُبِعَ كُلٌّ كَذَّبَ الرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ﴾

Maksudnya: “Dan juga penduduk *Aikat*, serta kaum "Tubba`"; tiap-tiap satu kaum itu telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepadanya), lalu mereka ditimpa azab yang Aku janjikan”. (50:14)

Perkataan *الأَيْكَةُ* dalam kesemua ayat ini secara keseluruhannya merujuk kepada tiga maksud yang berbeza. Maksud pertama ialah merujuk kepada maksud sejenis pokok kayu yang besar. Maksud kedua pula ialah merujuk kepada nama yang diberikan kepada semua jenis rimbunan pokok yang hidup secara berkelompok. Manakala maksud ketiga ialah nama tempat atau kawasan yang dipenuhi dengan pokok yang banyak.

Menurut Ibn ‘Aṭīyyaṭ (t.t:5:312), perkataan *الأَيْكَةُ* dalam semua ayat ini merujuk kepada sejenis tumbuh-tumbuhan yang hijau dan rimbun dari spesies *الدَّوْمُ* (palma) atau dari *المُغْلُ* (spesies kelapa laut)⁵⁷. Pokoknya lebih besar dan tinggi dari pokok kurma. Bentuk buahnya seperti buah epal, diselaputi sabut yang berwarna kemerah-merahan, mempunyai biji yang besar dan di dalam bijinya mengandungi isi yang lembut.

Pendapat Ibn ‘Āsyūr (t.t:19:182) pula merujuk perkataan *الأَيْكَةُ* kepada maksud *النَّبَقُ* iaitu dari spesies pokok *السِيدْرُ* (bidara). Manakala menurut Ibn Manzūr (1996:1:289), ia adalah tempat *العَيْصَةُ* atau kawasan yang tumbuh dengan banyak pokok *الأَرَاكُ* iaitu dari spesies pokok *السِيدْرُ* (sugi) dari spesies pokok bidara dan tamarisk. Ada juga yang berpendapat yang mengatakan bahawa pokok *الأَيْكَةُ* adalah rimbunan pokok sugi. Abū Ḥanīfaṭ al-Dainūrīy (1974:376) mengatakan *الأَيْكَةُ* adalah nama yang diberikan kepada himpunan semua pokok termasuklah pokok kurma. Manakala menurut al-Aṣma’iy (1898:38) pula, *الأَيْكَةُ* merujuk kepada maksud pokok yang rimbun.

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:14:71), perkataan *الأَيْكَةُ* dalam ayat ini bermaksud tumbuh-tumbuhan yang rimbun dan saling menutupi antara satu sama lain. Ibn ‘Aṭīyyaṭ (t.t:6:503) juga berpendapat bahawa ia adalah pokok *الدَّوْحَةُ* (sejenis palma besar) yang

⁵⁷ Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Ibn Ḥayyān al-Andalūsīy di dalam tafsirnya (1993:5:451).

rimbun dan mempunyai cabang yang banyak. Menurut al-Qāsimīy dalam tafsirnya (1957:13:4640), maksud الأَيْكَةُ dalam ayat ini ialah pokok-pokok besar yang rimbun dan tumbuh serta berkumpul di satu kawasan.

Al-Sa'adīy (2002:433) pula merujuk perkataan الأَيْكَةُ sebagai ladang atau kebun yang dipenuhi dengan pokok yang banyak. Al-Sa'adīy (2002:596) juga menambah, bahawa perkataan الأَيْكَةُ bermaksud kebun yang dipenuhi dengan pokok-pokok yang rimbun.

Manakala menurut al-Marāghīy (1946:19:99), perkataan الأَيْكَةُ dalam ayat ini merupakan satu kawasan yang ditumbuhi dengan pokok yang banyak berhampiran kawasan Madyan. Allah S.W.T mengutuskan Nabi Syuaib a.s kepada penduduk Aikaṭ agar berdakwah mengajak mereka menyembah Allah S.W.T.



Rajah 4.2: Gambar pokok الأَيْكَةُ (*Aikat*) menurut Ibn ‘Atīyyaṭ (t.t)

4.1.3 Pokok الْحَمْطُ (*sugi*)

Menurut Menurut Ibn Manzūr (1996:4:220), perkataan الْحَمْطُ merujuk kepada maksud dari jenis pokok sugi. Buahnya boleh dimakan. Beliau menukikan pendapat al-Zajāj yang merujuk perkataan الْحَمْطُ sebagai setiap tumbuh-tumbuhan yang mempunyai rasa pahit atau masam sehingga sukar untuk dimakan. Menurut al-Fairūz Ābādīy (1992:2:503), perkataan حَمْطٌ، حَمْطَةٌ، حَامِطٌ bermaksud sesuatu yang pahit dan masam. Tumbuh-tumbuhan yang berasa pahit dan mempunyai buah yang sedikit juga dikenali dengan nama الْحَمْطُ.

Perkataan **الْحَمْطُ** disebut sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan pokok tamarisk dalam pengkisahan kerajaan Sabā'. Firman Allah S.W.T dalam surah Sabā' ayat 16:

﴿وَبَدَّلْنَا هُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ دَوَاتِي أُكُلِ حَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّنْ سِدْرٍ قَلِيلٍ﴾

Maksudnya: “Dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pokok- pokok sugi dan pokok- pokok tamarisk, serta sedikit pokok- pohon bidara”. (34:16)

Terdapat dua pendapat tentang maksud perkataan **الْحَمْطُ** dalam ayat ini. Pendapat pertama merujuknya sebagai pokok **الأْرَاكُ** (sugi) yang mempunyai buah yang pahit⁵⁸.

Manakala pendapat kedua pula merujuk perkataan **الْحَمْطُ** sebagai sejenis spesies pokok **الأْرَاكُ** (sugi) dan buahnya boleh dimakan⁵⁹.

Menurut Ibn Manzūr (1996:4:220) antara makna perkataan **الْحَمْطُ** ialah sejenis pokok dari spesies kayu sugi dan buahnya boleh dimakan. Al-Farrā' (1955:2:359) pula merujuk perkataan **الْحَمْطُ** sebagai buah pokok sugi yang bernama **الْبَرِيرُ** dan pokoknya berduri. Dikatakan juga bahawa pokok **الْحَمْطُ** dalam ayat tersebut adalah sejenis pokok beracun yang boleh membunuh. Menurut Ibn al-'Arābiy **الْحَمْطُ** adalah buah yang dikenali sebagai **فَسْوَهُ الصَّبِيعِ**, bentuknya seperti bentuk **الْحَشْحَاشُ** (buah popi)⁶⁰.

Menurut al-Aṣma'iy (1908:55), pokok **الْحَمْطُ** adalah seperti **الْبَسْدُرُ** (pokok bidara) dan buahnya seperti bentuk buah mulberi. Menurut al-Ghassāniy (t.t:15), buah **الأْرَاكُ** yang segar dikenali sebagai **كَبَاثُ** manakala buahnya yang sudah kering dikenali sebagai **مَرْدُ** dalam kalangan masyarakat Arab. Buahnya menjadi makanan manusia dan burung.

⁵⁸ Lihat *al-Itqān fī 'Ulūm Al-Qur'ān* oleh al-Suyūṭīy (t.t:1:894), *Fī Zilāl Al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (2003:5:2901).

⁵⁹ Antara tafsir yang merujuk perkataan **الْحَمْطُ** sebagai pokok **الأْرَاكُ** (sugi) ialah Tafsir al-Qurṭubīy (2006:14:183), *al-Mufradāt fī al-Gharib Al-Qur'ān* oleh al-Aṣfahāniy (t.t:159), Tafsīr Ibn Qutaibāṭ (1978:356).

⁶⁰ Lihat Tafsir al-Sa'adīy (2002:6:271).

Abū Ḥanīfaṭ al-Dāinūrīy (1974:419), meriwayatkan bahawa pokok الْحَمْطُ adalah dari spesies pokok الْأَرَاكُ (sugi) yang menyerupai pokok hutan tropika, berdaun kecil, lebat dan rimbun serta menghijau sepanjang tahun. Bentuk pokok ini sangat menyerupai pokok delima dan boleh mencapai ketinggian antara dua meter sehingga lima meter. Putik bunganya berwarna hijau dan bertukar menjadi warna kuning dan merah apabila matang. Di peringkat akhir bunga ini akan bertukar menjadi warna hitam. Daripada bunga tersebut akan mengeluarkan buah sugi yang bersaiz kecil seperti biji kacang serta mempunyai rasa yang enak. Akar pokok sugi yang berusia dua tahun ke atas digunakan sebagai kayu sugi untuk membersihkan gigi dan mulut.

Menurut ‘Āisyah bint al-Syāṭi’ (1971:465), perkataan الْحَمْطُ dalam ayat ini mempunyai pandangan yang pelbagai dan ada di antaranya yang berbeza antara satu sama lain. Contohnya pendapat yang mengatakan bahawa pokok ini tidak berduri, tetapi dalam waktu yang sama ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pokok ini berduri. Selain itu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pokok ini tidak beracun dan buahnya boleh dimakan, tetapi terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa pokok ini beracun dan boleh membunuh.

Untuk mendapat kesepakatan dalam memberi makna terhadap perkataan الْحَمْطُ dalam ayat ini, ia boleh dirumuskan sebagai unsur asid yang mempunyai rasa pahit yang terdapat pada semua tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Setiap putik buah-buahan pada peringkat awal percambahannya akan berasa pahit. Seterusnya ia akan bertukar menjadi rasa manis, masam dan sebagainya apabila mencapai tahap matang. Dari sini bermula dan berkembangnya makna الْحَمْطُ seperti yang terdapat dalam kamus Arab.

4.1.3.1 Habitat dan kegunaan الخَمَطُ (pokok sugi)

Menurut Masyāriy bin Faraj al-‘Atībiy⁶¹, spesies pokok sugi terdiri daripada 182 jenis pokok dan 158 daripadanya terdapat di benua Afrika. Pokok sugi yang paling terkenal pula ialah dari jenis pokok sugi الأَرَاكُ. Pokok sugi juga banyak terdapat di negara Arab Saudi, Yaman, Syam, Iran, Timur India, Afrika, Selatan Sudan dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Sungai Nil⁶².

Menurut al-Anṭākīy (1998:74), buah pokok sugi yang dikenali dengan nama kabāth كَبَاثُ, dapat menguatkan sistem dan antibodi di dalam perut serta dapat membantu sistem penghadaman manusia. Selain itu, ia juga dapat membantu untuk mengeluarkan kahak dan melegakan kesakitan tulang belakang. Serbuk buah Kabāth yang dicampur dengan air dapat membantu untuk melawaskan kencing dan membersihkan pundi kencing selain sebagai penawar untuk masalah cirit birit. Air rebusan akar pokok sugi diminum untuk membunuh bakteria yang terdapat dalam usus manusia. Abū ‘AbdulLah al-Zahabīy (1990:73) menyatakan bahawa ranting pokok الأَرَاكُ digunakan sebagai kayu sugi kerana ianya dapat melancarkan percakapan dan lidah, meningkatkan deria rasa dan selera makan dan mencerdaskan minda.

Menurut Maḥmūd Rajā’iy (2003:741), akar pokok sugi yang berusia dua tahun ke atas dipotong dan dikeringkan untuk dijadikan sebagai kayu sugi. Kayu sugi yang sudah siap untuk digunakan akan diketuk dibahagian hadapan agar lembut dan menyerupai berus. Bahagian yang telah diketuk akan digunakan sebagai sugi untuk membersihkan gigi, mulut dan lidah dari sebarang bakteria dan penyakit selain dapat mengekalkan kesihatan dan kesegaran mulut. Setelah selesai menggunakan kayu sugi, ia dibasuh, dan sekiranya diguna pakai secara berulang-ulang kali, bahagian yang telah digunakan akan dipotong dan diganti dengan bahagian yang baru. Terdapat hadith Nabi S.A.W berkaitan dengan

⁶¹ Seorang doktor pakar pergigian di hospital Quwā al-’Ard Makkah al-Mukarramah yang telah membentangkan kertas kerja di Konvesyen Antarabangsa ‘Ijāz Al-Qur’an kali ke-8 di Kuwait pada tahun 2006 bertajuk: *al-I’jāz al-Ilmīy Lilsunnat al-Nabawiyyat fī Asrār Miswāk ‘Aud al-Arāk wa Ta’thīruh ‘ala Ṣihhaḥ al-Famm wa Minā’ah al-Khalāyā al-Basyariyyat*.

⁶² Pokok sugi tumbuh dengan subur di kawasan oasis padang pasir. Pokok ini juga hidup di kawasan tinggi dan memerlukan kepada cuaca yang panas. Pokok sugi juga boleh hidup di kawasan yang beriklim khatulistiwa. Lihat Majalah *al-Qāfilaṭ* bahagian *al-Siwāk wa al-I’jāz al-’Ilmīy fī al-Sunnat al-Nabawiyyat* oleh Husnā ‘Abd al-Ḥāfiz (edisi Jumādā al-’Ulā: 1997:22-23).

sunat untuk membasuh kayu sugi setiap kali selepas menggunakannya, hadith daripada ‘Ā’isyah r.a yang diriwayatkan oleh Abū Dāwwud (2011:1:61:52)⁶³:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْذِنُ السِّوَاكَ لِأَغْسِلَهُ فَأَبْدَأَ بِهِ فَأَسْتَأْذِنُ ثُمَّ أَعْسَلَهُ وَأَدْفَعُهُ إِلَيْهِ.

Maksudnya: *Daripada ‘Aisyah r.a berkata: “Sesungguhnya Nabi S.A.W bersugi dan memberikan kayu sugi tersebut kepadaku untuk aku basuh, maka aku menggunakannya dahulu untuk bersugi, kemudian aku membasuhnya dan memberikannya kepada baginda”.*

Kajian saintifik yang dilakukan telah mengesahkan bahawa terhadap lebih daripada 20 unsur positif dalam kandungan akar kayu sugi untuk kebaikan gigi, gusi, lidah dan mulut. Antara unsur yang terdapat dalam kayu sugi ialah unsur komposit silvarurin, trimethylamine, sitosterol, peratusan klorida yang tinggi, florida, silika, sulfur, vitamin C, sejumlah kecil saponin, asid ansinik, tannin, glycosida, flavone, sejumlah besar dari alacetostrol dan resin serta minyak. Unsur klorin yang terdapat dalam pokok sugi ini dapat menghentikan perkembangan bakteria di dalam mulut dan dapat mencegah masalah pembentukan plag gigi. Unsur trimethylamine pula dapat merendahkan pertumbuhan kuman di dalam mulut. Unsur sitosterol dan vitamin C yang terdapat dalam kayu sugi dapat menguatkan akar gigi dan dapat mengelakkan daripada masalah pereputan gigi terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Unsur klorida, florida dan silika pula dapat memutihkan gigi. Manakala unsur minyak pula dapat memberi keharuman kepada mulut⁶⁴.

‘Alīy Jawhar (1985:70) berpendapat bahawa penggunaan kayu sugi lebih baik daripada penggunaan berus dan ubat gigi bagi pembersihan gigi dan mulut. Ini kerana akar sugi terdiri daripada tiga lapisan utama iaitu lapisan kulit (luar), lapisan kayu (pertengahan) dan lapisan dalam yang sangat padat. Lapisan dalam yang terdapat pada akar sugi terdiri daripada berpuluh-puluh selulosa serat dan saling bersambung antara satu sama lain. Bentuk strukturnya seperti struktur dalam yang terdapat pada buah lemon. Ini menjadikannya berupaya untuk membersihkan gigi dan gusi secara serentak⁶⁵.

⁶³ Al-Banīy (1988:1:13:42) telah mengangkat hadith ke martabat hadith Ḥasan.

⁶⁴ Lihat *al-Ijāz al-Ilmiyy Lilsunnat al-Nabawiyyat fi Asrār Miswāk ‘Aud al-Arāk wa Ta’thīrūh ‘alā Ṣiḥḥah al-Famm wa Minā’ah al-Khalāyā al-Basyariyyat* oleh Masyāriy bin Faraj al-‘Atībīy (2006).

⁶⁵ Lihat *al-Siwāk Khir min Farshāt al-Asnān* oleh ‘Alīy Jawhar, *Majallat al-‘Arabiyyat*, bilangan 104, terbitan Ramadhan 1406, m.s:70.

Amalan bersugi merupakan sunat *al-Mua'akkad* dalam Islam. Ia merupakan sebahagian daripada sunnah Nabi S.A.W. Terdapat banyak hadith yang berkaitan dengan amalan bersugi ini. Imam Ahmad (1985:3:490:16050) meriwayatkan hadith Nabi S.A.W⁶⁶:

عَنْ وَائِلَةَ بْنِ الْأَسْقَعِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَقَدْ أُمِرْتُ بِالسَّوَاكِ، حَتَّى خَشِيتُ أَنْ يُكْتَبَ عَلَيَّ.

Maksudnya: *Daripada Wāthilah bin al-Asqa' berkata, Nabi S.A.W telah bersabda: "Sesungguhnya aku telah diperintahkan untuk bersugi sehingga aku bimbang ia difardhukan ke atasku".*

Hadith yang diriwayatkan oleh 'Ā'isyah r.a berkaitan dengan sepuluh perkara fitrah yang dilakukan oleh manusia adalah termasuk amalan bersugi. Sabda Nabi S.A.W dalam hadith yang diriwayatkan oleh Muslim (1998:1:223:261):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَشْرٌ مِنَ الْفِطْرَةِ: قَصُّ الشَّارِبِ، وَإِعْقَاءُ اللَّحْيَةِ، وَالسَّوَاكِ، وَاسْتِنْسَاقُ الْمَاءِ، وَقَصُّ الْأَظْفَارِ، وَعَسَلُ الْبَرَاجِمِ، وَتَنْتِفُ الْإِيطِ، وَحَلْقُ الْعَانَةِ، وَانْتِقَاصُ الْمَاءِ (قَالَ زَكَرِيَّا قَالَ مُصْعَبٌ وَنَسِيتُ الْعَاشِرَةَ إِلَّا أَنْ تَكُونَ الْمَضْمَضَةَ).

Maksudnya: *Daripada 'Ā'isyah r.a berkata, Nabi S.A.W telah bersabda: "Sepuluh perkara termasuk fitrah iaitu mengunting misai, memelihara janggut, bersugi, memasukkan air ke dalam hidung, memotong kuku, membasuh celah-celah jari, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu kemaluan, bersuci dengan air (berkata Zakariyyā' berkata Mus'ab aku lupa yang kesepuluh melainkan ia adalah berkumur-kumur)".*

Selain dapat membersihkan mulut, amalan bersugi juga akan mengundang keredhaan Allah S.W.T. Hadith daripada 'Ā'isyah r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:2:682), sabda Nabi S.A.W:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: السَّوَاكُ مَطَهْرَةٌ لِلْفَمِّ مَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ.

Maksudnya: *Daripada 'Ā'isyah r.a, Nabi S.A.W telah bersabda: "Sugi itu membersihkan mulut, mendapat keredhaan dari Tuhan".*

⁶⁶ Al-Baniy dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Jāmi'*, hadith bernombor 1376 telah mengangkat hadith ini sebagai martabat hadith *Ḥasan*.

Amalan bersugi merupakan antara perbuatan sunat yang dilakukan semasa berwuduk. Nabi S.A.W sangat menggalakkan amalan bersugi ini. Hadith daripada Abū Hurairat r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:2:682), sabda Nabi S.A.W:

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتُهُمْ بِالسَّيْوَائِ عِنْدَ كُلِّ وُضُوءٍ.

Maksudnya: *Abū Hurairat telah berkata bahawa Nabi S.A.W telah bersabda: “Seandainya tidak menyusahkan umatku, nescaya aku akan perintahkan mereka untuk bersugi setiap kali berwuduk”.*

Amalan bersugi juga merupakan amalan sunat yang dilakukan sebelum menunaikan solat. Hadith Nabi S.A.W daripada Abū Hurairat yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:1:303:847) dan Muslim (1998:1:220:252), Nabi S.A.W telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي أَوْ عَلَى النَّاسِ لِأَمْرَتُهُمْ بِالسَّيْوَائِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ.

Maksudnya: *Daripada Abū Hurairat r.a sesungguhnya Nabi S.A.W telah bersabda: “Sekiranya tidak menyusahkan umatku atau manusia, nescaya aku akan perintahkan mereka untuk bersugi setiap kali hendak menunaikan solat”.*

Bersugi merupakan perkara yang sunat dilakukan pada hari Jumaat. Hadith daripada Abū Sa’īd al-Khudrīy r.a yang diriwayatkan oleh Muslim (1998:2:581:846), Nabi S.A.W telah bersabda:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: غُسْلُ يَوْمِ الْجُمُعَةِ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ وَسِوَاكَ وَيَمْسُ مِنَ الطَّيِّبِ مَا قَدَرَ عَلَيْهِ.

Maksudnya: *Daripada Abū Sa’īd al-Khudrīy r.a sesungguhnya Nabi S.A.W telah bersabda: “Mandi pada hari Jumaat untuk setiap yang sudah baligh (dewasa), bersugi dan menyapu wangi-wangian sekadar yang mampu olehnya”.*

Bersugi juga adalah amalan sunat yang dilakukan ketika bangun dari tidur dan ketika hendak menunaikan solat sunat pada malam hari. Perbuatan ini menjadi amalan Nabi S.A.W. Hadith daripada Ibn ‘Umar r.a yang diriwayatkan oleh Aḥmad (2:117:5979)⁶⁷ tentang amalan bersugi Nabi S.A.W selepas bangun dari tidur:

⁶⁷ Hadith ini telah diangkat kepada martabat *hadith Ḥasan* Sanadnya oleh Syu’īb al-Arnāwūḍ dalam komentarnya terhadap kitab *al-Musnad* oleh Imam Aḥmad.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَنَامُ إِلَّا وَالسَّوَاكِ عِنْدَهُ، فَإِذَا اسْتَيْقَظَ بَدَأَ بِالسَّوَاكِ.

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Umar r.a sesungguhnya Nabi S.A.W tidak tidur melainkan kayu sugi ada bersama baginda, apabila baginda bangun dari tidur maka baginda akan memulakan dengan bersugi.*

Hadith lain daripada Huzaifaṭ r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:1:96:242) dan imam Muslim (1998:1:220:255) tentang amalan bersugi Nabi S.A.W sebelum menunaikan solat sunat malam:

عَنْ حُذَيْفَةَ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَشُوصُ فَاهُ بِالسَّوَاكِ.

Maksudnya: *Daripada Huzaifaṭ berkata sesungguhnya Nabi S.A.W sekiranya bangun pada waktu malam, baginda akan menggosok mulutnya dengan menggunakan sugi.*

Amalan bersugi juga merupakan perkara sunat yang dilakukan sebelum membaca Al-Qur'an Al-Karim. Hadith daripada Samraṭ r.a yang diriwayatkan oleh al-Baihaqīy (t.t:2:382:2119), Nabi S.A.W telah bersabda:

عَنْ سَمْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَيَّبُوا أَفْوَاهَكُمْ بِالسَّوَاكِ فَإِنَّهَا طُرُقُ الْقُرْآنِ.

Maksudnya: *Daripada Samraṭ r.a berkata, Nabi S.A.W telah bersabda: "Perelokkanlah mulut kamu semua dengan bersugi, kerana ia adalah tempat laluan Al-Qur'an".*

Nabi S.A.W juga bersugi ketika hendak masuk ke dalam rumah. Hadith daripada 'Ā'isyah r.a yang diriwayatkan oleh Muslim (1998:1:220:253) menceritakan perihalan tersebut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا دَخَلَ بَيْتَهُ بَدَأَ بِالسَّوَاكِ.

Maksudnya: *Daripada 'Ā'isyah r.a: "Sesungguhnya Nabi S.A.W sekiranya masuk ke dalam rumah, Baginda memulakan dengan bersugi".*

Menurut al-Nawawīy (1998:3:144), hadith ini menunjukkan kelebihan dan galakan bersugi pada setiap masa. Kerana itu Nabi S.A.W sentiasa memberi perhatian terhadapnya dan melakukannya secara berulang-ulang kali. Selain itu, terdapat pengkisahan sebelum kewafatan Nabi S.A.W, baginda S.A.W telah bersugi. Hadith daripada 'Ā'isyah r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:4:1613:4174): titit

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ عَلَى النَّبِيِّ وَأَنَا مُسْنِدُهُ إِلَى صَدْرِي وَمَعَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ سِوَاكٌ رَطْبٌ يَسْتَسْتُ بِهِ فَأَبَدَهُ رَسُولُ اللَّهِ بَصَرَهُ فَأَخَذْتُ السَّوَاكَ فَقَصَمْتُهُ وَنَقَضْتُهُ وَطَيَّبْتُهُ، ثُمَّ

دَفَعْتُهُ إِلَى النَّبِيِّ فَاسْتَنْنَ بِهِ، فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ اسْتَنَّ اسْتِنَانًا قَطُّ أَحْسَنَ مِنْهُ، فَمَا عَدَا أَنْ فَرَعَ رَسُولُ اللَّهِ رَفَعَ يَدَهُ أَوْ إِصْبَعَهُ ثُمَّ قَالَ: "بِئْسَ الرَّفِيقُ الْأَعْلَى" ثَلَاثًا ثُمَّ قَضَى وَكَانَتْ تَقُولُ: مَاتَ وَرَأْسُهُ بَيْنَ حَاقِنَتِي وَذَاقِنَتِي.

Maksudnya: *Daripada 'Ā'isyah r.a berkata telah masuk 'Abd al-Rahman bin Abū Bakar kepada Nabi S.A.W dan aku pada ketika itu menyandarkan baginda S.A.W ke atas dadaku. Bersama-sama dengan 'Abd al-Rahman kayu sugi basah yang digunakannya (bersugi dengannya). Maka Rasulullah S.A.W menoleh memandang ke arahnya. Maka aku mengambilnya, meleraikannya, mengunyahkannya dan melembutkannya. Kemudian aku berikannya kepada Nabi S.A.W. Baginda S.A.W bersugi dengannya dan aku tidak pernah sama sekali melihat Rasulullah S.A.W bersugi dengan cara yang paling elok daripada keadaannya pada hari ini. Setelah selesai bersugi, baginda S.A.W mengangkat tangannya atau jarinya dan berkata: Pada teman yang tinggi (iaitu baginda S.A.W memilih untuk bertemu dengan Allah S.W.T). Baginda S.A.W mengucapnya sebanyak tiga kali. Kemudian baginda S.A.W wafat. 'Ā'isyah r.a berkata: Rasulullah S.A.W wafat dan kepala baginda berada di antara tulang selangka dan tulang daguku.*



Rajah 4.3: Gambar pokok الأراك (sugi) oleh Abū Islām Muḥammad bin 'Alīy (2012)

4.1.4 Pokok *السِدْرَةُ* (bidara)

Menurut Ibn Manẓūr (1996:6:213), pokok *السِدْرَةُ* adalah dari spesies pokok *النبق* (bidara)⁶⁸.

Kata tunggalnya ialah *سِدْرَةٌ* dan kata *jama* 'nya pula ialah *سُدُرٌ - سِدْرَاتٌ - سِدْرَاتٌ - سِدْرَاتٌ*⁶⁹ atau *سُدُورٌ*. Walau pun begitu perkataan *سُدُورٌ* ini jarang digunakan. Abū Ḥanīfah al-Dānūrīy (1974:64), pula berpendapat bahawa pokok *السِدْرَةُ* adalah dari spesies pokok *(العصاة)* iaitu dari spesies pokok yang berduri.⁷⁰

Pokok ini mempunyai dua jenis iaitu jenis yang dikenali dengan nama *عُبْرِيٌّ* ('*Ubriyy*)⁷¹ yang tumbuh di kawasan berair seperti sungai dan laut. Jenis kedua pula ialah *ضَالٌ* (*Dāl*)⁷² yang tumbuh di darat. Pokok bidara '*Ubriyy* adalah jenis yang tidak berduri, tidak merbahaya dan bersaiz besar. Manakala pokok bidara jenis *Dāl* mempunyai duri yang bengkok dan tajam. Pokoknya pula bersaiz kecil dan tumbuh rendah di atas permukaan bumi. Kedua-dua jenis pokok ini berdaun rimbun yang berbentuk bulat.

Al-Azhariy (1976:12:353) menjelaskan bahawa terdapat dua jenis pokok *السِدْرَةُ*. Jenis pertama dikenali dengan nama *dāl*. Ia adalah jenis darat yang buahnya berasa pahit dan tidak boleh dimakan. Daunnya juga tidak digunakan untuk mandian. Hanya sedikit sahaja daunnya dimakan binatang. Jenis kedua pula dikenali sebagai '*Ubriyy*. Jenis ini hidup di kawasan berair seperti di tebing sungai dan di tepian pantai. Pokok, daun dan rantingnya menyerupai pokok anggur. Daunnya pula digunakan untuk tujuan pembersihan dan mandian. Buahnya berwarna kekuningan dan rasanya masam dan manis serta boleh dimakan.

⁶⁸ Al-Sa'adiy (2002:7:265) dan al-Ghasāniy (2000:133) berpendapat bahawa perkataan *النبق* merujuk kepada buah bidara. Pendapat yang masyhur pula merujuk perkataan *النبق* sebagai sejenis pokok dari spesies bidara *السِدْرَةُ*, bentuknya sederhana tinggi, bercabang lembut yang berwarna putih, berdaun rimbun, mempunyai bunga berwarna putih dan buahnya manis serta mempunyai biji.

⁶⁹ Lihat juga *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* oleh al-Fairūz Ābādīy (2005:405), *al-Ṣiḥḥah* oleh al-Jawhariy (1990:2:680), *Mukhtār al-Ṣiḥḥah* oleh al-Rāziy (1986:123).

⁷⁰ Pendapat ini juga disepakati oleh Abū Zā'id al-Anṣārīy dalam *al-Syajar wa al-Kalā'* (1993:212).

⁷¹ Menurut al-Ghasāniy al-Turkumāniy (2000:133) dan Āimān al-Baiṭār (t.t:428), jenis ini juga dikenali dengan nama '*Ubriyy* dalam kalangan masyarakat Arab.

⁷² Menurut Āimān al-Baiṭār (t.t:428), jenis ini dikenali oleh masyarakat Arab dengan nama *الدوم* (*al-Dūm*).

Perkataan *السِّدْرَةُ* digunakan sebanyak empat kali dalam tiga surah yang berlainan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Dua kali digunakan dalam bentuk kata tunggal *سِدْرَةٌ-السِّدْرَةُ* dan dua kali digunakan dalam bentuk kata *jama'* *سِدْرٌ*. Tiga daripada perkataan ini pula merujuk kepada pokok yang terdapat di syurga dan satu sahaja yang merujuk kepada pokok di dunia. Antara ayat yang membincangkan perihalan pokok bidara di syurga ialah dalam pengkisahan peristiwa al-Isrā' dan al-Mi'rāj Rasulullah S.A.W dalam surah al-Najm bermula pada ayat yang ke-14 sehingga ayat yang ke-16, firman Allah S.W.T:

﴿عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى (١٤) عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى (١٥) إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَى﴾

Maksudnya: “Di sisi "*Sidrat al-Muntahā*" (14) Yang di sisinya terletak Syurga "*Jannat al-Ma'wā*" (15) (Nabi Muhammad melihat Jibril) ketika "*Sidrat al-Muntahā*" dikelilingi apa (sesuatu) yang di keliling (nya)". (53:13-15)

Menurut ahli tafsir, perkataan *السِّدْرَةُ* dalam ayat ini merujuk kepada sejenis pokok besar yang terdapat di langit ketujuh pada bahagian kanan al-'Arasy Allah S.W.T. Dari akarnya terpancar anak sungai yang terdapat dalam *جَنَّةُ الْمَأْوَى* (syurga al-Ma'wā). Ulama juga berselisih pendapat berkenaan dengan nama *Sidrat al-Muntahā*. Sebahagian ulama merujuknya kepada pengakhiran semua ilmu pengetahuan makhluk dan tidak diketahui apa yang berada di sebaliknya melainkan Allah S.W.T. Sebahagian yang lain pula berpendapat ia dinamakan dengan *Sidrat al-Muntahā* kerana ia merupakan tempat pertemuan para malaikat dari atas kepada malaikat yang berada di bawah dalam menyampaikan perintah Allah S.W.T. Malaikat yang berada di atas tidak boleh melepasi ke bahagian bawah dan begitulah sebaliknya⁷³.

Menurut al-Qurṭubīy (2006:7:63) dinamakan dengan *Sidrat al-Muntahā* kerana ia merupakan pengakhiran malaikat Jibril a.s mengiringi Nabi S.A.W dalam peristiwa al-Isrā' dan al-Mi'rāj. Al-Ṭabarīy (2001:27:76) meriwayatkan daripada Mujāhid bahawa ia dikelilingi oleh para malaikat, dikelilingi oleh cahaya Allah S.W.T dan dikelilingi oleh warna-warna yang tidak diketahui. Dari Abū Hurairat r.a berkata, semasa peristiwa al-Mi'rāj, Rasulullah S.A.W berhenti di *al-Sidrat* dan baginda diberitahukan bahawa ia adalah *al-Sidrat*. *Al-Sidrat* ini dikelilingi oleh cahaya Pencipta, ia juga dikelilingi oleh

⁷³ Lihat Ibn Juzā'iy (1995:4:136), al-Nasfīy (t.t:4:195), al-Sa'adīy (2002:4:206), al-Marāghīy (1946:27:43), al-Ṣabūnīy (1980:3:273).

para malaikat seperti gagak yang bertenggek di atas pokok. Mujāhid menambah bahawa Rasulullah S.A.W melihat ranting pokok *al-Sidrat* adalah mutiara, delima dan zabarjad. Selain itu, hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarī (2001:27:76:25169)⁷⁴ dari Ibn Zaid juga menceritakan tentang pokok al-Sidrat:

قَالَ ابْنُ زَيْدٍ، فِي قَوْلِهِ: ﴿إِذْ يَعْشَى السِّدْرَةَ مَا يَعْشَى﴾ قَالَ: قِيلَ لَهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ شَيْءٍ رَأَيْتَ يَعْشَى تِلْكَ السِّدْرَةَ؟ قَالَ: رَأَيْتُهَا يَعْشَاهَا فَرَّاشُ الذَّهَبِ، وَرَأَيْتُ عَلَى كُلِّ وَرْقَةٍ مِنْ وَرَقِهَا مَلَكًا قَائِمًا يُسَبِّحُ اللَّهَ.
Maksudnya: *Ibn Zaid berkata pada firman Allah S.W.T ﴿إِذْ يَعْشَى السِّدْرَةَ مَا يَعْشَى﴾, dia bertanya kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah, apakah yang engkau lihat mengelilingi al-Sidrat itu? Baginda bersabda: Aku melihatnya dikelilingi oleh ranting daripada emas, dan aku melihat setiap daripada daunnya terdapat malaikat yang berdiri (menjaga) sambil bertasbih kepada Allah.*

Terdapat juga hadith Nabi S.A.W yang menceritakan tentang pokok Sidrat. Hadith dari Anas bin Malik yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhārī (1997:7:242:3887):

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: رُفِعَتْ لِي سِدْرَةُ الْمُنْتَهَى فَإِذَا أَرْبَعَةُ أَنْهَارٍ، نَهْرَانِ ظَاهِرَانِ، وَنَهْرَانِ بَاطِنَانِ فَأَمَّا الظَّاهِرَانِ فَالنَّيْلُ وَالْفَرَّاشُ، وَأَمَّا الْبَاطِنَانِ فَنَهْرَانِ فِي الْجَنَّةِ، وَأُنَيْثُ بِثَلَاثَةِ أَقْدَاحٍ: قَدَحٌ فِيهِ لَبَنٌ، وَقَدَحٌ فِيهِ عَسَلٌ، وَقَدَحٌ فِيهِ خَمْرٌ، فَأَخَذْتُ الَّذِي فِيهِ اللَّبَنُ، فَشَرِبْتُ، فَقِيلَ: أَصَبْتَ الْفِطْرَةَ أَنْتَ وَأُمَّتُكَ.
Maksudnya: *Dari Anas berkata, Rasulullah S.A.W telah bersabda: Aku diangkat sehingga ke Sidrat al-Muntahā, dan di situ terdapat empat sungai, dua daripadanya adalah yang zahir dan dua daripadanya adalah yang batin. Ada pun sungai yang zahir itu ialah Nil dan Furat, manakala sungai yang batin pula ialah dua sungai di dalam syurga. Kemudian aku di datangkan dengan tiga bekas, bekas yang dipenuhi dengan susu, bekas yang dipenuhi dengan madu dan bekas yang dipenuhi dengan arak, maka aku mengambil bekas yang berisi susu dan aku meminumnya. Berkata kepadaku (Jibril a.s): Kamu telah memilih yang fitrah, kamu dan umat kamu”.*

Seterusnya firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī‘at̄ ayat 28 menyebut perkataan *السِّدْرَةُ* dalam menceritakan tentang keadaan penghuni syurga yang bersuka ria dan bersenang lenang. Firman Allah S.W.T:

﴿فِي سِدْرٍ مَخْضُودٍ﴾

Maksudnya: *Berada di antara pokok-pokok bidara yang tidak berduri. (56:27-28)*

⁷⁴ Hadith ini juga dicatat dalam beberapa tafsir lain iaitu: Ibn Kathīr (1999:4:226), Ibn Juzayr (1995:4:136) dan al-Ṣabūnī (1980:3:274).

Ibn ‘Atīyyat (t.t:8:197) berpendapat perkataan *السِدْرُ* dalam ayat ini bermaksud pokok *النبق* dari spesies pokok *umm ghailan* yang mempunyai duri. Tetapi sifatnya di dalam syurga berbeza dengan keadaannya di dunia. Perkataan *مَخْضُودٌ* dalam ayat ini bermaksud durinya dipotong dan tidak menyakitkan⁷⁵.

Al-Syaukānīy dalam tafsirnya (2004:5:202) pula menyatakan bahawa maksud perkataan *مَخْضُودٌ* ialah *حُضْدٌ شَوْكُهُ* yang bermaksud durinya dipotong. Ayat ini menunjukkan bahawa pokok bidara yang berada dalam syurga adalah dari jenis pokok bidara yang tidak berduri, manakala pokok bidara yang berada di dunia adalah dari jenis yang berduri seperti yang terdapat dalam ungkapan syair Umayyat bin Abū al-Ṣalt (1998:65) dalam menggambarkan tentang sifat syurga:

إِنَّ الْحَدَائِقَ فِي الْجَنَانِ ظَلِيلَةٌ فِيهَا الْكَوَاعِبُ سِدْرُهَا مَخْضُودٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya taman-taman di dalam syurga adalah tempat berteduhan, di dalamnya terdapat bidadari-bidadari dan pokok bidaranya pula tidak berduri (dipotong durinya).*

Selain itu, perkataan *سِدْرٌ مَخْضُودٌ* ditafsirkan juga sebagai rimbun disebabkan oleh banyaknya buah yang terdapat pada ranting pokok tersebut. Ibn ‘Abbās pula mentafsirkan perkataan *سِدْرٌ مَخْضُودٌ* sebagai dipenuhi dengan buah-buahan yang sangat lebat. Pendapat ini juga dinyatakan oleh ‘Ikramat, Mujāhid dan Qatādat⁷⁶.

Berdasarkan kepada kedua-dua tafsiran ayat ini, dapat disimpulkan bahawa perkataan *سِدْرٌ مَخْضُودٌ* merujuk kepada pokok bidara yang tidak berduri dan mempunyai buah yang lebat. Al-Nisābūrīy (1997:2:476:3710) meriwayatkan hadith dari Abī Umāmat r.a berkaitan dengan keadaan pokok *سِدْرٌ مَخْضُودٌ* yang terdapat di dalam syurga seperti yang digambarkan oleh Nabi S.A.W:

⁷⁵ Al-Baiḍāwīy dalam tafsirnya (1998:2:460) menjelaskan bahawa pokok ini juga adalah dari jenis pokok bidara yang tidak berduri.

⁷⁶ Lihat Tafsir al-Sa‘adīy (2002:5:164), Tafsir Ibn Juzāyī al-Kalbīy (1995:4:162), Tafsir al-Suyūfīy (1998:1:269) dan Tafsir ‘Ā’isyah Bint al-Syāṭī’ (1971:392).

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُونَ: إِنَّ اللَّهَ يَنْفَعُنَا بِالْأَعْرَابِ وَمَسَائِلِهِمْ أَقْبَلَ أَعْرَابِيٍّ يَوْمًا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَقَدْ ذَكَرَ اللَّهُ فِي الْقُرْآنِ شَجَرَةً مُؤَذِيَةً وَمَا كُنْتُ أَرَى أَنَّ فِي الْجَنَّةِ شَجَرَةً تُؤَذِي صَاحِبَهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: وَمَا هِيَ؟ قَالَ: السِّدْرُ، فَإِنَّ لَهَا شَوْكًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: فِي سِدْرٍ مَخْضُودٍ يَخْضُدُ اللَّهُ شَوْكَهُ فَيَجْعَلُ مَكَانَ كُلِّ شَوْكَةٍ تَمْرَةً، فَإِنَّهَا تُنْبِتُ ثَمْرًا تُفْتَقُ التَّمْرَةَ مَعَهَا عَنِ اثْنَيْنِ وَسَبْعِينَ لَوْنًا مَا مِنْهَا لَوْنٌ يُشْبِهُ الْآخَرَ.

Maksudnya: *Dari Abū Umāmah r.a berkata, ada pun para sahabat Nabi S.A.W berkata: Sesungguhnya Allah S.W.T memberi kebaikan kepada kami dengan Arab dan masalah-masalahnya apabila kami menerima Arab pada hari ini, maka dia berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya Allah S.W.T menyebut dalam Al-Qur'an sebatang pokok yang menyakitkan dan aku mendapati di dalam syurga ada sebatang pokok yang menyakitkan penghuninya. Rasulullah S.A.W bersabda: Apakah ia? Aku menjawab: Ia adalah pokok bidara dan ia mempunyai duri. Maka Rasulullah S.A.W bersabda: Pada pokok bidara yang tidak berduri itu, dipotong durinya oleh Allah S.W.T dan digantikan tempat setiap duri itu dengan buahnya. Sesungguhnya ia mengeluarkan buah dan setiap buah itu akan mengeluarkan buah lagi yang bersama-sama dengannya 72 jenis warna yang mirip antara satu sama lain.*

Perkataan *السِّدْرَةُ* yang digunakan dalam surah Sabā' merupakan ayat tunggal yang merujuk pokok bidara sebagai tumbuhan di dunia. Ayat ini menceritakan tentang pengkisahan kerajaan Sabā'. Perkataan *السِّدْرَةُ* digunakan bersama-sama dengan perkataan *الْأَثَلُ* dan *الْحَمْطُ*. Firman Allah S.W.T dalam surah Saba' ayat yang ke-16:

﴿وَبَدَّلْنَا هُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِ أُكُلٍ حَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّنْ سِدْرٍ قَلِيلٍ﴾

Maksudnya: “Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pokok-pokok sugi dan pokok-pokok tamarisk, serta sedikit pokok-pokok bidara”. (34:16)

Al-Aṣfahaniy (t.t:301) berpendapat bahawa pokok *السِّدْرَةُ* dalam ayat ini merujuk kepada jenis pokok tempat berlakunya perjanjian *al-Riḍwān*.

4.1.4.1 Habitat dan kegunaan **السِدْرَةُ** (pokok bidara)

Al-Anṭākīy (1998:186) mencatatkan bahawa pokok bidara tumbuh di kawasan tinggi seperti di kawasan bukit dan pergunungan. Pokok ini juga tumbuh di kawasan yang berpasir seperti di tebing sungai, tepi laut dan di kawasan padang pasir. Pokok ini boleh hidup sehingga menjangkau usia beratus tahun. Pokok ini merupakan tumbuhan liar, tetapi kini ia menjadi tumbuhan yang ditanam oleh manusia untuk tujuan komersial.

Al-Zabidīy dalam kamusnya (1965:11:525) pula menjelaskan bahawa pokok bidara banyak terdapat di negara Arab Saudi. Pokok ini memerlukan kepada cuaca panas dan kering. Pokok ini juga mempunyai banyak jenis. Buah bidara yang terbaik yang terdapat di negara Arab adalah dari jenis pokok bidara **أَلْهَجْرُ** (*al-Hijr*). Ia hanya terdapat di kawasan yang dikenali dengan nama **السُلْطَان** (*al-Sultān*). Rasa buahnya adalah manis dan berbau harum. Haruman buah bidara *al-Hijr* ini dapat dihidu dari mulut orang yang memakannya seperti haruman minyak wangi yang terkena pada pakaian.

Daun pokok bidara bersifat panas dan digunakan oleh masyarakat Arab lama untuk tujuan mengeringkan rambut. Manakala buahnya pula bersifat sejuk dan mempunyai banyak khasiat. Buah bidara sekiranya dimakan akan dapat membunuh cacing yang berada di dalam perut, mencantikkan kulit, menghilangkan angin dalam badan, meningkatkan tenaga seksualiti dan mengubati penyakit limpa dan *ascities*. Serbuk daun pokok bidara pula digunakan sebagai penawar untuk menyembuhkan luka dan merawat tulang yang patah. Selain itu, daunnya juga digunakan sebagai agen pembersihan pada pakaian dan mandian. Manakala, jusnya pula digunakan untuk menghilangkan cirit birit.

Menurut Ibn Qaiyyum al-Jawziyyaṭ (1957:18), buah bidara dapat mengeluarkan kahak, menguatkan abdomen perut dan pernafasan serta sesuai untuk wanita yang hamil kerana mengandungi nutrisi penting seperti glukosa untuk badan dan kandungan. Dalam perubatan Mesir kuno, pokok bidara adalah antara bahan yang digunakan untuk tujuan pengawetan mumia. Selain itu, manisan yang terhasil dari pokok bidara juga merupakan jenis manisan yang terbaik dan termahal dalam tamadun Mesir kuno.

Al-Ghasānīy (2000:160) mencatatkan bahawa buah bidara dari jenis **النَّبَقُ** yang muda mempunyai selaput isi dalam seperti yang terdapat pada buah *hawthornberi*. Bezanya

cuma selaput isi yang berada pada buah bidara kurang sedikit dari buah *hawthornberi*. Buah bidara mempunyai pelbagai jenis. Buah yang muda mempunyai serat yang tinggi dan dapat menguatkan organ perut. Manakala buahnya yang sudah masak pula mengandungi serat yang rendah dan digunakan untuk rawatan mengempiskan perut. Buah bidara yang manis dapat menghilangkan penyakit kuning, menguatkan perut, melicinkan perjalanan usus, mencerdaskan minda, mengurangkan panas badan dan dimakan sebelum mengambil makanan berat untuk tujuan meningkatkan selera. Ia juga dapat menghilangkan penyakit lambat hadam dan jus dari buah bidara dapat mengurangkan kepanasan suhu badan. Masyarakat Arab lama juga menggunakan buah bidara sebagai pewarna rambut dan untuk mengelakkan masalah rambut bercabang. Buah bidara juga digunakan dalam rawatan tradisional masyarakat Arab untuk merawat penyakit tumor. Abu dari pokok bidara dicampur dengan cuka dan digunakan sebagai penawar untuk bisa patukan ular.

Ibn al-Wardīy (t.t:38) pula menjelaskan bahawa biji buah bidara sekiranya direndam dalam air mawar untuk tempoh semalaman dan kemudiannya ditanam, ia akan menghasilkan pokok bidara yang berbau harum pada daun dan buahnya. Sekiranya biji buah bidara direndam dalam susu dan madu selama semalaman, kemudian dikeringkan dan ditanam, ia akan menghasilkan buah yang manis dan enak. Daunnya digunakan untuk menguatkan penglihatan, manakala buahnya pula digunakan untuk tujuan menghentikan pendarahan. Menurut ‘Abd al-Mun’im Fahīm al-Hadīy (1996:34), antara gizi yang terdapat dalam pokok, buah, dan daun bidara ialah flavone, emodin, resin, serat, protein, karborhidrat, asid organik, besi, kalsium, fosforus dan vitamin B,C dan K. Daun bidara digunakan untuk rawatan penyakit sendi *rheumatoid arthritis* dan asma. Daun bidara juga digunakan sebagai campuran dalam air mandian untuk membersihkan mayat. Amalan ini bermula sejak zaman Nabi S.A.W. Hadith daripada Umm ‘Aṭīyyat yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:423:1195)⁷⁷:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوُفِّيَتْ ابْنَتُهُ فَقَالَ اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتُمْ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخِرَةِ كَأْفُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَأْفُورٍ فَإِذَا فَرَعْتُمْ فَأَذِنِّي فَلَمَّا فَرَعْنَا آذَنَاهُ فَأَعْطَانَا حِقْوَهُ فَقَالَ أَشْعَرْنَهَا إِيَّاهُ تَعْنِي إِزَارُهُ.

Maksud: *Daripada Umm ‘Aṭīyyat al-Ansariyyat r.a berkata: Rasulullah S.A.W telah masuk ke tempat kami ketika kewafatan puteri baginda S.A.W dan baginda S.A.W bersabda: Mandikannya sebanyak tiga kali atau lima atau lebih banyak daripadanya*

⁷⁷ Hadith ini juga diriwayatkan dalam kitab *Janāz* oleh Muslim (1998:647:939), al-Tarmizīy (1996:2:303:990), Abū Dāwūd (2011:5:198:3142) dan Ibn Mājah (2007:1:469:1459).

jika kamu merasakannya perlu. Mandikannya juga dengan air dan daun bidara. Jadikanlah basuhan yang terakhir dengan kapur barus atau sedikit daripada kapur barus. Sekiranya sudah selesai, maka khabarkan kepada aku. Apabila kami selesai, kami memberitahu kepada baginda S.A.W lalu baginda menghulurkan kain baginda kepada kami sambil bersabda: Pakaikanlah kain ini kepadanya.

Selain itu, daun bidara juga digunakan sebagai penawar untuk masalah gangguan sihir dalam perubatan Islam. Al-Bukhārīy (1997:10:233) mencatatkan dari Wahab bin Munbah, untuk mengubati daripada gangguan sihir, tujuh helai daun bidara yang masih segar ditumbuk dan dicampurkan ke dalam air. Kemudian dibacakan ayat Kursīy, surah al-Ikhlāṣ, surah al-Falaq, surah al-Nās dan surah al-Kāfirūn. Air tersebut diminum sebanyak tiga teguk dan selebihnya dijadikan mandian. Cara yang sama juga digunakan untuk lelaki yang mengalami masalah lemah seksualiti akibat daripada gangguan sihir⁷⁸.



Rajah 4.4: Gambar pokok اَلْبِدْرَةُ (bidara) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

⁷⁸ Mufti Arab Saudi Ibn Bāz (1999:3:279) menambah ayat yang dibacakan untuk tujuan rawatan ini ialah ialah ayat 117-119 dari surah al-A‘rāf, ayat 79-82 dari surah Yūnus dan ayat 65-69 dari surah Ṭaha.

4.1.5 Pokok الطَّلْحُ (Pisang dan Pokok *Umm Ghailan*)

Terdapat dua pendapat dalam kalangan ahli leksikon Arab dan tafsir berkaitan dengan makna perkataan الطَّلْحُ dalam bahasa Arab. Pendapat pertama merujuk perkataan الطَّلْحُ sebagai pokok أُمُّ غَيْلَانَ (*umm ghailan*) dan pendapat kedua merujuk perkataan الطَّلْحُ sebagai pokok الْمَوْزُ (pisang).

Al-Zabidīy (1965:6:579) menyatakan bahawa perkataan الطَّلْحُ dengan *al-Fatḥh* dan diikuti *al-Sukūn* ialah sejenis pokok yang besar terdapat di kawasan Hijāz. Menurut Ibn Manẓūr (1996:8:180), الطَّلْحُ adalah pokok yang tumbuh di kawasan Hijāz dari spesis pokok السَّمُرَةُ (*akasia tortilis*), kata tunggalnya dari perkataan طَلْحَةٌ dan kata *jama*'nya menurut al-Farrā' (1955:3:124) dan al-Zabidīy (1965:6:580) ialah أَطْلَاحٌ atau الطَّلَاحُ seperti قَصَاعٌ - قَصْعَةٌ dengan merujuk kepada syair Arab⁷⁹:

أَنْ تَهْبِطِينَ بِأَدَاكَ قَوْ
مِ يَرْتَعُونَ مِنَ الطَّلَاحِ

Maksudnya: “Untuk singgah di sebuah perkampungan (yang tidak berpenghuni), berehat (untuk menghilangkan rasa letih dibawah teduhan) daripada pokok *umm ghailan/pisang*”.

Ibn Sīdah (2003:3:241) menukilkan pandangan Sibawayh yang mengatakan *jama*' perkataan طَلْحَةٌ ialah طُلُوحٌ seperti صَخْرَةٌ-صُخُورٌ. Menurut 'Abd al-Qādir al-Rāzīy (1986:166) perkataan الطَّلْحُ dengan pola الطَّلْعُ merupakan pokok besar dari jenis yang berduri الغُضَاهُ⁸⁰, kata tunggal perkataan ini menurut al-Faiyūmīy (1977:2:275) ialah طَلْحَةٌ seperti perkataan تَمْرٌ-تَمْرَةٌ. Perkataan الطَّلْحُ juga merupakan lughatِ الطَّلْعِ iaitu dibaca dengan huruf *al*-*In* العَيْرُ⁸¹. Perkataan الطَّلْحُ dalam Al-Qur'an Al-Karim disebut sekali sahaja

⁷⁹ Lihat Ibn Manẓūr (1995:8:180), Ibn Sīdah (2003:3:241) dan al-Azharīy (1976:4:384).

⁸⁰ Menurut al-Aṣma'īy (1898:33) spesis pokok الغُضَاهُ ialah semua pokok yang mempunyai duri.

⁸¹ Menurut Ibn Qutaibah dalam tafsirnya (1978:418), ayat ini dibaca dengan الطَّلْعِ oleh sebahagian ulama' salaf dengan merujuk kepada ayat 10 dari surah Qāf iaitu ﴿وَالنَّخْلَ بَاسِقَاتٍ لَهَا طَلْعٌ نَضِيدٌ﴾. Lihat juga al-

dalam menggambarkan tentang nikmat ahli syurga. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī‘at ayat 29:

﴿وَطَلْحٍ مَّنْضُودٍ﴾

Maksudnya: “Dan pokok-pokok *pisang/umm ghailan* yang tersusun rapi buahnya”. (56:29)

Al-Marāghīy (1946:27:138) mentafsirkan perkataan الطَّلْحُ dalam ayat ini sebagai pokok pisang. Manakala perkataan مَّنْضُودٍ pula bermaksud buah yang tersusun rapi dari bawah ke atas seperti bentuk sikat. Pokok ini juga tidak mempunyai cabang. Buahnya pula tersusun antara satu sama lain sehingga tidak menampakkan bahagian tandannya. Diriwayatkan dari Abū Sa‘īd r.a, Ibn ‘Abbās r.a dan Abū Hurairat r.a bahawa perkataan الطَّلْحُ bermaksud pokok pisang. Menurut ‘Alīy bin Abū Ṭālib r.a, Mujāhid dan ‘Atā’, penduduk Yaman menamakan الطَّلْحُ sebagai pokok pisang. Al-Ḥasan pula menyatakan perkataan الطَّلْحُ dalam ayat ini tidak merujuk kepada pokok pisang, tetapi merujuk kepada pokok yang mempunyai bayang yang besar dan dapat berteduh dibawahnya⁸².

Al-Qāsimīy (1957:16:5651) berpendapat perkataan الطَّلْحُ dalam ayat ini bermaksud pokok pisang yang buahnya tersusun dari atas sehingga ke atas. Buahnya manis, besar, lazat dan tidak mempunyai biji. Al-Nasfīy (t.t:4:169) pula berpendapat, perkataan الطَّلْحُ ialah pokok pisang, keluar dari batangnya buah yang lebat dari bawah sehingga ke atas, tidak berduri dan tidak bercabang.

Ibn ‘Āsyūr (t.t:27:299) merujuk perkataan الطَّلْحُ dalam ayat ini sebagai pokok yang tumbuh di kawasan lembah sekitar Hijaz. Pokok tersebut mempunyai saiz yang besar dan dahan yang tinggi. Daunnya hanya tumbuh sedikit dan berwarna hijau tua. Getah pokok ini boleh dimakan. Durinya banyak tetapi tidak berbisa. Mengeluarkan bunga berwarna putih yang berbau harum. Penduduk Sfax Tunisia menamakannya dengan *umm ghailan*, manakala penduduk Ahwāz Tunisia menamakannya dengan مِسْكٌ صَنَادِقٌ.

Zabidīy (1965:6:580) dan Ibn Sīdah (2000:3:241). Ibn al-Sikkīt (1903:15:146) membincangkan bab ini dalam tajuk *al-Ibdāl fī al-Lughat*.

⁸² Lihat tafsir Ibn Kathīr (1999:4:260), al-Qurṭubīy (2006:17:135), Sayyid Quṭb (1994:6:3464), Ibn Qutaibāṭ (1978:448).

Perkataan *مَنْضُودٌ* bermaksud buah yang tersusun padat melekat pada dahan dan tidak berduri atau buah yang tersusun dan bunganya berwarna putih dan berbau harum. Adapun pendapat yang merujuk perkataan *الطَّلْحُ* sebagai pokok pisang, ia merupakan nikmat yang diberikan kepada ahli syurga berbentuk nikmat buah-buahan yang enak dimakan dan pokok yang cantik dipandang.

Menurut al-Baiḍāwīy (1998:5:179), *الطَّلْحُ* adalah pokok pisang atau pokok *umm ghailan* yang mempunyai bunga yang banyak dan berbau harum. Ibn Ḥayyān al-Andalūsīy (1993:8:207) menukilkan dari al-Suddāīy yang menyatakan bahawa perkataan *الطَّلْحُ* dalam ayat ini menyerupai pokok *الطَّلْحُ* yang terdapat di dunia, tetapi rasa buahnya lebih manis daripada madu.

Menurut al-Sa‘adīy (2002:832) *الطَّلْحُ* ialah pokok besar yang tumbuh di kawasan lembah, keluar dari batangnya buah yang sedap dan lazat. Ibn Juzaiy (1995:2:401) berpendapat bahawa perkataan *الطَّلْحُ* bermaksud pokok yang besar dan mempunyai duri yang banyak. Ibn ‘Atīyyat (t.t:8:198) mentafsirkan perkataan *الطَّلْحُ* dalam ayat ini sebagai sejenis pokok yang berbatang besar dan mempunyai duri dari spesis pokok *الغضاه*. Perkataan *مَنْضُودٌ* dalam ayat ini pula bermaksud susunan buah-buahan yang terdapat pada pokok tersebut dari bawah sehingga ke atas. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa pokok *umm ghailan* yang berada di syurga berbeza dengan apa yang ada di dunia. Pokok *umm ghailan* di syurga tidak mempunyai duri seperti mana keadaannya di dunia. Ini kerana syurga adalah satu nikmat dan penghuninya terhindar dari sebarang kemudaratan dan kesakitan. Perkataan *مَنْضُودٌ* dalam ayat ini bermaksud dipotong *مَقْطُوعٌ*.

Abū Ḥanīfa al-Dānūrīy (1974:16) meriwayatkan dari Abū Naṣr bahawa الحَبْلَةُ⁸³ merupakan buah untuk pokok الأعضاء, manakala العُلْفُ⁸⁴ pula merupakan buah untuk pokok الطَّلْحُ. Saiznya lebih besar dari pokok الحَبْلَةُ. Pokok الطَّلْحُ ini dari jenis pokok besar yang berduri. Daunnya berwarna hijau tua serta rimbun. Pokok ini juga mengeluarkan bunga yang berbau harum. Berdasarkan ciri-ciri pokok الطَّلْحُ yang dinyatakan dalam ayat Al-Qur'an Al-Karim, analisa perbandingan terhadap ciri-ciri yang terdapat pada pokok umm ghailan dan pokok pisang dapat memberi gambaran sebenarnya tentang maksud pokok الطَّلْحُ yang digambarkan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Perbandingan tersebut ialah:

Jadual 4.1: Perbandingan perkataan الطَّلْحُ dengan pokok pisang dan *umm ghailan*

Ciri-ciri pokok الطَّلْحُ dalam Al-Qur'an Al-Karim:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pokok yang besar, tinggi, mempunyai daun yang banyak, berwarna hijau dan dapat berlindung di bawah teduhannya. 2. Penghuni syurga bersenang-senang di bawah teduhan pokok ini, buahnya boleh dimakan dan pokok ini banyak memberi manfaat kepada penghuni syurga.
Ciri-ciri pokok <i>umm ghailan</i>:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketinggiannya boleh mencapai ketinggian sehingga lima dan enam meter. Pokoknya rimbun, mempunyai ranting yang banyak dan saiz daunnya adalah kecil. 2. Pucuknya tinggi dan keras serta mempunyai jangka hayat yang lama. 3. Berduri tetapi tidak menyakitkan seperti duri pokok bidara. 4. Getahnya berbau harum dan boleh dimakan. 5. Buahnya lembut, lazat dan boleh dimakan terus. Menjadi makanan unta dan kambing. 6. Keseluruhannya bahagian buahnya boleh dimakan. 7. Hidup di kawasan lembah dan banyak terdapat di kawasan Hijaz.
Ciri-ciri pokok pisang:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketinggiannya sederhana sekitar dua meter sahaja. Disebabkan ketinggian yang sederhana, maka sukar untuk berteduh di bawahnya. 2. Pucuknya lembut dan jangka hayatnya pendek. Apabila buahnya dituai maka pokok induk akan ditebang. 3. Tidak berduri.

⁸³ الحَبْلَةُ merujuk kepada jenis buah dari spesies pokok kapas. Buahnya mempunyai dua bahagian kelopak dan akan pecah apabila masak dan akan mengeluarkan biji.

⁸⁴ العُلْفُ merujuk kepada pokok yang melata, memanjat dan menjalar seperti pokok anggur dan kacang.

4. Getahnya memudaratkan dan tidak boleh dimakan.
5. Hanya buah yang matang sahaja boleh dimakan. Buah yang belum matang perlu diperam terlebih dahulu atau diproses menjadi makan yang lain. Tidak boleh dimakan terus kerana rasanya pahit.
6. Bahagian kulit buah pisang tidak dimakan.
7. Asal pokok ini adalah dari kawasan Asia. Memerlukan air yang banyak untuk hidup.

Berdasarkan kepada beberapa ciri yang terdapat pada pokok *umm ghailan* berbanding pokok pisang, munculnya golongan yang berpendapat bahawa makna sebenar perkataan **أَطْلَحُ** dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah pokok *umm ghailan*. Selain itu, golongan ini juga berpendapat bahawa pokok **أَطْلَحُ** ini telah sedia maklum dan dikenali oleh masyarakat Arab. Dalam kalangan masyarakat Arab, pokok **أَطْلَحُ** dan pisang adalah dua jenis tumbuhan yang berbeza.

Dari sudut yang lain pula, berdasarkan kepada analisa perbandingan yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa pokok *umm ghailan* adalah dari spesis pokok yang berduri. Ia dijadikan hujah oleh golongan yang berpendapat bahawa perkataan **أَطْلَحُ** merujuk kepada pokok pisang. Ini kerana pada hakikatnya kehidupan di syurga adalah dipenuhi dengan pelbagai nikmat. Sekiranya pokok di dalam syurga mempunyai duri, ia akan menyakitkan penghuni syurga. Oleh itu perkataan **أَطْلَحُ** tidak merujuk kepada maksud pokok *umm ghailan* dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Untuk menolak dakwaan ini, golongan yang berpendapat bahawa perkataan **أَطْلَحُ** merujuk kepada pokok *umm ghailan* beranggapan, bahawa duri yang terdapat pada pokok *umm ghailan* tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan sandaran pokok tersebut kepada maksud perkataan **أَطْلَحُ**. Ini kerana, di dalam syurga terdapat juga beberapa spesis tumbuh-tumbuhan lain yang berduri seperti pokok bidara. Sebenarnya keadaan duri di dunia dan di syurga adalah sesuatu yang berbeza dan hanya Allah S.W.T yang mengetahui keadaannya sama ada ia menyakitkan atau tidak. Keadaan ini sama seperti keadaannya arak di syurga yang berbeza dengan arak di dunia. Oleh itu,

alasan pokok *umm ghailan* yang berdiri menyebabkannya tidak disandarkan kepada maksud perkataan الطَّلْحُ tidak dapat diterima.

Hujah lain yang digunakan oleh golongan yang pendapat bahawa pokok الطَّلْحُ bermaksud pokok pisang adalah dengan bersandarkan kepada pandangan Ibn ‘Abbas r.a. Pandangan Ibn ‘Abbas r.a sentiasa diguna pakai untuk mentafsir ayat-ayat Al-Qur’an Al-Karim kerana beliau adalah sahabat yang mempunyai autoriti dan pernah didoakan oleh Nabi S.A.W. Hadith *al-Marfū’* yang diriwayatkan oleh al-Nisābūrīy (1997:3:536:6318) menggambarkan tentang kewibawaan Ibn ‘Abbas r.a ini:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَابْنِ عَبَّاسٍ: اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَعَلِّمَهُ التَّأْوِيلَ.
Maksudnya: *Daripada Muhammad bin ‘Aliy berkata, Nabi S.A.W telah berdoa untuk Ibn ‘Abbas: “Ya Allah Ya Tuhanku, mahirkan dia dalam agama, dan ajarkan dia dengan ilmu al-Tawil”.*

Walau pun begitu, hujah ini disangkal oleh golongan pertama yang mengatakan bahawa autoriti yang ada pada Ibn ‘Abbas r.a tidak boleh dijadikan sandaran dalam semua aspek. Ini kerana terdapat beberapa keadaan yang pendapat Ibn ‘Abbas r.a bertentangan dengan pendapat sahabat lain yang mempunyai autoriti yang lebih tinggi daripadanya. Keadaan ini dapat dilihat dalam permasalahan tafsiran perkataan العَادِيَات dalam surah al-‘Ādiyyāt. Ibn ‘Abbas r.a mentafsirnya sebagai kuda perang tetapi menurut ‘Alīy bin Abū Ṭālib r.a perkataan العَادِيَات dalam ayat tersebut bermaksud unta⁸⁵. Terdapat percanggahan pendapat antara keduanya, sedangkan kedudukan ‘Aliy bin Abu Talib r.a dari segi keilmuan adalah lebih tinggi daripada Ibn ‘Abbas r.a.

Melihat dari aspek philologi Arab pula, perkataan الطَّلْحُ diguna pakai secara meluas oleh penduduk Yaman dengan merujuk perkataan ini kepada maksud pisang. Manakala penduduk Sfax Tunisia pula menamakan الطَّلْحُ dengan merujuk kepada pokok *umm ghailan*. Dalam konteks ini, terdapat dwi-penggunaan terhadap satu perkataan yang membawa maksud yang berbeza. Persoalan yang timbul dalam situasi ini ialah untuk

⁸⁵ Tafsir al-Qurtubīy (2006:20:155).

menyandarkan perkataan الطَّلْحُ tersebut, sama ada ia merujuk kepada penggunaan penduduk Yaman atau penduduk Sfax Tunisia?

Jawapan kepada persoalan ini, golongan yang berpendapat bahawa perkataan الطَّلْحُ merujuk kepada maksud pisang sebagaimana yang diguna pakai oleh penduduk Yaman dengan melihat dari aspek sejarah perkembangan bahasa dan bangsa Arab. Buku sejarah telah mencatatkan bahawa sejarah bahasa dan bangsa Arab bermula pada zaman Nabi Ismail a.s. Apabila wadi (Makkah) yang didiami oleh saidatina Hajar a.s bersama anaknya Ismail a.s didatangi oleh sekumpulan kabilah Arab dari negara Yaman. Kabilah ini dikenali dengan nama Jurhum⁸⁶.

Nabi Ismail a.s mempelajari bahasa Arab dari kabilah tersebut dan bahasa Arab terus subur di bumi Makkah sehinggalah berlakunya peristiwa penurunan wahyu. Berbeza dengan sejarah bahasa Arab dalam kalangan penduduk Sfax Tunisia. Sejarah perkembangan bahasa Arab di tempat mereka adalah baru berbanding dengan sejarah perkembangan bahasa Arab penduduk Yaman. Oleh itu, keaslian istilah-istilah yang terdapat dalam bahasa Arab perlu merujuk kepada bahasa Arab dari kawasan asalnya iaitu bahasa penduduk Yaman.

Perbincangan berkaitan dengan perkataan الطَّلْحُ dalam Al-Qur'an Al-Karim sama ada ia merujuk kepada pokok pisang atau pokok adalah satu *al-'Ijāz al-Lughawīy* yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Kedua-dua pendapat ini diterima pakai dalam membuat penerangan berkaitan dengan perkataan الطَّلْحُ dalam Al-Qur'an Al-Karim.

⁸⁶ Al-Azraqīy berpendapat dalam bukunya *'Akhbār Makkah wa mā Jā'a min al-Athār* (2003:1:83-84): "Menurut sesetengah ahli sejarah, Makkah dikuasai oleh kabilah 'Amaliq, setelah mereka melakukan kezaliman dan maksiat akhirnya mereka ini dikalahkan oleh kabilah Jurhum".

4.1.5.1 Habitat dan kegunaan الطَّلْحُ-المَوْزُ (pokok pisang)

‘Abd al-Mun‘im Fahīm al-Hadīy (1996:160), perkataan المَوْزُ (*al-Mawz*) berasal dari bahasa Hindu yang telah mengalami proses arabisasi bahasa. Perkataan *al-Mawz* dikenali oleh masyarakat dahulu dengan nama طَعَامُ الْفَلَاسِفَةِ (makanan ahli falsafah) kerana ia merupakan hidangan utama para cendekiawan Hindu. Al-Mawz juga dikenali dengan nama قَاتِلُ أُمَّهِ وَأَبِيهِ (pembunuh ibu dan ayahnya) kerana pokok pisang hanya berbuah sekali sahaja sepanjang hayat. Apabila buahnya telah matang dan sedia untuk dituai, maka pokok induk akan ditebang. Pokok pisang adalah pokok yang ditanam sepanjang tahun dan dari jenis tumbuhan yang tidak bermusim. Negara pengeluar utama pisang dunia ialah Brazil diikuti oleh Uganda, India dan Filipina.

Menurut ‘Abd al-Mun‘im Fahīm al-Hadīy (1996:161) menjelaskan gizi yang terkandung dalam sebiji pisang ialah 70% -75% kandungan air, 24% karbohidrat, 1% - 2% protein, serat dan minyak, kalsium, vitamin A,B dan C, besi, magnesium, phosphorus, zink dan tidak mengandungi sebarang kolestrol. Faktor ini yang menjadikan pisang sebagai makanan gantian yang sesuai untuk tujuan diet kesihatan.

Menurut al-Anṭākīy (1998:326), ketinggian pokok pisang boleh mencapai sehingga tiga hasta dan bergantung kepada keadaan kelembapan tanahnya. Pokok ini tumbuh dengan subur di kawasan yang sederhana panas dan lembab. Mengeluarkan batang tandan yang panjang dan buahnya akan keluar dari tandan tersebut selepas bunganya terbit. Rasa buahnya manis seperti madu. Pada setiap hari bunganya akan gugur satu persatu dari tandan pokok dan akan kelihatan tangkainya. Melalui garisan yang terdapat di tangkainya, kita akan dapat mengetahui usia pokok tersebut. Pokok pisang mencapai usia matang sekitar tempoh 70 hari.

Apabila buahnya sudah matang, maka ia akan ditebang dari pokoknya dan diperam selama beberapa hari. Buahnya yang masak berwarna kuning dan rasanya manis. Pisang sifatnya kering pada usia muda dan berair apabila sudah masak. Pisang digunakan untuk mengubati batuk, sakit dada dan kekurangan darah. Sekiranya dimasak bersama dengan minyak bijan atau minyak almond dan diminum, maka ia boleh mengubati sakit dada. Sekiranya dicampur dengan cuka atau air lemon, ia dapat menghilangkan penyakit kulit

yang disebabkan oleh jangkitan kulat seperti penyakit *favus* (kulat di kepala), kurap, kudis dan gatal. Manakala abu dari pokoknya dapat memberhentikan pendarahan.

Menurut al-Ghasānīy (2000:305), pisang dapat membantu penghadaman perut. Sekiranya dimakan bersama dengan madu atau cuka epal atau paste halia, ia dapat menambahkan sperma lelaki dan dapat meningkatkan ransangan seks. Pisang juga merupakan penawar untuk sakit dada, buah pinggang dan kencing yang tidak lawas.

Menurut Abū Ḥanīfa al-Dānūrīy (1974: 844), pokok pisang hidup di kawasan yang bercuaca sejuk, mempunyai buah yang lebat, daunnya panjang dan lebar ukurannya antara 2x3 hasta. Bentuknya seakan-akan bentuk empat segi sama. Tumbuh disekitar pokok induknya beberapa anak pokok yang lain yang boleh mencapai jumlah 20 pokok. Apabila buahnya hendak dituai, maka pokok induk akan ditebang. Pokok pisang bentuknya seperti pokok kurma, daunnya lebar, mempunyai tangkai dan keluar dari tangkai tersebut buahnya. Buahnya pada peringkat awal berwarna hijau, bertukar menjadi kuning apabila sudah matang dan akan menjadi hitam apabila terlalu tua dan masak. Rasanya licin dan manis. Pisang ini dimakan bersama-sama dengan gula dan baik untuk sistem penghadaman perut. Ia dicampur dengan susu dan diberi kepada kanak-kanak bagi tumbesaran badan dan otak.

Menurut Ibn Qaiyyum al-Jawziyyaṭ (1957:261), buah pisang yang muda bersifat kering dan lembab apabila sudah masak. Rasanya segar dan manis. Digunakan sebagai penawar untuk menghilangkan sakit dada, paru-paru, batuk, sakit pundi kencing, sakit buah pinggang, kencing tidak lawas, menambahkan sperma lelaki, meningkatkan ransangan seksual dan memberi keselesaan pada perut.

Menurut Abū ‘AbdulLah al-Zahabīy (1990:196), pisang bersifat kering dan lembab pada usia muda dan menyejukkan apabila dimakan dengan madu. Kandungan glukosa, vitamin dan galian dalam buah pisang adalah tinggi. Khasiatnya sangat banyak untuk perkembangan tubuh badan dan dapat menguatkan sel serta tisu badan. Pisang juga dapat mengubati penyakit sendi reumatologi, gaut dan radang saraf.

Menurut Aimān al-Ḥusainīy (1993:43), pisang digunakan secara meluas dalam industri kosmetik wanita. Elemen pisang adalah kandungan utama dalam produk masker kecantikan wanita bagi tujuan menghilangkan kesan kedutan di muka. Kulit pisang

dapat melegakan kesakitan dan menghilangkan lebam di kulit manusia. Selain itu, daun dan pelepah pisang yang sudah kering dianyam untuk membuat atap rumah dan bakul. Di India, daun pisang segar dijadikan sebagai medium untuk membungkus dan melapik makanan agar makanan tersebut tidak rosak dan tahan lama. Aroma yang terhasil dari daun pisang tersebut akan dapat menambahkan lagi kelazatan pada makanan.

4.1.5.2 Habitat dan kegunaan pokok *الطَّلْحُ-أُمُّ غَيْلَانَ (umm ghailan)*

Menurut al-Ghasānīy (2000:184), pokok *umm ghailan* tidak mempunyai duri, batang kayunya keras, mengeluarkan getah yang berwarna merah. Menurut Ibn al-Baiṭār (t.t:67), penduduk di padang pasir mengenalinya dengan nama *الَسْمُرَةُ (al-Samurit)* iaitu dari spesis pokok *akasia tortilis*. Ia banyak terdapat di lembah-lembah sekitar Hijaz, Mesir, Sudan dan tempat-tempat tertentu di negara Teluk Arab. Mempunyai hampir lebih daripada 10 spesis. Ada di antaranya berbunga putih dan ada pula yang berbunga kuning dengan saiz yang kecil.

Ibn Sīnā (1999:3:476) menyatakan bahawa pokok *umm ghailan* adalah dari spesis pokok yang berduri dan banyak terdapat di kawasan lembah. Buahnya yang sudah kering digunakan untuk menghentikan pendarahan. Abū Ḥanīfaṭ al-Dāinūriy (1974: 563) pula menyatakan bahawa pokok *umm ghailan* mempunyai bunga berwarna putih yang wangi, kelopaknya berbentuk seperti tanduk kijang dan menjadi makanan kambing serta unta. Mengeluarkan getah berwarna merah pekat, kayunya keras dan tumbuh di kawasan yang bertanah subur.

Kayu dari pokok *umm ghailan* digunakan dalam industri pembuatan kapal di negara Teluk Arab dan juga dijadikan sebagai peralatan pertanian. Getahnya pula digunakan secara meluas dalam industri pembuatan warna, kosmetik dan minyak wangi. Pokok ini hidup di kawasan pergunungan dan kawasan berpasir. Al-Zabidīy (1965:6:579) meriwayatkan dari Ibn Syumail bahawa *الطَّلْحُ* adalah pokok yang tinggi dan besar. Pokok ini mempunyai bayang dan dijadikan sebagai teduhan oleh manusia dan unta. Daunnya sedikit, tetapi dahan dan cabangnya banyak dan besar. Selain itu pokoknya juga mempunyai duri yang banyak seperti duri pokok kurma. Pucuknya pula keras, tinggi dan tidak dapat dijangkau oleh tangan manusia. Pokok ini dikenali dengan nama *umm ghailan* dan banyak tumbuh di kawasan berbukit.

Pokok umm ghailan menghasilkan getah yang berwarna merah dan boleh dimakan dan dikenali sebagai الصَّمْعُ الْعَرَبِيّ (gula-gula getah Arab). Terdapat banyak khasiat gula-gula getah Arab dalam perubatan seperti dapat membantu membina sel tisu dalam usus untuk mengelakkan penyakit gastrik, dapat mengelakkan penyakit tumor dalam usus, mengurangkan kandungan glukosa dalam darah dan dapat mengubati penyakit cirit birit. Kajian terbaru yang oleh sekumpulan pakar perubatan dari Universiti al-Khartūm Sudan yang diketuai oleh Dr. Aimān al-Kabīsīy mendapati bahawa getah yang dihasilkan dari pokok umm ghailan berupaya untuk mengubati penyakit buah pinggang⁸⁷.



Rajah 4.5: Gambar pokok أُمُّ غَيْلَانَ (*umm ghailan*) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)



Rajah 4.6: Gambar pokok الْمَوْزُ (*pisang*) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

⁸⁷ Seperti yang dilaporkan dalam rencana *akhbar al-Bayān* bertarikh 26 Mac 2000, *akhbar al-Waṭan* tarikh 30 Ogos 2013.

4.1.6 Pokok الكافور (kapur barus)

Perkataan الكافور dalam kalangan ahli kamus Arab dan ahli tafsir mempunyai beberapa makna yang berbeza. Menurut Ibn Manẓūr (1996:12:122), perkataan الكافور bermaksud كيم العنب iaitu sarung kelopak yang menutupi anggur sebelum mengeluarkan bunga dan buah. Bekas mayang kurma طلع النخل وعاء juga dikenali dengan nama الكافور⁸⁸. Kata *jama* ‘ perkataan الكافور ialah كوافير berbeza dengan kata *jama* ‘ perkataan الكافور iaitu كوافير.

Ibn Durayd (1987:981) menegaskan bahawa tidak diketahui perkataan الكافور itu sebenarnya berasal dari perkataan Arab. Ini kerana masyarakat Arab menyebutnya dengan lafaz القفور atau القافور. Perkataan الكافور menurut al-Azhariy (1976:10:202) adalah berasal dari perkataan كفرة dan كفري. Perkataan ini dibaca sebagai هذه كفرة atau هذا كفري.

Menurut al-Līth, perkataan الكافور bermaksud sejenis tumbuhan yang berbunga putih seperti warna kristal. Perkataan الكافور juga bermaksud mata air yang terdapat dalam syurga yang mengeluarkan bau yang harum. Selain itu perkataan ia juga bermaksud campuran serbuk yang berbau wangi.

Ibn Sīdah (2003:7:6) menyatakan bahawa antara maksud lain perkataan الكافور ialah sejenis tumbuhan berbau harum yang menyerupai mayang pokok kurma dan *al-Kāfir* juga ialah bermaksud putik bunga berwarna putih yang keluar dari mayang pokok. Perkataan الكافور adalah termasuk dalam kata nama *Mamnu’ Min al-Ṣarf* kerana ia merupakan اسم مؤنث معرفة (kata nama feminin *Ma’rifat*) yang hurufnya lebih daripada tiga

⁸⁸ Lihat juga Ibn Sīdah (2003:7:5), Ibn Fāris (2001:897).

huruf. Walaupun begitu, perkataan الكافور dalam ayat ini dibaca secara berubah tanda barisnya kerana untuk menyamakan bacaan dalam bab رُؤُسِ الْآيِ (Ru'ūs al-Āā)⁸⁹.

Al-Faiyūmīy (1977:2:275) berpendapat bahawa perkataan الكافور bermaksud sarung kelopak kurma. Ini kerana kelopak tersebut menutupi apa yang berada di dalamnya. Menurut al-Fairūz Ābādīy (1992:3:127), maksud perkataan الكافور ialah sejenis tumbuhan yang cantik, putik bunganya seperti kristal dan sarung kelopak serta bekas mayangnya adalah elok. Pokok ini terdapat di kawasan pergunungan di negara India dan Cina. Pokoknya yang besar menjadi tempat teduhan binatang. Batang kayunya berwarna putih dan lembut.

Bahagian dalam pokok ini dikenali dengan nama الكافور. Ia berwarna merah dan jenisnya pelbagai. Ia akan dipotong untuk dikeringkan dan akan dikisar. Warnanya akan bertukar menjadi warna putih setelah menjadi kering dan menjadi serbuk. Perkataan الكافور dalam Al-Qur'an Al-Karim disebut sekali sahaja yang menggambarkan tentang nikmat yang diperolehi oleh penghuni syurga. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Insān ayat ke-5:

﴿إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat), akan meminum dari piala: Sejenis minuman yang bercampur dengan kapur baru*”. (76:5-6)

Perkataan الكافور dalam ayat ini menurut al-Azharīy (1976:10:202) ialah mata air yang terdapat di syurga. Airnya dicampurkan dengan الكافور untuk menjadikannya harum. Abū Ishāq mengatakan bahawa ayat ini merujuk kepada konteks bahasa tentang sifat rasa air di syurga. Air minuman di syurga berperisa الكافور atau bercampur dengan الكافور. Sebagai penghuni syurga, mereka tidak akan mengalami sebarang mudharat, mereka juga tidak

⁸⁹ رُؤُسِ الْآيِ (Ru'ūs al-Āā) ialah menghentikan bacaan Al-Qur'an Al-Karim dihujung ayat setelah selesai bacaannya seperti bab al-Qāfī'āt dalam syair dan al-Qarīmāṭ dalam al-Syaja'. Bab ini termasuk dalam bab al-Qir'ā'at al-Sab'at. Lihat al-Bayān fī 'Adqīy Āi Al-Qur'ān oleh Abū 'Amrū al-Dānīy (1994:109).

mandi dan berwangi-wangian kerana sifat ahli syurga dijadikan oleh Allah S.W.T dalam keadaan bersih, suci, segar dan wangi untuk selama-lamanya.

Al-Ṭabarīy di dalam tafsirnya (2001:23:538) merujuk perkataan **الْكَافُورُ** dalam ayat ini sebagai bau **الْكَافُورُ** yang wangi dan harum. Bentuk ayat ini adalah dalam bentuk kiasan iaitu seperti **كَالْكَافُورِ**. Al-Sa‘adīy (2002:901) menerangkan bahawa tafsiran ayat ini bermaksud penghuni syurga yang meminum sejenis minuman dari jenis arak yang rasanya lazat. Minuman ini dicampurkan dengan **الْكَافُورُ** bagi menyejukkannya dan menghilangkan rasa mabuk di dalamnya. Sifat **الْكَافُورُ** yang lazat dan dapat menghilangkan rasa mabuk di syurga menyamai **الْكَافُورُ** yang berada di dunia. Walaupun begitu, setiap kemudaran yang terdapat pada **الْكَافُورُ** di dunia ini akan dihilangkan oleh Allah S.W.T terhadap **الْكَافُورُ** di syurga.

Menurut Ibn Juzaiy (1995:2:401), perkataan **الْكَافُورُ** dalam ayat ini sebagai kiasan kepada sifat **الْكَافُورُ** yang berbau harum dan lazat. Ia bertujuan untuk menunjukkan tentang kelazatan arak di syurga. Seterusnya ia digambarkan dengan campuran **الْكَافُورُ**. Seperti juga apabila sesuatu makanan yang rasanya lazat, maka kata pujian tentang kelazatan makanan tersebut akan digambarkan dengan ungkapan **هَذَا مِسْكٌ** (*ini adalah kasturi*). Kasturi yang dimaksudkan dalam ungkapan ini tidak bermaksud kasturi yang sebenarnya, tetapi ia merujuk kepada sifat kelazatan kasturi yang sama dengan kelazatan makanan tersebut.

Ibn Ḥayyān al-Andalusīy (1993:7:378) meriwayatkan dari Qatadaḡ bahawa ayat ini bermaksud dicampur air minuman mereka dengan **الْكَافُورُ** dan dimeterai dengan kasturi seperti dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Muṭaffifīn ayat 25 sehingga ayat 26 yang menggambarkan tentang keadaan penghuni syurga. Firman Allah S.W.T:

﴿يُسْقَوْنَ مِنْ رَحِيقٍ مَخْتُومٍ (٢٥) خِتَامُهُ مِسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ﴾

Maksudnya: “Mereka diberi minum dari arak yang termeterai bekasnya, (25) Meterainya ialah kasturi; dan untuk itu hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan”. (83:25-26)

Dalam ayat ini terdapatnya unsur *al-Tasybīh*⁹⁰ iaitu: طَيْبٌ رَائِحَةٌ وَبَرْدٌ كَالْكَافُورِ yang bermaksud bau wangi dan sejuknya seperti الكافور. Al-Marāghīy (1946:22:163) mengatakan unsur *al-Tasybīh* dalam ayat ini ialah كَالْكَافُورِ مِنَ الْبَيَاضِ وَطَيْبِ الرَّائِحَةِ وَالْبُرُودَةِ bermaksud putih, wangi dan sejuknya seperti الكافور.

Ibn ‘Āsyūr (t.t:29:380) menjelaskan bahawa ada pendapat yang mengatakan konteks penggunaan perkataan مِرْجُ dalam ayat ini menunjukkan perbuatan yang hakiki dan tidak berunsur kiasan. Perbuatan mencampurkan arak dengan الكافور sudah menjadi satu amalan dalam kalangan masyarakat Arab terutamanya dari golongan bangsawan. Tujuan mereka mencampurkan arak dengan الكافور adalah bertujuan untuk mengharumkan, menyejukkan dan menambah kelazatan pada arak tersebut. Seperti *al-Mu‘alaqat Amrū’ al-Qais*⁹¹:

كَأَنَّ مَكَائِيَّ الْجَوَاءِ غُدْبَةً صُبِحْنَ سُلَافًا مِنْ رَحِيقِ مُغْلَقِلِ

Maksudnya: “Seperti burung merbah tanah yang terbang di kawasan lembah selepas hujan (cuaca yang nyaman), yang mabuk (terhoyong-hayang) selepas meminum arak yang bercampur-campur di waktu pagi.

Syarahnya: *Bunyi kicauan burung merbah tanah yang buruk seperti mabuk disebabkan meminum arak.*

Menurut Ibn Juzaiy (1995:2:401) menukilkan dari al-Kalbīy bahawa perkataan الكافور ialah nama anak sungai di syurga. Kata ini tidak termasuk dalam bahagian jenis-jenis *al-Mamnū’ min al-Ṣarf*. ‘AbdulLah membacanya dengan lafaz فَافُورًا, dalam keadaan

⁹⁰ Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:29:380), jenis *al-Tasybīh* dalam ayat ini ialah *al-Tasybīh al-Balīgh* iaitu tasybīh yang digugurkan peranti dan ciri persamaannya. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:68).

⁹¹ Lihat *Diwan Amrū’ al-Qais wa Mulḥaqātih bi Syarah Abī Sa‘id al-Sukkrīy* oleh Anwar ‘Alyān Abū Suwaylim (2000:1:296).

huruf *al-Qāf* menggantikan huruf *al-Kāf*. Keadaan seperti ini sebenarnya banyak berlaku dalam pertuturan Arab contohnya ungkapan عَرَبِيٌّ كَحُّ عَرَبِيٍّ فَحُّ disebut dengan عَرَبِيٌّ كَحُّ.

Menurut Ibn Kathīr (1999:8:287), sifat yang terdapat pada الْكَافُورُ adalah sedia maklum, iaitu berbau harum dan menyejukkan, maka ia dicampur dalam minuman penghuni syurga. Ini adalah antara nikmat yang dikecapi oleh penghuni syurga. Ada pendapat yang mengatakan bahawa الْكَافُورُ ialah nama sebuah mata air yang terdapat dalam syurga. Selain itu ada juga pendapat yang mengatakan minuman tersebut baunya harum seperti haruman الْكَافُورُ. Al-Ḥasan menyatakan bahawa sifat sejuk الْكَافُورُ seperti yang terdapat pada halia, bukan sekadar dapat menyejukkan air minuman, tetapi dalam waktu yang sama dapat menyejukkan suhu badan orang yang meminumnya.

Menurut al-Farrā' (1955:2:215), maksud ayat ini ialah di syurga terdapat sebuah mata air yang dikenali dengan nama الْكَافُورُ. Dikatakan juga berkemungkinan ayat ini bermaksud campuran air minuman ahli syurga seperti الْكَافُورُ pada keharumannya. Perkataan مِرْاجٍ bermaksud bercampur, seperti dalam syair Ḥasān⁹²:

كَأَنَّ حَبِيئَةً مِنْ بَيْتِ رَأْسٍ يَكُونُ مِرْاجُهَا عَسَلٌ وَمَاءٌ

Maksudnya: “Seperti arak dari Bayt Ra’s, yang campurannya adalah madu dan air”.

Menurut al-Syaukānīy (2004:5:460), ‘Ikramat mentafsirkan perkataan مِرْاجٍ sebagai rasa الْكَافُورُ. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia tidak merujuk kepada rasa الْكَافُورُ, tetapi sebaliknya merujuk kepada bau الْكَافُورُ sahaja. Manakala pendapat yang lain pula mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan sifat الْكَافُورُ dalam ayat ini ialah dari aspek warnanya yang putih, baunya yang harum dan rasanya yang sejuk.

⁹² Syair ini diriwayatkan juga dengan perkataan سَبِيئَةً yang bermaksud حَبِيئَةً. السَّبِيئَةُ adalah untuk arak. Dinamakan dengan nama tersebut kerana arak dibeli untuk diminum. Perkataan السَّبِيئَةُ yang bermaksud membeli تَشْتَرِي hanya digunakan khusus untuk perkataan membeli arak. Manakala perkataan بَيْتِ رَأْسٍ ialah nama tempat di Jordan yang terkenal dengan pengeluaran arak yang bermutu tinggi. Lihat Sibawayh (1992:1:23) dan *al-Khaṣā'is* oleh Ibn Jinnīy (2001:1:279).

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:29:380), perkataan الكافور bermaksud cairan minyak yang keluar daripada sejenis pokok yang menyerupai pokok الدفلى (oleander). Pokok ini hidup di negara Cina dan Jawa. Pokok ini boleh mencapai usia sehingga 200 tahun. Kayunya akan direbus untuk menghasilkan sejenis minyak yang dikenali dengan nama الكافور. Minyak ini sifatnya berat dan sekiranya dipejalkan ia akan menjadi ringan seperti buih. Kayu pokok ini pula sekiranya direndam dalam air ia akan mengalami proses penapaian dan akan menghasilkan arak yang memabukkan. الكافور ini berwarna putih dan mempunyai bau harum yang menyegarkan.

Pendapat yang mengatakan bahawa الكافور merupakan suatu bahan yang dapat menyejukkan dan mengharumkan minuman dapat digambarkan sebagai ais yang berada di dunia ini. Keadaan seseorang yang berada dalam keadaan cuaca panas terik dan dahaga, maka dihidangkan dengan minuman sejuk, ia merupakan satu nikmat. Tetapi kelebihan al-Kāfūr yang berada di syurga berbanding ais dunia, ia tidak sekadar menyejukkan minuman, tetapi dalam waktu yang sama ia dapat menyejukkan suhu badan orang yang meminumnya di samping dapat mengharum dan melazatkan minuman tersebut.

4.1.6.1 Habitat dan kegunaan الكافور (kapur barus)

Menurut Ibn al-Baiṭār (t.t:428), pokok kapur barus berasal dari Fanṣūrāt Sri Lanka. Dikenali dengan nama *Fanṣūriyyaṭ* bersempena dengan nama tempat asal pokok ini, itu di Fanṣūrāt. Pokok kapur barus juga terdapat di kawasan pergunungan di Cina, Jepun, Portugis, Australia dan India. Menurut Abū Ḥanīfaṭ al-Daīnūrīy (1974:91) pokok kapur barus tidak berasal dari negara Arab, sesetengah masyarakat Arab memanggilnya dengan nama قفور-كافور, seperti dalam syair al-Rājiz al-Lith⁹³:

"أَهْضَامِهَا وَالْمَسْكِ وَالْقَمُورِ"

Maksudnya: “Wangian *ahḍām*⁹⁴, dan kasturi dan al-Qaffūr”.

Terdapat banyak jenis kapur barus. Jenis yang dimaksudkan dalam hadith Nabi S.A.W untuk memandikan jenazah adalah dari jenis nama saintifiknya *cinnamomum camphora*.

⁹³ Lihat *Tāj al-‘Urūs* oleh al-Zabidīy (1965:12:3418).

⁹⁴ *Ahḍām* adalah sejenis wangian di negara Arab. Baunya kurang sedikit dari bau minyak wangi biasa.

Jenis ini berbeza dengan jenis kapur barus di negara Mesir dan jenis الكَيْنَا (*al-Kīmā*) di negara Yaman dan negara Teluk. Nama saintifik jenis ini ialah *eucalyptus* dari spesies *myrtaceae* yang merupakan tumbuhan asal negara Australia⁹⁵.

Menurut Ibn al-Wardīy (t.t:106), pokok kapur barus berasal dari India. Ia merupakan pokok yang besar dan boleh berteduh di bawahnya lebih daripada 100 ekor kuda. Pokok ini dari spesies palma dan rasanya pahit. Batang kayunya ringan, lembut dan berwarna putih. Batang kayu tersebut akan menghasilkan serpihan atau cebisan kapur barus yang berbentuk getah. Getah الكافور berada dalam bentuk pepejal pada suhu bilik. Getah الكافور ini mempunyai banyak khasiat seperti dapat mengembalikan deria rasa kepada orang sakit, menurunkan suhu panas kepala dan dapat menghilangkan nafsu syahwat.

Menurut al-Ghasānīy (2000:18), pokok kapur barus mempunyai pelbagai jenis, antaranya ialah الكَنْصُورِي (*al-Fanṣūrīy*), الرِبَاجِي (*al-Ribāhīy*), التَارْدُف (*al-Tarāduf*), الأَزَاد (*al-Azād*), الأَسْفَرَل (*al-Asfaral*) dan الأَزْرَق (*al-Azraq*). Jenis الكافور yang terbaik ialah dari jenis *al-Fanṣūrīy*. Kayu pokok kapur barus digunakan untuk menjinakkan harimau. Pokoknya adalah tinggi dan pelbagai jenis. Batang kayu pokok ini berwarna putih, lembut dan ringan. Pokok kapur barus merupakan pokok dari jenis yang bergetah. Warna kayunya merah dan apabila digilap kayunya akan bertukar menjadi warna putih.

Serpihan kayu kapur barus yang dipotong sebesar biji kacang akan diproses dan akan mengeluarkan al-Kāfūr yang berwarna putih seperti kaca kristal yang lutsinar. Kapur barus ini digunakan sebagai wangi-wangian dalam produk minyak wangi seperti العَنْبُر (*al-'Anbar*), الذَّرَائِر (*al-Zarā'ir*) الكَسْتُورِي (*kasturi*). Sifatnya yang kering dan sejuk dapat mengubati penyakit demam biliari (penyakit hati yang kronik).

Sekiranya wangiannya diminum dengan air biasa atau dengan air mawar atau dengan air cendana, ia akan dapat menambahkan deria rasa pada tubuh. Manakala sekiranya ia disapu pada tubuh, ia akan melemahkan syahwat untuk bersetubuh. Amalan meminum dua titis air kapur barus setiap hari yang dicampur dengan air salad akan dapat mengurangkan kepanasan otak dan menghilangkan sakit kepala semasa tidur. Sekiranya

⁹⁵ Lihat *Tāj al-'Urūs* oleh al-Zabidīy (1965:12:3418).

ia dicampur dengan kurma hijau atau daun ketumbar dan dititiskan ke dalam hidung, ia akan dapat mengatasi masalah hidung berdarah. Amalan meminum air campuran kapur barus juga dapat menyejukkan pundi kencing, buah pinggang, kelenjar prostat lelaki dan memekatkan sperma. Sekiranya dititiskan dengan minyak mawar atau cuka dan disapu di dahi, ia akan menghilangkan panas kepala terutamanya untuk wanita.

Menurut Abū ‘AbdulLah al-Zahabīy (1990:167), air kapur barus digunakan dalam bilasan terakhir untuk memandikan jenazah seperti dalam hadith daripada Umm ‘Aṭīyya yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhārīy dalam bab jenazah yang telah dibincangkan dalam tajuk pokok bidara sebelum ini. Sifat kapur barus yang dapat menarik dan menghilangkan bau busuk seperti sifat magnet yang menarik serbuk besi menjadikannya alasan untuk digunakan dalam bilasan mandian jenazah. Selain itu, air kapur barus juga dapat mengelakkan mayat daripada dihinggapi oleh lalat dan menjadikan mayat itu tahan lama dan tidak mudah reput. Amalan meminum air kapur barus dapat menghilangkan penyakit cirit birit. Menurut ‘Abd al-Qādir al-Rāzīy (1986:292), sekiranya kapur barus ini diletakkan dalam makanan, maka makanan tersebut tidak akan dihinggapi oleh lalat. Kapur barus sekarang ini digunakan secara meluas dalam industri minyak turpentine, vitamin tambahan untuk penyakit *alzheimer*, industri minyak wangi dan ubat-ubatan. Kandungan minyak kapur barus juga dapat merawat penyakit radang sendi (*rheumatoid*).



Rajah 4.7: Gambar daun pokok الكافور (kapur barus) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.1.7 Pokok النَّخِيلُ (kurma)

Menurut Ibn Manzūr (1996:6:90), perkataan شَجَرَةُ التَّمْرِ bermaksud pokok kurma.

Kata *jama'* perkataan ini ialah نَخْلٌ, نَخِيلٌ dan نَخْلَاتٌ. Penduduk Hijaz menyandarkan perkataan النَّخْلُ dalam bentuk feminin seperti dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Raḥmān ayat 11:

﴿فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ﴾

Maksudnya: “Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang”. (55:11)

Manakala penduduk Najd pula menyandarkan perkataan النَّخْلُ dalam bentuk maskulin.

Menurut al-Fairūz Ābādīy (1992:2:992), pokok ini dinamakan dengan nama النَّخْلُ disebabkan oleh kemuliaan pokok tersebut yang banyak memberi manfaat kepada manusia dalam banyak aspek. Buah kurma dikenali dengan pelbagai nama berdasarkan keadaan buah tersebut. Nama-namanya bentuk الْجُمَّارُ (*al-Jummār*), الطَّلْعُ (*al-Ṭal'u*), الْخُلَّالَةُ (*al-Khulālūt*), الْبَلْحُ (*al-Balaḥ*), الْبُسْرُ (*al-Busr*), الرُّطَبُ (*al-Ruṭab*) dan الْيَابِسُ (*al-Yābis*)⁹⁶.

Buah kurma telah dikenali sejak dahulu lagi. Nama pokok kurma juga tercatat dalam kitab Injil dan Taurat. Ia merupakan makanan para Nabi dan Rasul a.s. Terdapat hampir 100 jenis pokok kurma. Para sainsits moden telah menyenaraikan hampir 200 khasiat buah kurma yang banyak memberi manfaat kepada kesihatan badan manusia. Kurma tidak sekadar dimakan buahnya, tetapi bahagian-bahagian lain dari pokok dan buah ini juga boleh dimanfaatkan seperti serbuk bunga kurma dijadikan makanan tambahan sebagai usaha untuk memperolehi zuriat, biji kurma diproses untuk dijadikan minuman kopi alternatif dan juga diperah untuk menghasilkan minyak. Kandungan gizi dalam sebiji buah kurma ialah 6.7 karbohidrat, 5.2 lemak, 33 air, 1.32 garam neutral, 10 serat,

⁹⁶ *Al-Jummār* ialah putik kurma yang masih lembut, *al-Ṭal'u* putik kurma yang sudah keras, *al-Khulālūt* kurma muda yang masih berwarna hijau, *al-Balaḥ* kurma muda yang hampir masak, *al-Busr* kurma muda yang mula bertukar warna untuk masak sebelum peringkat *al-Ruṭab*, *al-Ruṭab* kurma muda yang hampir masak dan *al-Yābis* kurma yang sudah masak dan kering. Lihat *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manzūr (1995:1:405,478, 2:352, 4:400, 5:237, 8:185, 15:344).

vitamin A, B1 dan B2, protein, gula, lemak, besi, fosforus, potasium, mineral, magnesium, kalsium dan sebagainya (Abū Islām (2012:108).

Antara khasiat buah kurma ialah ia merupakan makanan yang paling baik untuk tumbesaran badan, dapat menguatkan hati, mudah dihadam, meningkatkan ransangan seksual sekiranya dimakan bersama-sama dengan susu dan buah kaktus. Buah kurma yang dimakan dalam keadaan perut kosong akan dapat mematikan bakteria merbahaya dalam perut. Rasanya manis, lembut dan enak dan boleh menghilangkan sakit kepala. Sekiranya dimakan secara berlebihan akan mengakibatkan kesakitan gigi. Untuk tujuan meneutralkan manis buah kurma, ia dimakan bersama-sama dengan kacang badam dan mentega. Pakar perubatan Arab silam membezakan khasiat antara buah kurma dan al-Balaḥ. Khasiat al-Balaḥ dapat menguatkan gusi dan perut, memberhentikan cirit birit, menguatkan saluran peranakan wanita, memberhentikan darah disebabkan oleh penyakit buasir dan mengelakkan penyakit hati (Aḥmad Qudāmat:1982:114). Pokok kurma adalah nama pokok yang paling banyak dicatat dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan jumlah kekerapan penggunaan sebanyak 21 kali. Penggunaan pokok kurma ini merangkumi 13 kali dalam bentuk (نَخْلٌ) seperti dalam surah al-'An'ām ayat 99 dan ayat 141, surah al-Kahf ayat 32, surah Maryam ayat 23 dan 25, Ṭaha ayat 71, surah al-Syu'arā' ayat 148, surah Qaf ayat 10, surah al-Qamar ayat 20, surah al-Raḥman ayat 11 dan 78, surah al-Ḥāqāṭ ayat 7 dan surah 'Abasa ayat 29. Tujuh kali dalam bentuk (نَخِيلٌ) seperti dalam surah al-Ra'd ayat 4, surah al-Naḥl ayat 11 dan 67, surah al-'Isrā' ayat 91, surah al-Mu'minūn ayat 19, surah Yāsīn ayat 34, dan surah al-Baqaraṭ ayat 266. Selain itu terdapat penggunaan perkataan lain tetapi bermaksud pokok kurma. Perkataan tersebut ialah لَيْتَةٌ seperti yang terdapat dalam surah al-Ḥasyar ayat 5.



Rajah 4. 8: Gambar pokok النخيل (kurma) oleh Abū Islām Muḥammad bin 'Alīy (2012)

4.2 Sayur-sayuran dalam Al-Qur'an Al-Karim

Menurut Kamus Dewan (2005:1402), sayur bermaksud tumbuh-tumbuhan atau daun-daunan seperti sawi, kangkung, bayam dan kubis yang boleh dimakan. Sayur-sayuran juga merujuk kepada sebarang tumbuhan atau bahagian tumbuhan yang dimakan secara mentah atau setelah dimasak, sebagai ulam, salad atau lauk, bukan pencuci mulut, dan bukan makanan ruji atau snek⁹⁷. Menurut Fadelah Abdul Aziz (2000:1-5), sayur-sayuran boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu jenis daun, buah dan ubi⁹⁸.

Terdapat sebanyak lapan jenis sayur-sayuran yang disebut dalam Al-Qur'an Al-Karim. Sayur-sayuran ini ialah البَصَلُ (bawang), البَقَلُ (sayur-sayuran hijau), الكَرَبِجَانُ (selasih/*al-Ās*), الزَّنْبِيلُ (halia), الْحَرْدَلُ (sawi), الْفُومُ (bawang putih), الْفِثَاءُ (timun) dan الْيَقْطِينُ (labu).

4.2.1 البَصَلُ (bawang)

Bawang adalah antara sayur-sayuran dalam Al-Qur'an Al-Karim yang disepakati maksudnya dalam kalangan leksikon Arab. Ini kerana bawang merupakan sayur-sayuran yang telah dikenali sejak zaman dahulu lagi. Kata tunggal perkataan ini menurut Ibn Sīdah (2003:8:222) ialah الْبَصَلَةُ. Menurut al-Azhārīy (1964:17:195), perkataan البَصَلُ adalah sejenis sayuran yang bermaksud bawang.

Bawang merupakan makanan yang paling baik untuk tumbesaran badan, menguatkan hati, mudah dihadam, meningkat ransangan seksual sekiranya dimakan bersama-sama dengan susu dan buah kaktus. Dimakan dalam keadaan perut yang kosong akan dapat mematikan bakteria merbahaya dalam perut. Rasanya manis, lembut dan enak dan boleh menghilangkan sakit kepala. Sekiranya dimakan secara berlebihan akan mengakibatkan kesakitan gigi.

Menurut Aḥmad Qudāmat (1982:57), bawang adalah dari spesies *liliacees*, bentuknya menyerupai bentuk telur, mempunyai bau yang sangat kuat dan rasanya menyamai rasa bawang perai. Menurut Abū al-Qāsim al-Ghasānīy al-Wazīr (1990:49), secara umumnya, terdapat dua jenis bawang. Jenis pertama adalah jenis yang ditanam dikenali

⁹⁷ Ong, HC. (2004), Sayuran: Khasiat & Ubatan. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

⁹⁸ Fadelah, A.A. (2000) Status dan pentingnya pengeluaran sayur-sayuran. Dalam Panduan pengeluaran sayur-sayuran, ed. M.N Ramli, A.A Fadelah, I. Fauziah, M.K Illias, S.Y Mah, R. Melor, N,N Mohamad Roff and H. Rosiah, hlm. 1-5. Kuala Lumpur: Mardi.

sebagai البُسْتَانِيُّ (*al-Bustānīy*) dan jenis kedua adalah jenis yang hidup secara liar dikenali dengan nama البَرِّي (*al-Barrīy*). Selain itu, dalam kategori bawang *al-Bustānīy*, terdapat beberapa jenis yang lain seperti bawang besar, bawang kecil, bawang bulat, bawang kuning bawang merah dan sebagainya.

‘Abd al-Mun‘im Fahīm (1998:124) menjelaskan bahawa bawang merupakan antara jenis tumbuh-tumbuhan yang telah digunakan sejak tamadun silam dan tercatat dalam peradaban mereka seperti dalam tamadun Mesir lama dan Yunani. Dalam tamadun Mesir lama, bawang merupakan tumbuh-tumbuhan yang suci dan dijadikan sebagai bahan sembahkan kepada tuhan mereka. Selain itu, firaun juga bersumpah dengan menggunakan nama bawang bagi menunjukkan kemuliaan dan kesucian bawang dalam agama mereka. Walau pun begitu, bawang ini adalah diharamkan untuk ahli rahib.

Aḥmad Qudāmat (1982:57) menjelaskan bahawa dalam tamadun Mesir lama, perkataan bawang diukir pada dinding piramid dan rumah ibadat. Bawang juga diletakkan bersama-sama mayat dalam keranda kerana menurut kepercayaan mereka bawang ini dapat membantu mayat untuk kembali bernafas pada hayat yang lain. Selain itu, diharamkan memakan bawang pada hari perayaan kerana boleh menyebabkan tangisan yang melambangkan kesedihan, sedangkan hari perayaan adalah hari untuk bersuka ria.

Perkataan bawang dicatat sekali sahaja dalam Al-Qur’an Al-Karim bersama-sama dengan perkataan sayur-sayuran hijau, bawang putih, mentimun, kacang dal dan bawang merah dalam pengkisahan Nabi Musa a.s bersama-sama pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat̃ ayat 61:

﴿فَادْعُ لَنَا رَبَّنَا يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلِهَا...﴾

Maksudnya: “Maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayuran hijaunya dan timunnya dan bawang putihnya dan kacang dalnya, serta bawang merahnya...” (2:61)

Ahli tafsir bersepakat menyatakan perkataan البَصَلُ yang terdapat dalam ayat ini merujuk kepada maksud bawang. Menurut al-Qurṭubīy (2006:2:149), ayat ini menceritakan tentang sikap bangsa Yahudi yang tidak mensyukuri nikmat Allah S.W.T. Allah S.W.T telah mengurniakan makanan yang terbaik kepada mereka, tetapi mereka telah

menjatuhkan kedudukan mereka sendiri dengan cara meminta untuk ditukarkan dari sesuatu yang baik kepada sesuatu yang kurang baik.

Terdapat beberapa hadith dari Nabi S.A.W tentang larangan memakan bawang ketika hendak menunaikan solat disebabkan oleh baunya yang kuat. Antara hadith tersebut adalah hadith yang diriwayatkan oleh Jābir r.a, sabda Nabi S.A.W⁹⁹:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ قَالَ أَوْلَ مَرَّةٍ الثُّومَ ثُمَّ قَالَ الثُّومَ وَالْبَصَلِ وَالْكُرَّاثِ فَلَا يَغْرُبُنَا فِي مَسْجِدِنَا.

Maksudnya: *Daripada Jabir berkata: Rasulullah S.A.W telah bersabda: “Barang siapa yang makan daripada ini, kali pertama (Rasulullah S.A.W menyebut) bawang putih, kemudian (Rasulullah S.A.W) menyebut bawang putih, bawang dan bawang perai, maka janganlah dia mendekati kami di dalam masjid kami”.*

Ulama hadith bersepakat mengatakan larangan tersebut tidak berbentuk pengharaman, tetapi ia merupakan perkara yang tidak disukai oleh Nabi S.A.W disebabkan oleh tumbuh-tumbuhan tersebut adalah daripada jenis yang berbau. Keadaan ini akan mengakibatkan gangguan kepada orang lain yang berada di masjid¹⁰⁰.

4.2.1.1 Habitat dan kegunaan bawang

Menurut Ahmad Qudāmat (1982:58), terdapat beberapa pendapat tentang sejarah asal bawang dalam tamadun manusia. Ada pendapat yang mengatakan bahawa negara asal bagi tanaman bawang adalah di antara kawasan tamadun Mesopotamia dan kawasan Balochistan. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa negara asal bagi tanaman bawang ini adalah dari kawasan Selatan Rusia dan seterusnya tersebar ke seluruh pelusuk dunia yang meliputi kawasan Asia, Eropah dan Amerika Syarikat. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kawasan asal bagi tanaman bawang ini adalah dari kawasan Chicago di Amerika Syarikat. Masyarakat pribumi Red Indian merupakan golongan yang pertama menemui tanaman bawang dan mengenalinya dengan nama chichago yang bermaksud kekuatan dan kebesaran. Nama bandar Chicago diambil bersempena dengan nama bawang yang merupakan tempat asal tumbuhan ini.

⁹⁹ Status hadith ini adalah hadith *Hasan Ṣaḥīḥ*, lihat *Tuḥfat al-’Aḥwaz̄īy Syarḥ Jāmi’ al-Tarmīz̄īy* oleh Abū al-’Alā’ Muḥammad ‘Abd al-Raḥman al-Mubārakfūrīy (t.t:5:525).

¹⁰⁰ Ibid.

Terdapat beberapa tatacara penanaman bawang yang dicadangkan oleh sarjana pertanian Arab-Islam silam bagi menghasilkan produk yang bermutu tinggi. Menurut al-Qazuwainīy (2002:229), bagi menghasilkan bawang yang mempunyai rasa yang enak, biji benihnya perlu dibuang kulit ketika menyemainya dan dilakukan pada waktu petang. Kerja-kerja menuai juga perlu dilakukan pada waktu petang bagi mendapatkan bawang yang mempunyai rasa yang enak. Manakala menurut Ibn al-Wardīy (t.t:138), bagi menghasilkan bawang yang mempunyai rasa yang manis, kerja-kerja menyemai benih dilakukan pada awal bulan al-Qamariy dan biji benihnya terlebih dahulu dilumur atau direndam dengan madu. Jenis bawang yang terbaik adalah jenis الرُمَانِيُّ الْأَبْيَاضُ الرَّيَّانُ (*al-Rumānīy al-Abyād al-Rayyān*). Bawang dari jenis ini bersifat panas dan kering.

Aḥmad Qudāmat (1982:60) berpendapat bahawa gizi pemakanan yang terdapat pada sebiji bawang adalah melebihi gizi pemakanan yang terkandung dalam sebiji epal. Gizi pemakanan sebiji bawang berbanding sebiji epal ialah 20 kali ganda kandungan kalsium, sekali ganda kandungan fosforus dan tiga kali ganda vitamin (A) dan besi. Bawang juga diperkaya dengan kandungan sulfur, vitamin (C), bahan diuretik dan cholagogue, dapat menguatkan sistem saraf, glukonin yang dapat mengawal kandungan gula dalam darah yang menyamai suntikan insulin, merangsangkan keinginan seksual, melancarkan perjalanan darah dan menguatkan hati.

Menurut al-Qazuwainīy (2002:229) juga, amalan memakai celak dengan menggunakan air bawang dengan campuran madu akan dapat menguatkan penglihatan dan menyihatkan mata. Menurut al-Jāhīz (1998:2:3) pula, tabiat memakan bawang dengan jumlah yang banyak dan tidak mengikut aturan, akan melemahkan akal, mewarisi sifat lupa, mengakibatkan pening kepala dan menyebabkan mulut berbau. Untuk mengelakkan kepedihan ketika mengupas atau memotong bawang, cucuk sebiji bawang dihujung pisau dan teruskan aktivi mengupas atau memotong bawang.

Ibn Sīnā (1999:1:172) menjelaskan bahawa bawang dapat memerahkan kulit dan mencairkan darah. Bawang juga digunakan untuk merawat air yang tercemar, meningkatkan ransangan seksual dan digosok pada tempat gigitan anjing untuk mengelakkan daripada terkena jangkitan kuman dari gigitan tersebut. Amalan pemakanan bawang secara teratur juga dapat mengelakkan badan dari gas beracun. Penggunaan bawang sebagai celak mata pula dapat memutihkan bahagian mata putih.

Bawang juga digunakan untuk merawat penyakit kulit vitiligo dan dicampur dengan garam sebagai adunan untuk merawat masalah ketuat di kulit.

Menurut al-Anṭākīy (1998:72), amalan pemakanan bawang secara teratur dapat membantu melancarkan saluran arteri yang tersumbat, menghilangkan penyakit jaundis, melancarkan pembuangan air kencing dan kitaran darah haid dan menyembuhkan penyakit batu karang. Bawang yang dimasak bersama-sama dengan daging akan dapat meningkatkan ransangan seksual untuk lelaki dan wanita. Adalah lebih baik sekiranya bawang yang hendak dibakar atau dimasak tidak dibuang bahagian kulitnya bagi mengekalkan khasiat yang terkandung di dalamnya.

Cara penyimpanan bawang yang betul ialah dengan menyimpannya di tempat yang kering serta mempunyai peredaran udara yang baik. Bawang yang sudah dikupas kulit atau dipotong, tidak boleh disimpan lagi kerana sifatnya menyerap udara yang akan mengakibatkan kuman-kuman yang berada dalam udara meresap ke dalamnya. Sekiranya dimakan, ia boleh mengakibatkan keracunan makanan pada manusia.



Rajah 4. 9: Gambar antara jenis bawang oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.2.2 البَقْلُ (sayur-sayuran hijau)

Terdapat beberapa pandangan berkaitan dengan maksud perkataan البَقْلُ dari perspektif leksikografi Arab. Al-Khalīl bin Aḥmād al-Farāhīdiy (2001:83) menerangkan bahawa perkataan البَقْلُ bermaksud tumbuh-tumbuhan dari jenis yang tidak mempunyai batang. Perbezaan antara البَقْلُ dan الشَّجَرُ ialah ia tidak mempunyai batang dan sekiranya ditimpa hujan dan angin batangnya tidak akan patah. Ini disebabkan oleh sifat tumbuh-tumbuhan البَقْلُ ini yang termasuk dalam spesies tumbuh-tumbuhan renek. Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Ibn Sīdah (2003:6:266) dengan menambah bahawa tumbuh-tumbuhan ini tidak meninggalkan tunas apabila ia dituai pada musim sejuk.

Ibn Fāris (2001:127) pula menyatakan bahawa perkataan البَقْلُ yang terdiri daripada huruf *al-Bā'*, *al-Qāf* dan *al-Lām* yang asalnya satu bermaksud semua jenis tumbuh-tumbuhan hijau yang tumbuh di atas bumi. Menurut al-Azhārīy (1964:28:98), البَقْلُ ialah tumbuh-tumbuhan yang hidup melalui semaian biji benih dan bukan melalui semaian batang pokok. Dinukilkan dari Abū Ziyād bahawa البَقْلُ juga bermaksud setiap tunas pokok yang baru bercambah. Perbezaan antara البَقْلُ dan الشَّجَرُ ialah apabila dituai البَقْلُ tidak akan meninggalkan tunas, tetapi الشَّجَرُ pula akan meninggalkan tunas dan akan keluar tunas yang baru. Kata tunggal perkataan ini ialah بَقْلَةٌ seperti mana yang terdapat dalam peribahasa Arab yang berbunyi:

"لَا تُنْبِثُ الْبَقْلَةَ إِلَّا الْحَقْلَةُ"

Maksudnya: *"Tumbuh-tumbuhan hijau tidak hidup melainkan di kawasan al-Ḥaqlat (wadi yang subur)"*.

Syarahnya: *"Perkataan yang baik hanya akan keluar dari mulut orang yang baik dan perkataan yang buruk akan keluar dari mulut orang yang buruk"*.

Dari persepektif tokoh sains pertanian Arab silam, keseluruhan mereka berpendapat dengan merujuk kepada pandangan al-Aṣma'īy (1908:29) yang merujuk perkataan البَقْلُ sebagai tumbuh-tumbuhan yang tidak meninggalkan batang setelah dituai pada musim

sejuk. Ia adalah tanaman jenis kontan. Ada juga pendapat yang merujuk *البَقْلُ* sebagai semua jenis tumbuh-tumbuhan yang baru mengeluarkan tunas. Selain itu, ada juga pendapat lain yang merujuk *البَقْلُ* sebagai pokok herba *purslane* dan *cultiver luzerne*.

Dari perspektif sains pertanian moden, Abū Islām (2012:72) merujuk *البَقْلُ* sebagai jenis tumbuh-tumbuhan semusim yang hanya tumbuh untuk satu tempoh waktu sahaja. Batang, daun dan akar tumbuhan ini dimakan secara segar. Contoh tumbuhan semusim ialah salad, radish, turnip, lobak merah, tomato, keledak, kentang, cili merah, kacang peas, kacang cowpea dan terung. Kandungan gizi pemakanan dalam tumbuh-tumbuhan ini sesuai untuk dijadikan sebagai diet pemakanan harian. Antara kandungan gizi pemakanan dalam tumbuh-tumbuhan ini ialah pelbagai jenis vitamin, garam mineral, carotene, karbohidrat dan selulosa.

Perkataan sayur-sayuran hijau dicatat sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan perkataan kacang dal, mentimun, bawang putih dan bawang merah dalam pengkisahan Nabi Musa a.s bersama-sama pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat̄ ayat 61:

﴿فَادْعُ لَنَا رَبَّنَا يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلِهَا...﴾

Maksudnya: “Maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayuran hijaunya dan timunnya dan bawang putihnya dan kacang dalnya, serta bawang merahnya...” (2:61)

Secara umumnya, ahli tafsir merujuk perkataan *البَقْلُ* dalam ayat ini sebagai semua jenis sayur-sayuran yang ditanam secara kontan dan bermusim. Al-Marāghīy (1946:1:125) merujuk perkataan *البَقْلُ* sebagai tumbuh-tumbuhan basah yang menjadi makanan manusia dan binatang atau secara lebih khusus ia bermaksud sayur-sayuran hijau yang dimakan oleh manusia seperti daun saleri, daun pudina dan daun bawang¹⁰¹. Menurut al-Qurṭubīy (2006:2:145), perkataan *البَقْلُ* telah sedia maklum yang merujuk kepada semua jenis tumbuh-tumbuhan yang tidak mempunyai batang, manakala *الكَشَجَرُ* pula ialah tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang. Wahbat̄ al-Zuhailīy (2009:1:188) pula

¹⁰¹ Lihat juga *al-Kasasyāf* oleh al-Zamakhsharīy (1998:1:275).

merujuk perkataan *الْبَقْلُ* dalam ayat ini sebagai semua tumbuh-tumbuhan hijau yang menutupi bumi yang terdiri daripada sayur-sayuran. Kata *jama* 'nya ialah *بُقُولٌ*.

Al-Wāḥidīy (1994:1:146), menjelaskan perkataan *الْبَقْلُ* dalam ayat ini ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang sekiranya dipetik ia tidak akan mengeluarkan tunas baru. Ia dari jenis tanaman kontan. Ibn 'Aṭīyyat (t.t1:227) pula merujuk *الْبَقْلُ* dalam ayat ini sebagai tumbuh-tumbuhan hijau yang hidup melata *النَّحْمُ* di atas tanah. Ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surah al-Raḥmān ayat ke-6:

﴿وَالنَّحْمِ وَالشَّجَرِ يَسْجُدَانِ﴾

Maksudnya: “Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturannya”. (55:6)

Perkataan *النَّحْمِ* dalam ayat ini bermaksud tumbuh-tumbuhan yang tidak mempunyai batang, manakala perkataan *الشَّجَرِ* pula merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang atau lebih dikenali dengan nama pokok kayu.



Rajah 4.10: Gambar pokok herba *purslane* / *الْبَقْلُ* menurut al-Aṣma'iy (1908)

4.2.3 الرَّيْحَانُ (selasih/al-Ās)

Perkataan الرَّيْحَانُ (*al-Rayḥān*) disebut sebanyak dua kali dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan makna yang berbeza antara satu sama lain. Makna perkataan الرَّيْحَانُ yang pertama ialah merujuk kepada maksud rezeki, penghormatan kepada penghuni syurga dan anak. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī'at̄ ayat ke-89.

﴿فَرُوحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّةٌ نَّعِيمٌ﴾

Maksudnya: “Maka (dia akan beroleh) rehat kesenangan dan rahmat kesegaran (rezeki), serta syurga kenikmatan”. (56:89)

Menurut Abū Ubaidat̄ (1954:2:253), perkataan الرَّيْحَانُ dalam ayat ini bermaksud rezeki dan boleh juga ditafsirkan sebagai penghormatan untuk penghuni syurga. Selain itu, menurut al-Zabidīy (1965:6:416), perkataan الرَّيْحَانُ juga boleh merujuk kepada makna anak berdasarkan hadith Nabi S.A.W¹⁰²:

زَعَمَتِ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ خَوْلَةَ بِنْتُ حَكِيمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ وَهُوَ مُحْتَضِرٌ أَحَدَ ابْنَيْ ابْنَتِهِ، وَهُوَ يَقُولُ: "وَاللَّهِ إِنَّكُمْ لَتَبْخُلُونَ وَتُجَبِّنُونَ وَتُجْهَلُونَ، وَإِنَّكُمْ لَمِنْ رَيْحَانِ اللَّهِ تَعَالَى"

Maksud hadith: “Diriwayatkan dari seorang wanita solehah (yang bernama) *Khawlat bint Ḥakīm r.a*: Sesungguhnya Nabi S.A.W telah keluar dan memeluk salah seorang daripada anaknya dan bersabda: Demi nama Allah, sesungguhnya kamu akan menjadikan (ibu bapa) (seorang yang) bakhil, penakut dan jahil. Dan sesungguhnya kamu ini adalah anak (rezeki) dari Allah”.

Maksud hadith ini ialah ibu bapa yang membesarkan anak-anak sanggup untuk berjimat cermat demi untuk perbelanjaan anak-anak mereka sehingga dianggap sebagai seorang yang kedekut. Ibu bapa juga tidak berkesempatan untuk menyahut seruan jihad sehingga dianggap sebagai seorang yang penakut disebabkan oleh terlalu sibuk membesarkan anak-anak mereka. Selain itu ibu bapa juga menjadi seorang yang jahil kerana kesuntukkan masa untuk membesarkan anak-anak sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk menuntut ilmu¹⁰³.

¹⁰² Hadith ini diriwayatkan oleh imam Aḥmad bin Ḥanbal dalam *al-Musnad* hadith nombor 26768.

¹⁰³ Ibid.

Al-Farrā' (1955:3:338) mentafsirkan perkataan الرِّيحَانُ dalam ayat ini dengan maksud rezeki. Perkataan ini digunakan dalam kalangan masyarakat Arab dalam pertuturan seharian mereka contohnya dalam ungkapan ayat خَرَجْنَا نَطْلُبُ رِيحَانَ اللَّهِ yang bermaksud "kami keluar untuk mencari rezeki Allah".

Makna kedua perkataan الرِّيحَانُ dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan atau nama sejenis tumbuh-tumbuhan. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Raḥmān ayat ke-12:

﴿وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ﴾

Maksudnya: "Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi tumbuh-tumbuhan yang harum". (55:12)

Terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan asal perkataan الرِّيحَانُ ini. Menurut al-Faiyūmīy (1977:1:243) perkataan الرِّيحَانُ berasal dari perkataan رِيحَانٌ dengan huruf *al-Yā'* berbaris *sukun* dan huruf *al-Wāw* berbaris *al-Fatḥaṭ* yang di *idghām* dan kemudiannya di *takhfīf* (diringankan) sebutan huruf tersebut disebabkan gantian kepada keadaan *al-Tasghīr* iaitu رُوَيْحِيْنٌ. Manakala pendapat yang kedua seperti yang dinyatakan oleh Ibn Manzūr (1996:5:358), perkataan الرِّيحَانُ berasal dari huruf *al-Yā'* dengan pola kata فِعَالٌ dan *jama'* perkataan ini ialah رِيحَانٌ seperti perkataan شَيْطَانٌ-شَيْطَانِيْنٌ. Pendapat ini adalah pendapat kebanyakan ahli bahasa Arab.

Al-Azharīy (1976:5:221) pula berpendapat bahawa perkataan الرِّيحَانُ berasal dari huruf *al-Wāw* iaitu رِيحَانٌ¹⁰⁴, huruf *al-Wāw* ini digantikan dengan huruf *al-Yā'* disebabkan oleh faktor artikulasi kedudukan huruf yang berhampiran. Seterusnya huruf *al-Yā'* yang pertama di *idghām* yang membentuk perkataan رِيحَانٌ. Huruf *al-Yā'* ini kemudiannya diringankan bacaannya seperti perkataan مَيْتٌ-مَيْتٌ dan سَيِّدٌ-سَيِّدٌ. Pola perkataan الرِّيحَانُ pula

¹⁰⁴ Al-Zabidīy (1965:6:416) juga berpendapat bahawa perkataan رِيحَانٌ berasal dari perkataan رِيحَانٌ, maka ia boleh berada pada pola kata فِعْلَانٌ. Lihat *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manzūr (1996:5:359), *al-Muḥkam* oleh Ibn Sīdah (2003:3:391), *Syarḥ al-Raḍīy Likāfiat Ibn Hājib* oleh al-Astarābādīy (1996:3:155).

berada pada pola kata (فَعْلَان). Huruf *al-Alif* dan huruf *al-Nūn* dalam perkataan ini adalah sebagai huruf imbuhan. Ini kerana *al-Syaddat* tidak boleh berada pada huruf imbuhan dan seolah-olah huruf imbuhan ini menggantikan kedudukan *al-Syaddat* dalam perkataan *الرَّيْحَانُ*. Dalam bahasa Arab, perkataan *رَوْحَان* tidak digunakan. *Jama'* perkataan *الرَّيْحَانُ* ialah *الرَّيْحَانُ* atau *رَيَّا حِينُ*.

Menurut al-Faiyūmīy (1977:1:243) perkataan *الرَّيْحَانُ* dalam ayat ini merujuk kepada semua jenis tumbuh-tumbuhan berbau *مَشْمُومٌ* yang mempunyai bau yang harum¹⁰⁵. Walau pun begitu, sekiranya perkataan *الرَّيْحَانُ* ini digunakan secara khusus ia merujuk kepada nama sejenis tumbuh-tumbuhan. Al-Zabidīy (1965:6:416) merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* sebagai sejenis tumbuh-tumbuhan yang mempunyai bau *مَشْمُومٌ* yang harum dalam kalangan jenis bunga-bunga dan sayur-sayuran *بَقْلَةٌ*. Dinamakan dengan *الرَّيْحَانُ* kerana manusia dapat beristirahat dengan baunya yang harum. Kata tunggalnya ialah *رَيْحَانَةٌ* seperti dalam ungkapan yang terdapat dalam syair al-Syanfarā¹⁰⁶:

بِرَيْحَانَةٍ مِنْ بَطْنِ حَلِيمَةَ نَوَّرَتْ لَهَا أَرْجٌ، مَا حَوْلَهَا غَيْرُ مُسْنِتِ

Maksudnya: *Pokok رَيْحَانَةٌ yang berbunga di wadi al-Halyat¹⁰⁷ dalam keadaan yang subur. Haruman itu semerbak ke segenap tempat sehigga ke kawasan yang tandus.*

Al-Azharīy (1976:5:221) menukilkan pendapat dari al-Līth yang merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* sebagai *isim al-Jāmi'* untuk perkataan *رَيَّا حِينُ* iaitu bunga-bunga yang mengeluarkan bau yang harum. Sejangkang bunga pula dikenali dengan *رَيْحَانَةٌ*. Perkataan *الرَّيْحَانُ* juga merujuk kepada maksud semua jenis sayur-sayuran yang baru mengeluarkan putik yang berbau harum¹⁰⁸.

¹⁰⁵ Pendapat yang sama dinyatakan oleh Abū Ḥanīfa al-Dānūrīy dalam bukunya *al-Nabāt* (1974:201).

¹⁰⁶ Lihat *Dīwān al-Syanfarā* oleh Amīl Badī' Ya'qūb (1996:34).

¹⁰⁷ *حَلِيمَةَ* ialah nama wadi yang terletak di al-Tumahat Makkah. Bahagian Utara wadi tersebut didiami oleh kabilah al-Huzail, manakala di bahagian Selatan pula didiami oleh kabilah Kinanat.

¹⁰⁸ Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Ibn Sīdah (2003:3:241).

Al-Farrā' (1955:3:338) merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* dalam ayat ini sebagai *أَكْوَرْتُ* (daun). Menurutnya lagi, perkataan *العَصْفُ* merujuk kepada daun yang ditanam dan boleh dimakan. Manakala *الرَّيْحَانُ* pula adalah daun yang tidak boleh dimakan. Menurut al-Jawhariy (1990:1:371), perkataan *الرَّيْحَانُ* merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang dikenali dalam kalangan masyarakat Arab yang merujuk kepada pokok *الحَبِيقُ* (selasih)¹⁰⁹.

Manakala menurut Abū al-Qāsim al-Ghasānīy (1990:252), perkataan *الرَّيْحَانُ* asalnya bermaksud semua jenis pokok dan tumbuh-tumbuhan berbau *مَشْمُومٌ* yang mempunyai bau yang harum. Walau pun begitu, perkataan ini telah digunakan secara meluas yang merujuk kepada sejenis pokok iaitu pokok *الآس* (*al-Ās*).

Manakala menurut Kokab Diyāb (2001:108), pokok *al-Ās* adalah antara jenis-jenis pokok yang terdapat dalam spesis pokok *الرَّيْحَانُ*. Ibn Qaiyyum al-Jawziyyaṭ (1957:2241) menjelaskan bahawa perkataan *الرَّيْحَانُ* bermaksud semua tumbuh-tumbuhan yang berbau harum. Penggunaan perkataan *الرَّيْحَانُ* ini juga berbeza-beza dalam kalangan masyarakat Arab mengikut negara masing-masing. Penduduk Iraq dan Syams merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* sebagai pokok selasih *الحَبِيقُ*¹¹⁰ dari spesis *lamiaceae*, manakala penduduk Maghrib pula merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* sebagai pokok *al-Ās*¹¹¹ dari spesis *myrtaceae*¹¹².

¹⁰⁹ Pendapat ini juga dipersetujui oleh al-Rāzīy dalam *Mukhtār al-Siḥāh* (1986:110).

¹¹⁰ Menurut Ibn al-Wardīy (t.t:171), pokok *الحَبِيقُ* juga dikenali dengan nama *الضَمِيرَان* (*al-Damīrān*), *العَفِيفَرَان* (*al-ʿAfiqarān*), dan *الرَّعْتَرُ* (*al-Za'tar*).

¹¹¹ Menurut al-Aṣma'īy (1908:54), pokok *al-Ās* dikenali oleh penduduk Yaman sebagai *أَهْدَسُ* (*al-Hadas*).

¹¹² Lihat juga 'AbdulLah al-Zahabīy dalam *al-Tibb al-Nabawīy* (1990:75).

Kebanyakan ulama tafsir merujuk maksud perkataan الرِّيحَانُ dalam ayat ini sebagai semua jenis tumbuh-tumbuhan berbau مَشْمُومٌ yang mempunyai bau yang harum¹¹³. Wahbat al-Zuhailīy (2009:214) dalam tafsirnya menambah, perkataan الرِّيحَانُ juga merujuk kepada maksud daun semua jenis tumbuh-tumbuhan yang mengeluarkan bau yang harum. Selain itu, menurut al-Qinnawijīy (1992:13:317), perkataan الرِّيحَانُ juga bermaksud sayur-sayuran hijau dan juga bijirin-bijirin yang boleh dimakan. Manakala menurut Abū al-Līth al-Samarqandīy dalam tafsirnya (1993:3:305), perkataan الرِّيحَانُ dalam ayat ini bermaksud rezeki, dan ini adalah bahasa dialek حمير (Hamīr)¹¹⁴.

Selain itu, terdapat juga hadith Nabi S.A.W yang berkaitan dengan perkataan الرِّيحَانُ yang merujuk kepada sejenis tumbuh-tumbuhan. Hadith yang diriwayatkan dalam Ṣaḥīḥ Muslim dalam tajuk *al-Afāz min al-'Adab wa Ghairuha*, dari Abū Hurairat r.a¹¹⁵:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ عَرِضَ عَلَيْهِ رِيحَانٌ فَلَا يَرُدُّهُ فَإِنَّهُ خَفِيفُ الْمَحْمَلِ، طَيِّبُ الرِّيحِ.

Maksudnya: *Dari Abū Hurairat berkata, Nabi S.A.W telah bersabda: "Barang siapa diberikan kepadanya الرِّيحَانُ, maka janganlah ditolak kerana ia ringan dibawa dan berbau harum"*.

Menurut al-Nīsābūrīy (1998:2253), perkataan الرِّيحَانُ dalam hadith ini sebagai semua jenis tumbuhan berbau مَشْمُومٌ yang mempunyai bau yang harum. Ia juga merujuk kepada jenis pokok renik yang senang dibawa. Hadith lain yang diriwayatkan dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy tentang watak-watak pembaca Al-Qur'an. Dari Abū Mūsā al-'Asy'ariy r.a¹¹⁶:

¹¹³ Lihat Tafsīr 'AbulLaṭ al-Khayyāṭ (t.t:14:214), Tafsir al-Qinnawijīy (1992:13:317).

¹¹⁴ Bahasa Hamīr merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh حمير اليمينية (kabilah Hamīr al-Yamaniyat) di Yaman. Dialek bahasa ini berasal dari dialek bahasa الَسَبِيَّة (al-Saba'iyat). Lihat *Ṣifaṭ Jazīrat al-'Arab* oleh al-Hamdānīy (1990:153).

¹¹⁵ Hadith nombor 2253.

¹¹⁶ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy nombor hadith: 5427, Ṣaḥīḥ Muslim nombor hadith: 797.

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَتْلُو الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْأُتْرُجَةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَتْلُو الْقُرْآنَ، كَمَثَلِ التَّمْرَةِ لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَتْلُو الْقُرْآنَ مَثَلُ الرَّيْحَانَةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَتْلُو الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ.

Maksudnya: *Dari Abū Mūsā al-‘Asy‘ariy berkata, Rasul S.A.W telah bersabda: “Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Qur’an seperti buah al-Utrujat, baunya wangi dan rasanya enak, dan perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca Al-Qur’an seperti buah kurma, tidak berbau tetapi rasanya manis, dan perumpamaan orang munafik yang membaca Al-Qur’an seperti al-Rayhanat, baunya wangi tetapi rasanya pahit, dan perumpamaan orang munafik yang tidak membaca Al-Qur’an seperti buah al-Hanzhalat, tidak berbaudan rasanya pahit.*

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqālāniy (1997:5427), perkataan الرَّيْحَانَةُ dalam hadith ini merujuk kepada jenis sayur-sayuran yang berbau wangi tetapi rasanya pahit seperti pokok selasih. Berdasarkan makna perkataan الرَّيْحَانَةُ yang pelbagai dalam kalangan ahli bahasa, ulama tafsir dan ulama hadith, terdapatnya perselisihan pendapat dalam menentukan makna perkataan الرَّيْحَانُ dalam Al-Qur’an Al-Karim, sama ada pokok selasih atau pokok al-Ās. Untuk mendapat maksud sebenar seperti yang digambarkan dalam Al-Qur’an Al-Karim, perbincangan dilakukan kepada empat aspek, iaitu:

Jadual 4.2: Perbincangan perbandingan perkataan الرِّيحَانُ

<p style="text-align: center;">1. Maksud perkataan الرِّيحَانُ dalam Al-Qur'an Al-Karim</p> <p>Tumbuh-tumbuhan yang berbau harum dan banyak bermanfaat kepada manusia. Ia merupakan antara nikmat yang Allah S.W.T kurniakan kepada manusia.</p>
<p style="text-align: center;">2. Maksud perkataan الرِّيحَانُ dalam kalangan ahli leksikon dan tafsir</p> <p>Terdapat beberapa maksud yang merujuk kepada perkataan الرِّيحَانُ, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">- Rezeki, penghormatan kepada penghuni syurga dan anak.- Semua jenis tumbuh-tumbuhan berbau مَشْمُومٌ yang mempunyai bau yang harum.- Nama bunga-bunga dan sayur-sayuran yang berbau مَشْمُومٌ harum.- Semua jenis sayur-sayuran yang baru mengeluarkan putik yang berbau harum.- Dedaun yang tidak boleh dimakan.- Pokok selasih- Semua pokok dan tumbuh-tumbuhan berbau yang harum.- Pokok <i>al-Ās</i> dan semua jenis pokok dalam spesies pokok <i>al-Ās</i>.- Sayur-sayuran hijau dan bijirin-bijirin yang boleh dimakan.
<p style="text-align: center;">3. Tafsiran perkataan الرِّيحَانُ menurut ahli hadith</p> <ul style="list-style-type: none">- Semua jenis tumbuhan-tumbuhan berbau مَشْمُومٌ yang mempunyai bau yang harum. Ia juga merujuk kepada jenis pokok renek yang senang dibawa.- Jenis sayur-sayuran yang berbau wangi tetapi rasanya pahit seperti pokok selasih.
<p style="text-align: center;">4. Perkataan الرِّيحَانُ dari sudut philologi Arab</p> <ul style="list-style-type: none">- Penduduk Iraq dan Syams merujuk perkataan الرِّيحَانُ kepada pokok selasih.- Penduduk Maghrib pula merujuk perkataan الرِّيحَانُ kepada pokok <i>al-Ās</i>.- Penduduk Yaman mengenali pokok <i>al-Ās</i> dengan nama pokok هُدَسٌ (<i>al-Hadas</i>).

Berdasarkan kepada aspek-aspek yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa perkataan الرِّيحَانُ yang digambarkan dalam Al-Qur'an Al-Karim secara umumnya merujuk kepada semua jenis tumbuh-tumbuhan renek merangkumi sayur-sayuran dan ulam-ulaman yang berbau harum dan boleh dimakan. Manakala untuk jenis tumbuhan secara lebih khusus, ia merujuk kepada pokok selasih. Perihal ini disebabkan oleh dua faktor iaitu:

- i. Perkataan الرِّيحَانُ yang disebut secara umum dalam Al-Qur'an Al-Karim dan dinyatakan ciri-cirinya dalam hadith Nabi S.A.W. Dalam hadith tersebut, tumbuhan الرِّيحَانُ merujuk kepada jenis tumbuhan renek yang mudah dibawa kerana ringan dan berbau harum. Selain itu, ia juga digambarkan dengan tumbuh-tumbuhan yang rasanya pahit.

- ii. Philologi Arab terhadap sejarah perkembangan bahasa Arab dan penggunaan perkataan *الرَّيْحَانُ* dalam kalangan masyarakat Arab. Penduduk Iraq dan Syams merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* kepada pokok selasih. Manakala penduduk Maghrib pula merujuk perkataan *الرَّيْحَانُ* sebagai pokok *al-Ās*. Dari satu sudut yang lain pula, penduduk Yaman mengenali pokok *al-Ās* dengan nama pokok *al-Hadas*.

Faktor kedudukan Iraq dan Syams yang berhampiran dengan Hijaz berbanding Maghrib menyebabkan bahasa penduduknya dijadikan sebagai rujukan dalam permasalahan istilah-istilah yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana, Al-Qur'an Al-Karim diturunkan di sekitar Makkah dan Madinah. Selain itu, sejarah juga telah mencatatkan bahawa perkembangan bahasa dan bangsa Arab bermula pada zaman Nabi Ismail a.s setelah wadi (Makkah) yang didiami oleh saidatina Hajar a.s bersama anaknya Ismail a.s didatangi oleh sekumpulan kabilah Arab dari negara Yaman. Oleh itu, bahasa penduduk Iraq, Syams dan Yaman adalah rujukan bagi perkataan *الرَّيْحَانُ* berbanding penduduk Maghrib.

4.2.3.1 Habitat dan kegunaan pokok selasih

Menurut 'Abd al-Mun'im Fahim (1998:140), pokok selasih dikenali sejak zaman dahulu lagi. Pokok ini digunakan secara meluas dalam tamadun Yunani. Pokok selasih ini digunakan dalam majlis-majlis keraian dan minum teh cendiakawan Yunani. Ranting dan daun pokok selasih ini pula digunakan untuk menghiasi kawasan perkuburan oleh sesetengah tamadun manusia dan ada yang meletakkan daun selasih bersama-sama dengan mayat dalam perkuburan mereka dengan kepercayaan perjalanan ruh mayat tersebut ke alam lain akan selamat.

Menurut Ahmad Syams al-Din (1991:32), pokok selasih merupakan jenis tumbuhan darat yang hidup di kawasan Mediteranian di Selatan Eropah dan Timur Afrika. Selain itu, faktor jenis tanah dan tahap kelembapannya menentukan jenis-jenis pokok selasih ini. Pokok selasih menghijau sepanjang tahun. Pokok ini boleh mencapai ketinggian sehingga 30 sentimeter. Manakala ada juga jenis lain dari pokok ini yang mencapai ketinggian sehingga dua meter. Daun pokok ini berwarna hijau, lembut dan bersifat sejuk. Mengeluarkan bunga berwarna putih yang sangat harum. Daun pokok yang

dipetik pada waktu pagi akan dapat mengekalkan kandungan kelembapan dan minyak di dalamnya berbanding jika dipetik pada lewat tengahari.

Menurut Aḥmad Qudāmaṭ (1982:289), bau dari daun selasih dipercayai dapat menghilangkan rasa pening kepala dan menyenyakkan tidur. Biji selasih pula digunakan sebagai penawar cirit birit, kembung perut, menguatkan organ hati dan penyakit jiwa melancholia. Menurut Ibn Sīnā (1999:2:72), daun selasih dapat menyembuhkan penyakit buasir, mabuk laut dan hidung berdarah. Air rendaman dari bunga selasih dapat melegakan senak perut sekiranya diminum secara panas, dan menghilangkan muntah-muntah sekiranya diminum secara sejuk. Daunnya juga dapat menguatkan rambut dan mengelakkan keguguran. Selain itu, daun selasih juga sedap dimakan sebagai ulam, dicampur dengan daging dan dijadikan salad dalam diet pemakanan. Kegunaan lain pokok selasih ialah, daun dan buahnya dijadikan sebagai minyak wangi, akarnya dijadikan bahan untuk menyamak kulit dan batangnya dijadikan tongkat.



Rajah 4.11: Gambar pokok الرَّيْحَانُ (selasih) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.2.4 الرَّنْجَبِيلُ (halia)

Menurut Ibn Manzūr (1996:6:90), perkataan الرَّنْجَبِيلُ bermaksud halia. Ia merupakan tumbuhan yang banyak terdapat di negara Arab khususnya di negara Oman. Pokoknya seperti pokok herba derhaka mertua (*elecampane*/الرَّاسِيسُ) yang banyak tumbuh secara liar dan merupakan tumbuhan yang tidak mempunyai batang. Halia dimakan secara segar dan mentah seperti sayur-sayuran lain. Ia juga dikeringkan. Jenis halia yang terbaik adalah dari Afrika dan Cina¹¹⁷. Terdapat juga pendapat yang merujuk perkataan الرَّنْجَبِيلُ sebagai jenis arak dengan bersandarkan kepada syair¹¹⁸:

¹¹⁷ Lihat Abū Ḥanīfaṭ al-Dainūrīy dalam bukunya *al-Nabāt* (1974:214).

¹¹⁸ Lihat *al-Muḥkam* oleh Ibn Sīdah (2003:7:414),

Maksudnya: “Jenis arak *al-Zanjabīl* membasahi tekak dengan nyaman sekali”

Sebahagian daripada ahli tafsir pula merujuk perkataan *الرَنْجَبِيلُ* dalam Al-Qur’an Al-Karim sebagai sejenis bahan perisa yang digunakan sebagai penyedap rasa dalam minuman. Menurut al-Juwāliqīy (1995:354), perkataan *الرَنْجَبِيلُ* berasal dari perkataan Parsi yang telah mengalami proses arabisasi. Asal perkataan ini ialah *الرَنْكَبِيلُ* dengan huruf *al-Kāf* yang digantikan dengan huruf *al-Jīm* bermaksud akar pokok yang mempunyai ubi seperti pokok lobak merah dan lobak putih. Dalam bahasa Parsi ia juga dikenali dengan nama *شَنْكَبِيلُ-شَنْكَبِيرُ-شَنْكَوِيلُ-شَنْكَوِيرُ*¹¹⁹. Perkataan *الرَنْجَبِيلُ* disebut sekali sahaja dalam Al-Qur’an Al-Karim dalam surah al-Insān ayat ke-17 yang menceritakan tentang nikmat di syurga. Firman Allah S.W.T:

﴿وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا رَنْجَبِيلًا﴾

Maksudnya: “Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman yang campurannya dari *zanjabīl*”. (76:17)

Ayat ini menggambarkan tentang antara nikmat yang akan dirasai oleh penghuni syurga. Semua penghuni syurga akan diberi sejenis minuman yang dicampur dengan *الرَنْجَبِيلُ*. Terdapat empat pendapat berkaitan dengan maksud perkataan *الرَنْجَبِيلُ* dalam ayat ini. Pendapat pertama merujuk perkataan *الرَنْجَبِيلُ* sebagai tumbuhan halia. Walaupun begitu, menurut al-Baghwiyy (1991:8:296), halia yang berada dalam syurga adalah berbeza dengan halia yang berada di dunia. Menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Arab untuk mencampurkan halia dalam minuman mereka bagi menambahkan lagi kesedapan minuman tersebut dan dapat melancarkan sistem penghadaman. Minuman yang telah dicampur dengan halia akan menghasilkan bau yang harum dan rasa yang lazat.

Pendapat kedua merujuk perkataan *الرَنْجَبِيلُ* sebagai sejenis wangian dan penambah perisa yang dicampur dalam minuman untuk menambahkan kelazatan minuman tersebut. Perihal ini dicatat dalam kata-kata al-’A’syā (2003:142):

¹¹⁹ Menurut al-Anṭākīy dalam *al-Tazkirat* (1998:180), perkataan *الرَنْجَبِيلُ* sama ada berasal dari bahasa Parsi atau bahasa Hindu. Lihat *Fiqh al-Lughat* oleh Abū Manṣūr bin Ismā’īl al-Tha’ālabīy (1994:279).

"كَأَنَّ الْقُرْنُفُلَ وَالزُّنْبَيْلَ بَاتَا فِيهَا وَأَزْيًا مَشُورًا"

Maksudnya: "Seumpama cengkih dan al-Zanjabil yang kekal rasanya di mulut, kesedapannya seperti madu"

Pendapat ketiga pula merujuk perkataan الزُّنْبَيْلُ sebagai jenis arak yang terdapat di dalam syurga yang menjadi minuman penghuni syurga. Manakala pendapat keempat merujuk perkataan الزُّنْبَيْلُ sebagai mata air yang terdapat di syurga yang juga dikenali sebagai السَّلْسَبِيلُ (*al-Salsabīl*).¹²⁰

4.2.4.1 Habitat dan kegunaan halia

Pokok halia termasuk dalam kategori tumbuhan herba yang bersifat rimbun yang banyak terdapat di kawasan beriklim sederhana. Pokok halia dipercayai berasal dari negara Cina dan telah tersebar luas penanamannya sehingga ke India, Afrika dan Asia. Halia juga adalah dari spesies tumbuh-tumbuhan yang tidak mempunyai batang kayu, bercabang kecil dan lembut, mempunyai daun yang runcing berbentuk seperti lembing, pangkal batangnya berwarna ungu dan mempunyai bunga berwarna putih kekuningan. Pokok halia adalah dari jenis tumbuhan yang tidak mempunyai biji benih dan membiak melalui tunas-tunas yang tumbuh dari rizom (akar berubi). Tunas-tunas yang baru bercambah berwarna kemerah-merahan. Rizom pokok ini berwarna coklat muda dan isinya berwarna kuning. Bahagian rizom ini yang digunakan sebagai campuran dalam masakan dan juga dalam perubatan. Rasa rizom ini pedas sama seperti rasa cili. Rizom. Pokok halia akan mula mengeluarkan rizom apabila daunnya mula bertukar warna dari warna hijau kepada warna perang dan kering¹²¹.

Selain itu, pokok halia juga adalah dari spesies tumbuhan herba yang mengeluarkan bau yang harum. Spesies pokok halia terdiri daripada hampir 324 jenis. Jenis الكُفُوفُ (*al-Kafūf*) merupakan jenis halia yang terbaik. Ketinggian pokok halia pula adalah sekitar 60 sehingga 125 sentimeter tinggi. Rizom halia mengandungi air, karbohidrat, serat, kalium, fosforus, kalsium, tenaga, protein, gentian, niasin, asid amino, gingerols,

¹²⁰ Lihat Tafsīr Ibn Qutaibah (1978:503), Tafsīr al-Ṣabūnīy (1980:3:494), *Ma'ānīy Al-Qur'ān* oleh al-Farrā' (1955:3:217), Tafsir Ibn Juzayy al-Kalbīy (1995:2:520), Tafsir al-Qurṭubīy (2006:21:477), Tafsir Ibn 'Asyūr (t.t:29:395), Tafsir al-Māwardīy (t.t:6:170), Tafsir al-Nasfīy (t.t:4:319).

¹²¹ Lihat *al-Nabāt* oleh Abū Ḥanīfa al-Dānūrīy (1974:214), *al-Nabāt wa al-'A'syāb al-Tibbiyyat: Kaif Tastakhdimuhā* oleh Fā'izah Muḥammad (1993:89), *al-Tazkirah* oleh al-Antākīy (1998:180), *al-Mu'tamid fī al-'Adawiyat al-Mufradaṭ* oleh al-Ghasānīy al-Turkumānīy (2000:127).

oleoresin, pati minyak, vitamin A, B dan C, lemak, asid organik, minyak aromatik seperti zingeron, zinzerol, zingiberol, zingiberin, borneol, seniol dan feladren.

Halia bersifat panas serta kering pada peringkat matang dan bersifat lembab serta basah pada peringkat muda. Halia dapat melancarkan saluran pernafasan, mencairkan kahak dan melegakan masalah batuk. Halia juga dapat menghilangkan masalah angin dalam badan, memanaskan badan, menyembuhkan demam kuning, melancarkan saluran air kecil dan saluran air besar. Selain itu, halia juga dapat menghindarkan masalah keracunan makanan, penggalak selera makan dan membantu sistem penghadaman perut. Halia ini sekiranya diadun bersama-sama dengan الكندر (kemenyan Arab) atau المصطكى (damar) dan disapukan pada bahagian pinggang dan pinggul dapat menghilangkan rasa sakit dan lenguh sendi. Halia juga diadun bersama-sama dengan lengkuas dan kacang pistachio untuk dijadikan celak bagi merawat masalah kerabunan. Halia yang diminum bersama-sama dengan madu lebah dapat menambahkan ransangan seksualiti lelaki, memekatkan air mani dan mengatasi masalah ketidak tentuan kitaran haid wanita. Pengambilan halia secara teratur juga dapat meningkatkan ketajaman akal dan menguatkan daya ingatan. Manakala pengambilannya secara berlebihan akan mengakibatkan kesakitan pada tekak dan abdomen perut¹²².



Rajah 4.12: Gambar pokok الزنجبيل (halia) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

¹²² Lihat *al-Tazkirat* oleh al-Anṭākīy (1998:180), *al-Ṭib al-Nabawīy* oleh Ibn Qaiyyum al-Jawziyyat (1957:246), *Tashīl al-Manāfi fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmat* oleh Ibn al-Azraq (t.t:24).

4.2.5 الخَرْدَلُ (*sawi*)

Menurut al-Fairūz Ābādīy (1992:2:992), perkataan الخَرْدَلُ berasal dari kata tunggal خَرْدَلَةٌ yang bermaksud sawi. Ia adalah tumbuhan bermusim yang hidup di sekitar kawasan beriklim sederhana. Daunnya bewarna hijau sepanjang tahun dan dimakan sebagai sayuran. Penduduk Mesir mengenalinya dengan nama المُسْتَرْدَهُ dan hidup dengan subur di negara Mesir ('Abd al-Mun'im Fahīm:1996:130). Ia termasuk tumbuhan dalam kategori sayuran dari spesis *cruciferes* (Aḥmad Qudāmat (1982:197).

Terdapat hampir 40 jenis pokok sawi, antara jenis yang terkenal ialah sawi putih, sawi merah, sawi cina dan sawi India. Pokok sawi ini sama ada daunnya dijadikan sebagai sayuran, atau bijinya dikisar untuk dijadikan tepung atau minyak. Kandungan gizi untuk setiap 5 gram biji sawi ialah 32% kalori, 2.28% minyak, 12% lemak tepu, 80% serat, 1.77 % karbohidrat, 0.43 % gula dan 1.64% protein (Abū Islām:2012:30).

Menurut Siti Fauziah Yusuf (2012:45), biji sawi sekiranya dibakar dan dijadikan serbuk dapat menyembuhkan batuk berkahak, melancarkan sistem penghadaman, penawar kepada penyakit gout, mengilangkan penyakit kulit kusta, penawar dari bisa patukan ular dan dapat mengembalikan suhu badan yang normal, tenaga dan selera makan kepada perempuan yang baru lepas bersalin. Menjadi amalan dalam masyarakat Arab lama meletakkan adunan biji sawi yang telah dikisar di atas kepala yang telah dicukur untuk meningkat ketajaman akal dan mengelakkan daripada penyakit lupa.

Perkataan sawi yang digunakan dalam Al-Qur'an Al-Karim adalah merujuk kepada perkataan biji sawi. Allah S.W.T menyandarkan perkataan biji حَبَّةٌ kepada sawi bagi menunjukkan tentang sifat Maha Adil Allah S.W.T yang menghitung setiap amalan kebaikan dan kejahatan manusia semasa di dunia. Allah S.W.T menggunakan perkataan biji sawi ini dalam dua surah dalam Al-Qur'an Al-Karim yang membincangkan tajuk yang sama, iaitu berkaitan dengan timbangan amalan oleh Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam surah al-'Anbiyā' ayat 47:

﴿وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكُنَّا بِهَا حَاسِبِينَ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri

sesiapa akan teraniaya sedikitpun dan jika (amalNya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung) dan cukuplah Kami sebagai Penghitung”. (21:47)

Firman Allah S.W.T dalam surah Luqmān ayat 16:

﴿يَا بُنَيَّ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ حَرْدَلٍ فَنُكِّنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya: “(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi”. (31:16).

Menurut al-Qurṭubīy (2006:16:478), dalam kedua-dua ayat ini Allah S.W.T menggunakan perkataan biji sawi sebagai satu perbandingan terhadap timbangan amalan yang dilakukan oleh manusia. Penggunaan perkataan biji sawi adalah bermaksud sesuatu yang kecil dan sedikit. Perihal ini bertujuan untuk menunjukkan keadilan neraca Allah S.W.T bahawa setiap amalan manusia itu sama ada baik atau buruk akan dihitung oleh Allah S.W.T walaupun ia hanya sebesar biji sawi. Pemilihan biji sawi sebagai unsur penerangan dalam ayat ini adalah kerana manusia sentiasa berinteraksi dengan sayuran ini di samping mereka mempunyai pengetahuan bahawa biji sawi adalah antara unsur yang menunjukkan perihalan sedikit. Dalam urusan kehidupan manusia, sebiji biji sawi tidak dapat memberi sebarang manfaat kerana jumlahnya yang sedikit. Ayat ini menunjukkan bahawa walau pun sesuatu perkara itu adalah terlalu kecil, tetapi Allah S.W.T tidak pernah lupa dan leka untuk menilainya. Setiap sesuatu itu pasti akan dibalas oleh Allah S.W.T sama ada baik atau buruk.



Rajah 4.13: Antara jenis pokok الْحَرْدَلُ (sawi) Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.2.6 أَلْفُومٌ (bawang putih)

Terdapat beberapa pendapat tentang maksud perkataan أَلْفُومٌ dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pendapat yang paling masyhur dalam kalangan ahli leksikon Arab dan ahli tafsir ialah pendapat yang merujuk perkataan أَلْفُومٌ sebagai bawang putih الثُّومٌ dan gandum الْخِنْطَةُ. Menurut Ibn Kathīr (1999:8:287) dan al-Ṭabariy (2001:8:345:9482) Ibn Mas'ūd membaca perkataan أَلْفُومٌ dengan huruf *al-Thā'* iaitu الثُّومٌ yang bermaksud bawang putih. Telah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Arab menggantikan huruf *al-Thā'* dengan huruf *al-Fā'* dalam pertuturan mereka seperti yang terdapat dalam ungkapan مَغَائِيرٌ-مَغَائِيرٌ, أَثَاثِي-أَثَاثِي, جَدَثٌ-جَدَفٌ, عَاثُورٌ-عَاثُورٌ. Keadaan ini disebabkan oleh faktor kedudukan artikulasi suara yang berhampiran antara huruf *al-Fā'* dan huruf *al-Thā'*.

Menurut Ibn Sīdah (2003:3:241) dan Ibn Jinnīy (2001:1:279), keadaan ini termasuk dalam bab البدل (*al-Badal*). Al-Mujāhid, al-Rabī' bin Anās, Sa'īd bin Jubayr dan Ibn Abū Ḥātim juga merujuk perkataan أَلْفُومٌ kepada maksud bawang putih الثُّومٌ. Ia juga dikenali dalam kalangan masyarakat Arab Mesir sebagai الثُّوم. Menurut al-Jawhariy (1990:4:1620), perkataan أَلْفُومٌ bermaksud gandum seperti yang terdapat dalam syair yang diungkapkan oleh al-Akhfash kepada Abū Miḥjan al-Thaqafīy:

"قَدْ كُنْتُ أَحْسِبُنِي كَأَغْنَى وَاحِدٍ نَزَلَ الْمَدِينَةَ عَنْ زِرَاعَةِ فُومٍ"

Maksudnya: "Sesungguhnya aku dianggap satu-satu orang kaya di atas usaha yang telah dilakukan, telah singgah di kawasan yang ditanam dengan gandum".

Menurut al-Syaukānīy (2004:5:202), Ibn Abū Ḥātim berpendapat daripada Ibn 'Abbās bahawa perkataan أَلْفُومٌ bermaksud roti seperti ungkapan فُومُوا لَنَا dengan *al-Tasydīd* bermaksud اخْتَبِرُوا (buatkan kami roti). Menurut al-Farrā' (1955:3:124), perkataan أَلْفُومٌ adalah perkataan Arab lama bermaksud gandum dalam bahasa Banī Hashīm dan roti.

Penduduk Syam merujuk perkataan أَلْفُومٌ sebagai الحِمَص (kacang kuda). Penjual kacang kuda pula dikenali dengan فاميّ gantian dari perkataan فوميّ. Menurut Ibn Durayd

(1987:981), perkataan الثُّومُ bermaksud السُّبُّل (tangkai jerami) dan semua jenis البُرِّ (bijirin) yang boleh dijadikan roti seperti gandum, barli dan jagung. Kata tunggalnya ialah ialah فُومَةٌ seperti yang terdapat dalam syair Umayyad bin Ibn Abi al-Salt (1998:273):

"كانت لهم جنةٌ إذ ذاك ظاهرةً فيها الفراديسُ والقومانُ والبصلُ"

Maksudnya: "Sesungguhnya mereka mempunyai ladang yang subur, terdapat di dalamnya bawang merah, bawang putih dan bawang besar".

Perkataan bawang putih dicatat sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan perkataan sayur-sayuran hijau, mentimun, kacang dal dan bawang merah dalam pengkisahan Nabi Musa a.s bersama-sama pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat_ ayat 61:

﴿فَادْعُ لَنَا رَبَّنَا يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا...﴾

Maksudnya: "Maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayuran hijaunya dan timunnya dan bawang putihnya dan kacang dalnya, serta bawang merahnya..." (2:61)

Menurut al-Zajjāj (1988:4:314), perkataan الثُّومُ dalam ayat ini bermaksud gandum dan tiadanya perbezaan pendapat dalam kalangan ahli bahasa Arab tentang maksud perkataan ini. Selain itu, semua bijirin yang boleh dijadikan roti juga dikenali dengan nama الثُّومُ. Menurutny lagi, barang siapa yang merujuk perkataan الثُّومُ sebagai maksud bawang putih الثُّومُ, ia adalah sesuatu yang ganjil. Dalam ayat ini jelas menunjukkan permintaan yang dilakukan kepada Allah s.w.t adalah supaya dikurniakan dengan bijirin yang boleh dijadikan makanan kepada mereka.

Perihal ini menunjukkan perkataan الثُّومُ bermaksud gandum kerana gandum boleh diproses untuk dijadikan makanan asasi (roti) kepada manusia. Manakala bawang putih الثُّومُ pula, ia tidak boleh dijadikan sebagai makanan utama dan hanya merupakan sebahagian daripada ramuan yang dicampur bersama-sama makanan lain. Terdapat dalam hadith S.A.W yang melarang sesiapa yang memakan bawang putih dari mendekati kawasan masjid kerana disebabkan oleh sifatnya yang berbau. Hadith ini telah dinyatakan dalam bab bawang besar.

Bawang putih adalah dari spesies *liliacees*. Menurut Abū Islām (2012:19), gizi pemakanan yang terkandung 60 gram bawang putih 340 kalori, 36 minyak, 2 minyak tepu, 4 karbohidrat dan tidak mengandungi sebarang kolestrol serta protein. Amalan memakan bawang putih secara teratur dalam diet pemakanan dapat membantu sistem penghadaman perut, mengeluarkan angin toksik dari dalam badan, mengurangkan tekanan darah dalam saraf, mengurangkan kadar kolestrol dalam badan, mengaktifkan sistem imune hati dan dapat meningkatkan suhu panas badan. Masyarakat Arab menggunakan bawang putih sebagai penawar racun dari binatang bisa, meningkatkan ransangan seksual dan menguatkan anggota badan. Dalam kalangan masyarakat Mesir purba pula, mereka memuliakan bawang putih dan menjadikannya sebagai bahan penyembuhan (Aḥmad Qudāmat1982:130).

Menurut al-Qazuwainiy (2002:231), sekiranya bawang putih ditanam pada malam bulan penuh, maka akan menghasilkan bawang putih yang tidak berbau. Bawang putih digunakan sebagai celak untuk mengurangkan penyakit rabun mata, dicampur dengan madu disapu ke muka untuk menghilangkan jeragat kulit. Menurut Ibn Sīnā (1999:1:65), untuk mengenal pasti seorang gadis itu masih perawan atau tidak, bawang putih ditumbuk bersama-sama dengan madu dan diberikan kepada gadis tersebut untuk dipegang. Selepas dua jam, sekiranya masih berbaki bau bawang putih pada gadis tersebut maka ia adalah masih perawan dan sebaliknya. Bawang putih juga digunakan untuk merawat air dan juga dapat membunuh cacing yang berada dalam perut kanak-kanak. Ia juga sangat mujarab digunakan untuk memutihkan gigi, menguatkan gusi dan mengurangkan kaviti.



Rajah 4.14: Gambar الغوم (bawang putih) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.2.7 الْقَيْئَاءُ (timun)

Menurut Ibn Manẓūr (1996:11:233), perkataan الْقَيْئَاءُ dibaca dalam dua bentuk. Bentuk pertama adalah dengan baris *al-Kasrat* الْقَيْئَاءُ pada pola kata فُعَالٌ yang merupakan bacaan yang masyhur (al-Faiyūmīy: 1977:2:490). Bentuk kedua pula ialah bacaan baris *al-Dammaṭ* الْقَيْئَاءُ pada pola kata فُعَالٌ seperti perkataan زُبَادٌ, فُلَامٌ, فُلَامٌ dan نُفَاءٌ. Abū al-Ḥasan bersandarkan kepada pola kata ini dengan mengatakan perkataan زُبَانٌ juga berada pada pola kata فُعَالٌ yang merujuk kepada jenis tumbuh-tumbuhan. Bentuk bacaan secara *al-Dammaṭ* adalah *al-Syādz* dari Yaḥya bin Wathāb dan Ṭalḥaṭ bin Muṣarrif (Ibn Jinnīy:1986:1:87). Huruf *al-Hamzat* yang berada di akhir perkataan ini merupakan antara kata dasar perkataan tersebut. Menurut al-Jawhārīy (1990:4:1445), kata tunggal perkataan ini ialah قَيْئَاءَةٌ. Perkataan الْقَيْئَاءُ ini merujuk kepada maksud الْخِيَارُ (timun).

Perkataan timun الْقَيْئَاءُ ini dicatat sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan perkataan sayur-sayuran hijau, bawang putih, kacang dal dan bawang merah dalam pengkisahan Nabi Musa a.s bersama-sama pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqaraṭ ayat 61:

﴿وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا
وَفُومِهَا وَعَدَسِيهَا وَبَصِلِهَا...﴾

Maksudnya: "Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayuran hijaunya dan timunnya dan bawang putihnya dan kacang dalnya, serta bawang merahnya..." (2:61)

Menurut Aḥmad Qudāmaṭ (1982:517), timun adalah tumbuhan dari spesies keluarga *cucurbitaceae* yang juga dikenali dalam kalangan masyarakat Arab dengan nama الْكُشْبُرُ, الْكَيْئِي dan الْكَيْئِي. Timun antara tumbuhan yang banyak digunakan semenjak tamadun kuno Arab-Mesir. Masyarakat Arab-Mesir menggunakan biji timun untuk melawaskan kencing, menggalakkan penghasilan susu wanita dan dapat meningkatkan ransangan daya seksual lelaki dan perempuan. Timun juga merupakan antara pemakanan Sunnah

yang dianjurkan oleh Nabi S.A.W. Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim (1998:2:657:2043) dari ‘Abdullah bin Ja‘far r.a:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ الْقَثَاءَ بِالرُّطَبِ.

Maksudnya: “Daripada ‘Abdullah bin Ja‘far r.a berkata: Aku melihat Rasulullah S.A.W makan timun bersama-sama dengan al-Rutab (kurma masak)”.

Aḥmad Qudāmat (1982:220), sebiji timun mengandungi 0.65% protein, 0.1% lemak, 22% karborhidrat, kalsium, zat besi, magnesium, fosforus, vitamin A, vitamin B1, vitamin B2 dan vitamin C. Timun digunakan secara komersial dalam industry kecantikan wanita. Timun digunakan semenjak zaman dahulu lagi untuk menurunkan suhu panas badan, penawar penyakit diabetes dan dapat melancarkan sistem penghadaman. Athar dari ‘Ā’isyah r.a yang diriwayatkan dari Abū Dāwwud (2011:3:78:3903) dari Muhammad bin Ishāq:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَرَادَتْ أُمِّي أَنْ تُسَمِّنَنِي لِذُخُولِي عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أَقْبَلْ عَلَيْهَا بِشَيْءٍ مِمَّا تُرِيدُ حَتَّى أَطْعَمَتْنِي الْقَثَاءَ بِالرُّطَبِ فَسَمِمْتُ عَلَيْهِ كَأَحْسَنِ السَّمَنِ.

Maksudnya: “Daripada ‘Ā’isyah r.a berkata: Ibu mahukan menjadikan badanku agar kelihatan gemuk, ketika dia mahu mempertemukan aku dengan Rasulullah, dan usaha itu tidak berhasil sehingga aku diberi makanan timun dengan kurma (masak). Badanku menjadi gemuk dengan bentuk yang ideal”.

Menurut Aḥmad Qudāmat (1982:518), sebiji timun mengandungi 0.65% protein, 0.1% lemak, 22% karborhidrat, kalsium, zat besi, magnesium, fosforus, vitamin A, vitamin B1, vitamin B2 dan vitamin C. Timun digunakan secara komersial dalam industri kosmetik kecantikan. Timun digunakan semenjak zaman dahulu lagi bagi menurunkan panas badan, penawar penyakit diabetes dan dapat melancarkan sistem penghadaman.



Rajah 4.15: Gambar pokok الْقَثَاءُ (timun) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.2.8 أَلَيْقُطِينُ (labu)

Terdapat beberapa pendapat tentang maksud perkataan يُقْطِينُ dalam bahasa Arab. Ibn Manẓūr (1996:11:233) merujuk perkataan يُقْطِينُ sebagai semua jenis tumbuh-tumbuhan yang tidak mempunyai batang seperti pokok الكِدْبَاءُ (labu air), الْقَرْعُ (labu kuning), الْبَطِيخُ (tembikai), الْحَنْظَلُ (egusi melon) dan الْقَيْتَاءُ (timun). Perkataan يُقْطِينُ ini berada pada pola kata يُفَعِّلُ¹²³.

Menurut Ibn al-Jawzīy (1983:7:88), perkataan يُقْطِينُ ini adalah kata terbitan dari perkataan قَطَنَ بِالْمَكَانِ yang bermaksud إِذَا أَقَامَ iaitu menetap atau mendiami sesuatu tempat. Keadaan daun pokok ini yang menutupi bahagian permukaan bumi menyebabkan ia dikenali dengan nama يُقْطِينُ. Perkataan يُقْطِينُ juga bermaksud nama lelaki. Manakala perkataan أَلَيْقُطِينَةُ pula bermaksud labu yang masih segar. Menurut Sa'īd bin Jubayr, setiap pokok yang tumbuh dan mati pada tahun yang sama adalah dari jenis pokok يُقْطِينُ termasuklah pokok pisang dan Tin. Ini kerana kedua-dua pokok ini mempunyai daun yang bersaiz besar¹²⁴. Manakala tumbuh-tumbuhan yang tidak mempunyai batang dan melata di atas permukaan bumi pula dikenali dengan nama بَحْمُ (al-Najm)¹²⁵. Hanya tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang sahaja dikenali dengan nama الشَّجَرُ (pokok).

Walau pun begitu, menurut ahli bahasa, perkataan الشَّجَرُ sekiranya digunakan secara umum ia bermaksud jenis-jenis tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang. Tetapi sekiranya digunakan secara khusus dengan cara disandarkan kepada perkataan lain, maka ia merujuk kepada jenis pokok itu seperti penggunaan perkataan الشَّجَرُ bersama-

¹²³ Lihat juga *al-Sihhaḥ Tāj al-Lughat* oleh al-Jawhārīy (1990:6:2183), *Ma'ānīy Al-Qur'ān* al-Zajjāj (1988:4:314), *Tafsīr Ibn Qutaibāḥ* (1978:375), *al-'Umdat fī Gharīb Al-Qur'ān* oleh Abū Tālib al-Qaisy (1981:257), *Tuḥfat al-'Arab bimā fī Al-Qur'ān Min al-Gharīb* oleh Athīr al-Dīn Abū Hayyān al-Andalusīy (1983:262), *Yaqutat al-Sirat fī Tafsīr Gharīb al-Qur'ān* oleh Ghulam al-Tha'lab (2002:433).

¹²⁴ Lihat *Tafsīr al-Qurṭubīy* (2006:18:103), *Tafsīr al-Baiḍāwīy* (1998:16:321).

¹²⁵ Lihat *'Irāb Al-Qur'ān* oleh al-Nuḥḥās (2008:852), *Ma'ānīy Al-Qur'ān* oleh al-Zajjāj (1988:4:314), *Tafsīr al-Qurṭubīy* (2006:18:103).

sama dengan perkataan *يَغْطِي* yang bermaksud pokok labu. Selain itu penggunaan perkataan *يَغْطِي* dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam bentuk *النَّكِرَةُ* (*al-Nakirat*) bermaksud sesuatu yang umum dari spesies labu-labu yang terdapat dalam dunia tumbuh-tumbuhan. Penggunaan perkataan *يَغْطِي* dalam ayat ini tidak merujuk kepada mana-mana jenis labu yang tertentu, tetapi sebaliknya ia meliputi semua jenis dari spesies pokok labu¹²⁶.

Al-Farrā' (1955:2:393) menukilkan pendapat dari Ibn 'Abbās r.a bahawa perkataan *يَغْطِي* merujuk kepada maksud daun pokok labu. Menurut Ibn 'Abbās r.a lagi, setiap jenis daun pokok yang mempunyai saiz yang besar serta boleh digunakan untuk menutup bahagian tubuh dikenali sebagai *يَغْطِي*. Menurut Mujāhid r.a pula, setiap jenis tumbuh-tumbuhan yang melata di atas tanah adalah *يَغْطِي*. Ibn al-Qayyūm al-Jawziyyat (2009:4:404) menjelaskan hubungan antara perkataan *يَغْطِي*, *الْقَرْعُ* dan *الدُّبَاءُ* dalam menerangkan maksud perkataan *يَغْطِي* yang terdapat dalam bahasa Arab. Menurutnya perkataan *يَغْطِي* bermaksud pokok labu, manakala perkataan *الْقَرْعُ* dan *الدُّبَاءُ* pula bermaksud buah labu.

Keberangkalan perkataan *يَغْطِي* ini merujuk kepada jenis pokok labu tertentu seperti yang terdapat di Semenanjung Tanah Arab mungkin benar. Walaupun begitu, kebanyakan pendapat dari ahli-ahli botanikal menjelaskan bahawa ciri fizikal, morfologikal dan anatomi yang terdapat pada semua spesies pokok labu adalah saling menyerupai antara satu sama lain. Pendapat yang popular adalah merujuk perkataan *يَغْطِي* spesies pokok labu kuning *الْقَرْعُ* seperti dalam syair Umayyāt bin Abū al-Ṣallt¹²⁷:

فَأَنْبَتَ يَغْطِيًّا عَلَيْهِ بِرَحْمَةٍ مِنْ اللَّهِ لَوْلَا اللَّهُ الْفَقِي ضَاحِيًّا

Maksudnya: “Dan ditumbuhkan pokok labu kepadanya yang merupakan rahmat dari Allah, sekiranya bukan dari rahmat Allah pasti (ia) merasai kepanasan”.

¹²⁶ Lihat *Zād al-Ma'ād* oleh Ibn al-Qayyūm al-Jawziyyat (2009:4:402).

¹²⁷ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:23:103), Tafsir Ibn Ḥayyān al-Andalusīy (1993:7:375), Tafsir Ibn 'Atīyyat (t.t:7:146).

Perkataan *يَقْطِينُ* disebut sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim dalam pengkisahan Nabi Yunus a.s. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Ṣaffāt ayat 146:

﴿وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِنْ يَقْطِينٍ﴾

Maksudnya: “Dan Kami tumbuhkan sebatang pokok dari jenis *al-Yaqtīn*”. (37:146)

Menurut Ibn Juzā'iy al-Kalbīy (1995:2:242), kebanyakan ahli tafsir merujuk perkataan *يَقْطِينُ* dalam ayat ini sebagai *الْقَرْعُ* (labu kuning) yang mempunyai kaitan dengan pengkisahan Nabi Yunus a.s yang telah diutuskan oleh Allah S.W.T kepada penduduk *al-Ninawā* di Moṣul Iraq. Pengkisahan ini mencatatkan perihalan Nabi Yunus a.s yang telah ditelan oleh ikan *Nūn* kerana meninggalkan dakwah terhadap kaumnya sebelum mendapat perintah dari Allah S.W.T. Setelah Allah S.W.T menerima taubat Nabi Yunus a.s dan menyelamatkan baginda a.s dari penjara perut ikan Nun, Allah S.W.T telah menumbuhkan pokok *يَقْطِينُ* sebagai pelindung dan makanan kepada Nabi Yunus a.s.

Nabi Yunus a.s menggunakan daun dari pokok *يَقْطِينُ* sebagai tempat berlindung dari panas matahari dan agen penghalau lalat, manakala buahnya pula dijadikan sebagai makanan untuk mengubati kesan luka ditubuhnya dan mengembalikan tenaga kepadanya. Terdapat tiga ciri utama perkataan *يَقْطِينُ* ini yang menyebabkan ia disandarkan kepada maksud pokok labu. Ciri-ciri tersebut ialah teduhan dari daun pokok ini dapat mengelakkan dari panas matahari, daunnya yang lembut dan berair dapat mengelakkan daripada hinggapan lalat dan saiz daunnya yang besar sesuai dijadikan sebagai alat teduhan¹²⁸.

Menurut al-Wāḥidīy (2009:19:111), dalam ayat ini terdapat dua perkara yang tidak dibincangkan oleh para ahli tafsir. Perkara pertama ialah pokok *يَقْطِينُ* ini tidak wujud sebelum peristiwa yang terjadi kepada Nabi Yunus a.s berlaku. Rentetan daripada peristiwa tersebut, Allah S.W.T telah menumbuhkan pokok *يَقْطِينُ* di atas muka bumi sebagai pelindung kepada Nabi Yunus a.s. Perkara kedua pula ialah pokok *يَقْطِينُ* ini

¹²⁸ Lihat *Tafsīr al-Fakhr al-Dīn al-Rāzīy* (1996:26:166), *Fī Zilāl Al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (2003:5:2999), *Kalimāt al-Qur'ān* oleh Muhammad Makhlūf (1995:260).

adalah dari spesies tumbuh-tumbuhan yang rendah. Ini kerana tumbuh-tumbuhan yang rendah akan dapat memberi teduhan dibawahnya. Sekiranya pokok يَغْطِيُّ ini terdiri daripada spesies yang melata di atas bumi, maka bagaimana mungkin seseorang dapat berteduh dibawahnya seperti yang terdapat dalam pengkisahan Nabi Yunus a.s.

Terdapat hadith dari Nabi S.A.W yang merujuk perkataan يَغْطِيُّ sebagai pokok labu.

Hadith daripada Anas bin Mālik r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy (1997:2:737:1968), sabda Nabi S.A.W:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ يَقُولُ: أَنَّ خَيْطًا دَعَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِطَعَامٍ صَنَعَهُ، قَالَ أَنَسٌ: فَدَهَبْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَفُرِّبَ إِلَيْهِ خُبْزٌ مِنْ شَعِيرٍ وَمَرَقٌ فِيهِ دُبَّاءٌ وَقَدِيدٌ قَالَ أَنَسٌ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَّبِعُ الدُّبَّاءَ مِنْ حُرُوفِ الصَّحْفَةِ قَالَ: فَلَمْ أَزَلْ أَحِبُّ الدُّبَّاءَ مِنْ ذَلِكَ الْيَوْمِ".

Maksudnya: *"Diriwayatkan daripada Anas bin Mālik r.a katanya: Seorang tukang jahit telah mengundang Rasulullah S.A.W untuk menghadiri jamuan makan yang diadakan olehnya. Anas bin Mālik berkata: Maka aku telah pergi bersama Rasulullah S.A.W. Dia menghampiri Rasulullah S.A.W dan menghidangkan roti dari gandum serta kuah berisi buah labu dan daging bakar. Anas berkata: Aku melihat Rasulullah S.A.W mencari-cari buah labu dari dalam bekas tersebut. Berkata Anas bin Mālik: Maka aku pun menyukai labu semenjak hari itu"*.

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqālānīy dalam perbincangan berkaitan dengan perkataan الدُّبَّاءُ dalam hadith ini bermaksud يَغْطِيُّ iaitu labu air dan juga الْقَرْعُ (labu kuning).

4.2.8.1 Habitat dan kegunaan يَفْطِينُ (labu)

Menurut Aḥmad Qudāmat (1982:754), pokok labu adalah dari jenis tumbuhan yang menjalar di atas tanah dan memanjat. Secara umumnya terdapat dua jenis pokok labu. Jenis yang ditanam untuk dimakan buahnya seperti jenis labu kuning, labu air, zukini dan sebagainya dan jenis yang ditanam untuk tujuan perhiasan. Asal pokok labu adalah dari benua Afrika dan benua Amerika. Walau pun begitu, ada pendapat yang merujuk asal tanaman ini adalah dari wilayah *al-Ninawā* di Moṣul Iraq seperti yang tercatat dalam pengkisahan Nabi Yunus a.s.¹²⁹.

Kebanyakan spesis pokok labu mempunyai saiz daun yang besar dengan bentuk bersegi dan mempunyai rerambut halus di permukaannya. Selain itu, keadaan daunnya yang melekit menyebabkan ia tidak dihinggap oleh lalat. Bunganya berwarna kuning dan ada juga yang berwarna putih. Buah labu mempunyai saiz yang besar dan berbentuk bulat serta memiliki kulit yang tebal dan berlekuk pada setiap garisan buah tersebut. Selain itu, daun pokok labu yang muda boleh dimasak sebagai sayuran¹³⁰.

Labu bersifat sejuk dan lembab. Keadaan ini menjadikannya sebagai salah satu diet ringan yang mudah dihadam oleh perut. Kandungan seratnya yang tinggi sesuai dijadikan sebagai gizi pemakanan seimbang. Selain itu labu juga diperkaya dengan kalori, karbohidrat, protein, lemak, kalium, mineral seperti kalsium, fosfor, besi, natrium, kalium, tembaga dan zink, beta-karoten yang merupakan sumber kepada vitamin A, tiamina, nikotik asid, serat, dan vitamin C. Kandungan vitamin A yang terdapat pada labu dapat melindungi mata dari masalah katarak, agen antibodi dalam badan dan agen anti penuaan pada kulit. Pengambilan buah labu secara teratur dan mengikut kadar yang telah ditetapkan dapat mengubati penyakit jantung, radang paru-paru, diabetes, disentri, masalah ginjal, diare dan demam. Kandungan kalium yang terdapat pada buah labu juga dapat meningkatkan kadar metabolisme badan¹³¹.

Selain itu, biji labu juga merupakan diet pemakanan yang baik untuk lelaki. Biji labu mengandungi unsur alanine, glisina, glutamate, fitosterol dan mineral zink serta magnesium yang diperlukan oleh kelenjar prostat. Kandungan fitosterol yang terdapat dalam biji labu dapat membantu untuk mengimbangi tumbesaran prostat dan seterusnya

¹²⁹ Lihat *al-Ṭibb al-Nabawīy* oleh Abū ‘Abdullāh al-Zahabīy (1990:208), *al-Tazkirat* oleh al-Anṭākīy (1998:256/342), *‘Ajā’ib al-Makhlūqāt* oleh al-Qazuwainīy (2002:249).

¹³⁰ Ibid.

¹³¹ Ibid.

menggalakkan pengasilan hormon testosterone yang dapat meningkatkan kandungan sperma lelaki. Biji labu yang dijadikan sebagai snake kuaci kaya dengan omega-3 yang dapat melancarkan aliran darah ke otak. Biji labu yang telah kering ditumbuk halus dan dicampurkan dengan air suam sesuai dijadikan minuman herba untuk mengelakkan masalah cacing dalam kalangan kanak-kanak. Manakala serbuk biji labu ini yang dicampur bersama-sama dengan jus lobak merah sesuai dijadikan minuman bagi mengubati penyakit paru-paru dan bengkak sendi¹³².



Rajah 4.16: Gambar pokok يَقْطِرُ (labu) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

¹³² Lihat *al-Ṭib al-Nabawī* oleh Ibn Qaiyyum al-Jawziyyaṭ (1957:316), *Ḥadiqat al-Azhār fī Māhiyat al-'Usyb wa al-'Iqār* oleh Abū al-Qāsim al-Ghasāniy al-Wazīr (1990:86).

4.3 Rumput dan kacang dalam Al-Qur'an Al-Karim

Rumput الأَبُّ merupakan antara tumbuh-tumbuhan hijau yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Manakala العَدَسُ (kacang dal) pula adalah tumbuhan-tumbuhan dari jenis kacang yang disebut dalam Al-Qur'an Al-Karim.

4.3.1 الأَبُّ (rumput)

Terdapat dua bentuk penggunaan perkataan الأَبُّ dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama perkataan الأَبُّ dibaca tanpa baris *al-Saddaṭ* di atas huruf *al-Bā'* yang berasal dari perkataan أَبُو dan *jama'* perkataan ini ialah آباء seperti قَفَاءً-أَفْءَاءَ dan رَحَى-أَرْحَاءَ. Ia berasal dari perkataan أَبُو dan dibaca dalam keadaan duaan أَبَوَانِ. Sebahagian Arab menyebutnya dalam bentuk أَبَانٍ. Menurut al-Jawhārīy (1990:6:2360), perkataan الأَبُّ adalah *Maṣdar* yang bermaksud pendidikan dan tumbesaran. Oleh kerana itu, individu yang memberi pendidikan dan membesarkan kanak-kanak dikenali sebagai الأَبُّ yang bermaksud bapa, datuk dan pakcik. Perkataan الأَبُّ dalam konteks ini digunakan sebanyak 46 kali dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Perkataan الأَبُّ yang kedua dibaca dengan baris *syaddaṭ* pada huruf *al-Bā'* dan berasal dari perkataan أَبَاءٌ-أَبْنَا-أَبْنَاءٌ-أَبٌّ-يُؤَبُّ yang merujuk kepada makna jenis tumbuh-tumbuhan. Perkataan الأَبُّ ini dalam Al-Qur'an Al-Karim disebut sekali sahaja. Terdapat pelbagai pandangan ulama tentang makna perkataan الأَبُّ ini. Walau pun begitu, mereka sepakat mengatakan bahawa perkataan الأَبُّ dalam Al-Qur'an Al-Karim ini merujuk kepada tumbuh-tumbuhan¹³³. Firman Allah S.W.T dalam surah 'Abasa ayat ke-31:

﴿وَفَاكِهَةً وَأَبًّا﴾

Maksudnya: “Dan pelbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput”. (80:31)

¹³³ Perkataan الأَبُّ yang bermaksud rumput seperti yang dibincangkan dalam kamus-kamus bahasa Arab dan kitab-kitab tafsir Al-Qur'an Al-Karim. Antara kamus bahasa Arab yang membincangkan perkataan الأَبُّ yang bermaksud rumput ialah *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manzūr (1996:1:255), *Maqāyyis al-Lughat* oleh Ibn Fāris (2001:1:6).

Ibn Fāris (2001:1:6) menukilkan pendapat Abū Ishāq al-Zajjāj berkaitan dengan makna perkataan الأَبُّ dalam ayat ini adalah merujuk kepada semua jenis rumput yang menjadi makanan haiwan. Al-Farrā' (1955:3:338) berpendapat bahawa perkataan الأَبُّ bermaksud semua tumbuhan yang dimakan oleh binatang. Menurut al-Faiyūmīy (1977:1:1), perkataan الأَبُّ bermaksud rumput yang ditanam untuk dijadikan makanan binatang ternakan. Menurut Tha'lab, perkataan الأَبُّ dalam ayat ini merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang keluar dari bumi. 'Aṭā' pula menterjemahkan perkataan الأَبُّ sebagai apa sahaja yang tumbuh di atas muka bumi dari jenis tumbuh-tumbuhan. Mujāhid menyatakan bahawa perkataan فَكَيْهَةٌ merujuk kepada apa yang dimakan oleh manusia, manakala أَبًا merujuk kepada apa yang dimakan oleh binatang. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T dalam ayat ke-32 surah 'Abasa:

﴿مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ﴾

Maksudnya: “Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu”. (80:32)

Perkataan الأَبُّ juga bermaksud عَلَفٌ dan *jama* ' perkataan ini ialah عِلَافٌ seperti perkataan جِبَالُ *jama* 'nya جِبَالٌ atau عَلَفٌ *jama* 'nya أَعْلَافٌ seperti perkataan صَنَفٌ *jama* 'nya أَصْنَافٌ iaitu tumbuhan yang dijadikan makanan untuk binatang seperti rumput dan kacang. Abū Ḥanīfaṭ al-Dāinūriy (1974:51) menyatakan bahawa عَلَفٌ adalah sejenis tumbuh-tumbuhan melata yang menutupi bumi, daunnya seperti daun pohon anggur dan banyak terdapat di negara Yaman.

Al-Ṭistiy meriwayatkan perbincangan perkataan ini dalam soalan yang diajukan oleh al-Nāfi' bin al-Azraq kepada Ibn 'Abbās berkenaan maksud perkataan الأَبُّ. Ibn 'Abbās menjelaskan sesungguhnya perkataan الأَبُّ adalah mashyur dalam kalangan kabilah Arab. Terdapat syair Arab yang menggunakan perkataan ini yang merujuk kepada maksud rumput¹³⁴. Syair tersebut berbunyi:

تَرَى بِهِ الأَبُّ وَالْيَقْطِينَ مَخْتَلِطًا عَلَى الشَّرِيعَةِ يَجْرِي تَحْتَهَا العَرَبُ

¹³⁴ Lihat *Masā'il Nāfi' bin al-Azraq 'An 'Abdallah bin al-'Abbās* susunan Muḥammad Aḥmad al-Dāliy (2003:142).

Maksudnya: *Kelihatan rumput dan pohon labu yang hidup bercampur aduk, menjadi laluan di atasnya burung gagak*

Al-Marāghīy (1946:30:48) pula berpendapat perkataan **الأَبُّ** bermaksud **عُشْبٌ** dan *jama*'nya ialah **أَعْشَابٌ** iaitu tumbuhan rumput yang khusus untuk makanan binatang.

Rumput termasuk dalam kumpulan tumbuhan yang tidak kekal serta bermusim. Hidup dengan subur pada musim bunga. Ibn 'Aṭīaṭ (t.t:8:541) dalam tafsirnya menukilkan pendapat dari Ibn 'Abbās, Ibn Zaīd, Mujāhid dan Qatādaṭ yang menterjemahkan perkataan **الأَبُّ** sebagai **حَشِيثٌ** dan *jama*'nya (**حَشَائِشٌ**) yang bermaksud tanaman yang menutupi bumi seperti rumput dan tanaman kekacang. Manakala al-Dīhāk pula berpendapat maksud perkataan **الأَبُّ** dalam ayat ini bermaksud buah Tin. Selain itu, al-Qāsimīy (1958:1:6065) berpendapat perkataan **الأَبُّ** dalam ayat ini bermaksud jenis tumbuhan yang menjadi makanan binatang ternakan seperti rumput dan lalang.

Menurut Ibn 'Āsyūr (t.t:30:133) perkataan **الأَبُّ** dengan baris *al-Faṭḥaṭ* pada huruf *al-Hamzaṭ* dan baris *syaddaṭ* pada huruf *al-Bā'* bermaksud **كَلَاءٌ** dan *jama*'nya **أَكْلَاءٌ** iaitu makanan binatang dari jenis tumbuh-tumbuhan seperti rumput dan jerami. Menurut al-Qurṭubīy (2006:19:223), Abū Ṭalḥaṭ mentafsirkan perkataan **الأَبُّ** dalam ayat ini sebagai buah-buahan segar. Ibn 'Abbās pula mentafsirkan perkataan **فَاكِهَةٌ** sebagai buah-buahan yang segar manakala **الأَبُّ** sebagai jerami buah-buahan tersebut. Ibn Ḥajar al-'Asqālānīy (1997:13:272) meriwayatkan athār sahabat dari 'Abd bin Hamīd daripada Ibrāhīm al-Nakh'īy berkata: Ketika Abū Bakar al-Ṣiddīq membaca ayat dari surah 'Abasa yang berbunyi ﴿وَفَاكِهَةٌ وَأَبًّا﴾ lalu ditanya kepadanya: Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan **الأَبُّ**? Maka Abū Bakar al-Ṣiddīq menjawab:

"أَيَّ سَمَاءٍ تُظَلِّلِنِي أَمْ أَيَّ أَرْضٍ تُقَلِّبِنِي أَمْ كَيْفَ أَصْنَعُ إِنْ قُلْتُ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى بِمَا لَا أَعْلَمُ؟! أَمَّا الْفَاكِهَةُ فَنَعْرِفُهَا. وَأَمَّا الْأَبُّ فَاللَّهُ أَعْلَمُ بِهِ"

Maksudnya: *Tiada langit yang dapat melindungiku, tiada bumi yang dapat menanggungku, bagaimana mungkin aku mengatakan sesuatu yang terdapat dalam*

kitab Allah (*Al-Qur'an Al-Karim*) sedangkan aku tidak mengetahuinya. Sesungguhnya *الغَاكِبَةُ* kita mengetahuinya, ada pun *الأبُّ* hanya Allah yang Maha Mengetahui.

Al-Suyūṭīy (1998:6:317), meriwayatkan dari Anas r.a ketika Umar al-Khattab membaca di atas mimbar ayat ﴿فَأَنْبِئْنَا فِيهَا حَبًّا-وَعِنَبًا وَقَضْبًا﴾ sehingga ayat ﴿وَفَاكِهَةً وَأَبًّا﴾, seorang lelaki berkata: sesungguhnya kita mengetahui makna *الغَاكِبَةُ*, tetapi apakah makna *الأبُّ*? Umar r.a lalu mengangkat tongkat yang berada di tangannya sambil berkata:

هَذَا لِعُمَرَ اللَّهِ التَّكْلُفُ، وَمَا عَلَيْكَ يَا بَنَ أُمَّ عُمَرَ أَلَّا تَدْرِي مَا الْأَبُّ؟ ثُمَّ قَالَ: اتَّبِعُوا مَا بُيِّنَ لَكُمْ مِنْ هَذَا الْكِتَابِ، وَمَا لَا فَدَعُوهُ.

Maksudnya: *Ini semua adalah urusan Allah dan Allah tidak mempertanggungjawabkan kepadamu wahai anak Umm Umar. Adakah kamu mengetahui apa itu *الأبُّ*. Ikutilah apa yang diterangkan daripada kitab ini (*Al-Qur'an Al-Karim*) dan apa yang kamu tidak ketahui maka tinggalkannya.*

Menurut Ibn 'Āsyūr (t.t:30:134), terdapat dua faktor yang menyebabkan Abū Bakar al-Ṣiddiq dan Umar al-Khattab tidak menjelaskan makna perkataan *الأبُّ* dalam peristiwa ini. Faktor-faktor tersebut ialah:

i. Perkataan *الأبُّ* telah dilupakan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Arab pada ketika itu. *Al-Qur'an Al-Karim* berperanan untuk memulihkannya daripada terus hilang dengan cara merekodkan penggunaannya semula dalam *Al-Qur'an Al-Karim*. Perkataan ini sebenarnya pernah digunakan secara meluas oleh masyarakat terdahulu untuk satu tempoh masa yang tertentu. Contoh perkataan lain yang telah dilupakan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Arab khususnya kabilah al-'Aus dan al-Khazraj ialah perkataan *السِّكِّينُ* yang bermaksud pisau. Anas bin Malik r.a berkata: Kami tidak menamakannya melainkan dengan panggilan *المُدْبِيَّةُ* sehinggalah kami mendengar sebutan dari Nabi Muhammad S.A.W yang menceritakan tentang kisah Nabi Sulaimān a.s. Baginda a.s bersabda:

"أَتَيْتُونِي السِّكِّينَ اقْسِمِ الطِّفْلَ بَيْنَهُمَا نِصْفَيْنِ"

Maksudnya: “Berikanlah kepadaku pisau السِكِّينِ supaya dapat aku bahagikan kepada kanak-kanak ini dengan dua bahagian”.

ii. Penggunaan perkataan الأَبُّ digunakan secara meluas dan merujuk kepada makna yang pelbagai seperti tumbuh-tumbuhan yang ditanam untuk tujuan kegunaan makanan kepada binatang, rumput, lalang, jerami buah-buahan dan sebagainya. Oleh kerana itu, Abū Bakar al-Şiddiq dan Umar al-Khattab tidak mengkhususkan penggunaan perkataan tersebut kepada satu jenis tumbuhan sahaja. Ia bertujuan supaya konteks penggunaan perkataan tersebut tidak menjadi sempit dan khusus selari dengan maksud yang tercatat dalam Al-Qur’an Al-Karim.



Rajah 4.17: Gambar jerami antara kategori الأَبُّ oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.3.2 الْعَدَسُ (kacang dal)

Perkataan الْعَدَسُ bermaksud sejenis kekacang yang dikenali dari spesies keluarga kekacang. Warna kacangnya adalah coklat kemerahan, oren kekuningan, kelabu keperangan dan hijau kehitaman. Biji kacangnya bersaiz tidak lebih dari 13mm dan boleh makanan. Kata tunggal perkataan الْعَدَسُ ialah عَدَسَةٌ. Ia juga dikenali dengan nama عَدَسٌ, عَدَسٌ, بُلْسٌ,¹³⁵ بُلْسٌ,¹³⁶ dan حَدَسٌ¹³⁷.

Aḥmad Qudāmat (1982:393) membincangkan perihalan sejarah kacang dal yang telah tercatat sekian lama dalam peradaban manusia. Kacang dal ini disebut dalam beberapa topik dalam Taurat dalam bab kejadian dan juga dalam Injil Perjanjian Lama. Pada era pemerintahan Firaun di Mesir, kacang dal merupakan antara makanan utama dan dikenali dengan nama أَدَسُ ('adas). Manakala dalam tamadun Greek dan Yunani Kuno, kacang dal merupakan makanan untuk kasta kelas bawahan yang terdiri daripada golongan petani dan penggemis. Ia juga menjadi makanan pilihan bagi golongan pendeta yang mengamalkan ciri-ciri zuhud dalam kehidupan mereka.

Dalam Islam kacang dal juga dibincangkan secara meluas. Walaupun begitu, menurut Ibn Qaiyyum al-Jawziyyat (1957:267) semua hadith yang berkaitan dengan kelebihan kacang dal adalah hadith palsu, contohnya hadith yang menyatakan bahawa 70 orang Nabi mengatakan kacang dal itu adalah suci, hadith yang menyatakan bahawa kacang dal dapat melembutkan hati dan membanyakkan air mata, dan hadith yang menyatakan bahawa kacang dal itu adalah makanan orang soleh. Fakta yang dinyatakan dengan jelas dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah kacang dal merupakan makanan pilihan bangsa Yahudi yang mengatasi الْمَنَّاءَ (*al-Manna*) dan السَّلْوَى (*al-Salwā*).

Perkataan kacang dal dicatat sekali sahaja dalam Al-Qur'an Al-Karim bersama-sama dengan perkataan sayur-sayuran hijau, timun, bawang putih dan bawang merah dalam

¹³⁵ Lihat *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manzūr (1995:9:81), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* oleh al-Fairūz Ābādīy (2005:405).

¹³⁶ Lihat *Manāfi' al-Nabāt* oleh Ibn al-Wardīy (t.t:126), *Qāmūs al-Ghazā'* oleh Aḥmad Qudāmat (1982:393), *al-Mu'tamid fī al-'Adawiyat al-Mufradat* oleh al-Ghasānīy al-Turkumānīy (2000:22).

¹³⁷ Lihat *al-Ṣiḥḥah Tāj al-Lughat* oleh al-Jawhariy (1990:2:947).

pengkisahan Nabi Musa a.s bersama-sama pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat 61:

﴿وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصِلِهَا...﴾

Maksudnya: “Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayuran hijaunya dan timunnya dan bawang putihnya dan kacang dalnya, serta bawang merahnya..." (2:61)

Al-Qurtubīy (2006:2:149) menerangkan tentang tafsiran ayat ini yang menceritakan tentang perihalan pengikut Nabi Musa a.s dari kalangan bangsa yahudi yang merasa jemu dengan satu jenis makanan sahaja iaitu *الْمَنَّ* (*al-Manna*) dan *السلوى* (*al-Salwā*). Mereka meminta kepada Nabi Musa a.s agar memohon kepada Allah S.W.T untuk mengeluarkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dari bumi dan antaranya ialah kacang dal. Sebahagian ahli tafsir menjelaskan bahawa ayat ini menunjukkan tentang sikap bangsa Yahudi yang tidak bersyukur atas pemberian daripada Allah S.W.T iaitu *الْمَنَّ* (*al-Manna*) dan *السلوى* (*al-Salwā*). Sebaliknya mereka meminta agar dikurniakan dengan sesuatu yang lain yang tarafnya lebih rendah dari kurniaan yang asal.

Al-Zamakhshariy (1998:1:275) pula berpendapat bahawa ayat ini tidak menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh bangsa Yahudi. Sudah menjadi fitrah kejadian manusia yang mudah merasa jemu dengan sesuatu benda. Adalah tidak menjadi kesalahan kepada mereka untuk meminta kepada Nabi Musa a.s agar memohon kepada Allah S.W.T untuk dikurniakan dengan pelbagai variasi makanan yang terdiri daripada beraneka jenis tumbuh-tumbuhan.

4.3.2.1 Habitat dan kegunaan *العدس* (kacang dal)

Menurut ‘Abd al-Mun’im Fahim (1996:165), kacang dal adalah dari spesies keluarga kekacang dan banyak di tanam di Mesir, India, Syam, Selatan Eropah, Asia Barat, Iran, Turkiy dan Amerika. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kacang dal ini berasal dari kawasan Timur Tengah. Manakala ada juga pendapat yang mengatakan negara asal kacang dal ialah dari negara benua Asia. Kacang dal berwarna coklat kekuningan,

merah, kelabu atau hitam. Dikatakan nama *العَدَسُ* ini diambil sempena dengan nama *بَشْرَةٌ* (jerawat) yang juga dikenali dengan *العَدَسُ* dalam bahasa Arab. Bentuk dan saiz kacang ini menyerupai jerawat yang tumbuh di wajah manusia¹³⁸.

Menurut Abū al-Qāsim al-Ghasānīy al-Wazīr (1990:207), pokok kacang dal ini terdiri daripada dua jenis. Jenis yang ditanam yang dikenali dengan nama kacang dal *العَدَسُ* *الْبُسْتَانِيُّ* (*al-Bustānīy*) dan jenis yang tumbuh liar yang dikenali dengan nama kacang dal *العَدَسُ* *الْبَرِّيُّ* (*al-Barrīy*) serta *الْبِقْلَةُ* *الْيَمَانِيَّةُ* (*al-Baqlat al-Yamāniyat*). Khasiat perubatan kacang dal ialah dapat menyembuhkan penyakit sakit perut ascites, penyakit kudis anggota kelamin chancroid, penyakit kulit bayi eczema dan penyakit kulit kemerahan erysipelas. Kacang dal yang bersifat antara kering dan panas dapat menghilangkan rasa sejuk badan. Sekiranya dimasak bersama cuka dan dijadikan adunan lalu diletakkan pada bahagian kulit yang berkudis, ia dapat mengeringkan kudis dan menanggalkan kopeng kudis tersebut. Tabiat memakan 30 biji kacang dal yang telah dibuang kulit dapat memberi keselesaan pada abdomen perut. Selain itu, kacang dal yang dicampur dengan buah quince, air mawar dan herba melilotus officinalis dipercayai dapat menghilangkan ketumbuhan fibroid pada wanita. Untuk mereka yang mengalami masalah kesakitan ketika membuang air kecil, dilarang mengambil apa jua bentuk makanan yang bersumberkan dari kacang dal kerana ia akan menambahkan lagi kesakitan dan boleh mengakibatkan kencing berdarah.

Menurut Abū Islām (2012:72), gizi pemakanan yang terkandung dalam kacang dal meliputi protein, serat, karbohidrat, vitamin B1, mineral dan asid folic. Gizi pemakanan untuk setiap 198 gram kacang dal yang telah masak terdiri daripada 230 kalori, 0.75 lemak, 0.1 fatty asid, 0 kolestrol, 39.86 karbohidrat, 15.6 serat dan 17.86 protein. Walaupun begitu, peratus serat yang terdapat pada kacang dal hijau lebih tinggi berbanding kacang dal merah antara 11% sehingga 31%. Kacang dal banyak digunakan dalam masakan seperti dijadikan sup, salad dan manisan. Selaput, daun dan pokok kacang dal dijadikan makanan binatang ternakan seperti lembu bagi menggalakkan penghasilan susu. Selain itu, daun dan pokok kacang dal juga boleh dijadikan sebagai

¹³⁸ Lihat Tafsir al-Qurṭubīy (2006:2:149).

baja serat yang dapat mengembalikan kesuburan tanah terutamanya untuk jenis tanah yang mengalami masalah kekurangan gas nitrogen.

Menurut al-Qazuwainīy (2002:241), kacang dal boleh ditanam bersama-sama dengan benih pokok yang lain, tetapi tumbesaran kacang dal akan lebih aktif dan cepat sekiranya ia dicampur dengan baja organik lembu. Pengambilan kacang dal sebagai diet makanan dapat memberi keselesaan pada perut, tetapi sekiranya pengambilan yang berlebihan boleh mengakibatkan penyakit kusta dan mata menjadi rabun.



Rajah 4.18: Gambar العدس (kacang dal) oleh Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012)

4.4 Penutup

Pokok-pokok kayu tersebut ialah ialah pokok الأثل (tamarisk), pokok الأيكة (aikat), pokok الخمط (sugi), pokok السدر (bidara), pokok (الطلح) (pisang atau pokok *umm ghailan*), pokok الكافور (kapur barus) dan pokok النخيل (kurma).

Terdapat sebanyak lapan jenis sayur-sayuran yang disebut dalam Al-Qur'an Al-Karim. Sayur-sayuran ini ialah البصل (bawang), البقل (sayur-sayuran hijau), الریحان (selasih/*al-Ās*), الزنجبيل (halia), الخردل (sawi), الفوم (bawang putih), القثاء (timun) dan اليقطين (labu). الأبت (rumput) pula adalah dari jenis tumbuhan melata dalam Al-Qur'an Al-Karim. Manakala jenis kekacang yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah العدس (kacang dal). Frekuensi nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim adalah seperti berikut:

Jadual 4.3: Frekuensi kedudukan setiap nama tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

Bil	Nama & Jenis Tumbuh-Tumbuhan	Kedudukan ayat	Kekerapan
1.	Pokok kayu		
	Tamarisk	Saba':16	1
	<i>Aikat</i>	Al-Hijr:78 Al-Syu'arā':176 Şād:13 Qāf:14	4
	Sugi	Saba':16	1
	Bidara	Al-Najm:14,16 Saba':16 Al-Wāqi'at:28	4
	Pisang atau pokok <i>umm ghailan</i>	Al-Wāqi'at:29	1
	Kapur barus	Al-Insān:5	
	Kurma	Al-'An'ām: 99 Al-'An'ām:141 Al-Kahf:32 Maryam:23 Maryam:25 Toha:71 Al-Syu'arā':148 Qaf:10 Al-Qamar:20 Al-Raḥman:11 Al-Raḥman:78 Al-Ḥāqat:7 'Abasa:29 Al-Ra'd:4 Al-Naḥl:11	21

		Al-Naḥl:67 Al-'Isrā':91 Al-Mu'minūn:19 Yāsin:34 Al-Baqaraṭ:266 Al-Ḥasyar:5	
2.	Sayur-sayuran		
	Bawang	Al-Baqaraṭ:61	1
	Sayur-sayuran hijau	Al-Baqaraṭ:61	1
	Selasih	Al-Wāqī'at:89 Al-Raḥmān:12	2
	Halia	Al-Insān:17	1
	Sawi	Al-'Anbiyā':47 Luqmān: 16	2
	Bawang putih	Al-Baqaraṭ:61	1
	Timun	Al-Baqaraṭ:61	1
	Labu	Al-Ṣaffāt:46	1
3.	Rumput	'Abasa:31	1
4.	Kacang dal	Al-Baqaraṭ:61	1

Pokok kurma adalah jenis tumbuh-tumbuhan yang paling banyak terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan frekuensi penggunaan sebanyak 21. Seterusnya diikuti oleh pokok aikaṭ dan bidara dengan frekuensi penggunaan sebanyak 4 kali. Selasih dan sawi pula frekuensi penggunaannya dalam Al-Qur'an Al-Karim masing-masing sebanyak 2 kali. Selain daripada jenis tumbuh-tumbuhan ini, penggunaan masing-masing adalah sebanyak sekali sahaja.

Tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim ini boleh dikategorikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang hanya mempunyai satu tafsiran makna. Manakala kumpulan kedua pula ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang ditafsirkan lebih daripada satu makna. Kumpulan-kumpulan jenis tumbuh-tumbuhan ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.4: Makna nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

Bil	Kumpulan	Nama tumbuh-tumbuhan	Makna
1.	Satu makna	i. الْأَثَلُ ii. الْبَصَلُ iii. الْحَرْدُ iv. التَّخِيلُ v. الْعَدَسُ	- Tamarisk. - Bawang besar/merah. - Sawi - Kurma. - Kacang dal.

		vi. اَلْقَتَّاءُ	- Timun
2.	Lebih dari satu makna	i. اَلْاَيْكَةُ (<i>al-Aikat</i>)	- Sejenis pokok yang rimbun. - Tempat yang bernama <i>al-Aikat</i> . - Sejenis pokok kayu yang besar. - Spesis اَلدَّوْمُ (palma). - Spesis اَلْمُثَلُ (kelapa laut). - Spesis pokok اَلسِّدْرُ (bidara). - Rimbunan pokok sugi. - Sejenis pokok اَلدَّوْحَةُ (palma).
		ii. اَلْحَمَطُ	- Pokok اَلْاَرَاكُ (sugi). - Dari spesis pokok اَلْاَرَاكُ (sugi).
		iii. اَلسِّدْرَةُ	- Pokok bidara dari spesis اَلنَّبَقُ. - Pokok اُمُّ غَيْلَانَ (<i>umm ghailan</i>).
		iv. اَلطَّلْحُ	- Pokok pisang. - Pokok اُمُّ غَيْلَانَ (<i>umm ghailan</i>).
		v. اَلكَاثُوْرُ	- Kapur baru. - Sarung kelopak anggur. - Bekas mayang kurma. - Mata air dalam syurga. - Putik bunga berwarna putih. - Campuran serbuk berbau wangi. - Cairan minyak sejenis pokok.
		vi. اَلبَقْلُ	- Sayuran hijau. - Pokok herba <i>purslane</i> . - Pokok herba <i>cultiver luzerne</i> .
		vii. اَلرَّيْحَانُ	- Selasih. - Tumbuh-tumbuhan berbau harum. - Bunga dan sayuran berbau harum. - Pokok اَلْاَسُ (<i>al-As</i>). - Rezeki. - Penghormatan penghuni syurga. - Anak.
		viii. اَلرَّيْحَانُ	- Sejenis nama arak. - Sejenis arak di syurga. - Sejenis bahan perisa minuman. - Sejenis wangian. - Nama mata air di syurga
		vi. يَغِيْرُ	- Buah اَلدُّبَاءُ (labu air).

		x. الأَبُّ	<ul style="list-style-type: none"> - Buah الْقَرَعُ (labu kuning). - Pokok labu. - Daun pokok Labu. - Semua jenis rumput (عُشْبٌ). - Semua tumbuhan yang menjadi makanan binatang. - Rumput dan kekacang dari spesis عَلْفٌ. - Tumbuhan menutup bumi dari spesis حَشِيشٌ. - Buah Tin. - Rumput dan كَلٌّ (jerami). - Buah-buahan segar. - Jerami buah-buahan.
		xi. الْقَوْمُ	<ul style="list-style-type: none"> -Bawang putih - Gandum - Roti - Kacang kuda -Jerami - Bijirin

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kepelbagai makna untuk nama tumbuh-tumbuhan tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

- i. Tumbuhan tersebut merujuk kepada tumbuhan yang berada di syurga seperti perkataan الطَّلْحُ.
- ii. Perkataan tersebut tidak pernah dibincangkan secara terperinci semasa zaman Nabi S.A.W. Ini kerana perkataan tersebut telah sedia maklum penggunaannya dalam kalangan masyarakat Arab, contohnya perkataan الْرَيْحَانُ.
- iii. Perkataan tersebut sudah tidak digunakan lagi dalam kalangan masyarakat Arab, Al-Qur'an merekodkannya kembali penggunaannya, contohnya pernggunaan perkataan الأَبُّ.
- iv. Faktor geografi masyarakat Arab. Setiap penduduk menggunakan perkataan mengikut negara masing-masing. Contohnya penduduk Arab Yaman merujuk perkataan الطَّلْحُ berbeza makna dengan penduduk Arab Magribi.

BAB 5

TUMBUH-TUMBUHAN DALAM GAYA BAHASA AL-QUR'AN AL-KARIM

5.0 Pendahuluan

Penggunaan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam empat jenis gaya bahasa. Gaya bahasa tersebut ialah gaya bidalan (*al-Mathal/المَثَلُ*), gaya bahasa *التشبيه* (*al-Tasybih*), gaya bahasa *الاستفهام* (pertanyaan) dan gaya bahasa *القسم* (sumpah). Perbincangan dalam bab ini adalah berkisarkan kepada keempat-empat jenis gaya bahasa tersebut dari sudut analisis wacana dan juga turut menyentuh perbincangan dari aspek balāghat Arab serta bidang tafsir.

5.1 Gaya bahasa bidalan (*al-Mathal/المَثَلُ*)¹³⁹

Jumlah keseluruhan ayat bidalan/*al-Mathal* yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah sebanyak sembilan ayat yang dibincangkan dalam lima topik. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan cahaya Allah S.W.T
- ii. Gambaran tentang akhlak Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat
- iii. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan perkataan tauhid
- iv. Gambaran kehidupan dunia seperti tumbuh-tumbuhan
- v. Gambaran menafkahkan harta benda dengan tumbuh-tumbuhan.

5.1.1 Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan cahaya Allah S.W.T

Gambaran ini direkodkan dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Nūr ayat ke-35:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: "Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayat petunjuk Allah adalah sebagai sebuah "misykāt" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca, geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang tidak di timur dan tidak di barat; hampir-hampir minyaknya itu dengan sendirinya

¹³⁹ Gaya bahasa bidalan (*al-Mathal/المَثَلُ*) ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian tertentu. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab:1996:152.

memancarkan cahaya bersinar walaupun ia tidak disentuh api; cahaya di atas cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya kepada nur hidayatNya itu dan Allah membuat pelbagai perbandingan untuk umat manusia dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu". (24:35)

Gambaran perbandingan yang terdapat dalam ayat ini ialah satu gambaran perbandingan *الْمُرْكَبُ* (berangkai) yang menunjukkan perbandingan antara elemen *الْصَّرِيحُ الْحِسِّي* (nyata dan dapat dirasai) dengan elemen *الْمَعْنَوِي* (tidak dapat dirasai). Elemen nyata dan dapat dirasai dalam ayat ini ialah sebuah *al-Misykāt* yang di dalamnya terdapat sebiji geluk kaca lutsinar berisi lampu. Lampu tersebut dipenuhi dengan minyak zaitun. Manakala elemen yang tidak dapat dirasai pula ialah cahaya atau hidayah Allah S.W.T dalam hati manusia. *Al-Misykāt* dalam ayat ini digambarkan sebagai dada seorang mukmin. Geluk kaca lutsinar pula menggambarkan hati orang mukmin yang bersih, suci serta mempunyai prinsip yang kukuh. Manakala lampu yang bercahaya pula menggambarkan hidayah Allah S.W.T dalam hati orang mukmin¹⁴⁰.

Unsur tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam ayat ini ialah *الشَّجَرَةُ الْمُبَارَكَةُ* iaitu pokok zaitun yang penuh keberkatan. Pokok zaitun digambarkan sebagai pokok wahyu (keimanan) yang menghasilkan minyak yang berkilau serta banyak memberi manfaat kepada manusia. Pokok wahyu adalah asas hidayah Allah S.W.T yang membimbing manusia ke jalan yang benar iaitu Islam. Manusia yang mendapat hidayah Allah S.W.T akan mendapat kebaikan di dunia dan akhirat. Sinaran cahaya keimanan ini digambarkan sebagai kilauan minyak zaitun yang memancar walaupun tidak disentuh api. Kilauan cahaya minyak ini juga digambarkan sebagai sinaran cahaya bintang yang berada di langit. Keberkatan pokok zaitun yang mampu untuk mengeluarkan minyak yang bermutu adalah kerana pokok ini sentiasa disinari oleh cahaya matahari dari semua sudut sama ada ketika matahari terbit atau pun ketika terbenam¹⁴¹.

Pokok zaitun banyak terdapat di sekitar kawasan *Bayt al-Maqdis* yang merupakan tempat kelahiran dan persemadian ramai para Nabi dan rasul a.s. Keadaan ini digambarkan dengan keadaan hati seorang mukmin yang sentiasa disirami cahaya keimanan dari semua sudut. Hasil dari cahaya keimanan tersebut akan meletakkan

¹⁴⁰ *Min Balāghat Al-Qur'ān* oleh Ahmad Ahmad Badawīy (2005:151).

¹⁴¹ *Ibid.*

seorang mukmin pada landasan yang betul dan akan mendapat ketenangan jiwa dalam diri mereka. Sinaran cahaya lampu akan dapat menghilangkan kegelapan sebagaimana hidayah Allah S.W.T yang dapat menghilangkan perasaan syak dalam hati manusia yang boleh menyebabkan mereka menjadi munafik dan kufur¹⁴².

Menurut Ibn Qayyūm (1984:374), tafsiran ayat نُورٌ عَلَى نُورٍ dalam ayat ini bermaksud cahaya berganda-ganda dalam hati seorang mukmin. Secara fitrah, seorang mukmin dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk berpandukan iman dalam hati mereka. Cahaya keimanan ini akan bertambah dengan bimbingan wahyu dari Allah S.W.T. Selain itu, cahaya keimanan ini juga perlu disuburkan dengan cara memperbanyakkan amalan kepada Allah S.W.T. Hasil gabungan cahaya keimanan yang sedia ada dalam hati orang mukmin dan amalan kebaikan yang berterusan, ia dapat meningkatkan keimanan kepada Allah S.W.T. Keadaan ini sama seperti keadaan minyak zaitun yang secara fitrahnya bersifat berkilau. Kilauan ini akan bertambah apabila ia terkena sinaran cahaya api yang akan memancarkan sinarannya keseluruh alam.

5.1.2 Gambaran tentang akhlak Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat

Gambaran ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam surat al-Fath ayat yang ke-29:

﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطَأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا﴾

Maksud ayat: “Nabi Muhammad ialah Rasul Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri. Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharap limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharap keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat pada muka mereka dari kesan sujud. Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (Mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan para sahabat Nabi S.A.W dan

¹⁴² Lihat Tafsir Ibn Qayyūm (1984:375), Tafsir Ibn Qutaibah (1973:327).

pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar". (48:29)

Ayat ini merupakan ayat terakhir dari surah al-Fath. Allah S.W.T memberi khabar gembira kepada Nabi S.A.W dan para sahabat bahawa mereka akan memasuki kota Makkah dengan aman dan selamat di samping akan mendapat harta rampasan perang. Ia merupakan ganjaran Allah S.W.T kepada para sahabat yang telah berkorban harta dan nyawa untuk Islam. Gambaran perbandingan yang ditunjukkan dalam ayat ini ialah perbandingan tentang keadaan agama Islam yang disebarkan oleh Nabi S.A.W dan para sahabat yang sentiasa setia dan sabar bersama-sama Nabi S.A.W. Penyebaran agama Islam bermula dalam keadaan yang sukar dan lemah dan berakhir dengan kejayaan serta kekuatan. Pokok tanaman mewakili Nabi S.A.W yang diutuskan secara bersendirian. Seterusnya dakwah baginda diterima oleh masyarakat sekeliling dan menjadikan agama Islam dianuti oleh ramai orang dan menjadi semakin kuat.

Dalam ayat ini juga Allah S.W.T memuji para sahabat Nabi S.A.W dan merekodkan sifat-sifat mereka dalam Al-Qur'an Al-Karim agar dapat diketahui dan dicontohi oleh generasi selepasnya. Lakaran tentang sifat para sahabat Nabi S.A.W dalam Al-Qur'an Al-Karim ini merupakan satu pengiktirafan Allah S.W.T kepada mereka. Terdapat dua bentuk penjelasan tentang sifat para sahabat Nabi S.A.W dalam ayat ini. Bentuk pertama ialah sifat yang digambarkan dalam Taurat. Sifat-sifat tersebut ialah:

- i. Perihal ibadat sahabat Nabi S.A.W yang sentiasa rukuk dan sujud.
- ii. Perihal pergaulan dan interaksi sahabat Nabi S.A.W dengan orang kafir yang sentiasa berada dalam keadaan keras dan tegas.
- iii. Perihal pergaulan dan interaksi sahabat Nabi S.A.W sesama muslim yang sentiasa berada dalam keadaan berkasih sayang dan berlemah lembut.
- iv. Kesan sujud yang dapat dilihat diwajah mereka.
- v. Meletakkan pengharapan yang penuh kepada Allah S.W.T.

Bentuk kedua pula adalah sifat para sahabat Nabi S.A.W yang digambarkan dalam Injil. Gambaran perbandingan sifat para sahabat Nabi S.A.W ini digambarkan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan. Menurut Sayyid Quṭb (2003:6:3332), sifat para sahabat

Nabi S.A.W yang sentiasa keras dan tegas kepada orang kafir digambarkan dengan dengan sifat tumbuh-tumbuhan yang saling melengkapi dan mengukuhkan antara satu sama lain. Biji benih yang kuat akan mencambahkan tunas pokok, manakala tunas pokok yang kuat pula akan membesar dan menjadi batang kayu yang keras dan mempunyai ranting serta daun. Setiap bahagian tumbuh-tumbuhan yang kuat ini berperanan dalam proses tumbesaran pokok. Sekiranya terdapat antara bahagian tumbuh-tumbuhan yang lemah, maka proses tumbesaran pokok ini akan terganggu dan mengakibatkan kematian.

Tambahnya lagi, keadaan ini sama juga dengan sifat para sahabat Nabi S.A.W yang sentiasa bersikap keras dan tegas kepada orang kafir. Kesatuan yang ditunjukkan oleh para sahabat adalah antara faktor kekuatan umat Islam pada masa sehingga digeruni oleh musuh. Walau pun pelbagai cara yang dilakukan terhadap para sahabat Nabi S.A.W bagi melemahkan kekuatan umat Islam, tetapi kesatuan dan persaudaraan yang ditunjukkan oleh para sahabat Nabi S.A.W tidak tergugat.

Sifat berlemah lembut dan berkasih sayang yang ditunjukkan oleh para sahabat Nabi S.A.W sesama mereka digambarkan dengan tumbuh-tumbuhan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam kitaran tumbesaran tumbuh-tumbuhan, buah yang dihasilkan memerlukan kepada bunga, bunga pula memerlukan kepada daun, daun pula memerlukan kepada dahan atau cabang, dan cabang pula memerlukan kepada biji benih. Sekiranya salah satu daripada elemen ini tiada, maka proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan tidak akan berlaku. Ia saling melengkapi dan bergantung antara satu sama lain. Para sahabat Nabi S.A.W juga seperti kitaran proses ini yang saling melengkapi antara satu sama lain¹⁴³. Dalam sepotong hadith yang diriwayatkan dari Abū Mūsā r.a, Nabi S.A.W bersabda¹⁴⁴:

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا".
Maksudnya: *"Dari Abū Mūsā berkata, Rasulullah S.A.W telah bersabda: Orang mukmin bagi mukmin lainnya seperti bangunan, sebagiannya menguatkan sebagian yang lain"*.

¹⁴³ Sayyid Quṭb (2003:6:3332)

¹⁴⁴ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy hadith nombor 5680.

Dalam hadith yang diriwayatkan dari al-Nu‘mān bin Basyīr, Nabi S.A.W telah membuat perbandingan tentang persaudaraan sesama Islam. Sabda Nabi S.A.W¹⁴⁵:

عَنْ النَّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: “Dari dari al-Nu‘mān bin Basyīr berkata, Rasulullah S.A.W telah bersabda: Perumpamaan orang-orang mukmin dalam hal cinta mencintai, berkasih sayang dan kecenderungan jiwa seperti perumpamaan tubuh. Jika salah satu anggota tubuh sakit maka seluruh tubuh akan merasakannya, iaitu dengan tidak boleh tidur dan demam”.

Menurut Al-Sa’adīy (2002:5:66), sifat para sahabat yang sentiasa beristiqamah, memperbanyakkan rukuk dan sujud kepada Allah S.W.T dengan ikhlas dan hanya mengharapkan keredhaan Allah S.W.T telah meninggalkan kesan sujud di wajah mereka. Keadaan ini digambarkan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang berlaku secara berterusan. Proses tumbesaran ini bermula dari dari sebiji benih lalu berkembang menjadi sebatang pokok dan akhirnya mengeluarkan buah yang baik. Buah-buahan ini memberi manfaat kepada manusia. Keadaan ini menyebabkan para petani merasa kagum. Para sahabat Nabi S.A.W adalah manusia yang dididik terus oleh Nabi S.A.W. Hasil daripada proses ini telah menghasilkan para sahabat yang memiliki keimanan yang tinggi dan akhlak yang terpuji serta dapat memberi manfaat kepada manusia lain. Keadaan ini menyebabkan golongan kafir merasa kagum terhadap agama Islam. Perbandingan dalam ayat ini digambarkan oleh al-Sa’adīy (2002:5:66):

Pokok tanaman (الزَّرْعُ)	• Nabi Muhammad S.A.W
Tunas (شَطَأً)	• Saidina Abu Bakar Al-Siddiq
Pucuk (أَزْر)	• Saidina Umar bin Al-Khatab
Subur dan kuat (اسْتَعْلَظ)	• Saidina Uthman bin Affan
Berdiri di atas batangnya (فَأَسْتَوَى عَلَى سُوْقِهِ)	• Saidina Ali bin Abu Talib

Rajah 5.1: Tafsiran ayat 29 surah al-Fatḥ menggambarkan perbandingan Nabi S.A.W dan para sahabat dengan tumbuh-tumbuhan oleh al-Sa’adīy

¹⁴⁵ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy hadith nombor 6011, Ṣaḥīḥ al-Muslim hadith nombor 2586.

5.1.3 Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan perkataan tauhid

Gambaran ini direkodkan dalam surah Ibrāhīm ayat ke-24 sehingga ayat ke-26:

﴿أَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ (٢٤) تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ (٢٥) وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: perkataan yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit.*(24) *Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).*(25) *Dan bandingan perkataan yang buruk samalah seperti sebatang pohon yang buruk yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.* (14:24-26)

Terdapat dua bentuk perbandingan dalam ayat ini. Perbandingan pertama ialah antara *كَلِمَةً طَيِّبَةً* (perkataan yang baik) dengan *شَجَرَةً طَيِّبَةً* (pokok yang baik). Perbandingan kedua pula ialah antara *كَلِمَةً خَبِيثَةً* (perkataan yang buruk) dengan *شَجَرَةً خَبِيثَةً* (pokok yang buruk). Menurut al-Qurtubīy (2006:12:132), terdapat tiga pendapat tentang maksud perkataan yang baik dalam ayat ini. Pendapat pertama merujuk perkataan yang baik sebagai kalimah syahadah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*¹⁴⁶. Pendapat kedua merujuk maksud perkataan yang baik sebagai iman¹⁴⁷ dan pendapat yang ketiga pula merujuknya sebagai orang mukmin¹⁴⁸.

Pendapat pertama adalah pendapat yang masyhur berdasarkan kepada pernyataan dalam ayat selepasnya. Ayat selepasnya menjelaskan tentang keadaan Allah S.W.T yang telah menetapkan pendirian orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh iaitu syahadah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*¹⁴⁹.

¹⁴⁶ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:13:635), *al-ʿAlmā' wa al-Ṣifāt* oleh al-Baihaqīy (1991:1:273), *al-Du'ā'* oleh al-Ṭabrānīy (1987:1527).

¹⁴⁷ Lihat Tafsir al-Māwardīy (t.t:3:132).

¹⁴⁸ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:13:635), Tafsir al-Māwardīy (t.t:3:132).

¹⁴⁹ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:13:635), Tafsir al-Suyūṭīy (2003:8:510), Tafsir al-Baghawīy (1992:4:346).

Unsur pokok dalam ayat ini merupakan objek maujud iaitu sesuatu yang dapat dirasai oleh manusia. Penggunaannya adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pembaca secara lebih berkesan. Kalimah yang baik dan kesannya kepada manusia digambarkan seperti pokok yang baik. Menurut al-Ṭabariy (2001:13:635), terdapat pelbagai tafsiran perkataan pokok yang baik dalam ayat ini. Sebahagian daripada ahli tafsir merujuk perkataan pokok yang baik sebagai pokok kurma bersandarkan kepada hadith Nabi S.A.W yang diriwayatkan dari Anas bin Mālik r.a¹⁵⁰:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: أُنِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقِنَاعٍ عَلَيْهِ رُطْبٌ فَقَالَ: ﴿مَثَلًا كَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا﴾ قال: هِيَ النَّخْلَةُ. ﴿وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ﴾ قال: هِيَ الْخُنْطَلَةُ".

Maksudnya: *Dari Anas bin Mālik berkata: Telah didatangkan kepada Rasulullah S.A.W bekas yang terdapat padanya kurma, baginda S.A.W bersabda: "Kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pokok yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya". (Baginda) bersabda: Ia adalah pokok kurma. Dan bandingan Kalimah yang buruk samalah seperti sebatang pokok yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. (Baginda) bersabda: Ia adalah pokok al-Ḥanzalaṭ".*

Al-Suyūṭīy (2003:8:510) pula merujuk perkataan pokok yang baik sebagai pohon yang berada di syurga, pokok buah tin, pokok anggur dan pokok delima. Menurut al-Qurṭubīy (2006:12:134), kalimah yang baik ialah kalimah syahadah. Ia digambarkan sebagai pokok yang baik iaitu pokok kurma. Terdapat persamaan di antara keduanya. Kalimah yang baik akan menjadikan seseorang itu beriman dengan kepercayaan agama yang betul dan seterusnya melakukan perkara yang diperintahkan oleh agama dan meninggalkan larangannya. Semua amalan kebaikan yang dilakukan di dunia akan diangkat ke langit dan akan mendapat ganjaran pahala. Firman Allah S.W.T dalam surah Fāṭir ayat ke-10:

﴿إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ﴾

Maksudnya: *"Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik, dan amal yang soleh pula di angkatnya naik". (35:10)*

¹⁵⁰ Sunan al-Tarmiziyy (Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ) dalam Kitab Tafsir Surah Ibrahim (1978:4:358).

Keadaan ini digambarkan dengan pokok kurma. Pokok kurma mempunyai asas akar yang kukuh di dalam tanah dan pucuknya menjulang ke langit. Setiap bahagian pokok kurma dapat dimanfaatkan oleh manusia yang meliputi akar, batang, daun, pelepah, bunga dan buah. Buah kurma pula mengandungi banyak khasiat dan ia juga dimakan dalam semua keadaan. Menurut al-Rabi' bin Anas¹⁵¹, buah kurma dimakan dalam semua keadaan iaitu pada waktu siang dan malam, pada musim panas dan sejuk serta dalam bentuk الجُمَّار (*al-Jummār*), الطَّلَع (*al-Tal'u*), الخَلَالَةُ (*al-Khulālūt*), البَلْح (*al-Balah*), البُسْر (*al-Busr*), الرُّطَب (*al-Ruṭab*) dan اليَابِس (*al-Yābis*)¹⁵².

Asas pegangan agama dan iman seseorang digambarkan seperti sebatang pokok kurma. Akarnya adalah keimanan dan ilmu pengetahuan, batangnya adalah keikhlasan dan cabangnya pula adalah amalan kebaikan. Pokok keimanan dan keikhlasan ini akan mengeluarkan buah yang baik. Buahnya ialah seorang muslim yang memiliki akhlak terpuji dan sentiasa melakukan amal soleh. Seperti sebatang pokok kurma yang perlu sentiasa diselari rapi, disiram dan dibajai bagi menghasilkan buah kurma yang berkualiti, seorang muslim juga perlu sentiasa berusaha untuk memperbaharui dan meningkatkan keimanan mereka kepada Allah S.W.T pada setiap masa seperti hadith Nabi S.A.W¹⁵³:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْإِيمَانَ لَيَخْلُقُ فِي جَوْفِ أَحَدِكُمْ كَمَا يَخْلُقُ الثَّوْبُ فَاسْأَلُوا اللَّهَ تَعَالَى أَنْ يُجَدِّدَ الْإِيمَانَ فِي قُلُوبِكُمْ"

Maksudnya: *Dari Abū Hurairat telah berkata: Rasulullah S.A.W telah bersabda: Sesungguhnya iman akan lusuh dalam diri setiap dari kamu sepertimana pakaian menjadi lusuh. Maka hendaklah kamu memohon kepada Allah S.W.T supaya Allah S.W.T. memperbaharui iman dalam hati kamu”.*

Dalam ayat seterusnya, Allah S.W.T menunjukkan gambaran perbandingan kalimah yang buruk dengan pokok yang buruk. Kalimah yang buruk dalam ayat ini ditafsirkan sebagai perbuatan syirik dan kafir yang berlawanan dengan kalimah syahadah.

¹⁵¹ Lihat *Tahfat al-Aḥawzīy bi Syarḥ Jāmi' al-Tarmuzīy* oleh 'Abd al-Raḥmān al-Mubārkaḥūrīy (t.t:8:546).

¹⁵² *Al-Jummār* ialah putik kurma yang masih lembut, *al-Tal'u* putik kurma yang sudah keras, *al-Khulālūt* kurma muda yang masih berwarna hijau, *al-Balah* kurma muda yang hampir masak, *al-Busr* kurma muda yang mula bertukar warna untuk masak sebelum peringkat *al-Ruṭab*, *al-Ruṭab* kurma muda yang hampir masak dan *al-Yābis* kurma yang sudah masak dan kering. Lihat *Lisān al-'Arab* oleh Ibn Manẓūr (1995:1:405,478, 2:352, 4:400, 5:237, 8:185, 15:344).

¹⁵³ Berkata al-Haithamiy hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabrānīy dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* dan *sanad* adalah (*Hasan*) حَسَنٌ dari 'Abdullah bin 'Amrū dan diriwayatkan Aḥmad dari Abū Hurairat dengan *sanad* yang جَيِّدٌ. Lihat *Majma' al-Zawā'id* oleh al-Haithamiy (2001:1:72) hadith nombor 158.

Manakala perkataan pokok yang buruk pula ditafsirkan kepada maksud pokok *al-Hanzalaṭ*¹⁵⁴ seperti yang terdapat dalam hadith Nabi S.A.W sebelum ini. Ada juga pendapat yang merujuk pokok yang buruk sebagai maksud pokok الثوم (bawang putih), الطُّحْلَبَةُ (*al-Tuḥlabat*) الكَشْوُوثُ (*al-Kasyūth*), الكَمَّاءُ (*al-Kam'at*), الكَرَاثُ (*al-Karāth*), العَشَقَةُ (*al-'Asyaqat*) dan pokok الشُّوْكَ (berduri)¹⁵⁵.

Perbuatan syirik dan kafir yang adalah satu perbuatan yang menyimpang dari kebenaran. Akhidah golongan ini adalah terpesong dan semua amalan yang mereka lakukan ketika berada di dunia hanyalah sia-sia dan tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. Keadaan ini digambarkan dengan pokok *al-Hanzalaṭ* yang sifatnya buruk dari semua aspek dan tidak bermanfaat kepada manusia. Keadaan pokok *al-Hanzalaṭ* yang tumbuh melata di atas bumi dengan akarnya yang mudah tercabut sama seperti keadaan golongan musyrik dan kafir yang tidak mempunyai asas akhidah yang betul. Pokok *al-Hanzalaṭ* juga tidak mempunyai tapak yang tetap untuk hidup yang sama keadaannya dengan golongan musyrik dan kafir yang tidak mempunyai tempat dan kedudukan di sisi Allah S.W.T¹⁵⁶.

5.1.4 Gambaran tentang kehidupan dunia seperti tumbuh-tumbuhan

Terdapat tiga ayat yang menggambarkan tentang perbandingan kehidupan dunia dengan tumbuh-tumbuhan. Menurut Abū Zuhraṭ (1970:269), tumbuh-tumbuhan merupakan unsur الحِسِّيِّ وَالْوَاقِعِيِّ (*al-Hissīy dan al-Wāqī'īy*) iaitu sesuatu yang dapat dirasai dan dilihat oleh manusia. Manusia sentiasa berinteraksi dengan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam perbandingan ini bertujuan memudahkan manusia untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Dalam ketiga-tiga ayat ini, Allah S.W.T membuat perbandingan proses kehidupan dunia, gambaran kehidupan dunia dan nikmat-nikmat

¹⁵⁴ Pokok الحَنْظَلَةُ (*al-Hanzalaṭ*) adalah tumbuhan yang menjalar di atas tanah seperti pokok tembikai. Daun dan batangnya mempunyai duri yang boleh mengakibatkan kegatalan pada kulit. Baunya busuk. Selain itu daun dan akarnya adalah lebih kecil dari pokok tembikai. Buahnya pula sangat pahit. Lihat *al-Tazkirat* oleh Dawwūd al-Anṭākīy (1951:1:132).

¹⁵⁵ *Al-Tuḥlabat* ialah dari keluarga lumut dan rumpai laut, *al-Kasyūth* ialah sejenis tumbuhan parasit, nama saintifiknya *cuscuta europaea*, *al-Kam'at* ialah sejenis cendawan padang pasir (*desert truffle*), nama saintifiknya *terfeziaceae*, *al-Karāth* ialah spesies daun bawang (*leek*), nama saintifiknya *allium ampeloprasum*, *al-'Asyaqat* ialah spesies pokok herba dari kumpulan *hedera*. Lihat Tafsir al-Māwardīy (t.t:3:134), Tafsir al-Baghawīy (1992:4:349), Tafsir al-Wāḥidīy (1994:3:30).

¹⁵⁶ Lihat Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1981:29:47).

yang terdapat dalam kehidupan dunia dengan dunia tumbuh-tumbuhan. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah Yūnus ayat ke-24:

﴿إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَنْ لَمْ تَغْنَبْ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni) dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan ia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya)”. (10:24)*

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Kahf ayat ke-45:

﴿وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيَّاحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُقْتَدِرًا﴾

Maksudnya: “*Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (18:45)*

3. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Ḥadīd ayat yang ke-20:

﴿اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهُوَ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيحُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْعُرُورِ﴾

Maksudnya: “*Ketahuiilah bahawa kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu serta berlumba-lumba*

membanyakkan harta benda dan anak pinak; samalah seperti hujan yang menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada tanamannya, kemudian tanaman itu bergerak segar, selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; Akhirnya ia menjadi hancur bersepai dan di akhirat ada azab yang berat dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya". (57:20)

Perbandingan yang digambarkan dalam ketiga-tiga ayat ini ialah:

i. Jangka masa yang dilalui oleh manusia dalam proses kehidupan di dunia bersamaan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan. Menurut Ibn Kathīr (1999:4:228), gambaran perbandingan yang terdapat dalam semua ayat ini ialah berkaitan dengan jangka masa kehidupan manusia di dunia yang berlaku dalam keadaan yang sangat pantas sama seperti proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan.

Kesemua ayat ini menggambarkan tentang perbandingan kehidupan manusia dengan air hujan. Air hujan akan bercampur aduk dengan tanah dan biji benih lalu mengeluarkan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan ini pula akan hidup dengan subur dan mengeluarkan pelbagai jenis bunga dan buah. Akhirnya tumbuh-tumbuhan ini akan musnah setelah melalui kitaran proses kehidupannya seperti yang digambarkan dalam surah al-Ḥadīd atau musnah disebabkan oleh bencana seperti yang terdapat dalam surah Yūnus dan al-Kahfi. Selain itu, ayat yang terdapat dalam surah Yūnus juga memperincikan keadaan tanah yang telah musnah menyerupai bentuk asalnya dan seolah-olah tidak pernah ditumbuhi oleh mana-mana tumbuhan sebelumnya¹⁵⁷.

Manusia juga melalui proses kehidupan yang sama. Manusia dilahirkan hasil proses pensenyawaan sperma lelaki dan telur perempuan. Manusia membesar dan melalui proses kitaran hidup yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Manusia akan membesar dari seorang bayi kepada kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. Akhirnya manusia akan mati. Kematian adalah sesuatu yang tidak dapat dijangka dan semua manusia akan melalui saat kematian tanpa mengira usia, jantina, pangkat dan kedudukan¹⁵⁸.

ii. Perbandingan tentang gambaran nikmat keseronokan dunia dengan tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada pelbagai jenis dan warna. Semua nikmat dunia ini

¹⁵⁷ Lihat Tafsir Ibn Kathīr (1999:4:228).

¹⁵⁸ Ibid.

adalah bersifat sementara dan akan musnah pada suatu hari nanti. Menurut Ibn Qayyum al-Jawziyyat dalam *al-Amthāl fī Al-Qur'ān Al-Karīm* (1981:184), Allah S.W.T membuat perbandingan tentang gambaran keseronokan kehidupan dunia yang menjadikan manusia tertarik dan leka kepadanya dengan tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada pelbagai jenis dan warna.

Nikmat dunia digambarkan dengan gambaran tumbuh-tumbuhan yang hidup dengan subur dan mengeluarkan pelbagai jenis bunga dan rasa, tetapi akhirnya semua tumbuh-tumbuhan ini akan musnah. Keadaan ini sama dengan keadaan manusia yang hidup di dunia. Ramai dalam kalangan manusia yang berusaha bersungguh-sungguh dan berlumba-lumba untuk mendapatkan nikmat kehidupan di dunia sehingga melupakan kehidupan di akhirat. Lebih malang lagi apabila terdapatnya sebilangan manusia yang beranggapan bahawa semua nikmat dunia yang mereka perolehi adalah hasil usaha mereka sendiri tanpa pertolongan dan rahmat dari Allah S.W.T. Akhirnya semua nikmat yang dikecapi oleh manusia ini akan ditinggalkan setelah mereka mati¹⁵⁹.

iii. Terdapat dua jenis golongan manusia dalam menguruskan nikmat kehidupan dunia. Golongan pertama adalah golongan yang menjadikan dunia sebagai tempat untuk beramal bagi menyiapkan bekalan akhirat. Manakala golongan kedua pula ialah golongan yang leka dan terpedaya dengan keseronokan dunia sehingga melupakan akhirat. Perbandingan ini ditunjukkan oleh Allah S.W.T dalam surah Yūnus dan surah al-Ḥadīd dengan gambaran para petani yang menyelia rapi tanamannya sehingga ke peringkat tanaman tersebut mengeluarkan pelbagai jenis bunga dan buah¹⁶⁰.

Keadaan ini menyebabkan para petani tersebut merasa bangga dan megah di atas segala usaha yang mereka lakukan. Mereka beranggapan bahawa kekuasaan mutlak berada di tangan mereka dan menafikan kekuasaan Allah S.W.T. Lantas Allah S.W.T menghantar bencana secara tiba-tiba dalam bentuk angin kencang sehingga memusnahkan semua tanaman mereka. Para petani tersebut mengalami kerugian dan merasa amat menyesal. Perbandingan ini adalah gambaran tentang golongan manusia yang terpesona dan bangga dengan keseronokan dunia yang terdiri daripada harta benda dan anak pinak sehingga mengakibatkan mereka akan rugi dan menyesal di akhirat nanti¹⁶¹.

¹⁵⁹ Lihat *al-Amthāl fī Al-Qur'ān Al-Karīm* oleh Ibn Qayyum al-Jawziyyat (1981:184).

¹⁶⁰ Ibid.

¹⁶¹ Tajuk ini dibincangkan dalam bab التَّشْبِيهُ التَّمثِيلِيُّ *al-Tasybīh al-Tamsīlīy* oleh 'Abd al-Faṭḥ Lāsyīn dalam kitabnya *al-Bayān fī Dū'i Asālib Al-Qur'ān* (1998:52-54), *Min Asālib Al-Qur'ān* oleh Aḥmad Aḥmad

5.1.5 Gambaran menafkahkan harta benda dengan perihalan tumbuh-tumbuhan

Gambaran ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam tiga ayat Al-Qur'an Al-Karim, iaitu:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat̄ ayat 261:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksud ayat: “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebihi benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya*”. (2:261)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:3:41), gambaran perbandingan yang terdapat dalam ayat ini ialah gambaran tentang orang yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T. Ia digambarkan sebagai satu biji benih yang mengeluarkan tujuh tangkai. Setiap tangkai tersebut mengandungi 100 biji benih yang lain. Jumlah keseluruhan biji benih yang diperolehi ialah sebanyak 700 biji. Biji benih tersebut pastinya ditanam di kawasan yang subur sehingga mampu untuk mengeluarkan hasil yang berlipat kali ganda.

Unsur tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini adalah suatu unsur yang dapat dilihat dan dirasakan oleh pancaindera manusia. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada manusia agar mereka sentiasa berlumba-lumba untuk membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T. Gambaran perbandingan yang ditunjukkan dalam ayat ini adalah satu gambaran perbandingan yang logik dan dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Gambaran ini menunjukkan keadaan orang Islam yang berada dalam keadaan sangat beruntung kerana membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T.

Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā (1947:3:59) meluaskan skop perbincangan infaq di jalan Allah S.W.T dalam ayat ini yang tidak sekadar tertumpu kepada aspek material sahaja. Sebaliknya ia juga merangkumi semua gerak kerja yang dilakukan di jalan Allah S.W.T yang disertai dengan niat yang ikhlas seperti tugas mendidik masyarakat ke jalan yang benar. Manfaat yang diperolehi dalam gerak kerja ini adalah lebih besar dan tidak dapat dikira dan dinilai dengan menggunakan angka. Hasil dari gerak kerja ini akan

Badawīy (2005:161), *Mabāhith fī ‘Ulūm Al-Qur’ān* oleh Ṣubḥī Ṣāliḥ (1977:322), *Al-‘Ijāz al-Balāghīy Dirāsāt Tahlīliyat li Turāth Ahl al-‘Ilm* oleh Muḥammad Muḥammad Abū Mūsā (1997:107-109), *Fī Zīlāl Al-Qur’ān* oleh Sayyid Quṭb (2003:6:3491).

melahirkan manusia yang berpegang kepada kebenaran dan kesannya sangat besar tanpa had sempadan tempat, keturunan dan masa.

Menurutnya lagi, perihalan yang digambarkan dalam ayat ini ialah tentang perihalan sebiji benih yang asalnya berada dalam keadaan lemah, tetapi akhirnya mampu untuk mengeluarkan hasil yang berlipat kali ganda. Gambaran perbandingan yang terdapat dalam ayat ini merupakan satu formula terbaik yang sepatutnya diamalkan oleh setiap orang Islam. Orang Islam digalakkan berlumba-lumba untuk mencari kekayaan dunia dengan cara yang betul. Kekayaan yang diperolehi digunakan untuk membina kekuatan ekonomi umat Islam dan mengukuhkan tali persaudaraan sesama mereka dengan berpegang kepada akhidah yang satu.

Menurut Sayyid Quṭb (2003:1:306) ayat ini tidak dimulai dengan perintah wajib, sebaliknya ia merupakan satu galakan dengan tujuan untuk memberi peransang kepada orang Islam. Ia merupakan satu lakaran proses kehidupan yang bernyawa, bercambah mengeluarkan tunas, membesar dan berkembang sehingga mengeluarkan hasil tanaman. Ia bermula dari sebiji benih dan berkembang menjadi tujuh ratus biji benih yang lain. Pemandangan yang dipaparkan adalah tentang kehidupan yang berkembang, alam yang hidup, tanam-tanaman yang mengeluarkan hasil dan keadaan yang mengagumkan dalam dunia tumbuh-tumbuhan iaitu satu biji benih yang bercambah lalu mengeluarkan tujuh tangkai. Setiap tangkainya pula mengandungi 100 biji benih yang lain.

Menurutnya juga, situasi ini akan menggerakkan hati manusia untuk membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T. Perbuatan membelanjakan harta ini tidak sekadar perihalan memberi, tetapi ia juga merupakan perihalan menerima. Selain itu, ia juga tidak menunjukkan perihalan kekurangan, tetapi ia merupakan perihalan pertambahan. Allah S.W.T menambah dan melipat ganda pahala kepada siapa yang dikehendakiNya, melipat ganda rezeki hambaNya tanpa sebarang batasan dan melipat gandakan rahmat tanpa sebarang jangkauan bagi mereka yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqaraṭ ayat 265:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاةِ اللَّهِ وَتَشْيِئًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكْلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya: “Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang

timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan". (2: 265)

Gambaran yang terdapat dalam ayat ini ialah gambaran tentang golongan yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dengan hati yang ikhlas. Keikhlasan dalam melakukan sesuatu perkara lahir dari hati yang dipenuhi dengan cahaya keimanan. Keadaan ini digambarkan dengan keadaan sebuah kebun yang berada di tempat yang tinggi dengan tanah yang subur. Lokasi kebun tersebut yang berada ditempat tinggi adalah untuk menggambarkan satu lokasi yang strategik untuk aktiviti pertanian. Ini kerana lokasi yang tinggi akan menjadikan tanam-tanaman yang berada di situ mendapat cahaya matahari yang mencukupi di samping udara yang segar untuk tujuan tumbesaran. Selain itu, kawasan tinggi juga dapat mengelakkan daripada bencana banjir yang akan memusnahkan seluruh tanam-tanaman¹⁶².

Menurut Rasyīd Riḍā (1947:3:67), golongan yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dengan tujuan untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T dan dilakukan dengan hati yang ikhlas digambarkan sebagai sebuah kebun yang memiliki ciri-ciri yang baik dari aspek tanah, lokasi, aliran air dan udara, pancaran cahaya matahari dan jenis tumbuh-tumbuhan di atasnya. Jumlah harta yang dibelanjakan oleh golongan ini pula digambarkan sebagai air hujan yang membasahi kebun tersebut. Sekiranya kebun tersebut dibasahi dengan hujan lebat, maka ia akan mengeluarkan hasil tanaman yang berlipat kali ganda. Tetapi sekiranya kebun tersebut hanya dibasahi hujan yang gerimis, ia tetap akan mengeluarkan hasil walau pun sedikit.

Tambahnya lagi, keadaan ini berlaku kerana tanah dan tumbuh-tumbuhan yang berada di dalam kawasan kebun tersebut sedia ada dalam keadaan subur. Keadaan ini menggambarkan jumlah harta yang dibelanjakan di jalan Allah S.W.T. Sekiranya banyak harta yang dibelanjakan, maka ganjaran yang akan diperolehi adalah berlipat kali ganda. Tetapi sekiranya hanya sedikit sahaja harta yang dibelanjakan di jalan Allah S.W.T, ia tetap mendapat ganjaran pahala dari Allah S.W.T. Ini kerana perbuatan membelanjakan harta dilakukan dengan ikhlas dan mengharap keredhaan dari Allah S.W.T semata-mata.

¹⁶² Lihat Rasyīd Riḍā (1947:3:67).

3. Firman Allah S.W.T dalam surah Āl-Imrān ayat yang ke-117:

﴿مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكْتَهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ﴾

Maksudnya: “Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya diri mereka sendiri, lalu membinasakannya; dan (ingatlah), Allah tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri”. (3:117)

Menurut Ibn Qayyūm di dalam tafsirnya (1984:215), gambaran perbandingan yang terdapat dalam ayat ini ialah gambaran tentang mereka yang membelanjakan harta secara tidak ikhlas kerana Allah S.W.T, tetapi sebaliknya untuk mendapat pujian dan sanjungan daripada manusia. Selain itu, terdapat juga sebahagian manusia yang membelanjakan harta mereka untuk menghalang kerja-kerja dakwah di jalan Allah S.W.T. Gambaran yang ditunjukkan ialah seperti keadaan petani yang bercucuk tanam dan mengharapkan manfaat daripada hasil tanaman tersebut. Malangnya, semua tanaman tersebut rosak dan musnah dilanda tiupan angin sejuk yang sangat kuat sebelum hasilnya dituai.

Angin sejuk yang bertiup merupakan gambaran kepada kesesatan pegangan akhidah golongan kafir. Kesesatan ini akan memusnahkan semua amalan kebajikan yang mereka telah lakukan. Allah S.W.T tidak pernah menzalimi golongan ini dengan tidak menerima amalan kebaikan mereka, tetapi ia disebabkan oleh diri mereka sendiri yang tidak beriman kepada Allah S.W.T. Ini kerana setiap perbuatan baik yang dilakukan semasa berada di dunia tidak semestinya akan mendapat ganjaran pahala dari Allah S.W.T. Sesuatu itu tidak mempunyai nilai sekiranya tidak disertai dengan keimanan kepada Allah S.W.T¹⁶³. Keadaan ini ditegaskan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ā'isyah r.a¹⁶⁴:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ ابْنَ جُدْعَانَ كَانَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ يَصِلُ الرَّحِمَ، وَيُطْعِمُ الْمِسْكِينَ، فَهَلْ ذَلِكَ نَافِعُهُ؟ قَالَ: "لَا يَنْفَعُهُ، أَنَّهُ لَمْ يَقُلْ يَوْمًا: رَبِّ اغْفِرْ لِي خَطِيئَتِي يَوْمَ الدِّينِ".

Maksudnya: *Dari Ā'isyah berkata: Aku telah berkata kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Ibnu Jud'ān semasa jahiliyyah telah menyambung tali silaturrahim dan memberi makan kepada orang miskin. Apakah hal itu dapat*

¹⁶³ Lihat juga 'I'lām al-Mawqī'īn 'An Rabb al-'Ālamīn oleh Ibn Qayyūm al-Jawziyyat (2002:2:315).

¹⁶⁴ Ṣaḥīḥ al-Muslim hadith nombor: 432.

memberikan manfaat kepada dirinya?” Nabi menjawab: “Semua itu tidak akan memberikan manfaat kepadanya kerana sesungguhnya dia tidak pernah sehari pun berdoa: “Tuhanku, ampunilah kesalahanku pada hari Kiamat.”

Rasyīd Riḍā menukikan pendapat dari Muḥammad Abduh (1947:4:77) yang menyatakan bahawa gambaran perbandingan dalam ayat ini ialah gambaran keadaan manusia yang mempunyai akal fikiran yang waras dan akhlak yang mulia menjadi hina disebabkan oleh kesesatan dalam diri mereka. Setiap manusia secara fitrahnya dikurniakan dengan akal fikiran yang waras dan akhlak yang mulia. Ia digambarkan sebagai ladang pertanian yang mempunyai tanah yang subur dan dapat mengeluarkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan serta banyak memberi manfaat kepada manusia.

Jelasnya lagi, kewarasan akal dan akhlak yang mulia dalam diri seorang manusia telah dimusnahkan oleh perbuatan mereka yang membelanjakan harta untuk menghalang kerja-kerja dakwah di jalan Allah S.W.T. Keadaan ini digambarkan dengan angin sejuk yang memusnahkan seluruh tanaman para petani sehingga menyebabkannya menjadi kering dan akhirnya tidak dapat memberi sebarang manfaat kepada mereka. Perbuatan orang kafir yang sentiasa menghalang kerja-kerja dakwah di jalan Allah S.W.T akan menyebabkan semua amalan kebaikan yang mereka lakukan di dunia tidak akan dinilai oleh Allah S.W.T.

5.2 Gaya bahasa التشبيه (al-Tasybīh)¹⁶⁵

Ayat *al-Tasybīh* yang menggunakan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat pada empat topik utama. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Perihal keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat
- ii. Perbandingan antara orang beriman dan orang kafir.
- iii. Perbandingan gambaran bulan dengan tandan kurma kering.
- iv. Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah S.W.T di dunia dan di akhirat.

5.2.1 Perihal keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat

Terdapat tiga ayat dari surah yang berbeza yang menceritakan perihal keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-A'rāf ayat 57:

﴿ وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan, Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya). (7:57)

¹⁶⁵ Gaya bahasa التشبيه (al-Tasybīh) ialah perbandingan sesuatu dengan lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan peranti tertentu. Terdapat empat asas yang membentuk *al-Tasybīh* yang dikenali sebagai طَرْفًا التشبيه (asas *al-Tasybīh*). Asas tersebut ialah الْمُشَبَّه (al-Musyabbah) iaitu sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang lain yang mempunyai ciri persamaan, الْمُشَبَّه بِهِ (al-Musyabbah bih) iaitu sesuatu yang menjadi bahan penyerupaan *musyabbah*, وَجْهٌ شَبَّه (ciri setara) iaitu ciri-ciri yang sama pada *Musyabbah* dan *Musyabbah bih* dan أَدَاةُ التشبيه peranti *Tasybīh* iaitu peranti yang digunakan untuk membandingkan dua perkara. *Jawāhir al-Balaghāt* oleh Ahmad al-Hāsimīy (1999:250).

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hajj ayat ke-5:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَعَيْرٍ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ آجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنكُمْ مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُمْ مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مَن بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak tentang kebangkitan makhluk, maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan ada di antara kamu yang dimatikan dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai”. (22:5)

3. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fuṣṣilat ayat ke-39:

﴿وَمِن آيَاتِهِ أَنْتَ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ إِنَّ الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya, engkau melihat bumi kosong sepi (dalam keadaan kering dan tandus), maka apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya serta suburilah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati; sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (41:39)

Kesemua ayat ini merupakan peringatan Allah S.W.T kepada manusia tentang perihalan hari kebangkitan semula yang akan dihadapi oleh semua manusia sesudah kematian. Terdapat sebahagian dalam kalangan manusia yang ingkar dan tidak percaya terhadap hari kebangkitan semula ini. Mereka mendakwa adalah mustahil manusia akan dihidupkan semula setelah menalami kematian dan seluruh anggota badannya telah

hancur. Pada hakikatnya, urusan menghidupkan semula manusia yang telah mati merupakan satu proses yang mudah bagi Allah S.W.T. *Al-Tasybīh* yang digambarkan dalam ayat ini ialah tentang الْغُدْرَةُ (kekuasaan) Allah S.W.T yang menghidupkan semula manusia pada hari kiamat bersamaan dengan kekuasaan Allah S.W.T yang menghidupkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang tandus dan gersang.

Perihal ini digambarkan dengan perkataan مَيِّتٌ (mati), هَامِدَةٌ (kering) dan خَاشِعَةٌ (kosong sepi). Proses kebangkitan manusia pada hari akhirat merupakan unsur *al-Ma'nawīy* iaitu unsur yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Manakala proses pertumbuhan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang tandus dan gersang pula merupakan unsur الْحِسِّيُّ (*al-Ḥissīy*) iaitu unsur yang dapat dilihat oleh manusia. Dalam ayat ini, Allah S.W.T menggunakan unsur *al-Ḥissīy* untuk menerangkan unsur *al-Ma'nawīy*¹⁶⁶.

Kekuasaan Allah S.W.T yang mengembalikan semula ruh manusia kepada jasadnya sama seperti keadaan Allah S.W.T yang memerintahkan angin untuk membawa hujan lalu bergerak ke arah bumi yang tandus. Perkataan رَحْمَةٌ (rahmat) dalam ayat ini adalah dalam bentuk الْمَجَازُ الْمُرْسَلُ (*al-Majāz al-Mursal*)¹⁶⁷. Keadaan manusia yang dibangkitkan oleh Allah S.W.T dari kubur sama seperti keadaan Allah S.W.T menghidupkan tumbuh-tumbuhan dari bumi yang tandus¹⁶⁸. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 5.1: Analisis ayat *al-Tasybīh* 1

<i>Musyabbah</i>	الْحَالُ الْحَيَّاهُ بَعْدَ الْمَوْتِ فِي يَوْمِ الْقِيَامَةِ. Keadaan manusia yang dihidupkan semula oleh Allah S.W.T di akhirat kelak setelah mereka mengalami proses kematian yang merupakan unsur <i>al-Ma'nawīy</i> .
<i>Musyabbah bih</i>	الْحَالُ إِحْيَاءِ الْأَرْضِ الْجُرْدَاءِ الْمَيِّتَةِ. Keadaan tumbuh-tumbuhan yang dihidupkan oleh Allah S.W.T di tanah yang gersang setelah dibasahi hujan yang merupakan unsur <i>al-Ḥissīy</i> .
Peranti <i>al-Tasybīh</i>	Peranti <i>al-Tasybīh</i> dalam semua ayat digugurkan.

¹⁶⁶ Lihat Tafsīr al-Mannār oleh Muḥammad Rasyīd Riḍā (1947:8:473), *Jadwal fī 'I'rāb al-Qur'ān wa Ṣarfih wa Bayanih* oleh Maḥmūd al-Ṣāfiy (1995:7:435).

¹⁶⁷ *Al-Majāz al-Mursal* ialah penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana tiada hubungan persamaan serta tiada penanda yang menghalang daripada menggunakan pengertian asal. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab:1996:154.

¹⁶⁸ Lihat Tafsīr al-Qamāsy (2009:14:7044).

Ciri setara	Kekuasaan Allah S.W.T menghidupkan semula manusia setelah melalui kematian sama seperti keadaan kekuasaan Allah S.W.T menghidupkan tumbuh-tumbuhan di tanah yang gersang setelah dibasahi hujan.
Jenis	1. Surah al-A'rāf ayat ke-57: التَّشْبِيهُ التَّمثِيلِيُّ (al-Tasybīh al-Tamthīlīy) ¹⁶⁹ . 2. Surah al-Ḥajj ayat ke-6: التَّشْبِيهُ الضَّمِّيُّ (al-Tasybīh al-Ḍimnīy) ¹⁷⁰ 3. Surah al-Fuṣṣilat ayat 39: الإِسْتِعَارَةُ (al-'Isti'arāt) ¹⁷¹

5.2.2 Perbandingan antara orang beriman dan orang kafir

Perbandingan ini dapat dilihat dalam surah al-A'rāf ayat ke-58. Firman Allah S.W.T:

﴿وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ﴾
Maksudnya: “Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur”. (7:58)

Dalam ayat ke-58 surah al-A'rāf, Allah S.W.T menggambarkan tentang gambaran perbandingan orang beriman dan orang kafir. Orang mukmin yang sentiasa taat pada perintah Allah S.W.T dan mengamalkan isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang baik. Tanah tersebut akan mengeluarkan hasil tanaman yang subur dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang dapat memberi manfaat kepada manusia¹⁷².

Menurut Ibn 'Āsyūr (1984:8:183) perihalan Allah S.W.T menurunkan al-Qur'an Al-Karim sebagai rahmat kepada manusia digambarkan dengan perihalan Allah S.W.T menurunkan hujan sebagai rahmat kepada bumi. Manusia yang mengamalkan isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat kesannya dari sudut pegangan akhidah,

¹⁶⁹ التَّشْبِيهُ التَّمثِيلِيُّ (al-Tasybīh al-Tamthīlīy) ialah keadaan *musyabbah* dan *musyabbah bih* berada dalam bentuk ayat atau gambaran yang terperinci dan tidak dalam keadaan tunggal seperti ungkapan أَنْتَ كَالشَّمْسِ (Kamu seperti matahari). Lihat al-Burhān fī 'Ulūm Al-Qur'ān oleh Badr al-Dīn al-Zarkasīy (1984:3:416), Mu'jam al-Balāghat al-'Arabīyya oleh Badwīy Ṭabānaṭ (1988:251), 'Ulūm al-Balāghat oleh Muṣṭafā al-Marāghīy (1993:233), Jawāhir al-Balāghat oleh Aḥmad al-Hāsyimīy (1999:250).

¹⁷⁰ التَّشْبِيهُ الضَّمِّيُّ (al-Tasybīh al-Ḍimnīy) merujuk kepada ayat al-Tasybīh yang tidak disebut asas al-Tasybīh secara jelas, sebaliknya gambaran dan asas al-Tasybīh dapat dilihat dari aspek makna ayat tersebut. Ibid.

¹⁷¹ الإِسْتِعَارَةُ (al-'Isti'arāt) ialah apabila dua asas utama al-Tasybīh iaitu al-Musyabbah dan al-Musyabbah bih digugurkan dalam ayat al-Tasybīh. Ibid.

¹⁷² Lihat al-Tafsīr al-Wasīṭ li Al-Qur'ān Al-Karīm oleh Muḥammad Sayyīd al-Ṭanṭāwīy (1987:5:75).

gaya hidup, akhlak, dan sebagainya. Mereka akan mendapat ganjaran pahala dari Allah S.W.T. Golongan ini seumpama tumbuh-tumbuhan subur yang mengeluarkan pelbagai jenis bunga-bunga dan buah-buahan. Tumbuh-tumbuhan ini juga banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia dan alam sekeliling.

Jelasnya lagi, perihalan orang kafir yang menolak isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang tidak mempunyai tanah yang baik. Tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atas tanah tersebut adalah terbantut dan hanya mengeluarkan hasil yang sedikit. Golongan yang menolak Al-Qur'an Al-Karim ini dapat dilihat kesannya dari sudut pegangan akhidah yang terpesong, gaya hidup yang liar, akhlak yang liar dan sebagainya. Mereka ini akan mendapat balasan dosa dari Allah S.W.T. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 5.2: Analisis ayat *al-Tasybīh* 2

<i>Musyabbah</i>	Keadaan orang mukmin dan orang kafir (tidak disebut).
<i>Musyabbah bih</i>	<p>الْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ (negeri yang baik dan memiliki tanah yang subur akan mengeluarkan hasil tanaman yang baik dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan)</p> <p>الْبَلَدُ الْخَبِيثُ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًّا (negeri yang gersang dan memiliki tanah yang tandus akan menyebabkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atasnya akan terbantut dan mengeluarkan hasil tanaman yang sedikit).</p>
Peranti <i>al-Tasybīh</i>	Digugurkan dengan andaian كما
Ciri Setara	Manusia yang menjadikan Al-Qur'an Al-Karim sebagai pegangan hidup akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Mereka akan mendapat ganjaran pahala dan nikmat syurga dari Allah S.W.T. Manusia yang menolak Al-Qur'an Al-Karim akan mendapat kesesangsaraan hidup di dunia dan akhirat. Mereka akan mendapat balasan dosa dari Allah S.W.T dan akan diazab di akhirat kelak.
Jenis	<i>Al-Tasybīh al-Dimniyy</i> .

5.2.3 Perbandingan gambaran bulan dengan tandan kurma kering

Perbandingan ini dapat dilihat dalam surah Yasīn ayat ke-39. Firman Allah S.W.T:

﴿وَالْقَمَرَ قَدَرْنَا مَنْزِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ﴾

Maksudnya: “Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga (di akhir peredarannya kelihatan) kembalinya pula (ke peringkat awalnya) seperti tandan yang kering”. (36:39)

Ayat ini merupakan antara ayat yang menggambarkan tentang makhluk ciptaan Allah S.W.T. Ayat ini merupakan ayat *al-Tasybīh* di antara makhluk yang berada di alam cakerawala dengan makhluk yang berada di bumi. Terdapat persamaan di antara keduanya. Bulan dan tandan kurma masing-masing dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Selain itu, persamaan lain yang terdapat pada bulan dan tandan kurma ini ialah kedua-duanya akan melalui proses yang sama, iaitu dari keadaan yang kecil dan lemah kepada keadaan yang sempurna dan kuat dan seterusnya kembali kepada keadaan asal.

Menurut ‘Abd al-Rahman Muhammad al-Qamāsy (2009:33:3801), *al-Tasybīh* dalam ayat ini merupakan *al-Tasybīh al-Mursal*. Allah S.W.T menyamakan keadaan dan bentuk pergerakan bulan di atas galaksi dengan tandan kurma. Pergerakan bulan bermula dari bentuk anak bulan yang kecil bertukar menjadi bulan purnama dan akhirnya kembali kepada bentuk anak bulan. Manakala tandan kurma pula berubah dari keadaan yang tidak mempunyai putik dan buah kepada keadaan berbuah banyak dan lebat. Akhirnya, buah-buah ini akan gugur dan yang tinggal hanyalah tandan kurma yang kering tidak berbuah sama seperti keadaan asalnya.

Kedua-dua keadaan menunjukkan perubahan dari keadaan lemah kepada keadaan yang kuat dan akhirnya kembali kepada keadaan asal yang lemah. Selain itu, keadaan permukaan bulan yang kering tidak mengandungi air dan tidak mempunyai hidupan di atasnya menyamai keadaan tandan kurma yang telah kering dan tidak lagi mengeluarkan hasil kepada manusia.

Menurut al-Marāghīy (1946:23:158), pergerakan bulan berlaku selama 28 hari dalam dua peringkat untuk jangka masa selama sebulan. Setiap hari, pergerakan bulan ini akan berada pada *الْمَنَازِلُ* (kedudukannya) yang tertentu. Pergerakan pada peringkat pertama ialah dari bentuk anak bulan kepada bentuk bulan purnama. Apabila anak bulan telah

bertukar menjadi bentuk bulan purnama, ia kembali bertukar menjadi bentuk anak bulan pada peringkat yang kedua. Oleh sebab itu, bentuk anak bulan dapat dilihat pada awal bulan dan hujung bulan dalam kalendar hijriah, manakala bulan purnama pula dapat dilihat pada tanggal 15 haribulan dalam kalendar hijriah¹⁷³.

Menurut Abū al-Qāsim al-Baghdādīy (1991:228), ayat ini menunjukkan bahawa bangsa Arab sedia maklum tentang pergerakan bulan dalam tamadun mereka. Mereka berpandukan kepada pergerakan bulan dalam menentukan peredaran waktu berbanding bangsa lain yang berpandukan kepada pergerakan matahari. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 5.3: Analisis ayat *al-Tasybīh* 3

<i>Musyabbah</i>	القَمَرُ (bulan) yang beredar mengikut jangka masa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Bermula dalam keadaan bentuk anak bulan yang melengkung sehingga menjadi bulan purnama yang penuh dan seterusnya kembali semula kepada keadaan bentuk anak bulan.
<i>Musyabbah bih</i>	العُرْجُونِ الْقَدِيمِ (tandan kurma yang kering)). Bermula dalam keadaan tidak berbuah dan bertukar menjadi lebat berbuah. Akhirnya buah-buah ini akan masak ranum dan akan gugur atau dipetik oleh manusia. Seterusnya tandan ini kembali menjadi kering seperti keadaan asalnya dan ia merupakan unsur الْمَحْسُوسُ (yang dapat dilihat).
Peranti <i>al-Tasybīh</i>	Peranti (ك) bermaksud seperti.
Ciri Setara	Proses peredaran dan keadaan bentuk bulan bermula dari bentuk anak bulan, bertukar menjadi bulan purnama dan kembali kepada bentuk anak bulan. Proses ini menyamai keadaan yang berlaku pada tandan kurma. Tandan kurma pada peringkat awalnya adalah dalam keadaan kering tidak berbuah yang seterusnya membesar dan dipenuhi dengan buah. Peringkat terakhir, tandan ini akan kembali kepada bentuknya yang asal dalam keadaan tidak mempunyai buah setelah buah-buah ini

¹⁷³ Setiap الْمَنَارِلُ (kedudukan) bulan ini mempunyai nama-nama khas dalam ilmu astronomi. 14 kedudukan pertama dikenali sebagai الشَّامِيَّةِ (al-Syāmiyyat) iaitu الشَّرَطَانِ (al-Syaraṭān), البَطِيْنِ (al-Baṭīn), الثُّرَيَّا (al-Thurayyā), الدَّيْرَانُ (al-Dabarān), الهُقْعَةُ (al-Huq‘at), الهَنْعَةُ (al-Han‘at), الذَّرَاعُ (al-Zirā‘), النَّثْرَةُ (al-Nathrat), الطَّرْفُ (al-Ṭarf), الجَبْهَةُ (al-Jabhat), الزُّبْرَةُ (al-Zubrat), الصَّرْفَةُ (al-Ṣarfāt), العَوَاءُ (al-‘Awwā) dan السَّمَاءُ (al-Simāk). Manakala 14 yang kedua dikenali sebagai الِيَمَانِيَّةِ (al-Yamāniyyat) iaitu العَفْرُ (al-Ghafr), الزُّبَانِي (al-Zubanā), الإِكْلِيلُ (al-Iklīl), الْقَلْبُ (al-Qalb), الشَّوْلَةُ (al-Syawlat), النَّعَائِمُ (al-Na‘ā‘im), الْبَلْدَةُ (al-Baldat), سَعْدُ الدَّابِحِ (Sa‘d al-Zābih), سَعْدُ بُلْعِ (Sa‘d Bula‘), سَعْدُ السُّعُودِ (Sa‘d al-Su‘ūd), سَعْدُ الْأَخْبِيَّةِ (Sa‘d al-Akhbiyat), مُعَدَّمُ الدَّلْوِ (Muqaddam al-Dalw), مُؤَخَّرُ الدَّلْوِ (Mu‘akhkhar al-Dalw) dan الْحُوْتُ (al-Hūt). Lihat *Faṭḥ al-Qadīr* oleh al-Syaukānīy (1992:4:489), *al-‘Ijāz al-‘Ilmīy fi Al-Qur‘ān* oleh al-Sayyīd al-Jamīlīy (1992:22), *Tafsir al-Baiḍāwīy* (1998:3:133), *al-Qaul fi ‘Ilm al-Nujūm* oleh al-Khaṭīb al-Baghdādīy (1999:134), *al-‘Anwā’ wa Manāzil al-Qamar* oleh Sālim bin Basyīr (2005:10).

	gugur atau dipetik. Kedua-dua proses ini menunjukkan perubahan dari keadaan sesuatu yang lemah, bertukar menjadi kuat dan seterusnya akan kembali kepada bentuk asal iaitu dalam keadaan lemah. Perkara ini juga berlaku dalam kehidupan manusia. Perkembangan kehidupan manusia bermula dalam keadaan lemah iaitu semasa kecil dan akan membesar menjadi semakin kuat serta bertenaga. Akhirnya manusia akan kembali kepada keadaan yang lemah apabila mereka sudah tua.
Jenis	التشبيه المرسال (<i>al-Tasybīh al-Mursal</i>) ¹⁷⁴

5.2.4 Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah S.W.T di dunia dan akhirat

Terdapat empat ayat yang menggambarkan keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Qamar ayat 20:

﴿تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ﴾

Maksudnya: “Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pokok kurma yang terbongkar”. (54:20)

Menurut al-Zamakhshariy (1998:5:659), ayat ini menceritakan tentang gambaran azab yang diturunkan ke atas kaum ‘Ād kerana mengingkari risalah yang dibawa oleh Nabi Hud a.s. Azab yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada mereka adalah dalam bentuk ribut kencang yang sangat dahsyat. Ribut ini menyebabkan kaum ‘Ād yang ingkar kepada perintah Allah dibinasakan dalam keadaan kepala mereka tercabut dari badan, jasad mereka bergelimpangan di atas tanah dan tubuh badan mereka menjadi hancur. Gambaran keadaan tubuh badan mereka yang telah binasa disebabkan oleh ribut ini digambarkan dengan keadaan batang kurma yang tumbang dan tercabut keluar dari dalam tanah.

Menurut beliau lagi, keadaan kepala kaum ‘Ād yang tercabut dari badannya digambarkan seperti keadaan batang kurma yang tercabut dari akarnya. Pemilihan pokok kurma dalam ayat ini adalah kerana untuk menunjukkan keadaan ribut yang

¹⁷⁴ التشبيه المرسال (*al-Tasybīh al-Mursal*) ialah ayat *al-Tasybīh* yang disebut tiga asas *al-Tasybīh* secara jelas iaitu al-Musyabbah, al-Musyabbah bih dan peranti *al-Tasybih*. Lihat *al-Burhān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān* oleh al-Zarkasīy (1984:3:416), *Mu‘jam al-Balāghat al-‘Arabīyyat* oleh Badwīy Ṭabānaṭ (1988:251), *‘Ulūm al-Balāghat* oleh al-Marāghīy (1993:233), *Jawāhir al-Balāghat* oleh Aḥmad al-Hāsimīy (1999:250).

sangat dahsyat. Ini kerana akar pokok kurma adalah lebih kuat dan kukuh berbanding pokok-pokok lain.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hāqat̄ ayat ke-7:

﴿سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا صَرْعَى كَأَنَّهُمْ أُعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ﴾

Maksudnya: “Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pokok kurma yang (tumbang dan) lompong”. (69:6-7)

Menurut al-Ālūsīy (t.t:27:78), dalam ayat ini Allah S.W.T memperincikan bentuk ribut yang melanda kaum ‘Ād dan jangka masa bencana yang berterusan selama tujuh malam lapan hari. Ayat dari surah al-Hāqat̄ menggambarkan tentang keadaan batang kurma yang lompong adalah kesinambungan kepada ayat dari surah al-Qamar yang menggambarkan tentang pengkisahan kaum ‘Ād yang menerima azab dari Allah S.W.T. *Al-Tasybīh* pada ayat *أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ* menggambarkan tentang kaum ‘Ād yang masih lagi bernyawa ketika mula dilanda ribut yang kuat. Kekuatan ribut ini mengakibatkan kepala mereka tercabut dari badan. Keadaan ini digambarkan seperti batang kurma yang tercabut dari akarnya.

Manakala *al-Tasybīh* pada ayat *أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ* menggambarkan keadaan jasad kaum ‘Ād selepas dilanda ribut yang kuat. Ribut ini berlarutan sehingga tempoh masa selama tujuh malam lapan hari dan mengakibatkan semua mayat kaum ‘Ād musnah dan kering sedikit demi sedikit sehingga tiada sesuatu pun yang tertinggal. Ribut kuat ini juga mengakibatkan seluruh isi perut kaum ‘Ād terkeluar dari badan. Keadaan ini digambarkan dengan batang kurma yang lompong. Allah S.W.T menghancurkan keseluruhan mereka dengan azab yang amat dahsyat¹⁷⁵. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

¹⁷⁵ Lihat *al-Sirāj al-Munīr* oleh al-Syarbīnīy (1868:4:137,369), *Rūḥ al-Ma‘ānīy* oleh al-Ālūsīy (t.t:27:78).

Jadual 5.4: Analisis ayat *al-Tasybīh* 4

<i>Musyabbah</i>	Kata ganti diri هُمْ yang merujuk kepada kaum 'Ād yang merupakan unsur <i>Ḥissīy</i> (unsur yang dapat dilihat).
<i>Musyabbah bih</i>	أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْفَعِرٍ (batang kurma yang tercabut keluar dari dalam tanah). أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ (batang kurma yang telah lompong). Kedua-duanya merupakan <i>Ḥissīy</i> (unsur yang dapat dilihat).
Peranti <i>al-Tasybīh</i>	Peranti (ك) bermaksud seperti.
Ciri Setara	Gambaran azab yang melanda kaum 'Ād sehingga menyebabkan jasad mereka bergelimpangan di merata tempat sama seperti keadaan batang kurma yang tercabut keluar dari dalam tanah selepas dilanda ribut yang sangat dahsyat. Selain itu, jasad mereka juga digambarkan dengan keadaan seluruh isi perut terkeluar dari badan yang mengakibatkannya menjadi lompong sama seperti keadaan batang kurma yang lompong. Jasad mereka yang mati bergelimpangan akan musnah dan hancur secara perlahan-lahan sehingga tiada suatu pun yang tertinggal.
Jenis	Jenis <i>al-Tasybīh al-Mursal</i> dan <i>al-Mujmal</i> ¹⁷⁶ .

Dalam kedua-dua ayat ini terdapat dwi-bentuk penggunaan perkataan أَعْجَازُ نَخْلٍ. Bentuk pertama ialah apabila ia disandarkan dengan perkataan مُنْفَعِرٍ dalam bentuk الْمَذَكَّرُ (maskulin) seperti yang terdapat dalam surah al-Qamar. Manakala bentuk yang kedua pula ialah dalam bentuk الْمَوْنَّثُ (feminin) apabila ia disandarkan dengan perkataan خَاوِيَةٍ seperti yang terdapat dalam surah al-Hāqat. Keselarasan konsep dwi-bentuk penggunaan perkataan ini dapat dilihat melalui tiga aspek, iaitu:

i. Aspek اسْمُ الْجِنْسِ الْجَمْعِيِّ (*isim al-Jins al-Jam'īy*)¹⁷⁷

Menurut 'Abd al-Ghaniy al-Daqar (1986:133), perkataan نَخْلٌ adalah dalam kategori *Isim al-Jins al-Jam'īy* yang boleh berada dalam keadaan maskulin bagi menunjukkan kepada maksud jenis sesuatu atau feminin bagi menunjukkan kepada maksud *al-Jama'*, seperti contoh perkataan التَّمْرُ، البَقْرَةُ، الشَّجَرُ، dan التَّفَاحُ. Penduduk *Hijāz* menggunakannya dalam bentuk feminin dan meletakkan huruf *al-Tā'* feminin seperti التَّمْرَةُ، البَقْرَةُ، الشَّجَرَةُ، dan

¹⁷⁶ التَّشْبِيهُ الْمَجْمَلُ (*al-Tasybīh al-Mujmal*) apabila ciri setara digugurkan dalam ayat *al-Tasybīh*. Lihat *al-Burhān fī 'Ulūm Al-Qur'ān* oleh Badr al-Dīn al-Zarkasīy (1984:3:416), *Mu'jam al-Balāghat al-'Arabīyyat* oleh Badwīy Ṭabānaṭ (1988:251), *'Ulūm al-Balāghat* oleh Muṣṭafā al-Marāghīy (1993:233), *Jawāhir al-Balāghat* oleh Aḥmad al-Hāsimīy (1999:250).

¹⁷⁷ *Isim al-Jins al-Jam'īy* ialah kata nama yang menunjukkan sesuatu jenis dalam keadaan *jama'*. Lihat *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab* (1996:21).

التَّمَاحَةُ untuk membezakan antara bentuk kata tunggal dan *Jama'*. Penduduk Najad pula menggunakannya dalam bentuk maskulin¹⁷⁸.

Menurut al-Ṭabarīy (2001:2:99), masyarakat Arab menggunakan *Isim al-Jins al-Jama'iy* dalam dua keadaan, iaitu maskulin dan feminin. Manakala menurut pandangan al-Mubarrad, penggunaan jenis perkataan ini dari aspek lafaz akan merujuk kepada bentuk maskulin dan penggunaan dari aspek makna akan merujuk kepada bentuk feminin¹⁷⁹. Oleh itu, penggunaan bentuk ayat نَحْلٌ مُنْفَعِرٌ dalam keadaan maskulin adalah merujuk kepada lafaz perkataan tersebut, manakala penggunaan bentuk ayat نَحْلٌ خَاوِيَةٌ dalam keadaan feminin pula adalah merujuk kepada makna perkataan tersebut. Contoh ayat lain yang bersamaan dengan konsep ini ialah firman Allah S.W.T dalam surah Hūd (11:68): ﴿وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ﴾ dalam bentuk maskulin dan ayat ke-94: ﴿وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ﴾ dalam bentuk feminin.

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzīy dalam tafsirnya (1981:29:47), perkataan نَحْلٌ adalah kata tunggal dari segi lafaz seperti perkataan البَعْلُ وَالنَّمْلُ dan *Jama'* dari segi maknanya. Perkataan ini juga boleh diungkapkan dalam bentuk نَحْلٌ مُنْفَعِرٌ وَمُنْفَعِرَةٌ وَنَحْلٌ خَاوٍ dan نَحْلٌ خَاوِيَةٌ. Ungkapan نَحْلٌ خَاوٍ atau مُنْفَعِرٌ adalah merujuk kepada lafaz perkataan dan tidak pada makna perkataan, tetapi ungkapan نَحْلٌ خَاوِيَةٌ أو نَحْلٌ مُنْفَعِرٌ merujuk kepada makna perkataan tidak kepada lafaz perkataan.

ii. Aspek الْمَوْئِثُ الْمَجَازِيُّ (feminin *Majāzīy*)¹⁸⁰

Fleksi perkataan مُنْفَعِرٌ dan خَاوِيَةٌ dalam ayat نَحْلٌ مُنْفَعِرٌ dan نَحْلٌ خَاوِيَةٌ ialah pada pola ayat الْكَعْتُ (sifat)¹⁸¹. Perkataan مُنْفَعِرٌ digunakan dalam bentuk maskulin dan

¹⁷⁸ Lihat *Syarḥ al-Mufaṣṣal* oleh Ibn Ya'īsy (t.t:1:25), *Darraṭ al-Ghawaṣ fī Awhām al-Khawāṣ* oleh Abū Muḥammad bin al-Qasīm al-Ḥarīrīy (1299:56), *Syarḥ al-Raḍīy li Kāfiyyat* oleh al-Raḍīy (1993:1:3).

¹⁷⁹ Lihat *Syarḥ al-Mufaṣṣal* oleh Ibn Ya'īsy (t.t:1:26), *al-Tabyan fī al-'Irāb Al-Qur'an* oleh al-'Ukbarīy (t.t:2:1194), *Darraṭ al-Ghawaṣ fī Awhām al-Khawāṣ* oleh Abū Muḥammad bin al-Qasīm al-Ḥarīrīy (1299:140), *al-Burhān fī 'Ulūm Al-Qur'an* oleh al-Zarkāsīy (1984:3:368), *al-Muzakkar wa al-Muannath* oleh al-Mubarrad (1970:107), *Ma'ānīy Al-Qur'an* oleh Abū Ishāq al-Zajāj (1998:5:214).

¹⁸⁰ الْمَوْئِثُ الْمَجَازِيُّ (feminin *Majāzīy*) ialah perkataan yang maknanya menunjukkan sesuatu yang dianggap betina. Lihat *Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab* (1996:168).

perkataan *خَاوِيَةٌ* pula digunakan bentuk maskulin. Perkataan *مُنْفَعِرٌ* merupakan sifat kepada perkataan *نَخْلٍ* (kurma) dalam bentuk feminin *Majāzīy* bermaksud tercabut dari akarnya. Penggunaan perkataan *خَاوِيَةٌ* dalam bentuk feminin pula merujuk kepada perkataan batang kurma *أَعْجَازُ نَخْلٍ* yang merupakan sebahagian daripada elemen pokok kurma.

Perkataan *أَعْجَازُ نَخْلٍ* ini adalah dalam bentuk feminin dari sudut makna. Ini kerana perkataan *نَخْلٍ* adalah kata *jama'* dari perkataan *نَخْلَةٌ* dan perkataan *أَعْجَازُ* adalah kata *jama'* dari perkataan *عَجْرٌ*. Mengikut kaedah nahu Arab, perkataan *jama'* selain manusia adalah bersifat feminin. Oleh itu penggunaan perkataan *خَاوِيَةٌ* dalam bentuk feminin adalah merujuk kepada perkataan *أَعْجَازُ نَخْلٍ* dari sudut maknanya. Setiap perkataan *جَمَادٌ* (*jamād*) yang mengambil peranan feminin hakiki¹⁸² maka ia dikira sebagai *feminin Majāzīy* dan setiap perkataan *jamād* yang mengambil peranan maskulin hakiki, maka ia kira sebagai *al-Muzakkar al-Majāzīy*.

Jadual 5.5: Fleksi perkataan *مُنْفَعِرٌ* dan *خَاوِيَةٌ* dalam Al-Qur'an Al-Karim

Perkataan	Sandaran
<i>مُنْفَعِرٌ</i>	<i>نَخْلٍ</i>
Fleksi perkataan <i>مُنْفَعِرٌ</i> ialah sebagai sifat maskulin yang merujuk kepada perkataan <i>النَّخْلُ</i> dalam bentuk feminin <i>Majāzīy</i> yang merupakan <i>Isim al-Jins al-Jam'iy</i> .	
<i>خَاوِيَةٌ</i>	<i>أَعْجَازُ</i>
Fleksi perkataan <i>خَاوِيَةٌ</i> sebagai sifat feminin yang merujuk kepada makna <i>أَعْجَازُ</i> (batang) yang merupakan <i>جَمْعُ تَكْسِيرٍ لِلْقَلَّةِ</i> (<i>Jama' al-Taksīr al-Qillat</i>)	

¹⁸¹ Menurut kaedah Nahu Arab, fleksi untuk *النَّعْتُ* (sifat) ialah mengikut fleksi perkataan sebelumnya yang merangkumi aspek tanda fleksi, *al-Ta'rīf* dan *al-Tankīr*, maskulin dan feminin, kata tunggal, kata duaan dan kata *jama'*. Lihat *al-Uṣūl fī al-Naḥw* oleh Ibn al-Sarāj (1996:2:23), *Syarh al-Raḍīy lī al-Kāfiyat Ibn Ḥājib* oleh Ḥassan bin Muḥammad Ibrāhīm (1993:1:961) dan *Ham'u al-Hawāmi' fī al-Syarh Jam'u al-Jawāmi'* oleh al-Suyūṭīy (1998:3:117).

¹⁸² *المؤنث الحقيقي* ialah perkataan yang maknanya menunjukkan perempuan atau betina. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:168).

iii. Aspek *عُلُومُ الْقُرْآنِ* ('ulum Al-Qur'an Al-Karim)

رُؤُوسٌ آلَاي (*Ru'ūs al-Āa*) iaitu menghentikan bacaan Al-Qur'an Al-Karim dihujung ayat setelah selesai bacaannya seperti bab *الْقَافِيَةُ* (*al-Qāfiat*) dalam syair dan bab *الْقَرِينَةُ* (*al-Qarīmat*) dalam *al-Saja'*. Bab ini termasuk dalam bab *al-Qira'at al-Sab'at*. *Ru'ūs al-Āa* dalam surah al-Qamar ialah perkataan yang berakhir dengan huruf *الرَاءِ* sama ada dalam bentuk *التَّخْفِيفُ* atau *التَّشْدِيدُ*. Jumlahnya sebanyak 55 perkataan. Penggunaan perkataan *مُنْفَعِرٌ* dalam bentuk maskulin adalah kerana untuk kesesuaian *Ru'ūs al-Āa* dengan perkataan *الْقَمَرُ*. Manakala *Ru'ūs al-Āa* dalam surah al-Hāqat pula ialah perkataan yang berakhir dengan huruf *Tā'* feminin. Jumlahnya sebanyak 23 perkataan.

Penggunaan perkataan *خَاوِيَةٌ* dalam bentuk feminin adalah untuk kesesuaian *Ru'ūs al-Āa* dengan perkataan *الْحَاقَةُ*¹⁸³. Selain itu, nama surah *الْقَمَرُ* dalam bentuk maskulin dan nama surah *الْحَاقَةُ* dalam bentuk feminin. Oleh itu perkataan *مُنْفَعِرٌ* digunakan dalam bentuk maskulin untuk menyesuaikan dengan nama surah *الْقَمَرُ*, dan perkataan *خَاوِيَةٌ* dalam bentuk feminin untuk menyesuaikan dengan nama surah *الْحَاقَةُ*.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Qamar ayat ke-31:

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami hantarkan kepada mereka satu pekikan (yang dahsyat), lalu menjadilah mereka (hancur) seperti ranting-ranting daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak*”. (54:31)

Menurut al-Qurtubīy (2006:11:156), ayat ini menceritakan tentang azab yang menimpa kaum Thamūd kerana mengingkari dakwah yang dibawa oleh Nabi Soleh a.s yang juga dicatat dalam surah Hūd ayat ke-67. Mereka adalah kaum yang degil dan melampaui batas. Apabila diingatkan tentang azab dari Allah S.W.T, mereka mengancam untuk berperang dengan Allah S.W.T. Ancaman yang dilakukan ialah dengan mengumpulkan

¹⁸³ Lihat *al-Bayān fī 'Adīb Āa Al-Qur'an* oleh Abū 'Amrū al-Dānīy (1994:236 & 253), *al-Qaul al-Wājiz fī Fawāṣil al-Kitāb al-'Azīz* oleh al-Mukhalilāṭīy (1992:303 & 324).

bala tentera yang terdiri daripada 12 ribu kabilah dan setiap kabilah membawa seramai 12 ribu bala tentera yang dilengkapi dengan peralatan perang seperti pedang, panah dan kuda perang. Sambil berjalan dan mengawal di setiap jalan, kaum Thamūd melaungkan cabaran kepada Allah S.W.T untuk berperang.

Akhirnya, Allah S.W.T menurunkan azab bahang matahari kepada kaum Thamūd. Matahari turun sehingga berada hampir di atas kepala mereka. Akibat daripada bahang panas matahari ini, kaum Thamūd yang merasakan diri mereka kuat dan gagah perkasa merasa sangat haus sehingga mengakibatkan lidah mereka terjelir keluar ke paras dada. Semua binatang yang berada bersama-sama mereka mati akibat bahang panas matahari ini, tetapi Allah S.W.T sengaja menangguhkan ajal kaum Thamūd agar mereka dapat merasai azab dari Allah S.W.T. Pada hari ke-4 setelah matahari terbenam, terdengar pekikan suara yang sangat kuat secara tiba-tiba dari langit sehingga mengakibatkan jantung kaum Thamūd terputus dan akhirnya mereka mati dengan penuh kehinaan¹⁸⁴.

Perkataan *الهِشِيمِ* dalam ayat ini merujuk kepada maksud semua bahagian tumbuh-tumbuhan yang sudah kering seperti daun, ranting, dahan dan batang yang telah patah dan pecah hancur untuk dijadikan kandang binatang. Manakala perkataan *المُحْتَظِرِ* pula merujuk kepada maksud orang yang membina kandang binatang¹⁸⁵. Terdapat dua bentuk bacaan untuk perkataan *المُحْتَظِرِ* dalam ayat ini. Bacaan pertama dengan membariskan *al-Fatḥat* (◌) pada huruf *أَطَاءَ* dan ia membawa maksud kerja membina kandang. Manakala bacaan kedua pula dengan membariskan *al-Kasrat* (◌) pada huruf *أَطَاءَ* dan ia membawa maksud orang yang membina kandang binatang¹⁸⁶.

Allah S.W.T menggambarkan keadaan jasad kaum Thamūd yang telah binasa dengan tumbuh-tumbuhan yang telah mati, kering dan hancur. Tumbuh-tumbuhan ini

¹⁸⁴ Terdapat tiga pendapat berkaitan dengan suara pekikan tersebut. Pendapat pertama merujuk suara pekikan tersebut sebagai suara malaikat Jibrail a.s atau suara malaikat Izrail a.s. Manakala pendapat kedua merujuk suara tersebut sebagai bunyi petir dari langit. Pendapat ketiga pula merujuk suara tersebut sebagai bunyi yang keluar dari bumi. Lihat Tafsir al-Baghawīy (1992:7:431), Tafsir al-Ṭabarīy (2001:22:144).

¹⁸⁵ Lihat *al-Ṣihhaḥ* Tāj oleh al-Jawhariy (1965:2:665,1059) pada tajuk *حَظَرَ* dan *هَمَسَ*.

¹⁸⁶ Lihat *Mukhtaṣar fī Syawāz al-Qur'ān Min Kitāb al-Badī'* oleh Ibn Khāluwiyah (t.t:149), Tafsir Ibn 'Aṭīaṭ (t.t:8:151), *al-Muḥtasib* oleh Ibn Jinnīy (1986:2:299).

digunakan dalam membuat gambaran tentang keadaan jasad kaum Thamūd kerana tumbuh-tumbuhan yang telah kering dan pecah hancur lebih mudah untuk musnah dengan cara yang cepat berbanding tumbuh-tumbuhan yang masih basah. Ia merupakan satu kehinaan Allah S.W.T kepada kaum Thamud. Analisis *al-Tasybih* seperti berikut:

Jadual 5.6: Analisis Analisis ayat *al-Tasybih* 5

<i>Musyabbah</i>	Kata ganti diri هُمْ yang merujuk kepada kaum Thamūd yang merupakan unsur yang dapat dilihat.
<i>Musyabbah bih</i>	Ranting-ranting dan daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak هَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ dan merupakan unsur yang dapat dilihat.
Peranti <i>al-Tasybih</i>	Peranti (ك) bermaksud seperti.
Ciri Setara	Keadaan jasad kaum Thamūd yang hancur dimusnahkan oleh Allah S.W.T sama keadaannya dengan ranting dan daun yang telah kering, hancur dan pecah yang digunakan sebagai kandang binatang.
Jenis	<i>Al-Tasybih al-Mursal</i> dan <i>al-Mujmal</i> .

4. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fīl ayat ke-5:

﴿فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ﴾

Maksudnya: “Lalu Dia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan (oleh ulat)”. (105:5)

Ayat ini menceritakan tentang gambaran keadaan tentera Abrahah selepas menerima azab dari Allah S.W.T yang hancur berkecai seperti keadaan daun-daun kayu dimakan oleh ulat. Menurut Fakh al-Dīn al-Rāzīy (1999:32:101), terdapat lima pandangan tafsiran perkataan الْعَصْفُ dan empat pandangan tafsiran perkataan الْمَأْكُولُ dalam ayat ini¹⁸⁷. Tafsiran perkataan (الْعَصْفُ) ialah:

i. Daun kayu yang gugur di atas tanah setelah kerja-kerja menuai tanah dilakukan. Daun-daun ini kemudiannya berterbangan ditiup angin dan akhirnya dimakan oleh binatang.

¹⁸⁷ Lihat Tafsir Ibn ‘Atīaṭ (t.t:8:690), *Ma‘ānī Al-Qur’an* oleh al-Farrā’ (1955:3:292), Tafsir Ibn ‘Āsyūr (1984:30:551).

ii. Jerami, berdasarkan surah al-Rahmān ayat ke-12:

﴿وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ﴾

Maksudnya: “Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi tumbuh-tumbuhan yang harum”.(55:12)

iii. Daun dan jerami gandum.

iv. Kulit dan karung buah-buahan yang dimakan bahagian isi dalamnya.

v. Bahagian yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan sebelum keluarnya tangkai.

Manakala tafsiran perkataan *المأكُول* pula ialah:

i. Dimakan oleh binatang-binatang ternak dan kemudiannya bertukar menjadi najis. Najis ini kemudiannya menjadi kering dan berselerakan.

ii. Daun kayu yang dimakan oleh ulat.

iii. Buah-buahan kebun yang dimakan isinya dan ditinggalkan kulitnya.

iv. Semua jenis dan bahagian tumbuh-tumbuhan yang dimakan oleh binatang ternak.

Dalam ayat ini, Allah S.W.T menggambarkan keadaan tentera Abrahah yang sombong dan berhasrat untuk meruntuhkan Ka'bah dengan gambaran daun-daun kayu yang hancur musnah dimakan oleh binatang. Penggunaan elemen tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini adalah bertujuan untuk menggambarkan tentang keadaan manusia yang sangat lemah dan tidak mampu untuk melakukan sesuatu di samping untuk menggambarkan tentang kehinaan yang ditimpakan ke atas mereka.

Menurut al-Qurtubīy (2006:22:493), penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini bertujuan untuk menjaga status kesucian isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim daripada menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat negatif untuk menggambarkan sesuatu yang sangat hina. Dalam ayat ini Allah S.W.T menggambarkan keadaan tentera Abrahah yang hina seperti daun-daun kayu yang hancur dan menjadi makanan binatang. Akhirnya daun-daun kayu ini akan dikeluarkan sebagai najis binatang yang merupakan sesuatu yang hina, jijik dan busuk. Analisis *al-Tasybīh* dalam ayat ini seperti berikut:

Jadual 5.7: Analisis Analisis ayat *al-Tasybīh* 6

<i>Musyabbah</i>	Kata ganti diri <i>هُم</i> yang merujuk kepada tentera Abrahah yang merupakan unsur yang dapat dilihat.
<i>Musyabbah bih</i>	Daun kayu yang hancur dimakan oleh ulat atau binatang dan merupakan unsur yang dapat dilihat.
Peranti <i>al-Tasybīh</i>	Peranti (ك) bermaksud seperti.
Ciri Setara	Keadaan jasad tentera Abrahah yang hancur sama seperti keadaan daun-daun kayu yang dimakan oleh binatang atau pun ulat. Daun-daun kayu yang dimakan oleh binatang akan menjadi hancur, manakala daun-daun kayu yang dimakan oleh ulat pula akan menjadi berlubang-lubang. Akhirnya daun-daun kayu ini akan keluar sebagai najis yang busuk. Keadaan ini sama dengan keadaan jasad tentera Abrahah. Tubuh mereka menjadi hancur dan berlubang kerana terkena batu yang dibawa oleh burung ababil. Akhirnya mereka mati dan mayat mereka menjadi busuk.
Jenis	Jenis <i>al-Tasybīh al-Mursal</i> dan <i>al-Mujmal</i> .

5.3 Gaya bahasa *الاستفهام* (pertanyaan)¹⁸⁸

Terdapat sebanyak lapan ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk gaya bahasa pertanyaan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat ini dibincangkan dalam empat topik yang berbeza. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Gambaran tentang kekuasaan Allah S.W.T.
- ii. Galakan untuk mencari kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia.
- iii. Galakan amalan bersedekah.
- iv. Gambaran tumbuh-tumbuhan yang sentiasa sujud kepada Allah S.W.T.

5.3.1 Gambaran tentang kekuasaan Allah S.W.T

Perihal ini direkodkan dalam lima ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Syua'rā' ayat 7:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الْأَرْضِ كَمْ أَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ﴾

Maksudnya: “Masihkah mereka tidak memperhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya dari pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?” (25:7)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:19:100), ayat ini merupakan ayat tauhid dan ayat iman. Allah S.W.T mengajak manusia supaya melihat dan berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T yang telah mencipta pelbagai jenis makhluk di langit dan bumi. Ayat ini menyebut tentang kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan yang menunjukkan tentang konsep ketauhidan kepada Allah S.W.T yang mencipta sesuatu. Kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini merupakan bukti yang dapat dilihat dengan mata kasar tentang kekuasaan Allah S.W.T. Selain itu, ayat ini juga menunjukkan konsep keimanan pada hari akhirat yang mana semua manusia akan dibangkitkan semula oleh Allah S.W.T selepas kematian. Keadaan ini bersamaan dengan perihalan Allah S.W.T yang menghidupkan semula tumbuh-tumbuhan dari biji benih yang telah kering dan mati. Terdapat dua konsep keimanan dalam ayat ini, iaitu beriman kepada ketauhidan Allah S.W.T dan beriman kepada hari akhirat.

¹⁸⁸ Gaya bahasa *الاستفهام* (pertanyaan) ialah gaya bahasa yang meminta keterangan sesuatu yang belum diketahui dengan menggunakan peranti tertentu. Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:13).

Peranti *al-Hamzat al-Istihām* dalam ayat ini bermaksud *الإنكاري والتوبيخي* (*al-Inkārī wa al-Tawbīkhī*)¹⁸⁹ iaitu satu bentuk kecaman kepada golongan kafir¹⁹⁰. Maksud *al-Inkārī* dalam ayat ini ialah keengganan golongan kafir untuk melihat kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan yang merupakan bukti kekuasaan Allah S.W.T. Manakala maksud *al-Tawbīkhī* dalam ayat ini ialah kecaman kepada golongan kafir yang tidak memanfaatkan anugerah mata yang dikurniakan kepada mereka untuk melihat kekuasaan Allah S.W.T.

Menurut ‘Abd Karīm Maḥmūd Yusūf (2000:96), perkataan *أَوْمَ يَرَوُا* dalam ayat ini seolah-olah bermaksud *أَفْعَلُوا مَا فَعَلُوا مِنَ الْأَعْرَاضِ، وَلَمْ يَرَوْا* iaitu: “*Lakukanlah sepertimana yang telah dilakukan oleh orang-orang yang ingkar, dan mereka tidak memerhatikan...*”. Allah S.W.T mengingatkan golongan kafir sekiranya mereka melihat dengan mata dan memahami dengan hati, pasti mereka menyedari tiada sesuatu pun yang layak disembah melainkan Allah S.W.T. Allah S.W.T adalah bersifat Maha Berkuasa terhadap sesuatu.

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:19:100) lagi, perkataan *كَمْ* dalam ayat ini ialah kata *الْخَبَرِيَّةُ* (nama *al-Khabariyyat*) yang merujuk kepada perkataan *أَنْبَتْنَا* bermaksud banyak. Ayat ini seolah-olah berbunyi: *كَمْ أَنْبَتْنَا فِيهَا كَثِيرًا مِنْ كُلِّ نَوْعٍ كَرِيمٍ* iaitu: “*kami tumbuhkan padanya dengan banyak dari pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat*”.

Tafsiran perkataan *رُوحٌ* dalam ayat ini menurut al-Farrā’ (1955:2:272) merujuk kepada maksud warna. Menurut al-Nuḥḥās (2008:675) pula, perkataan *كَرِيمٌ* bermaksud kemuliaan dan kebaikan. Makna asal perkataan *كَرِيمٌ* ialah *الْكَرْمُ وَالْفَضْلُ* iaitu sesuatu yang mulia dan mempunyai kelebihan. Ungkapan ayat *نَخْلَةٌ كَرِيمَةٌ* membawa maksud pokok kurma yang banyak buah, manakala ayat *رَجُلٌ كَرِيمٌ* pula bermaksud lelaki yang berhati mulia dan seorang yang pemaaf.

¹⁸⁹ *Al-Istihām al-Inkārī wa al-Tawbīkhī* bermaksud gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menyangkal dan mengejek sesuatu. Lihat Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996:14,16).

¹⁹⁰ Lihat *Irāb Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh al-Darwish (1980:7:24), *Faḥ al-Qadīr* oleh al-Syaukānīy (1992:4:126), *Irsyād al-‘Aqal al-Salīm ‘Ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* oleh Abū Sa‘ūd (t.t:4:202).

Menurut al-Marāghīy (1946:19:47), perkataan **أَنْبَتُ** dalam ayat ini digunakan bersama-sama dengan perkataan **كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ** dalam bentuk pertanyaan yang bermaksud kami tumbuhkan semua jenis tumbuh-tumbuhan seperti pohon-pohon kayu, buah-buahan, sayur-sayuran dan semua jenis rumput. Kesemua jenis tumbuh-tumbuhan ini memberi manfaat kepada makhluk lain seperti manusia dan binatang. Dalam ayat ini, Allah S.W.T meminta supaya manusia melihat dan berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T, tetapi manusia tetap berdegil dan ini mengakibatkan diri mereka menjadi hina.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Naml ayat 60:

﴿أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا أَئِلَٰهَةٌ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ﴾

Maksud ayat: “*Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid)*”. (27:60)

Menurut al-Zamakhshariy (1998:4:464), terdapat dua bentuk bacaan untuk perkataan **أَمْ** dalam ayat ini. Bentuk bacaan pertama dari al-’A’asy **الْأَعْمَشُ** dengan cara bacaan *al-Takhfif* perkataan **أَمْ**. Peranti tanya dalam ayat ini ialah huruf *al-Hamzat* yang bermaksud *التَّقْرِيرِي* (*al-Taqrīrīy*)¹⁹¹ dan *التَّبْكِيَّت* (*al-Tabkīt*)¹⁹². Maksud *al-Taqrīrīy* dalam ayat ini merujuk kepada pengakuan tentang kekuasaan Allah S.W.T yang mencipta langit, bumi, air hujan dan tumbuh-tumbuhan. Maksud *al-Tabkīt* pula ialah cercaan Allah S.W.T kepada golongan kafir yang telah menyekutukan Allah S.W.T dengan tuhan-tuhan yang lain sedangkan mereka telah melihat bukti kekuasaan Allah S.W.T.

¹⁹¹ *Al-Istihfām al-Taqrīrīy* bermaksud keadaan yang berkehendakkan kepada pendengar untuk mengakui atau mengiktiraf sesuatu kenyataan dalam berbentuk ayat pertanyaan. Sebenarnya, pendengar telah sedia maklum tentang jawapan tersebut sama ada dalam bentuk penafian atau penerimaan. Lihat *al-Burhān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān* oleh al-Zarkasīy (1984:2:316), *al-Uṣūl fī al-Naḥw* oleh Ibn al-Sarāj (1996:2:399).

¹⁹² *Al-Istihfām al-Tabkīt* bermaksud pengakuan dan cercaan. Lihat *Takhrījāt al-Naḥwiyyat wa al-Ṣarfīyyat li al-Qira’at al-’A’msy* oleh Samīr Aḥmad ‘Abd al-Jawwād (1991:194), *Fatḥ al-Qadīr* oleh al-Syaukānīy (1992:4:193), *Irsyād al-’Aqal al-Salīm ‘Ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* oleh Abū Sa’ūd (t.t:4:271).

Perkataan مَنْ dalam ayat ini tidak merujuk kepada peranti tanya, tetapi ia merupakan مَنْ اللَّهُ خَيْرٌ أَمْآ yang telah digugurkan الْخَيْرُ iaitu merujuk kepada ayat sebelumnya اللَّهُ خَيْرٌ أَمْآ يَشْرِكُونَ yang bermaksud: “Manakah yang lebih baik? Allah (yang demikian kekuasaanNya) atau benda-benda yang mereka jadikan sekutu-sekutu bagiNya”. Selepas perkataan أَمْ terdapat peranti *al-Hamzat* tanya yang telah digugurkan. Bentuk asal ayat ini seolah-olah:

(بَلْ أَمِنَ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً... أَمْ مَا تَشْرِكُونَ)

Maksudnya: “Bahkan adakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan...atau apa yang kamu syirikkan”.

Potongan ayat بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعِدُونَ merupakan jawapan kepada persoalan tersebut dalam bentuk cercaan Allah S.W.T kepada golongan kafir ini.

Manakala bentuk bacaan kedua adalah dari الْحُفْصُ (*al-Hafṣ*) dengan bacaan *al-Tasydīd* perkataan أَمِنَ. Perkataan أَمْ merupakan peranti tanya *al-Munqati‘at* yang bermaksud الإِضْرَابُ dan بَلْ¹⁹³. Manakala peranti مَنْ pula merupakan peranti tanya *al-Taqrīrīy* yang bermaksud pengakuan tentang tiada tuhan selain Allah S.W.T. Ayat ini seolah-olah bermaksud: *إِلَهُتُّكُمْ خَيْرٌ أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَقَدَّرَ عَلَى خَلْقِهِنَّ* iaitu: “adakah tuhan kamu itu yang lebih baik atau (tuhan) yang menciptakan langit dan bumi dan berkemampuan menciptakannya?”. Maksud ayat ini juga seolah-olah seperti: *أَعْبَادُهُ مَا تَعْبُدُونَ أَوْ تَأْتَانَكُمْ خَيْرٌ* iaitu: “Adakah menyembah apa yang kamu sembah daripada tuhan-tuhan berhala kamu lebih baik atau menyembah (tuhan) yang telah menciptakan langit dan bumi¹⁹⁴”.

¹⁹³ Maksud الإِضْرَابُ ialah suatu penafian terhadap kenyataan pertama disebabkan oleh tersilap atau terlupa. Selain itu ia juga digunakan untuk menunjukkan keadaan cercaan atau cemuhan kepada pendengar. Ayat pertama dihentikan dengan tujuan untuk memulakan ayat yang baru atau menukar idea percakapan kepada sesuatu yang baru. Lihat *Balaghat al-Iḍrāb fī Al-Qur‘ān* oleh Ṣabāḥ Muḥammad Ḥussīn (2012:3).

¹⁹⁴ Lihat *Faṭḥ al-Qadīr* oleh al-Syaukānīy (1992:4:193), *Irāb Al-Qur‘ān Al-Karīm* oleh Maḥyī al-Dīn al-Darwīsh (1980:7:238), al-Kasasyāf oleh al-Zamakhsyariy (1998:4:464).

Selain itu, terdapat perkataan lain yang menunjukkan gaya bahasa tanya dalam ayat ini. Perkataan tersebut ialah *أَتَلَّه* yang bermaksud: “Adakah sebarang tuhan yang lain”. Menurut al-Zamakhshariy (1998:4:425), peranti *al-Hamzat* tanya dalam ayat ini bermaksud *al-Inkārīy* iaitu satu bentuk penolakan kepada perlakuan syirik yang dilakukan oleh manusia dan dakwah untuk mentauhidkan Allah S.W.T.

Tambahnya lagi, ayat ini merupakan dalil yang menunjukkan tentang kekuasaan Allah S.W.T sebagai pencipta yang bersifat mutlak. Gambaran yang ditunjukkan dalam ayat ini adalah tentang kekuasaan Allah S.W.T yang telah mencipta langit dan bumi. Seterusnya Allah S.W.T menurunkan hujan dari langit yang menumbuhkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan di bumi. Manusia tidak mempunyai sebarang kekuasaan untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan ini. Perkara ini dibuktikan dalam situasi biji benih yang disemai dan dijaga rapi oleh. Ada ketikanya biji benih ini tidak mengeluarkan tunas sedangkan penjagaan yang rapi telah dilakukan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sesungguhnya manusia tidak mempunyai sebarang kemampuan untuk menghidupkan sesuatu melainkan dengan kuasa Allah S.W.T.

Selain itu, Allah S.W.T juga mencerca manusia yang menjadikan tuhan-tuhan berhala sebagai sembah, sedangkan berhala-berhala ini tidak mampu untuk memberi sebarang kebaikan atau kemudharatan kepada manusia. Allah S.W.T mencerca golongan ini dalam bentuk ayat pertanyaan yang mengajak manusia untuk berfikir secara logik tentang dalil-dalil yang telah dikemukakan.

3. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Sajadat ayat ke-27:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يُبْصِرُونَ﴾

Maksudnya: “Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)? (32:27)

Ayat ini merupakan kesinambungan kepada ayat yang sebelumnya yang menceritakan tentang pengkisahan umat-umat terdahulu yang telah dibinasakan oleh Allah S.W.T. Dalam ayat ini, Allah S.W.T telah menunjukkan kekuasaanNya dengan mengarahkan

hujan agar turun dari langit. Dari air hujan ini, Allah S.W.T telah menghidupkan tumbuh-tumbuhan di atas tanah yang kering dan gersang. Tumbuh-tumbuhan ini seterusnya akan menjadi makanan kepada binatang dan juga manusia. Setelah bukti-bukti kekuasaan Allah S.W.T dinyatakan dengan jelas dalam ayat ini, manusia diajak untuk berfikir dan bersyukur tentang kekuasaan Allah S.W.T. Golongan yang ingkar terhadap perintah Allah S.W.T akan mendapat kecaman daripadaNya¹⁹⁵.

Penggunaan gaya bahasa pertanyaan diulang sebanyak dua kali dalam ayat ini. Gaya bahasa pertanyaan yang pertama terdapat pada perkataan *أَوَمْ*. Peranti *al-Hamzat* tanya dalam ayat ini bermaksud *al-Inkārīy*, manakala huruf *al-Waw* pula merupakan peranti *al-‘Aṭaf* untuk ayat sebelumnya dengan andaian ayat *وَمَ يَعْمَلُوا وَمَ يَهْدِيهِمْ* yang bermaksud: *“Mereka leka dan tidak mendapat penjelasan”*¹⁹⁶.

Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian manusia agar melihat dan berfikir tentang bukti kekuasaan Allah S.W.T. Ayat ini seolah-olah bermaksud *... لَهْ لَهْ نَسُوْقُ السَّحَابِ الَّخَامِلِ لَهُ* iaitu: *“Mereka itu buta dan tidak melihat bahawasanya Kami mengarahkan awan untuk membawakan air kepadanya...”*¹⁹⁷.

Menurut al-Qurtubīy (2006:17:44), maksud perkataan *الرَّوْيَةَ* dalam ayat ini ialah melihat dan seterusnya berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T. Gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bermaksud: *أَوَمْ يَعْلَمُوا كَمَا لَفُدْرَتَنَا بِسَوْقِنَا الْمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ الْيَابِسَةِ الَّتِي لَا نَبَاتَ فِيهَا لِنُحْيِيهَا* iaitu: *“Adakah kamu tidak ketahui kesempurnaan kekuasaan Kami dengan mengalirkan air ke atas tanah yang kering yang tidak mempunyai sebarang tumbuhan di atasnya, (lalu dengan air itu) dapat menghidupkan tumbuh-tumbuhan di atasnya”*.

Abū Ishāq al-Zajāj menukikan (1998:4:211) bahawa makna asal perkataan *الجُرُؤُ* dari sudut bahasa ialah tanah yang tiada sebarang tumbuhan di atasnya. Bacaannya pula

¹⁹⁵ Lihat *Uslūb al-Istifhām fī Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh ‘Abd Karīm Maḥmūd Yusūf (2000:112).

¹⁹⁶ Ibid.

¹⁹⁷ Lihat *Irāb Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh Maḥyy al-Dīn al-Darwīsh (1980:7:589), *Uslūb al-Istifhām fī Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh ‘Abd Karīm Maḥmūd Yusūf (2000:112), Tafsīr Ibn ‘Āsyūr (1984:21:241), Tafsīr Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:7:82).

boleh dilakukan dengan tiga cara iaitu الجُرْزِ, الجُرْزِ dan الجُرْزِ. Walau pun begitu, terdapat tafsiran lain untuk perkataan الجُرْزِ. Ibn ‘Abbās merujuk perkataan الجُرْزِ sebagai أَبْيَرٌ iaitu nama sebuah tempat di Yaman. Ia adalah tempat yang tidak mendapat hujan dan sumber utama bekalan air di kawasan ini ialah daripada air sungai¹⁹⁸. Manakala menurut ‘Ikramat perkataan الجُرْزِ merujuk kepada nama tempat yang bernama الطِّمَامَى. Menurut al-Diḥāk pula, perkataan الجُرْزِ bermaksud tanah yang kering dan gersang. Manakala menurut al-Aṣma‘īy perkataan الجُرْزِ bermaksud tanah yang tiada sebarang hidupan¹⁹⁹.

Menurut Ibn ‘Aṭīat (t.t:7:83), pemilihan penggunaan perkataan الكَرْزُ yang bermaksud tanam-tanaman dalam ayat ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa tumbuh-tumbuhan adalah antara makhluk yang dimuliakan oleh Allah S.W.T. Selain menjadi makanan manusia dan binatang, tumbuh-tumbuhan ini juga digunakan untuk menggambarkan kekuasaan Allah S.W.T dan mengajak manusia untuk mentauhidkan Allah S.W.T.

Gaya bahasa pertanyaan kedua dalam ayat ini dapat dilihat pada penutup ayat tersebut. Perkataan أَفَلَا يُبْصِرُونَ merupakan pengulangan gaya bahasa pertanyaan yang bermaksud *al-Inkāriy*. Selain untuk tujuan menarik perhatian manusia agar melihat dan berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T, gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini juga merupakan satu kecaman *al-Tawbīkhīy* kepada manusia. Allah S.W.T menempelak manusia yang tidak mahu melihat dengan mata dan berfikir dengan akal fikiran yang dikurniakan tentang bukti-bukti kuwajudan, kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T.

4. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fāṭir ayat ke-27:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيضٌ وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta*

¹⁹⁸ Lihat *Mu‘jam al-Buldān* oleh Yāqūt al-Ḥamawīy (1977:1:86).

¹⁹⁹ Lihat Tafsir al-Qurṭubīy (2006:17:44).

lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam”. (35:27)

Ayat ini adalah ayat ²⁰⁰المُسْتَأْنَفَةُ bagi ayat sebelumnya yang menceritakan tentang azab Allah S.W.T terhadap umat terdahulu kerana keingkaran mereka terhadap utusan Allah S.W.T. Peranti tanya dalam ayat ini ialah huruf *al-Hamzat* yang bermaksud *al-Taqrīrīy*. Dalam ayat ini, Allah S.W.T menggunakan gaya bahasa pertanyaan supaya manusia mengambil perhatian dan mengakui tentang kekuasaan Allah S.W.T yang mampu untuk menurunkan hujan dari langit²⁰¹.

Melalui air hujan ini, Allah S.W.T telah menghidupkan tumbuh-tumbuhan yang mengeluarkan kepelbagaian variasi buah-buahan dari sudut rasa, warna dan corak. Bukti yang sangat jelas telah berada di hadapan mata manusia, tetapi manusia masih lagi berdegil untuk tunduk dan sujud kepada Allah S.W.T. Selain itu, penggunaan gaya bahasa pertanyaan *al-Taqrīrīy* dalam ayat ini juga adalah sebagai peringatan kepada manusia agar mereka tidak ingkar kepada Allah S.W.T yang akan menyebabkan mereka mendapat balasan azab seperti umat-umat yang terdahulu²⁰².

Menurut al-Qurṭubīy (2006:17:372), maksud perkataan ²⁰⁰الرُّؤْيَةَ dalam ayat ini ialah melihat dan seterusnya berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T. Bentuk ayat ini seolah-olah ²⁰¹أَمْ... إِيَّاكَ أَنْزَلَ اللَّهُ... iaitu: “*Tidakkah kamu mengetahui dengan ilmu kamu dan melihat dengan dengan hati kamu, sesungguhnya Allah menurunkan...*”

5. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Wāqī‘at̄ ayat ke-63 sehingga ayat 65:

﴿أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَحْرُثُونَ (٦٣) أَأَنْتُمْ تَزْرَعُونَهُ أَمْ نَحْنُ الزَّارِعُونَ (٦٤) لَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَاهُ حُطَامًا فَظَلُّتُمْ تَفَكَّهُونَ﴾
Maksudnya: “*Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam? (63) Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang*

²⁰⁰ Ayat ²⁰⁰المُسْتَأْنَفَةُ juga dikenali sebagai ayat ²⁰⁰الإِبْدَائِيَّةُ, iaitu permulaan ayat yang baru selepas beberapa ayat lain sebelumnya. Idea yang dibincangkan dalam ayat ini adalah idea baru yang tidak berkaitan dengan ayat yang sebelumnya. Walau pun begitu, terdapat pertalian antara ayat ini dengan ayat yang sebelumnya. Lihat *Mughniy al-Labīb ‘An Kutub al-‘Arabīy* oleh Ibn Hisyām al-Anṣārīy (1991:2:446) *‘Irāb al-Jumal wa Asybah al-Jumal* oleh Fakhr al-Dīn Qabāwaṭ (1989:38).

²⁰¹ Lihat *Irāb Al-Qur‘ān Al-Karīm* oleh Maḥyīy al-Dīn al-Darwīsh (1980:8:149), Tafir Ibn ‘Āsyūr (1984:22:300), Tafsir Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:7:215).

²⁰² Ibid.

menumbuhkannya? (64) Kalau Kami kehendaki, sudah tentu Kami akan jadikan tanaman itu kering hancur (sebelum ia berbuah), maka dengan itu tinggallah kamu dalam keadaan hairan dan menyesal, (65)”. (56:63-65)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984:27:320), ayat ini merupakan bukti tentang kekuasaan Allah S.W.T yang ditunjukkan melalui tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam proses kehidupan manusia. Manusia bergantung penuh kepada sumber dari tumbuh-tumbuhan untuk meneruskan kehidupan mereka. Disebabkan pentingnya tumbuh-tumbuhan ini kepada manusia, maka Allah S.W.T telah menggunakannya sebagai satu gambaran dalam menunjukkan kekuasaanNya.

Tambahnya lagi, mesej yang hendak disampaikan dalam ayat ini ialah berkaitan dengan sifat manusia yang lemah. Manusia tidak mampu untuk melakukan sesuatu tanpa keizinan dari Allah S.W.T. Buktinya ialah perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia sendiri pun mereka tidak mampu untuk mengawalinya, sebaliknya tetap berada dalam kawalan Allah S.W.T. Walau pun begitu, masih lagi terdapat golongan manusia yang angkuh serta ingkar kepada Allah S.W.T.

Menurut Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:1:360) pula, ayat ini juga menggambarkan tentang dua bentuk perlakuan yang membuktikan kekuasaan Allah S.W.T. Keadaan pertama adalah perlakuan manusia yang menyemai biji benih tumbuh-tumbuhan. Setelah proses penyemaian benih selesai, manusia berharap akan dapat melihat hasil yang bakal di perolehi olehnya. Perlakuan yang kedua pula ialah keadaan kekuasaan Allah S.W.T yang menumbuhkan biji benih yang disemai oleh manusia.

Walaupun manusia terlibat dalam proses penyemaian biji benih, tetapi kuasa mutlak untuk menumbuhkan benih tersebut terletak pada Allah S.W.T. Ada antara benih yang disemai oleh manusia akan mengeluarkan anak pokok, dan ada ketikanya pula benih yang disemai tidak menumbuhkan apa-apa. Sekiranya manusia mempunyai kuasa dalam proses ini, pasti semua benih yang disemai akan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan.

Peranti *al-Hamzat* tanya dalam ayat ini bermaksud *al-Inkāriyy* dan *al-Taqrī’iyy* iaitu satu penafian dan peringatan. Maksud *al-Inkāriyy* dalam ayat ini ialah keadaan manusia yang tidak berkuasa untuk menumbuhkan biji benih yang mereka telah semai. Walaupun pelbagai cara digunakan untuk menumbuhkan biji benih ini, tetapi manusia tetap tidak

berkemampuan untuk menumbuhkannya. Manakala maksud *al-Taqrī'īy* dalam ayat ini ialah, Allah S.W.T mengingatkan manusia agar berfikir tentang kekuasaan Allah S.W.T. Sekiranya Allah S.W.T tidak mengizinkan biji benih yang disemai oleh manusia itu tumbuh, maka ia tetap tidak akan tumbuh dan sekiranya Allah S.W.T berkehendakkan untuk memusnahkan tanam-tanaman yang diusahakan oleh manusia, pastinya ia akan berlaku. Allah S.W.T mempunyai kuasa mutlak terhadap semua ciptaannya. Maksud ayat ini seolah-olah seperti berikut²⁰³:

(أَخْبِرُونِي عَمَّا تَحْرُثُونَ مِنْ أَرْضِكُمْ فَتَطْرَحُونَ فِيهَا الْبَدْرَ أَنْتُمْ تَنْبِتُونَهُ وَتُحْصِلُونَهُ زَرْعًا فَيَكُونُ فِيهِ السُّبُلُ وَالْحَبُّ، أَمْ نَحْنُ نَفْعَلُ ذَلِكَ؟)

Maksudnya: *“Beritahukan kepada Kami tentang siapakah yang bercucuk tanam di atas kebun kamu lalu mengeluarkan anak pokok dari biji benih tersebut, adakah kamu yang menumbuhkannya dan mengeluarkan hasil-hasil tanamannya lalu menjadikannya mempunyai tangkal (jerami) dan mempunyai buah, atau pun Kami yang melakukannya?”*

Menurut al-Qurtubīy (2006:20:209), dalam ayat ini juga terdapat bermaksud *al-Taqrī'īy* apabila manusia diminta untuk melihat dan mengakui tentang kekuasaan Allah S.W.T yang menciptakan sesuatu. Berdasarkan akal logik manusia, setelah mereka berusaha untuk melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh, pasti akan menghasilkan sesuatu yang lumayan. Tetapi ada ketikanya usaha yang telah dilakukan tidak memberikan hasil yang diharapkan dan keadaan ini menyebabkan manusia menjadi hairan seperti yang digambarkan di akhir ayat ini.

Tambahnya lagi, perkara ini berlaku kerana manusia hanya bergantung penuh pada usaha yang telah dilakukan olehnya sehingga melupakan kekuasaan Allah S.W.T. Akhirnya manusia akan menyesal dan kecewa kerana tidak bergantung harap pada Allah S.W.T yang merupakan Tuhan Pencipta sekalian alam. Keadaan ini berbeza dengan kehidupan orang Islam. Setelah mereka berusaha melakukan sesuatu, mereka akan berdoa dan bergantung kepada Allah S.W.T. Seterusnya redha terhadap ketetapan dari Allah S.W.T. Sekiranya mereka diberi nikmat, maka mereka akan bersyukur, dan sebaliknya sekiranya mereka diuji, mereka akan sabar terhadap ujian tersebut.

²⁰³ Lihat *Irāb Al-Qur'ān Al-Karīm* oleh Maḥyy al-Dīn al-Darwīsh (1980:9:422), Tafsir al-Ṭabarīy (2001:22:348), Tafsir al-Muntakhab oleh Lajnaṭ min 'Ulamā' al-Azhar (1995:2:446).

5.3.2 Galakan untuk mencari kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia

Perihal ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam surat al-Zumar ayat yang ke-21:

﴿أَمْ تَرَى أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعٌ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian Dia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang pelbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Dia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna*”. (39:21)

Kebanyakan ahli tafsir merujuk tafsiran ayat ini sebagai gambaran tentang jangka hayat kehidupan manusia di atas muka bumi yang berlaku dengan pantas. Manusia diingatkan supaya tidak terpesona dan tertipu dengan kehidupan dunia, sebaliknya mereka perlu memperbanyakkan amalan untuk bekalan di akhirat kelak. Ayat ini menunjukkan perbandingan proses kejadian manusia sama seperti proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang bermula dari sesuatu yang tiada kepada yang ada²⁰⁴.

Manusia diciptakan dari air mani dan seterusnya membentuk segumpal darah sebelum menjadi janin dalam rahim wanita. Setelah manusia dilahirkan, ia akan menempuh alam kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. Peringkat terakhir dalam kitaran ini ialah semua manusia akan mati. Proses ini juga berlaku pada tumbuh-tumbuhan. Allah S.W.T menghidupkan tumbuh-tumbuhan daripada air hujan yang turun dari langit. Seterusnya tumbuh-tumbuhan ini akan berkembang biak sehingga sampai kepada satu peringkat dan bertukar warna menjadi kuning, kering dan akhirnya mati²⁰⁵. Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:23:377), perbandingan yang terdapat dalam ayat ini seperti berikut:

²⁰⁴ Lihat Tafsir al-Marāghīy (1946:23:158), Tafsir al-Qurṭubīy (2006:18:263), *Irsyād al-‘Aqal al-Salīm ‘Ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* oleh Abū Sa‘ūd (t.t:4:607), Tafsir al-Ālūsīy (t.t:23:255), Tafsir Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1999:26:264).

²⁰⁵ Ibid.

Jadual 5.8: Perbandingan dalam ayat 21 surah al-Zumar

Ayat	Maksud	Perbandingan
إِنزَالُ الْمَاءِ مِنَ السَّمَاءِ	Allah S.W.T menurunkan air dari langit.	Allah S.W.T menurunkan Al-Qur'an Al-Karim sebagai panduan kepada manusia.
اسلَكَ مَاءً يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ	DialirkanNya air tersebut dan menjadi mata air-mata air di bumi.	Menyampaikan isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim kepada manusia.
إِخْرَاجَ الزَّرْعِ الْمُخْتَلِفِ الْأَلْوَانِ	Menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman dari pelbagai jenis dan warna.	Kepelbagai jenis manusia, ada di antara mereka yang melakukan kebaikan dan ada di antara mereka yang melakukan keburukan.
هِيَاجِ الزَّرْعِ	Tanaman-tanaman itu segar.	Bilangan orang Islam yang melebihi orang kafir.
ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا	Menjadikannya hancur bersepai.	Peringatan tentang semua manusia akan mengalami saat kematian. Ada di antara mereka akan mendapat balasan yang baik, dan ada pula yang akan mendapat balasan yang buruk.

Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada Nabi S.A.W agar dapat memberi perhatian terhadap kandungan ayat ini. Peranti *al-Hamzat* dalam ayat ini merupakan peranti pertanyaan yang bermaksud *al-Istihfām al-Taqrīrī*²⁰⁶. Menurut al-Ṭabarīy (2001:20:187), maksud ayat ini seolah-olah seperti berikut: *أَلَمْ تَرَ-يَا مُحَمَّدًا-أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً* yang bermaksud: *tidakkah engkau melihat wahai Muhammad! Sesungguhnya Allah S.W.T menurunkan air (hujan) dari langit.*

Perkataan pelbagai jenis warna *مُخْتَلِفًا الْأَلْوَانُ* pula merujuk kepada jenis bijirin seperti gandum, barli, bijan dan beras²⁰⁷. Manakala perkataan *يَهِيحُ* merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan yang sudah matang dan kering²⁰⁸. Menurut Ibn 'Āsyūr (t.t:23:377), peringatan dalam ayat ini tidak hanya dikhususkan untuk Nabi S.A.W, sebaliknya ia ditujukan kepada semua manusia agar mereka dapat melihat dengan mata dan berfikir dengan akal tentang kebesaran kekuasaan Allah S.W.T. Perkataan *الرُّؤْيَةُ* yang terdapat dalam ayat ini pula merujuk kepada melihat dengan menggunakan mata yang hakiki.

²⁰⁶ Lihat *Irāb Al-Qur'ān Al-Karīm* al-Darwīsh (1980:8:406), *Uslūb al-Istihfām fī Al-Qur'ān Al-Karīm 'Araduhu wa 'I'rabuhu* oleh 'Abd Karīm Maḥmūd Yusūf (2000:124).

²⁰⁷ Lihat *Ma'ānī Al-Qur'ān* oleh al-Nuḥās (1998:6:165).

²⁰⁸ Lihat *Majāz Al-Qur'ān* oleh Abū 'Ubaidat (t.t:2:193).

5.3.3 Galakan bersedekah

Perihal ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-266:

﴿أَيُّودُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَأَصَابَهُ الْكِبَرُ وَلَهُ ذُرِّيَةٌ ضِعْفَاءُ فُأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: “Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok kurma dan anggur, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, dia juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang dia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan yang membawa api sehingga terbakarlah ia? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar). (2:266).

Ayat ini merupakan galakan dari Allah S.W.T kepada manusia agar ikhlas dalam bersedekah hanya kerana Allah S.W.T. Menurut al-Ṭabariy (2001:5:541), dalam ayat ini Allah S.W.T menggambarkan keadaan golongan munafik yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dalam keadaan riak dan tidak ikhlas. Ibn ‘Abbās meriwayatkan di hari akhirat kelak semua amalan golongan munafik semasa di dunia akan musnah terbakar disebabkan oleh sifat riak mereka. Gambaran ini sama seperti keadaan seorang petani yang mempunyai kebun buah-buahan dan anak pinak. Ia bangga dengannya. Malangnya, petani tersebut tidak sempat menuai hasil kebunnya pada saat dia sangat memerlukannya. Kebunnya habis terbakar, manakala anak pinaknya pula tidak dapat membantunya²⁰⁹.

Ibn ‘Atiaṭ (2001:1:360) dalam tafsirnya menambah, bahawa golongan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah orang munafik dan orang kafir. Semua amalan mereka tidak diterima oleh Allah S.W.T di akhirat kelak. Tafsiran ayat ini menurut al-Bukhārīy berdasarkan hadith yang diriwayatkan dari ‘Ubaid bin ‘Umair²¹⁰:

قَالَ عُبَيْدُ بْنُ عُمَيْرٍ: قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَوْمًا لِأَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فِيمَنْ تَرَوْنَ هَذِهِ الْآيَةَ نَزَلَتْ ﴿أَيُّودُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ﴾ قَالُوا: اللَّهُ أَعْلَمُ، فَعَضِبَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ: قُولُوا نَعْلَمُ أَوْ لَا نَعْلَمُ، فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: فِي نَفْسِي مِنْهَا شَيْءٌ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: ابْنُ أَخِي قُلْ وَلَا تُحَقِّقْ نَفْسَكَ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: ضَرَبْتَ مَثَلًا لِعَمَلٍ، فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَيُّ عَمَلٍ؟ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: لِعَمَلِ الْمُرَائِي. قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: لِرَجُلٍ غَنِيٍّ يَعْمَلُ بِطَاعَةِ اللَّهِ بَعَثَ اللَّهُ لَهُ الشَّيْطَانَ فَعَمِلَ بِالْمَعَاصِي حَتَّى أَعْرَقَ أَعْمَالَهُ.

²⁰⁹ Lihat *Ma ‘ānīy Al-Qur’ān* oleh al-Nuḥḥās (1988:1:295).

²¹⁰ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy, hadith nombor: 1355 dalam kitab al-Tafsir bab... أَيُّودُ أَحَدُكُمْ... (8:201-201).

Maksudnya: “Dari ‘Ubaid bin ‘Umair berkata, Umar r.a telah berkata pada suatu hari kepada sahabat-sahabat Nabi S.A.W: Siapakah yang tahu tentang apakah ayat ini diturunkan: ﴿أَيُّوُدُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ﴾. Para sahabat menjawab sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. Maka Umar r.a telah marah dan berkata: Katakanlah kamu mengetahuinya atau pun tidak? Maka berkatalah Ibn ‘Abbās r.a, sesungguhnya pada diriku ada sesuatu tentangnya wahai Amir al-Mukminin. Maka berkatalah Umar r.a: Anak abangku, katakanlah dan janganlah engkau mengecilkan dirimu. Ibn ‘Abbās berkata: Ia adalah perumpaan dalam amalan. Maka berkata Umar: Amalan yang mana satu. Maka berkata Ibn ‘Abbās r.a: Ia adalah amalan orang yang riak. Berkata Umar: Seseorang yang banyak melakukan amalan ketaatan kepada Allah, Allah S.W.T mengutuskan syaitan sehingga dia melakukan maksiat yang menyebabkan tenggelam semua amalannya (yang baik)²¹¹.

Allah S.W.T menggambarkan perbandingan orang mukmin yang ikhlas membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dalam ayat yang sebelumnya. Firman Allah S.W.T:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاةِ اللَّهِ وَتَثْبِيْتًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya: “Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.” (2:265).

Gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini dapat dilihat pada perkataan أَيُّوُدُ. Peranti Peranti *al-Hamzat* dalam ayat ini bermaksud *الإنكارِيّ* و*التحذِيرِيّ* (*al-Inkāriy* dan *al-Taḥzīr*)²¹².

Penggunaan peranti *al-Hamzat* dalam gaya bahasa ini bertujuan untuk memberi perhatian bahawa semua amalan kebaikan yang dilakukan akan hilang ganjaran di sisi Allah S.W.T sekiranya dilakukan dengan hati yang tidak ikhlas dan bertujuan untuk bermegah-megah.

²¹¹ Al-Ṭabarīy (2001:5:541) meriwayatkan dari Ibn Abū Mulaikat, ketika Umar r.a membaca ayat ini dan berkata: Inilah perbandingan manusia yang melakukan amalan kebaikan tetapi riak, apabila sampai di akhir usianya, ia melakukan maksiat dan dosa.

²¹² Lihat Tafsir al-Zamakhshariy (1998:1:497), Tafsir Fakhr al-Dīn al-Rāziy (1999:7:63), Tafsir Ibn Ḥayyān al-Andalūsiy (1993:2:326), Tafsir al-Baidāwiy (1998:1:225), Tafsir Abū Sa‘ūd (t.t:1:403).

Bentuk pertanyaan dalam ayat ini bukan merupakan pertanyaan kepada sesuatu yang tidak diketahui, tetapi ia merupakan satu bentuk pertanyaan bermaksud *al-Inkārīy* kepada manusia agar sentiasa berfikir dengan tidak melakukan perkara-perkara yang akan membatalkan semua amalan kebaikan. Manakala *al-Taḥzīr* pula bermaksud amaran kepada manusia supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati²¹³.

Menurut al-Baiḍāwīy (1998:1:225), terdapat juga maksud النفي (*al-Nafīy*) dalam ayat ini.

Maksud *al-Nafīy* dalam ayat ini adalah berkaitan dengan keinginan manusia untuk memiliki kebun kurma dan kebun anggur. Setiap manusia berkeinginan untuk memiliki kebun-kebun tersebut. Tetapi dalam waktu yang sama, tiada seorang pun yang mahukan kebun-kebun tersebut rosak dan terbakar serta tidak dapat memberi sebarang kebaikan kepada pemiliknya. Inilah perbandingan terhadap amalan manusia.

Setiap manusia berlumba-lumba melakukan kebaikan semasa berada di dunia dengan harapan akan mendapat ganjaran di akhirat kelak. Tetapi harapan tersebut akan hancur musnah kerana semua amalan kebaikan yang dikerjakan ditolak oleh Allah S.W.T. Antara faktor yang menyebabkan amalan kebaikan tersebut ditolak ialah kerana mereka yang melakukannya adalah terdiri daripada orang kafir dan munafik, serta dilakukan dengan tujuan untuk bermegah-megah. Semua amalan kebaikan tersebut menjadi sia-sia dan tidak memberi sebarang manfaat kepada manusia sama seperti keadaan petani dan kebunnya yang telah musnah.

Al-Baiḍāwīy (1998:1:225) juga mentafsirkan perkataan أَيَوَّدُ dalam ayat ini sebagai suatu kehendak manusia terhadap sesuatu yang dicintainya dengan harapan ia akan dapat memperolehnya. Manakala menurut al-Ṭabarīy (2001:5:541), perkataan أَيَوَّدُ dalam ayat ini bermaksud أَيُحِبُّ²¹⁴ iaitu adakah kamu suka seperti dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Ḥujrāt ayat 12:

﴿أَيُّحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ﴾

Maksudnya: “Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya”. (49:12)

²¹³ Lihat *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb* oleh Ibn ‘Ādil al-Dimasyqīy (1998:4:403).

²¹⁴ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:5:541), Tafsir Ibn ‘Āsyūr (1984:3:54).

Nama tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini ialah gambaran kebun kurma نَخِيلٌ dan kebun anggur أَعْنَابٌ yang dimiliki oleh manusia. Pemilihan kebun kurma dan kebun anggur dalam ayat ini adalah untuk menunjukkan kemuliaan pokok-pokok ini berbanding dengan pokok-pokok yang lain. Selain itu, gambaran memiliki kebun kurma dan kebun anggur adalah tanda kemewahan yang dimiliki oleh seseorang²¹⁵.

Penggunaan nama tumbuh-tumbuhan bersama-sama dengan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bertujuan agar manusia melihat dengan mata, merasai dengan hati dan berfikir dengan akal tentang gambaran perbandingan yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. Perihalannya yang terdapat di akhir ayat ini menyuruh manusia berfikir tentang tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini adalah sebagai nasihat agar manusia tidak lalai melaksanakan perintah Allah S.W.T. Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini lebih sesuai dalam konteks untuk memberi pemahaman yang mendalam tentang ayat ini berbanding dengan ayat penyata.

5.3.4 Gambaran tumbuh-tumbuhan yang sentiasa sujud kepada Allah S.W.T

Perihalannya ini direkodkan oleh S.W.T dalam surah al-Ḥajj ayat yang ke-18:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ
وَالدَّوَابُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ وَكَثِيرٌ حَقٌّ عَلَيْهِ الْعَذَابُ وَمَنْ يُهِنِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ مُّكْرِمٍ﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (antaranya) matahari dan bulan dan bintang-bintang dan gunung-ganang dan pokok-pokok kayu dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (manusia) yang berhak ditimpa azab dan sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka dia tidak akan beroleh sesiapa pun yang dapat memuliakannya*”. (22:18)

Menurut Ibn Kathīr (1999:5:355), ayat ini menunjukkan bahawa semua makhluk ciptaan Allah S.W.T yang berada di langit dan di bumi sentiasa sujud dan patuh kepada Allah S.W.T. Makhluk Allah S.W.T. yang berada di langit ialah matahari, bulan dan bintang. Manakala makhluk yang berada di bumi ialah gunung ganang, pokok kayu, binatang dan manusia. Pemilihan jenis-jenis makhluk ini adalah untuk mewakili

²¹⁵ Lihat Tafsir Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:1:360).

keseluruhan makhluk-makhluk lain ciptaan Allah S.W.T sama ada yang berada di langit atau pun di bumi.

Menurut Maḥyy al-Dīn al-Darwīsh (1980:6:413), peranti *al-Hamzat* dalam ayat ini bermaksud *al-Taqrīrīy*. Manakala perkataan melihat *الرؤية* dalam ayat ini tidak bermaksud melihat dengan mata kasar manusia, tetapi yang dimaksudkan ialah pengetahuan *العلم* dan melihat dengan pandangan hati *القلب*²¹⁶. Maksud ayat ini ialah:

“Sesungguhnya adakah tidak engkau ketahui (melihat dengan hati dan akal) bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan dan bintang-bintang dan gunung-ganang dan pokok-pokok kayu dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia?”

Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bertujuan supaya manusia mengakui kebenaran kekuasaan Allah S.W.T dan melaksanakan tugas sebagai seorang hamba. Ayat ini juga mengajak manusia berfikir dan bermuhasabah diri bahawa mereka adalah antara makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Semua makhluk di langit dan bumi yang berbeza sifatnya dengan manusia sentiasa sujud dan tunduk kepada Allah S.W.T, tetapi kenapa manusia masih lagi ingkar dan enggan sujud kepada Allah S.W.T? Walaupun manusia enggan untuk sujud kepada Allah S.W.T, tetapi perancangan dan ketetapan Allah S.W.T tetap berjalan seperti biasa dan tiada suatu pun yang berubah. Ini kerana Allah S.W.T adalah bersifat Maha Menguasai terhadap semua ciptaanNya.

Menurut Ibn ‘Āsyūr (t.t:17:226), perkataan *السجود* dalam ayat ini hanya merujuk kepada perbuatan sujud manusia kepada Allah S.W.T. Manakala untuk makhluk selain daripada manusia, perkataan sujud dalam ayat ini adalah kiasan kepada ketaatan yang ditunjukkan kepada Allah S.W.T. Walaupun makhluk-makhluk ini sujud kepada Allah S.W.T, tetapi perbuatan sujud tersebut tidak sama dengan perbuatan sujud yang dilakukan oleh manusia. Keadaan ini sama juga keadaannya dalam perbuatan-perbuatan lain seperti makan, minum bergerak dan sebagainya.

Manakala menurut Ibn Kathīr (1999:5:355), perkataan sujud dalam ayat ini merujuk kepada maksud sujud yang sebenarnya. Hanya bentuk perbuatan sujud itu berbeza

²¹⁶ Lihat Tafsir Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1999:23:20), Tafsir Ibn ‘Aṭīyyaṭ (t.t:6:225), Tafsir Ibn ‘Āsyūr (t.t:17:226), Tafsir Ibn Ḥayyān al-Andalūsīy (1993:17:130), Tafsir al-Ālūsīy (t.t:6:334).

dengan perbuatan sujud manusia. Terdapat hadith Nabi S.A.W yang menunjukkan bahawa tumbuh-tumbuhan juga melakukan perbuatan yang sama dilakukan oleh manusia seperti bergerak dan menangis. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārīy dari Jābir bin AbdulLah r.a dalam bab tanda-tanda keNabian tentang perihalan tangisan pokok kurma kerana Nabi S.A.W menggantikannya dengan mimbar baru ketika berkhotbah²¹⁷:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَى شَجَرَةٍ أَوْ نَخْلَةٍ، فَقَالَتْ لَهُ امْرَأَةٌ مِنَ الْأَنْصَارِ، أَوْ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا نَجْعَلُ لَكَ مِنْبَرًا؟ قَالَ: "إِنْ شِئْتُمْ" فَجَعَلُوا لَهُ مِنْبَرًا، فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ذَهَبَ إِلَى الْمِنْبَرِ، فَصَاحَتِ النَّخْلَةُ صِيحَاخَ الصَّبِيِّ، فَنَزَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَضَمَّهَا إِلَيْهِ، كَأَنَّكَ تَبْكِي عَلَى مَا كَانَتْ تَسْمَعُ مِنَ الذِّكْرِ عِنْدَهَا.

Maksudnya: *“Dari Jābir bin AbdilLah r.a berkata, dahulu Rasulullah S.A.W pada hari Jumaat selalu berdiri di sebatang pokok kurma. Lalu seorang wanita dari kalangan Ansar berkata atau seorang lelaki: Wahai Rasulullah! mahukah engkau kami buatkan mimbar? Rasulullah menjawab: “Jika kamu sudi buatlah”. Lalu mereka membuatnya. Bila tiba hari Jumaat, Rasulullah keluar menuju mimbar (yang baru itu), lalu menangislah pokok kurma itu seperti tangisan seorang bayi. Lalu Rasul S.A.W pun turun kemudian menyentuh pokok (kayu) yang menangis seperti tangisan seorang anak kecil dan ia pun diam. Pokok kurma itu menangis kerana kebiasaannya dahulu mendengar zikir yang diucapkan di sisinya”.*

Hadith lain yang menceritakan tentang perihalan tumbuh-tumbuhan yang sujud kepada Allah S.W.T ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Tarmuzīy dari Ibn ‘Abbās r.a²¹⁸:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا، قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي رَأَيْتُنِي اللَّيْلَةَ وَأَنَا نَائِمٌ كَأَنِّي أُصَلِّي خَلْفَ شَجَرَةٍ، فَسَجَدْتُ فَسَجَدَتِ الشَّجَرَةُ لِسُجُودِي، فَسَمِعْتُهَا وَهِيَ تَقُولُ: اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي بِهَا عِنْدَكَ أَجْرًا، وَضَعْ عَنِّي بِهَا وَزْرًا، وَاجْعَلْهَا لِي عِنْدَكَ دُخْرًا، وَتَقَبَّلْهَا مِنِّي كَمَا تَقَبَّلْتَهَا مِنْ عَبْدِكَ دَاوُدَ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَقَرَأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَجْدَةً. ثُمَّ سَجَدَ، فَسَمِعْتُهُ وَهُوَ يَقُولُ: مِثْلَ مَا أَخْبَرَهُ الرَّجُلُ عَنْ قَوْلِ الشَّجَرَةِ.

Maksudnya: *“Dari Ibn ‘Abbās r.a berkata: Bahawasanya seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah S.A.W lalu berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku melihat diriku pada suatu malam (di dalam mimpi), sedang aku tidur, seolah-olah aku sedang solat di belakang sebuah pokok. Lalu aku sujud. Maka pokok itu turut mengikut sujudku. Lalu aku mendengar pokok itu mengucapkan: "Wahai Tuhanku! tuliskan*

²¹⁷ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy hadith nombor: 3563.

²¹⁸ Sunan al-Tarmizīy hadith nombor: 579 dalam bab سُجُودِ الْفَرَّانِ مَا يَقُولُ فِي سُجُودِ الْفَرَّانِ.

untukmu pahala di sisiMu dengan sujud ini, gugurkanlah dosa dariku dengan sujud ini, jadikanlah anugerah bagiku dengan sujud ini dan terimalah sujud ini dariku sepertimana Engkau menerimanya daripada hambaMu Daud. Ibn Abbs r.a lalu berkata: Maka Rasulullah S.A.W membacanya kemudian Baginda S.A.W sujud. Dalam sujud tersebut, Baginda S.A.W membaca doa yang disebut oleh lelaki tersebut daripada ucapan pokok tersebut.”

Kedua-dua hadith ini menunjukkan bahawa tumbuh-tumbuhan adalah antara makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T dan sentiasa sujud kepadaNya.

5.4 Gaya bahasa الْقَسَم (sumpah)²¹⁹

Ibn Manẓūr (1995:11:165) dan al-Faiyūmīy (1977:2:503) merujuk perkataan الْقَسَم dengan berbaris *al-Fatḥh* (ـَ) atau dengan *al-Sukūn* (ْ), الْإِيْلَاءُ, الْيَمِيْنُ, الْحَلْفُ, and الْأَيْلِيَّةُ dari segi bahasa mempunyai maksud yang sama iaitu sumpah. Manakala menurut Ibn ‘Aqīl (1980:2:302), al-Zarkāsyīy (1984:3:40) dan al-Suyūṭīy (t.t:5:1768), gaya bahasa sumpah bermaksud ayat yang digunakan untuk menunjukkan penegasan, pengukuhan dan membenarkan sesuatu yang diikuti dengan ayat nyata dan bukan ayat التَّعَجُّبُ (*al-Ta‘jub*) selepasnya. Terdapat dua jenis gaya bahasa sumpah yang menggunakan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur’an Al-Karim. Jenis gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa sumpah الصَّرِيْحُ (*al-Ṣarīḥ*) dan gaya bahasa sumpah الضَّمِيْيُ (*al-Ḍimnīy*).

5.4.1 Gaya bahasa sumpah الصَّرِيْحُ (*al-Ṣarīḥ*)

Gaya bahasa sumpah *al-Ṣarīḥ* ialah bentuk gaya bahasa sumpah yang menggunakan peranti sumpah sama ada huruf *al-Wāw* atau huruf *al-Bā’* atau huruf *al-Tā’* sumpah bersama-sama dengan perkataan lain. Hanya terdapat satu ayat sahaja yang menggunakan gaya bahasa sumpah *al-Ṣarīḥ* dalam Al-Qur’an Al-Karim. Firman Allah S.W.T dalam surat al-Tin ayat pertama yang menggunakan perkataan buah tin dan buah zaitun bersama-sama dengan huruf *al-Wāw* sumpah. Firman Allah S.W.T:

﴿وَالْتَيْنِ وَالزَّيْتُونِ﴾

Maksudnya: “Demi buah tin dan zaitun”. (95:1)

Hanya ayat ini dalam Al-Qur’an Al-Karim yang menghimpunkan buah tin dan buah zaitun dalam satu ayat dalam bentuk gaya sumpah. Terdapat empat pandangan ulama berkaitan dengan tafsiran ayat ini. Pendapat pertama ialah perkataan buah tin dan buah

²¹⁹ Gaya Bahasa الْقَسَم (sumpah) ialah gaya bahasa yang digunakan untuk tujuan menegaskan sesuatu ayat dengan menyebut nama Allah S.W.T. Penggunaan gaya bahasa sumpah ini juga bertujuan untuk menerangkan, menguatkan dan membenarkan sesuatu ayat. Terdapat empat asas yang dikenali sebagai الْقَسَمُ أَرْكَانُ الْقَسَمِ (*Arkān al-Qasam*) dalam gaya bahasa sumpah. Asas tersebut ialah الْمُقْسَمُ (pelaku sumpah), benda yang digunakan sebagai الْمُقْسَمُ بِهِ (objek sumpah), الْمُقْسَمُ عَلَيْهِ (perkara yang disumpahkan) dan الْقَسَمُ (peranti sumpah). Lihat *Min Asālib Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh Ibrāhīm al-Sāmārā’y (t.t:47-48), *al-Masā’id ‘alā Tashīl al-Fawā’id* oleh Ibn ‘Aqīl (1980:2:302).

zaitun dalam ayat ini merujuk kepada buah tin yang dimakan secara terus oleh manusia dan buah zaitun yang diperah untuk memperolehi minyak daripadanya²²⁰.

Menurut Abū Zar, Allah S.W.T bersumpah dengan buah tin disebabkan buah ini menyerupai buah-buahan di syurga. Buah-Buahan di syurga tidak mempunyai biji seperti buah tin. Manakala Allah S.W.T bersumpah dengan buah zaitun pula disebabkan oleh pelbagai kegunaan buah ini pada manusia²²¹. Pokok tin dan zaitun juga disebut secara tidak langsung dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Mukminun ayat ke-20:

﴿وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبُتُ بِالذُّهْنِ وَصَبِغٍ لِلآكِلِينَ﴾

Maksudnya: “Dan pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.”. (23:20)

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1999:9:32), bukti yang menunjukkan pokok tin ini asalnya adalah tumbuhan dari syurga ialah ketika peristiwa Nabi Adam a.s turun ke bumi. Daun pokok tin digunakan untuk menutup aurat baginda a.s. seperti dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-ʿAʿrāf ayat 22:

﴿يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ﴾

Maksudnya: “Menutupnya dengan daun-daun (dari) Syurga”. (7:22)

Walaupun perkataan buah tin dan zaitun disebut secara jelas dalam ayat ini, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan buah tin dan buah zaitun dalam ayat ini tidak merujuk kepada buah-buahan tersebut, tetapi merujuk kepada maksud tempat-tempat mulia. Ini kerana selepas ayat ini terdapat perihalan ‘Aṭaf terhadap tempat-tempat mulia, iaitu dalam وَطُورِ سَيْنَاءَ، وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ. Menurut al-Rāzīy (1999:9:32), tafsiran lain untuk perkataan *al-Tin* dan *al-Zaitun* dalam ayat ini ialah:

1. Menurut al-Farrāʿ, beliau mendengar penduduk Syams berkata, sesungguhnya al-Tin ialah bukit yang terletak antara Hulwān sehingga ke Hamazān, manakala al-Zaitun pula ialah nama bukit yang terletak di Syams²²². Dikatakan juga al-Tin dan al-Zaitun ialah

²²⁰ Mereka yang merujuk kepada tafsiran ini ialah Ibn ‘Abbās, al-Ḥassan, Mujāhid, ‘Ikramat, Ibrāhīm al-Nakh‘īy, ‘Aṭā’ bin ‘Abū Rabāḥ, Jābir bin Zaid, Maqātil dan al-Kalbīy. Lihat Tafsir al-Baghawīy (1992:8:471), Tafsir Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:5:499), Tafsir al-Ṭabarīy (2001:24:501-503).

²²¹ Tafsir Ibn ‘Aṭīaṭ (t.t:5:499).

²²² Lihat *Ma ‘ānīy Al-Qur’an* oleh Al-Farrāʿ (1955:1:347).

dua buah bukit yang terletak di Syams dikenali dalam bahasa al-Siryaniat sebagai طُور زَيْتَا (*Ṭūr Zaitā*) dan طُور تَيْنَا (*Ṭūr Tinā*) kerana kedua-duanya banyak terdapat di situ²²³.

2. Menurut Ibn ‘Abbās, al-Tin ialah masjid Nabi Nuh a.s yang dibina di atas bukit al-Judīy²²⁴, manakala al-Zaitun pula ialah masjid Bayt al-Maqdis²²⁵. Menurut al-Ḍihāk, al-Tin ialah Masjid al-Haram di Makkah, manakala al-Zaitun ialah masjid al-Aqsa. Ibn Zaid pula berpendapat al-Tin ialah masjid Dimasyq dan al-Zaitun ialah masjid Bayt al-Maqdis²²⁶. Menurut Muḥammad bin Ka‘ab, al-Tin ialah masjid Aṣḥāb al-Kahf dan al-Zaitun ialah masjid ‘Iliya’²²⁷.

3. Al-Tin dan al-Zaitun adalah nama tempat yang mulia yang merujuk kepada al-Tin adalah Dimasyq dan al-Zaitun ialah Bayt al-Maqdis. Ini kerana golongan muslim, Arab Quraisy, Yahudi dan Nasrani menganggap tempat tersebut adalah tempat yang mulia²²⁸. Menurut Ibn Qaiyyum al-Jawziyyat dalam *al-Tabyān fī Aqsām al-Qur’ān* (t.t:32), Allah S.W.T bersumpah dengan tiga nama tempat yang mulia dalam surah ini. Tempat-tempat tersebut ialah Bayt al-Maqdis, bukit Tursina dan Makkah. Perkataan al-Tin dan al-Zaitun dalam ayat ini bermaksud Bayt al-Maqdis. Ini kerana pokok tersebut banyak terdapat di kawasan Bayt al-Maqdis.

Walau pun begitu, kebanyakan ulama bersepakat merujuk perkataan al-Tin dan al-Zaitun dalam ayat ini sebagai jenis buah-buahan yang banyak memberi manfaat kepada manusia. Ini kerana sesuatu yang hakikat (nyata) tidak boleh disamakan dengan sesuatu lain yang nyata melainkan dengan dalil yang kuat. Menurut al-Qurtubīy (2006:22:365), antara sebab Allah S.W.T bersumpah dengan al-Tin kerana untuk menunjukkan kemuliaan buah tin tersebut. Selain itu, buah tin juga mengeluarkan bau yang harum, rasa yang enak dan cantik dipandang. Manakala Allah S.W.T bersumpah dengan al-

²²³ Dalam Tafsir al-Aṣfahanīy (1996:532), طُور زَيْتَا (*Ṭūr Zaitā*) bermaksud Bayt al-Muqaddis, manakala طُور تَيْنَا (*Ṭūr Tinā*) bermaksud Dimasyq.

²²⁴ Bukit الْجُدَيْي (*al-Jūdīy*) ialah nama bukit yang terletak antara الْمَوْسُول (*al-Mawsūl*) dan Semenanjung Tanah Arab dikenali juga dengan nama آمَد (*Āmad*). Lihat *Lisān al-‘Arab* oleh Ibn Manzūr (1995:1:530), *Qasas al-‘Anbiyā’* oleh ‘Abd al-Najar (t.t:37), *Mufradāt fī al-Gharib Al-Qur’ān* oleh al-Aṣfahanīy (1996:102).

²²⁵ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:24:504).

²²⁶ Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:24:504), Tafsir ‘Abd al-Razāq al-Ṣin‘ānīy (t.t:2:363).

²²⁷ إِيْلِيَا (*‘Iliya’*) ialah Bayt al-Maqdis. Lihat *‘Irāb Al-Qur’ān* oleh al-Nuḥās (2008:1339), Tafsir al-Māwardīy (t.t:6:301), tafsir al-Baghawīy (1992:8:471).

²²⁸ Lihat Tafsir al-Māwardīy (t.t:6:301), Tafsir al-Ṭabarīy (2001:24:504).

Zaitun pula disebabkan oleh keberkatan pokok tersebut yang menjadi makanan para Nabi a.s sejak zaman dahulu dan banyak digunakan dalam bidang perubatan. Analisis perbincangan gaya bahasa sumpah dalam ayat ini adalah seperti berikut:

Jadual 5.9: Analisis ayat sumpah 1

Pelaku sumpah	Allah S.W.T. Allah S.W.T yang mengungkapkan gaya bahasa sumpah dalam ayat ini. Jenis gaya bahasa sumpah dalam ayat ini ialah gaya bahasa sumpah yang disebut secara jelas iaitu <i>al-Sariḥ</i> .
Objek sumpah	Allah S.W.T bersumpah dengan menggunakan nama makhluk dari jenis tumbuh-tumbuhan iaitu <i>al-Tin</i> dan <i>al-Zaitun</i> . Perkataan <i>al-Tin</i> dan <i>al-Zaitun</i> digunakan di permulaan ayat dalam bentuk gaya bahasa sumpah untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T yang telah mencipta buah-buahan ini untuk kegunaan manusia. Selain itu, <i>al-Tin</i> dan <i>al-Zaitun</i> menggambarkan kesempurnaan dan kemuliaan makhluk ciptaan Allah S.W.T.
Peranti sumpah	الْوَاوُ الْقَسَمُ (<i>al-Wāw</i> sumpah)
Perkara yang disumpahkan	Firman Allah S.W.T dalam ayat yang seterusnya iaitu: ﴿لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (٤) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ﴾ Maksudnya: “ <i>Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (4). Kemudian Kami kembalikannya ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah</i> ”. (95:4-5)

Menurut al-Suyūṭīy (2003:6:366), Allah S.W.T menggambarkan perihalan keadaan manusia dalam ayat ini dengan menggunakan ayat penyata. Ayat ini menjelaskan bagaimana Allah S.W.T telah mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian berbanding makhluk yang lain. Manusia adalah makhluk yang sempurna yang diciptakan oleh Allah S.W.T dari aspek fizikal, rohani, iman, akal dan nafsu. Manusia berfikir dengan menggunakan akal fikiran kurniaan Allah S.W.T dan bertindak dengan berpandukan iman bagi mentaati segala perintah Allah S.W.T dan menjalankan tanggung jawab sebagai khalifah di atas muka bumi.

Tambah beliau lagi, terdapat sebahagian daripada golongan manusia yang ingkar terhadap perintah Allah S.W.T. Golongan ini adalah golongan yang terpesong imannya dari landasan yang sebenarnya dan terkeluar dari fitrah kejadian manusia. Mereka terus melakukan dosa dan maksiat tanpa rasa gerun kepada Allah S.W.T. Disebabkan oleh kemungkaran yang dilakukan oleh golongan ini, maka martabat mereka diturunkan ke tahap yang paling rendah, iaitu dengan diberi balasan daripada api neraka jahanam.

Golongan yang mentaati perintah Allah S.W.T, maka balasannya ialah gajaran pahala yang tidak pernah putus seperti dalam firman Allah S.W.T dalam ayat yang seterusnya:

﴿إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ﴾

Maksudnya: “Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.”.(95:6)

Menurut Ibn Qaiyyum al-Jawziyyat (t.t:32), hubungan antara objek sumpah dan perkara yang disumpahkan dalam ayat ini dapat dilihat pada buah tin dan zaitun. Kedua-dua buah ini dari aspek kejadiannya adalah sangat sempurna serta banyak memberi bermanfaat. Ia bersamaan dengan keadaan amalan soleh manusia kepada Allah S.W.T. Kemuliaan manusia di sisi Allah S.W.T tidak terletak pada bentuk fizikal semata-mata, tetapi Allah S.W.T melihat kesempurnaan ketaqwaan seseorang hamba kepadaNya, seperti hadith Nabi S.A.W yang diriwayatkan oleh Abū Hurairat r.a²²⁹:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثٍ ذَكَرَهُ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَادِكُمْ وَلَا إِلَى صُورِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ، التَّقْوَى هَا هُنَا. وَأَشَارَ إِلَى صَدْرِهِ.

Maksudnya: “Dari Abū Hurairat telah berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar Rasul S.A.W dalam hadith yang menyebut: Sesungguhnya Allah tidak melihat pada tubuh badan kamu dan tidak juga pada paras rupa kamu, tetapi Allah melihat pada hati kamu. Bertaqwalah kamu di sini sambil mengisyaratkan ke arah dada baginda.

Hadith ini dengan jelas menunjukkan bahawa kemuliaan seseorang makhluk disisi Allah S.W.T tidak dilihat pada kesempurnaan tubuh badan, tetapi sebaliknya manusia yang paling mulia disisi Allah S.W.T adalah mereka yang tinggi ketaqwaannya.

²²⁹ Ṣaḥīḥ al-Muslim hadith nombor 975.

5.4.2 Gaya bahasa sumpah الضَمْنِيّ (al-Ḍimnīy)

Gaya bahasa sumpah الضَمْنِيّ (al-Ḍimnīy) juga dikenali sebagai gaya bahasa sumpah الْمُضْمَرّ (al-Muḍmarr). Keadaan ini berlaku apabila gaya sumpah tidak menggunakan peranti sumpah secara jelas. Gaya bahasa ini dapat dilihat dalam konteks kandungan ayat penyata yang digunakan bersama-sama dengan peranti الأَلَامُ الْمُوَطَّئَة (al-Lām al-Muwaṭṭi'at) atau salah satu dari huruf الكَوْنِ التَّوَكِيدُ (al-Nūn al-Tawkid) yang pada ayat jawab sumpah²³⁰. Gaya bahasa sumpah ini direkodkan dalam surah al-Baqarat ayat 155:

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa (anak pinak) serta buah-buahan dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”. (2:155)

Allah S.W.T telah bersumpah dalam ayat ini dengan البَلَاءِ (ujian) yang akan dihadapi oleh manusia. Allah S.W.T bersumpah dengan ujian setelah menyebut tentang nikmat yang wajib disyukuri oleh manusia dalam ayat yang sebelumnya. Ujian-ujian yang bakal dihadapi oleh manusia adalah dalam bentuk الخَوْفِ (ketakutan) dari ancaman musuh, الجُوعِ (kelaparan) disebabkan oleh peperangan dan النَقْصِ (kekurangan) الأَمْوَالِ (harta benda), الأَنْفُسِ (anak pinak) dan الثَّمَرَاتِ (hasil tanaman).

Dalam ayat ini juga, Allah S.W.T membuat padanan antara ujian ketakutan bersama-sama dengan ujian kelaparan. Manakala padanan ujian pengurangan kekurangan adalah bersama-sama dengan perkataan harta benda, anak pinak dan hasil tanaman. Perbezaan antara kedua-dua padanan ini ialah dari aspek sesuatu yang dapat dirasai dan diukur berbanding sesuatu yang tidak dapat dirasai dan diukur. Ketakutan dan kelaparan adalah ujian yang tidak dapat dilihat secara fizikal dan tidak dapat diukur jumlah kuantiti,

²³⁰ Huruf الأَلَامُ الْمُوَطَّئَة (al-Lām al-Muwaṭṭi'at) adalah huruf الأَلَامِ (al-Lām) yang menggantikan أَدَاةَ الشَّرْطِ (peranti al-Syarṭ) untuk menunjukkan ayat yang berada selepasnya ialah jawab kepada sumpah sebelumnya dan tidak kepada jawab al-Syarṭ. Lihat al-Masā'id 'alā Tashīl al-Fawā'id oleh Ibn 'Aqīl (1980:2:302), 'Im 'ān fī Aqsām Al-Qur'ān oleh 'Abd al-Ḥamīd al-Farāhiy (1994:32).

tetapi pengurangan harta benda, anak pinak dan hasil tanaman adalah sesuatu yang dapat dirasai dan dapat diukur melalui pengurangan jumlah kuantiti.

Menurut al-Qurtubīy (2006:2:462), perkataan *الْبَلَاءُ* (ujian) bermaksud *الْمِحْنَةُ* yang merupakan *امْتِحَانٌ* dan *اخْتِبَارٌ* meliputi perkara yang baik dan perkara yang buruk. Keadaan ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam surah al-‘Arāf ayat 168 dan surah al-‘Anbiyā’ ayat 35²³¹. Firman Allah S.W.T dalam surah al-‘Arāf ayat 168:

﴿وَبَلَوْنَاهُمْ بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Dan kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk, supaya mereka kembali (bertaubat)”. (7:168)

Dan Allah S.W.T berfirman dalam surah al-‘Anbiyā’ ayat 35:

﴿وَتَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِنَّا نُرجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan”. (21:35)

Ujian juga merupakan satu daripada nikmat Allah S.W.T seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-‘Anfāl ayat ke-17²³²:

﴿وَلِيُبَلِّغَ الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلََاءٌ حَسَنًا﴾

Maksudnya: “Dan untuk mengurniakan kepada orang-orang yang beriman dengan pengurniaan yang baik”. (8:17)

Manusia yang diberikan dengan ujian nikmat kesenangan wajib bersyukur di atas nikmat tersebut. Perbuatan syukur ini akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T dalam surah Ibrahim ayat ke-5:

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras” (17:7)

²³¹ Lihat juga tafsir al-Ṭabarīy (2001:2:49), *‘Irāb Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh Maḥyy al-Dīn al-Darwīsh (1980:1:216), Tafsir Ibn Abū Ḥātim (1997:1:263).

²³² Lihat Tafsir al-Ṭabarīy (2001:2:48), Tafsir Abū Ḥātim al-Rāzīy (1997:1:151).

Manakala sekiranya manusia itu diberi ujian dalam bentuk kepayahan dan kesukaran, maka mereka perlu sabar dan redha terhadap ketetapan dan ketentuan daripada Allah S.W.T. Golongan yang sabar di atas ujian tersebut akan diberi khabar gembira oleh Allah S.W.T seperti yang digambarkan di akhir ayat ini. Kesyukuran dan kesabaran adalah antara kesempurnaan iman seseorang mukmin. Keadaan ini dijelaskan dalam hadith Nabi S.A.W yang diriwayatkan dari Anas bin Mālik r.a²³³:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَنَسُ، الْإِيمَانُ نِصْفَانِ: نِصْفٌ شُكْرٌ وَنِصْفٌ صَبْرٌ.
Maksudnya: “Dari Anas berkata, Rasul S.A.W bersabda: Wahai Anas, sesungguhnya iman itu ada dua bahagian: satu bahagiannya adalah syukur dan satu bahagian lagi adalah sabar”.

Secaranya umumnya, antara ujian Allah S.W.T dalam ayat ini ialah pengurangan hasil tanaman yang diperolehi. Seterusnya hasil tanaman ini diperincikan dalam bentuk buah-buahan. Menurut ahli tafsir, antara faktor yang menyebabkan berlakunya pengurangan hasil tanaman ialah keadaan tanah yang gersang dan kering, wabak penyakit yang menimpa ke atas tumbuh-tumbuhan dan halangan tertentu yang menyebabkan para petani tidak dapat turun ke kebun seperti peperangan, keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan dan sebagainya. Selain itu, hasil tanaman juga berkurangan disebabkan oleh tidak mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T²³⁴.

Al-Syāfi‘īy membuat tafsiran yang berbeza berkaitan dengan ayat ini. Menurut beliau, perkataan *الْخَوْفُ* bermaksud takutkan Allah S.W.T dan musuh, perkataan *الْجُوعُ* bermaksud kewajipan puasa dalam bulan Ramadhan, perkataan *نُقْصٌ مِنَ الْأَمْوَالِ* bermaksud kewajipan zakat, perkataan *الْأَنْفُسُ* bermaksud wabak penyakit, perkataan *النَّمْرَاتُ* bermaksud sedekah dan kematian anak-anak, dan perkataan *بَشِّرِ الصَّابِرِينَ* bermaksud kepada golongan yang telah melaksanakan perintah Allah S.W.T ini²³⁵.

Menurut Ibn Ḥayyān (1993:1:624), bentuk ayat penyata di sini merupakan ayat sumpah yang berperanan sebagai ayat penegasan kepada bentuk-bentuk ujian daripada Allah

²³³ Lihat *Musnad al-Syihāb* oleh al-Qaḍā‘īy (1985) hadith nombor 150.

²³⁴ Lihat Tafsir al-Jawzīy (1984:1:162), Tafsir al-Qurṭubīy (2006:2:463).

²³⁵ Lihat *Aḥkām Al-Qur’ān* oleh Abū ‘AbdulLah al-Syāfi‘īy (1994:1:39), Tafsir al-Imām al-Syāfi‘īy oleh Aḥmad Mustafā al-Farrān (2006:1:242), Tafsir Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1999:4:166), Tafsir al-Khāzin (t.t:1:98), *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr* oleh Abū Faraj al-Jawzīy (1984:4:360).

S.W.T. Ayat ini adalah ayat sumpah dari jenis *Dimnīy*. Tanda ayat sumpah dalam ayat ini ialah huruf *الْلَامُ الْمُوطَّئَةُ* (*al-Lām al-Muwaṭṭi'at*) dan *النُّونُ التَّوَكِيدُ* (*al-Nūn al-Tawkid*) yang terdapat pada perkataan *لَنْبَلُونَكُمْ*. Gaya bahasa sumpah dalam ayat ini adalah gaya bahasa *والله لَنْبَلُونَكُمْ* (sumpah yang digugurkan) dengan andaian bentuk asal ayat ialah *والله لَنْبَلُونَكُمْ*. Manakala syarat untuk *الْفِعْلُ مُضَارِعٌ* berada pada keadaan gaya bahasa sumpah yang digugurkan ialah ia mesti disertakan dengan peranti *الْلَامُ الْمُوطَّئَةُ* (*al-Lām al-Muwaṭṭi'at*) atau salah satu dari huruf *النُّونُ التَّوَكِيدُ* (*al-Nūn al-Tawkid*)²³⁶.

²³⁶ Lihat *al-Masā'id 'alā Tashīl al-Fawā'id* oleh Ibn 'Aqīl (1980:2:313).

5.5 Penutup

Penggunaan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam empat jenis gaya bahasa. Gaya bahasa tersebut ialah gaya bidalan (*al-Mathal/المَثَلُ*), gaya bahasa التشبيه (*al-Tasybih*), gaya bahasa الاستفهام (pertanyaan) dan gaya bahasa القسم (sumpah).

Tumbuh-tumbuhan merupakan unsur الحِسِّيِّ وَالْوَاقِعِيِّ (*al-Hissiy dan al-Wāqiy*) iaitu unsur yang dapat dirasai dan dilihat oleh manusia. Manusia sentiasa berinteraksi dengan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa bidalan bertujuan memudahkan manusia untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Jumlah keseluruhan ayat bidalan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah sebanyak sembilan ayat yang dibincangkan dalam lima topik. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan cahaya Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-Nūr ayat ke-35. Perbandingan dalam ayat ini ialah perbandingan berangkai yang menunjukkan perbandingan antara sebuah *al-Misykāt* yang di dalamnya terdapat sebiji geluk kaca lutsinar berisi lampu yang dipenuhi dengan minyak zaitun dengan cahaya atau hidayah Allah S.W.T dalam hati manusia. Pokok zaitun juga digambarkan sebagai pokok wahyu (keimanan).
- ii. Gambaran tentang akhlak Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat seperti yang terdapat dalam surat al-Fath ayat ke-29. Gambaran perbandingan dalam ayat ini ialah perbandingan tentang keadaan agama Islam yang disebarkan oleh Nabi S.A.W bersama-sama para sahabat. Pokok tanaman mewakili Nabi S.A.W yang diutuskan secara bersendirian. Gambaran perbandingan lain sifat para sahabat Nabi S.A.W yang sentiasa keras dan tegas kepada orang kafir digambarkan dengan sifat tumbuh-tumbuhan yang saling melengkapi dan mengukuhkan antara satu sama lain.

Selain itu, sifat para sahabat yang sentiasa beristiqamah, memperbanyakkan rukuk dan sujud kepada Allah S.W.T dengan ikhlas dan hanya mengharapkan keredhaan Allah S.W.T telah meninggalkan kesan sujud di wajah mereka turut digambarkan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang berlaku secara berterusan.

iii. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan perkataan tauhid seperti yang terdapat dalam surah Ibrāhīm ayat ke-24 sehingga ayat ke-26. Terdapat dua bentuk perbandingan dalam ayat ini. Perbandingan pertama antara *كَلِمَةً طَيِّبَةً* (perkataan baik) dengan *شَجَرَةً طَيِّبَةً* (pokok yang baik) dan perbandingan kedua ialah *كَلِمَةً خَبِيثَةً* (perkataan buruk) dengan *شَجَرَةً خَبِيثَةً* pokok yang buruk.

iv. Gambaran proses kehidupan manusia di dunia sama seperti proses kehidupan tumbuh-tumbuhan. Terdapat tiga ayat yang membincangkan perihalan gambaran perbandingan ini. Ayat-ayat tersebut ialah ayat ke-24 dari surah Yūnus, ayat ke-45 dari surah al-Kahf dan ayat ke-20 dari surah al-Ḥadīd. Dalam ketiga-tiga ayat ini, Allah S.W.T membuat perbandingan proses kehidupan manusia di dunia dan nikmat-nikmat yang terdapat di dalamnya sama seperti proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang berlaku secara pantas.

v. Gambaran menafkahkan harta benda dengan tumbuh-tumbuhan. Gambaran ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam tiga ayat Al-Qur'an Al-Karim, iaitu dalam surah al-Baqarāṭ ayat 261, surah al-Baqarāṭ ayat 265 dan surah Āl-Imrān ayat yang ke-117. Ayat 261 dan 265 dari surah al-Baqarāṭ merupakan gambaran ganjaran pahala yang bakal diperolehi oleh manusia yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dengan hati yang ikhlas. Manakala ayat ke-117 surah Āl-Imrān pula merupakan peringatan dari Allah S.W.T manusia tentang perbuatan orang kafir yang membelanjakan harta di jalan kebaikan semasa berada di dunia tidak akan dinilai oleh Allah S.W.T di akhirat kelak.

Ayat *al-Tasybīh* yang menggunakan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat pada empat topik utama. Topik-topik tersebut ialah:

i. Perihalan keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat yang direkodkan dalam tiga ayat dari surah yang berbeza. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 57 dari surah al-A'rāf, ayat 5 dari surah al-Ḥajj dan ayat 39 dari surah al-Fuṣṣilat. Kesemua ayat ini merupakan peringatan Allah S.W.T kepada manusia tentang perihalan hari kebangkitan semula yang bakal dihadapi oleh semua manusia. Allah S.W.T menggunakan unsur *الْحَسْبِيُّ* *al-Ḥissīy* iaitu proses pertumbuhan pelbagai jenis tumbuh-

tumbuhan di atas tanah yang tandus dan gersang untuk menerangkan unsur *المَعْنَوِيُّ* (al-Ma‘nawīy) iaitu proses kebangkitan manusia pada hari akhirat.

ii. Perbandingan antara orang beriman dan orang kafir seperti yang terdapat dalam surah al-A‘rāf ayat ke-58. Orang mukmin yang sentiasa taat pada perintah Allah S.W.T dan mengamalkan isi kandungan Al-Qur’an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang baik dan mengeluarkan hasil tanaman yang subur dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Manakala orang kafir yang menolak isi kandungan Al-Qur’an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang tidak mempunyai tanah yang baik dan mengakibatkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atasnya terbantut.

iii. Perbandingan gambaran bulan dengan tandan kurma kering seperti yang terdapat dalam surah Yasīn ayat ke-39. Ayat ini merupakan ayat *al-Tasybīh* di antara makhluk yang berada di alam cakerawala dengan makhluk yang berada di bumi.

iv. Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah S.W.T di dunia dan di akhirat. Terdapat empat ayat yang menggambarkan keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 20 dari surah Al-Qamar, ayat 7 dari surah al-Hāqat, ayat 31 dari surah al-Qamar dan ayat 5 dari surah al-Fīl. Ayat dari surah Al-Qamar dan surah al-Hāqat menceritakan tentang perihalan azab Allah S.W.T kepada kaum ‘Ād kerana ingkar terhadap utusan Allah S.W.T. Keadaan ini digambarkan dengan batang pokok kurma. Ayat 31 dari surah al-Qamar pula menceritakan azab yang Allah S.W.T turunkan kepada kaum Thamūd yang digambarkan sebagai tumbuh-tumbuhan yang telah mati, kering dan hancur. Ayat 5 dari surah al-Fīl merupakan gambaran tentang keadaan tentera Abrahah yang menerima azab Allah S.W.T hancur berkecai seperti keadaan daun-daun kayu dimakan oleh ulat.

Terdapat sebanyak lapan ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk gaya bahasa pertanyaan dalam Al-Qur’an Al-Karim. Ayat-ayat ini dibincangkan dalam empat topik yang berbeza. Topik-topik tersebut ialah:

i. Gambaran tentang kekuasaan Allah S.W.T. Perihalan keadaan ini direkodkan dalam lima ayat Al-Qur’an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 7 dari surah al-Syua‘rā’, ayat 60 dari surah al-Naml, ayat 27 dari surah al-Sajadat, ayat 27 dari surah al-Fāṭir dan ayat 63 sehingga ayat 65 dari surah al-Wāqī‘at. Penggunaan peranti *al-Hamzat* tanya

dalam ayat 7 dari surah al-Syua'rā' bermaksud *الْإِنكَارِيَّ وَالتَّوْبِيحِيَّ* (*al-Inkārīy wa al-Tawbīkhīy*) iaitu satu bentuk kecaman kepada golongan kafir. Peranti tanya dalam ayat 60 dari surah al-Naml ialah huruf *al-Hamzat* yang bermaksud *التَّقْرِيرِيَّ* (*al-Taqrīrīy*) dan *التَّبْكِيثُ* (*al-Tabkīṭ*) iaitu pengakuan dan cercaan.

Penggunaan gaya bahasa pertanyaan diulang sebanyak dua kali dalam ayat 27 dari surah al-Sajadat. Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bertujuan sebagai *التَّنْبِيهُ* (menarik perhatian) dan kecaman *al-Tawbīkhīy* kepada manusia. Peranti *al-Hamzat* dalam ayat 63 sehingga ayat 65 dari surah al-Wāqī'at adalah peranti tanya yang bermaksud *الْإِنكَارِيَّ وَالتَّقْرِيرِيَّ* (*al-Inkārīy* dan *al-Taqrīrīy*) iaitu satu penafian dan peringatan.

ii. Galakan untuk mencari kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia seperti yang terdapat dalam surat al-Zumar ayat yang ke-21. Peranti *al-Hamzat* Tanya dalam ayat ini bermaksud *al-Taqrīrīy* yang bertujuan untuk memberi peringatan kepada Nabi S.A.W agar dapat memberi perhatian terhadap kandungan ayat ini

iii. Galakan amalan bersedekah seperti yang terdapat dalam surah al-Baqarat ayat ke-266 yang menggunakan peranti *al-Hamzat* tanya bermaksud *al-Inkārīy wa al-Taḥzīr*.

iv. Gambaran tumbuh-tumbuhan yang yang sentiasa sujud kepada Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-Hajj ayat yang ke-18.

Terdapat dua jenis gaya bahasa sumpah yang menggunakan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Jenis gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa sumpah *الصَّرِيحُ* (*Ṣarīḥ*), dan gaya bahasa sumpah *الضَّمِي* (*Ḍimnīy*). Hanya terdapat satu ayat sahaja yang menggunakan gaya bahasa sumpah *Ṣarīḥ* dalam Al-Qur'an Al-Karim iaitu dalam surat al-Tin ayat pertama yang menggunakan perkataan buah tin dan buah zaitun bersama-sama dengan huruf *al-Wāw* sumpah.

Terdapat pelbagai pendapat kenapa Allah S.W.T bersumpah dengan buah tin dan zaitun dalam ayat ini. Antaranya ialah kerana buah tin dan zaitun ini menyerupai buah-buahan

di syurga. Sebab lain Allah S.W.T bersumpah dengan tin kerana untuk menunjukkan kemuliaan buah tin tersebut. Selain itu, buah tin juga mengeluarkan bau yang harum, rasa yang enak dan cantik dipandang. Manakala Allah S.W.T bersumpah dengan buah zaitun pula disebabkan oleh keberkatan pokok tersebut yang menjadi makanan para Nabi a.s sejak zaman dahulu dan banyak digunakan dalam bidang perubatan.

Gaya bahasa sumpah (*Dimniy*) direkodkan dalam surah al-Baqarat̄ ayat 155. Bentuk ayat penyata dalam ayat ini adalah ayat sumpah yang berperanan sebagai ayat penegasan kepada bentuk-bentuk ujian daripada Allah S.W.T. Allah S.W.T bersumpah dengan *الْبَلَاءُ* (ujian) yang dihadapi oleh manusia yang terdiri daripada *الْخَوْفُ* (ketakutan) ancaman musuh, *الْجُوعُ* (kelaparan) disebabkan oleh peperangan dan *الْكَفْصُ* (kekurangan) *الْأَمْوَالُ* (harta benda), *الْأَنْفُسُ* (anak pinak) dan *الْتَمْرَاتُ* (hasil tanaman). Tanda ayat sumpah dalam ayat ini ialah peranti *الْأَلَامُ الْمُوَطَّئَةُ* (*al-Lām al-Muwat̄i'at*) atau salah satu dari huruf *الْتُونُ التَّوَكِيدُ* (*al-Nūn al-Tawkid*) yang terdapat pada perkataan *لَنْبَلُونَكُمْ*.

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Bab ini akan menampilkan hasil keseluruhan daripada kajian ini. Ia merangkumi aspek dapatan kajian, rumusan kajian dan cadangan serta harapan pengkaji terhadap hasil kerja yang telah dilakukan.

6.1 Rumusan kajian

Kajian ini merupakan kesinambungan terhadap kajian-kajian silam yang pernah dilakukan sebelum ini untuk mengenal pasti istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dan konteks penggunaannya. Perbincangan dalam kajian ini adalah dalam bidang leksikografi Arab dan analisis wacana di samping menggabungkan disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti bidang tafsir, hadis dan akidah.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti istilah dan makna sebenar perkataan tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada perkataan tumbuh-tumbuhan, perkataan pokok dan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Selain itu, kajian ini juga turut membincangkan aspek penggunaan istilah tumbuh-tumbuhan ini dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Kajian ini keseluruhannya telah dapat menyingkap satu persatu persoalan kajian yang timbul dan seterusnya menjawabnya dengan bukti yang kukuh berdasarkan contoh-contoh dari Al-Qur'an al-Karim, hadith-hadith dan syair-syair Arab.

Melalui perbincangan dan kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan bahawa istilah tumbuh-tumbuhan adalah sebahagian daripada istilah yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penggunaan istilah tumbuh-tumbuhan ini tidak sekadar membincangkan dalam aspek pertanian dan yang seumpama dengannya sahaja, tetapi penggunaannya juga adalah lebih meluas yang merangkumi bidang bahasa seperti leksikografi Arab dan analisis wacana.

Setelah perbincangan dan analisis yang telah dilakukan terhadap istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim, kesimpulan penting dapat dirumuskan iaitu:

Kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam berkait rapat dengan faktor Al-Qur'an Al-Karim dan hadith nabi S.A.W. Ini kerana dalam Al-Qur'an Al-Karim dan hadith nabi S.A.W terdapat ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan. Faktor ini telah menjadi pendorong kepada para sarjana Arab-Islam untuk melibatkan diri dalam kajian yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan secara serius.

Terdapat tiga peringkat sejarah perkembangan kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

i. Perbincangan dan penyusunan ilmu berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang dilakukan bersama-sama dengan disiplin ilmu yang lain seperti dalam bidang bahasa, leksikografi dan perubatan. Para sarjana Arab-Islam dalam bidang bahasa Arab merupakan golongan terawal yang telah menceburkan diri dalam bidang dunia tumbuh-tumbuhan. Ini kerana, pada era perkembangan ilmu dalam kalangan bangsa Arab-Islam, disiplin ilmu yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan adalah sebahagian daripada disiplin ilmu yang berkaitan dengan bahasa khususnya dalam bidang leksikografi Arab.

ii. Aktiviti perterjemahan hasil karya dari tamadun silam seperti tamadun Yunani dan Rom merupakan langkah pertama yang dilakukan pada peringkat ini. Aktiviti perterjemahan ini melibatkan pakar bidang bahasa khususnya dalam bidang leksikon Arab. Hasil terjemahan buku-buku ini dibahaskan secara ilmiah. Ada antara maklumat yang diterima dan ada pula ditolak. Seterusnya para sarjana ini menghasilkan karya baru hasil inovasi daripada terjemahan tersebut dengan ditambah maklumat-maklumat baru yang tidak terdapat pada karya sebelumnya.

iii. Penyusunan ilmu pengetahuan mengikut pengkhususan dalam bidang masing-masing. Setelah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan sarjana Arab-Islam, perbincangan berkaitan dengan disiplin ilmu-ilmu tertentu mula dibincangkan dan disusun secara berasingan mengikut bidang ilmu masing-masing termasuklah perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan.

iv. Perbincangan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan bersama dengan disiplin ilmu lain khususnya dalam bidang sains perubatan, sains pertanian dan sains geografi.

Kajian silam dan moden yang membincangkan tentang tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam lima bidang utama. Bidang-bidang tersebut ialah:

- i. Saintifik tumbuh-tumbuhan.
- ii. Tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian.
- iii. Tumbuh-tumbuhan dan sains perubatan.
- iv. Fiqh pertanian.
- v. Gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.


Terdapat tiga bentuk perbincangan yang dilakukan oleh para pengkaji gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk-bentuk tersebut ialah:

- i. Perbincangan berkaitan dengan keseluruhan bentuk gaya bahasa dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- ii. Perbincangan berkaitan dengan jenis gaya bahasa tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Perbincangan yang khusus kepada gaya bahasa yang menggunakan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Terdapat dua bentuk perkataan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Bentuk pertama ialah perkataan **النَّبَات** (tumbuh-tumbuhan) dalam bentuk **الاسْم** (kata nama) yang berasal dari perkataan **نَبَت**. Manakala bentuk kedua pula ialah perkataan **أَنْبَت** (tumbuhkan) dalam bentuk **الْفِعْل** (kata kerja) yang berasal dari perkataan **نَبَت**. Selain itu, perbincangan juga dilakukan terhadap perkataan **الشَّجَرَةُ** (pokok) yang terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ini kerana pokok adalah sebahagian daripada perkataan yang merujuk kepada maksud tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Kekerapan penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk kata nama dalam ayat Al-Qur'an Al-Karim adalah sebanyak 9 kali. Manakala kekerapan penggunaan perkataan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk kata kerja pula sebanyak 17 kali. Terdapat satu ayat yang mengulangi penggunaan kata kerja tumbuhkan sebanyak dua kali. Ayat tersebut ialah ayat 60 dari surah al-Naml.

Kata kerja نَبَتَ dalam Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada tujuh pola kata yang berbeza. Pola kata yang paling banyak digunakan ialah pola kata أَفْعَلْنَا untuk perkataan أَنْبَتْنَا. Pola kata أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَتَكُمْ dan perkataan أَنْبَتَهَا. Pola kata yang lain pula ialah أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَتَتْ، يُفْعَلُ untuk perkataan يُنْبِتُ، تُفْعَلُوا untuk perkataan تُنْبِتُوا، تُفْعَلُ untuk perkataan تُنْبِتُ dan تَفْعَلُ untuk perkataan تَنْبِتُ. Kekerapan setiap pola kata tersebut dalam ayat Al-Qur'an Al-Karim seperti berikut:



Rajah 6.1: Kekerapan pola kata perkataan نَبَتَ dalam Al-Qur'an Al-Karim

Makna asal perkataan نَبَتَ dan نَبَتَ adalah merujuk kepada makna tumbuh-tumbuhan dan tumbuhkan. Walaupun begitu, terdapat penggunaan perkataan نَبَتَ dan نَبَتَ dalam konteks yang berlainan akan mengakibatkan perubahan pada makna penggunaannya.

Tumbuh-tumbuhan yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah dari pelbagai jenis bentuk, sifat dan warna. Terdapat tumbuh-tumbuhan yang mempunyai batang dan ada pula yang melata di atas tanah. Selain itu, terdapat juga jenis tumbuh-tumbuhan yang menghasilkan buah dan ada pula yang tidak menghasilkan buah. Semua jenis tumbuh-tumbuhan ini bermanfaat kepada manusia, binatang dan alam sekeliling.

Tumbuh-tumbuhan yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah secara berpasang-pasangan. Terdapat tumbuh-tumbuhan jantan dan tumbuh-tumbuhan betina. Keperluan gender jantan kepada gender betina adalah untuk tujuan pembiakan.

Kata kerja نَبَتْ dalam Al-Qur'an Al-Karim terdiri daripada tujuh pola kata yang berbeza.

Pola kata yang paling banyak digunakan ialah pola kata أَفْعَلْنَا untuk perkataan أَنْبَيْتَنَا. Pola kata أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُكُمْ dan perkataan أَنْبَيْتَهَا. Pola kata yang lain pula ialah أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُ, أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُكُمْ, أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُكُمْ, أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُكُمْ dan أَفْعَلْتُ untuk perkataan أَنْبَيْتُكُمْ.

- i. Perkataan pokok yang merujuk kepada pokok yang berada di syurga dan neraka.
- ii. Perkataan pokok yang disandarkan kepada pengkisahan nabi-nabi tertentu dalam Al-Qur'an Al-Karim.
- iii. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T.
- iv. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan.
- v. Perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok ini juga merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya.

Pokok di syurga menceritakan tentang pengkisahan Nabi Adam a.s yang direkodkan dalam empat ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Baqaraṭ ayat 35, surah al-'A'rāf ayat 19-20, surah Ṭaha ayat 120 dan surah al-'A'rāf ayat 22.

Pokok di neraka merujuk kepada pokok *al-Zaqqūm* yang dicatatkan dalam lima ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Sāffāt ayat 64, surah al-'Isrā' ayat 60, surah al-Ṣaffāt ayat 62, surah al-Dukhān ayat 43 dan surah al-Wāqī'aṭ ayat 52.

Terdapat tiga pengkisahan para anbiya a.s yang disandarkan dengan perkataan pokok dalam Al-Qur'an Al-Karim. Pengkisahan pertama adalah pengkisahan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat dalam peristiwa perjanjian *al-Riḍwān* di Ḥudaibiyyat dalam surah al-Faṭḥ ayat 18. Pengkisahan kedua ialah pengkisahan Nabi Musa a.s yang

mendapat wahyu dari Allah S.W.T dalam surah al-Qaṣaṣ ayat 30 dan pengkisahan ketiga ialah pengkisahan Nabi Yūnus a.s dalam surah al-Ṣaffāt ayat 146.

Terdapat enam ayat yang menggunakan perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Naḥl ayat 10, firman Allah S.W.T surah al-Naml ayat 60, surah Yāsīn ayat 80, surah al-Wāqī‘at ayat 72, surah al-Mu‘minūn ayat 20 dan surah al-Naḥl ayat 68.

Terdapat tiga ayat menggunakan perkataan pokok yang menunjukkan perbandingan antara dua perkara yang mempunyai persamaan. Ayat-ayat tersebut ialah surah Ibrāhīm ayat 24-26, surah Luqmān ayat 27 dan surah an-Nūr ayat 35.

Terdapat dua ayat yang menggunakan perkataan pokok yang digunakan secara umum untuk menunjukkan bahawa pokok-pokok ini juga merupakan makhluk Allah S.W.T yang sentiasa sujud kepadaNya. Ayat-ayat tersebut ialah surah al-Ḥajj ayat 18 dan surah al-Raḥmān ayat 6.

Terdapat empat jenis nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur’an Al-Karim. Tumbuh-tumbuhan tersebut ialah pokok kayu, sayur-sayuran, rumput dan kacang. Terdapat sebanyak tujuh jenis pokok kayu dalam Al-Qur’an Al-Karim. Pokok-pokok kayu tersebut ialah ialah pokok الْأَثَلُ (tamarisk), pokok الْأَبَكَّةُ (*aikat*), pokok الْحَمْطُ (sugi), pokok الْبَدْرُ (bidara), pokok (الطَّلْح) (pisang atau pokok *umm ghailan*), pokok الْكَافُورُ (kapur barus) dan pokok النَّخِيلُ (kurma).

Terdapat sebanyak lapan jenis sayur-sayuran yang disebut dalam Al-Qur’an Al-Karim. Sayur-sayuran ini ialah الْبَصَلُ (bawang), الْبَقْلُ (sayur-sayuran hijau), الرَّيْحَانُ (selasih/*al-Ās*), الرَّخِيصِيُّ (halia), الْحَرْدَلُ (sawi), الْفُومُ (bawang putih), الْقَيْطَانُ (timun) dan الْيَقْطِينُ (labu). الْأَبُّ (rumput) pula adalah dari jenis tumbuhan melata dalam Al-Qur’an Al-Karim. Manakala jenis kacang yang terdapat dalam Al-Qur’an Al-Karim ialah الْعَدَسُ (kacang dal).

Frekuensi kedudukan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah:

Jadual 6.1: Frekuensi kedudukan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim

Bil	Nama & Jenis Tumbuh-Tumbuhan	Kedudukan ayat	Kekerapan
1.	Pokok kayu		
	Tamarisk	Saba':16	1
	<i>Aikat</i>	Al-Hijr:78 Al-Syu'arā':176 Şād:13 Qāf:14	4
	Sugi	Saba':16	1
	Bidara	Al-Najm:14,16 Saba':16 Al-Wāqī'at:28	4
	Pisang atau pokok <i>umm ghailan</i>	Al-Wāqī'at:29	1
	Kapur barus	Al-Insān:5	
	Kurma	Al-'An'ām: 99 Al-'An'ām:141 Al-Kahf:32 Maryam:23 Maryam:25 Ṭoha:71 Al-Syu'arā':148 Qaf:10 Al-Qamar:20 Al-Raḥman:11 Al-Raḥman:78 Al-Ḥāqat:7 'Abasa:29 Al-Ra'd:4 Al-Naḥl:11 Al-Naḥl:67 Al-'Isrā':91 Al-Mu'minūn:19 Yāsin:34 Al-Baqaraṭ:266 Al-Ḥasyar:5	21
2.	Sayur-sayuran		
	Bawang	Al-Baqaraṭ:61	1
	Sayur-sayuran hijau	Al-Baqaraṭ:61	1
	Selasih	Al-Wāqī'at:89 Al-Raḥmān:12	2
	Halia	Al-Insān:17	1
	Sawi	Al-'Anbiyā':47 Luqmān: 16	2
	Bawang putih	Al-Baqaraṭ:61	1
	Timun	Al-Baqaraṭ:61	1
	Labu	Al-Şaffāt:46	1
3.	Rumput	'Abasa:31	1
4.	Kacang dal	Al-Baqaraṭ:61	1

Pokok kurma adalah jenis tumbuh-tumbuhan yang paling banyak terdapat dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan frekuensi penggunaan sebanyak 21. Seterusnya diikuti oleh pokok aikat dan bidara dengan frekuensi penggunaan sebanyak 4 kali. Selasih dan sawi pula frekuensi penggunaannya dalam Al-Qur'an Al-Karim masing-masing sebanyak 2 kali. Selain daripada jenis tumbuh-tumbuhan ini, frekuensi penggunaan masing-masing adalah sebanyak sekali sahaja.

Tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ini boleh dikategorikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang hanya mempunyai satu tafsiran makna. Manakala kumpulan kedua pula ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang ditafsirkan lebih daripada satu makna.

Penggunaan nama tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat dalam empat jenis gaya bahasa. Gaya bahasa tersebut ialah gaya bidalan (*al-Mathal/المَثَلُ*), gaya bahasa *التَّشْبِيه* (*al-Tasybih*), gaya bahasa *الِاسْتِفْهَامُ* (pertanyaan) dan gaya bahasa *القَسَمُ* (sumpah).

Tumbuh-tumbuhan merupakan unsur *الْحِسِّيُّ وَالْوَاقِعِيُّ* (*al-Hissiy dan al-Waqi'iy*) iaitu unsur yang dapat dirasai dan dilihat oleh manusia. Manusia sentiasa berinteraksi dengan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa bidalan bertujuan memudahkan manusia untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh Al-Qur'an Al-Karim. Jumlah keseluruhan ayat bidalan tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim ialah sebanyak sembilan ayat yang dibincangkan dalam lima topik. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan cahaya Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-Nūr ayat ke-35. Perbandingan dalam ayat ini ialah perbandingan berangkai yang menunjukkan perbandingan antara sebuah *al-Misykāt* yang di dalamnya terdapat sebiji geluk kaca lutsinar berisi lampu yang dipenuhi dengan minyak zaitun dengan cahaya atau hidayah Allah S.W.T dalam hati manusia. Pokok zaitun juga digambarkan sebagai pokok wahyu (keimanan).
- ii. Gambaran tentang akhlak Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat seperti yang terdapat dalam surat al-Fatḥ ayat ke-29. Gambaran perbandingan dalam

ayat ini ialah perbandingan tentang keadaan agama Islam yang disebarkan oleh Nabi S.A.W bersama-sama para sahabat. Pokok tanaman mewakili Nabi S.A.W yang diutuskan secara bersendirian. Gambaran perbandingan lain sifat para sahabat Nabi S.A.W yang sentiasa keras dan tegas kepada orang kafir digambarkan dengan sifat tumbuh-tumbuhan yang saling melengkapi dan mengukuhkan antara satu sama lain. Selain itu, sifat para sahabat yang sentiasa beristiqamah, memperbanyakkan rukuk dan sujud kepada Allah S.W.T dengan ikhlas dan hanya mengharapkan keredhaan Allah S.W.T telah meninggalkan kesan sujud di wajah mereka turut digambarkan dengan proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang berlaku secara berterusan.

- iii. Gambaran tumbuh-tumbuhan dengan perkataan tauhid seperti yang terdapat dalam surah Ibrāhīm ayat ke-24 sehingga ayat ke-26. Terdapat dua bentuk perbandingan dalam ayat ini. Perbandingan pertama antara *كَلِمَةً طَيِّبَةً* (perkataan baik) dengan *شَجَرَةً طَيِّبَةً* (pokok yang baik) dan perbandingan kedua ialah *كَلِمَةً خَبِيثَةً* (perkataan buruk) dengan *شَجَرَةً خَبِيثَةً* pokok yang buruk.
- iv. Gambaran proses kehidupan manusia di dunia sama seperti proses kehidupan tumbuh-tumbuhan. Terdapat tiga ayat yang membincangkan perihalan gambaran perbandingan ini. Ayat-ayat tersebut ialah ayat ke-24 dari surah Yūnus, ayat ke-45 dari surah al-Kahf dan ayat ke-20 dari surah al-Ḥadīd. Dalam ketiga-tiga ayat ini, Allah S.W.T membuat perbandingan proses kehidupan manusia di dunia dan nikmat-nikmat yang terdapat di dalamnya sama seperti proses tumbesaran tumbuh-tumbuhan yang berlaku secara pantas.
- v. Gambaran menafkahkan harta benda dengan tumbuh-tumbuhan. Gambaran ini direkodkan oleh Allah S.W.T dalam tiga ayat Al-Qur'an Al-Karim, iaitu dalam surah al-Baqaraṭ ayat 261, surah al-Baqaraṭ ayat 265 dan surah Āl-Imrān ayat yang ke-117. Ayat 261 dan 265 dari surah al-Baqaraṭ merupakan gambaran ganjaran pahala yang bakal diperolehi oleh manusia yang membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T dengan hati yang ikhlas. Manakala ayat ke-117 surah Āl-Imrān pula merupakan peringatan dari Allah S.W.T manusia tentang perbuatan

orang kafir yang membelanjakan harta di jalan kebaikan semasa berada di dunia tidak akan dinilai oleh Allah S.W.T di akhirat kelak.

Ayat *al-Tasybīh* yang menggunakan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim dapat dilihat pada empat topik utama. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Perihal keadaan manusia yang akan dibangkitkan semula pada hari akhirat yang direkodkan dalam tiga ayat dari surah yang berbeza. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 57 dari surah al-A'rāf, ayat 5 dari surah al-Ḥajj dan ayat 39 dari surah al-Fuṣṣilat. Kesemua ayat ini merupakan peringatan Allah S.W.T kepada manusia tentang perihalan hari kebangkitan semula yang akan dihadapi oleh semua manusia sesudah kematian.
- ii. Perbandingan antara orang beriman dan orang kafir seperti yang terdapat dalam surah al-A'rāf ayat ke-58. Orang mukmin yang sentiasa taat pada perintah Allah S.W.T dan mengamalkan isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang baik dan mengeluarkan hasil tanaman yang subur dari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Manakala orang kafir yang menolak isi kandungan Al-Qur'an Al-Karim digambarkan sebagai negeri yang tidak mempunyai tanah yang baik dan mengakibatkan tumbesaran tumbuh-tumbuhan di atasnya terbantut.
- iii. Perbandingan gambaran bulan dengan tandan kurma kering seperti yang terdapat dalam surah Yāsīn ayat ke-39. Ayat ini merupakan ayat *al-Tasybīh* di antara makhluk yang berada di alam cakerawala dengan makhluk yang berada di bumi.
- iv. Gambaran keadaan kedaifan orang kafir yang menanggung azab Allah S.W.T di dunia dan di akhirat. Terdapat empat ayat yang menggambarkan keadaan ini. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 20 dari surah Al-Qamar, ayat 7 dari surah al-Ḥāqat, ayat 31 dari surah al-Qamar dan ayat 5 dari surah al-Fīl.

Terdapat sebanyak lapan ayat yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk gaya bahasa pertanyaan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat ini dibincangkan dalam empat topik yang berbeza. Topik-topik tersebut ialah:

- i. Gambaran tentang kekuasaan Allah S.W.T. Perihalannya keadaan ini direkodkan dalam lima ayat Al-Qur'an Al-Karim. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 7 dari surah al-Syua'ra', ayat 60 dari surah al-Naml, ayat 27 dari surah al-Sajadat, ayat 27 dari surah al-Fāṭir dan ayat 63 sehingga ayat 65 dari surah al-Wāqī'at. Penggunaan peranti *al-Hamzat* tanya dalam ayat 7 dari surah al-Syua'ra' bermaksud *الْإِنكَارِيَّ وَالتَّوْبِيحِيَّ* (*al-Inkārīy wa al-Tawbīkhīy*) iaitu satu bentuk kecaman kepada golongan kafir. Peranti tanya dalam ayat 60 dari surah al-Naml ialah huruf *al-Hamzat* yang bermaksud *التَّعْرِيرِيَّ* (*al-Taqrīrīy*) dan *التَّبْكِيثُ* (*al-Tabkīṭ*) iaitu pengakuan dan cercaan.
- ii. Penggunaan gaya bahasa pertanyaan diulang sebanyak dua kali dalam ayat 27 dari surah al-Sajadat. Penggunaan gaya bahasa pertanyaan dalam ayat ini bertujuan sebagai *التَّنْبِيهُ* (menarik perhatian) dan kecaman *al-Tawbīkhīy* kepada manusia. Peranti *al-Hamzat* dalam ayat 63 sehingga ayat 65 dari surah al-Wāqī'at adalah peranti tanya yang bermaksud *الْإِنكَارِيَّ وَالتَّعْرِيرِيَّ* (*al-Inkārīy* dan *al-Taqrī'īy*) iaitu satu penafian dan peringatan.
- iii. Galakan untuk mencari kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia seperti yang terdapat dalam surat al-Zumar ayat yang ke-21. Peranti *al-Hamzat* Tanya dalam ayat ini bermaksud *al-Taqrīrīy* yang bertujuan untuk memberi peringatan kepada Nabi S.A.W agar dapat memberi perhatian terhadap kandungan ayat ini.
- iv. Galakan amalan bersedekah seperti yang terdapat dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-266 yang menggunakan peranti *al-Hamzat* tanya yang bermaksud *al-Inkārīy wa al-Taḥzīr*.
- v. Gambaran tumbuh-tumbuhan yang sentiasa sujud kepada Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-Ḥajj ayat yang ke-18.

Terdapat dua jenis gaya bahasa sumpah yang menggunakan nama tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Jenis gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa sumpah *الصَّرِيحُ* (*Ṣarīḥ*), dan gaya bahasa sumpah *الضَّمِيئِيَّ* (*Ḍimnīy*). Hanya terdapat satu ayat sahaja yang

menggunakan gaya bahasa sumpah *Sarīḥ* dalam Al-Qur'an Al-Karim iaitu dalam surat al-Tin ayat pertama yang menggunakan perkataan buah tin dan buah zaitun bersama-sama dengan huruf *al-Wāw* sumpah.

Antara sebab Allah S.W.T bersumpah dengan buah tin dan zaitun ialah kerana buah tin dan zaitun ini menyerupai buah-buahan di syurga. Sebab lain Allah S.W.T bersumpah dengan tin kerana untuk menunjukkan kemuliaan buah tin tersebut. Selain itu, buah tin juga mengeluarkan bau yang harum, rasa yang enak dan cantik dipandang. Manakala Allah S.W.T bersumpah dengan buah zaitun pula disebabkan oleh keberkatan pokok tersebut yang menjadi makanan para Nabi a.s sejak zaman dahulu dan banyak digunakan dalam bidang perubatan.

Gaya bahasa sumpah *al-Dimnīy* direkodkan dalam surah al-Baqaraḥ ayat 155. Bentuk ayat penyata dalam ayat ini adalah ayat sumpah yang berperanan sebagai ayat penegasan kepada bentuk-bentuk ujian daripada Allah S.W.T. Tanda ayat sumpah dalam ayat ini ialah peranti *الْأَلَامُ الْمُوَطَّئَةُ* (*al-Lām al-Muwattī'at*) atau salah satu dari huruf *لَنْبَلُؤَنَّكُمْ* (*al-Nūn al-Tawkīd*) yang terdapat pada perkataan *لَنْبَلُؤَنَّكُمْ*.

6.2 Cadangan

Diharapkan dengan kajian ini kelak akan menimbulkan minat kepada para pencinta bahasa Arab untuk menyingkap permasalahan-permasalahan lain yang berkaitan dengan istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Qur'an Al-Karim. Terdapat beberapa aspek yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan tetapi tidak dibincangkan dalam kajian ini. Diharapkan akan adanya usaha untuk mengkaji aspek-aspek tersebut. Aspek-aspek tersebut ialah:

- i. Bahagian-bahagian lain yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan seperti batang, daun, pucuk bunga, buah dan sebagainya.
- ii. Bidang berkaitan dengan pertanian seperti ladang dan kebun.

Perbincangan berkaitan dengan gaya bahasa yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dalam kajian ini hanya kepada gaya bahasa *al-Insyā'īy* sahaja yang terdiri daripada gaya bahasa tersebut ialah gaya bahasa bidalan *الْمَثَلُ*, gaya bahasa *al-Tasybīḥ*, gaya bahasa

pertanyaan dan gaya bahasa sumpah sahaja. Diharapkan selepas ini adanya kajian yang akan membincangkan istilah tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa *al-Khabariyy* dalam Al-Qur'an Al-Karim.

Selain itu, diharapkan juga adanya kajian secara terperinci yang dilakukan terhadap istilah tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam hadith nabi S.A.W dalam bidang leksikografi dan analisis wacana. Kajian seumpama ini adalah penting untuk melihat aspek penggunaan istilah tumbuh-tumbuhan dalam gaya bahasa hadith di samping kesannya terhadap makna sesuatu hadith.

Diharapkan akan adanya kajian-kajian seterusnya yang akan memberi kesinambungan terhadap tajuk ini. Harapan penulis agar kajian ini mampu untuk memberi sumbangan terhadap khazanah ilmu-ilmu bahasa Arab dan seleksinya di samping membuktikan bahawa ajaran Islam itu merupakan ajaran yang benar dan kitab suci Al-Qur'an al-Karim merupakan sumber rujukan yang agung dalam semua lapangan kehidupan dan cabang ilmu yang pelbagai.

6.3 Penutup

Keseluruhan bab ini memaparkan rumusan dan cadangan terhadap kajian yang telah dilakukan. Ia meliputi rumusan-rumusan penting berkaitan dengan isi-isi yang diperbahaskan seterusnya hasil dapatan yang diperolehi. Dalam bab ini juga penulis telah mengemukakan beberapa cadangan dan harapan agar tajuk ini mendapat tempat dalam gedung khazanah ilmu-ilmu bahasa Arab dan menunjukkan ia adalah sesuai untuk digunakan dalam semua peringkat pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sama ada di peringkat universiti atau pun di peringkat sekolah.

Adalah menjadi harapan penulis agar kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan terhadap perbincangan ilmu linguistik Arab yang turut melibatkan kajian leksikografi, analisis wacana bahasa Arab, bidang linguistik dan retorik Arab. Semoga segala usaha ini diberi ganjaran dan balasan yang setimpal oleh Allah s.w.t dan menjadi pemangkin yang kukuh ke arah perkembangan dan pemeliharaan bahasa Arab sejagat.

RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim

1. RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Abd al-Faḥḥ Lāsyīn. (1998). *Al-Bayān fī Dū’i Asālib Al-Qur’ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fikr al-‘Arabīy.

‘Abd al-Ghanīy al-Daqar (1986). *Mu’jam al-Qawā’id al-‘Arabiyyat fī al-Nahw wa al-Taṣrīf*. Dimasq, Syiria: Dār al-Qalam.

‘Abd al-Ḥamīd al-Farāhīy. (1994). *Im ‘ān fī Aqsām Al-Qur’ān*. Dimasq, Syiria: Dār al-Qalam.

‘Abd al-Mun’im Fahīm al-Ḥādīy, & Rīnā Muḥsīn Barkat (1998). *‘Ālim al-Nabāt fī Al-Qur’ān Al-Karīm*. Universiti al-Zaqāzīq, Mesir.

‘Abd al-Najar, ‘Abd al-Wahab. (t.t). *Qasas al-‘Anbiyā’*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.

‘Abd al-Raḥman Muḥammad al-Qamās. (2009). *Al-Hāwī fī al-Tafsīr*. Emiriah Arab Bersatu: Maktabat al-Syāmilat.

‘Abd Karīm Maḥmūd Yusūf. (2000). *Uslūb al-Istifhām fī Al-Qur’ān Al-Karīm Gharaduhu wa I‘rabuhu*. Dimasq, Syiria: al-Maktabat al-Ghazālīy.

‘Abdullah bin Syiat. (2009). *Al-Āthār al-Tarbawīyyat wa al-Da‘wīyyat min Khilal Ḍarb al-Amthāl fī Al-Qur’ān al-Karīm*. (Tesis Sarjana). Universiti al-Jaza’ir, Al-Jaza’ir.

‘Alīy bin Muḥammad ‘Abd al-Muḥsin. (1991). *Uslub al-Qasam fī Al-Qur’an Dirasat Balaghiat*. (Tesis Sarjana). Universiti Umm al-Qurā, Arab Saudi.

‘Alīy Jawhar. (Ramadhan, 1406). Al-Siwāk Khir min Farshāt al-Asnān. *Majallat al-‘Arabiyyat*, 104,70.

- ‘Amrū bin Mālik. (1996). (e.d) Amīl Badī‘ Ya‘qūb. *Dīwān al-Syanfarā*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitāb al-‘Arabīy.
- Al-‘Askariy, Abū Hilāl al-Ḥasan bin ‘AbdulLah. (1988). (e.d) Ahmad ‘Abd al-Salām. *Kitāb Jamharat al-Amthāl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-‘Asqalānīy, Aḥmad bin ‘Alīy bin Ḥajar. (1997). (e.d) ‘Abd al-‘Azīz bin ‘AbdulLah bin Bāz. Fath al-Barī Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy. Amman, Jordan: Maktabaṭ al-Risālat al-Ḥadīthaṭ.
- Al-‘Atībīy, Masyārīy bin Faraj. (2006). *Al-I’jāz al-Ilmiy Lilsunnaṭ al-Nabawiyyaṭ fī Asrār Miswāk ‘Aud al-Arāk wa Ta’tḥīruh ‘ala Ṣihhaḥ al-Famm wa Minā’aḥ al-Khalāyā al-Basyariyyaṭ. Konvesyen Antarabangsa ‘Ijāz Al-Qur’an kali ke-8*. Kuwait.
- ‘Atikat. (2008). *Al-Tasybih fī Surat al-Qamar*. (Tesis Sarjana). Universiti Islam, Negeri Malang, Indonesia.
- Al-Ālūsīy, Maḥmūd Syukriy. (t.t). *Rūḥ al-Ma‘āniy fī Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm wa Sab‘i al-Mathāniy*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Abū ‘Amrū al-Dānīy. (1994). (e.d) al-Ghānim Qazūrīy. *Al-Bayān fī ‘Addīy Āi Al-Qur’ān*. Kuwait: Markaz al-Makhṭuṭāt wa al-Turāth wa al-Wathā’iq.
- Abū al-Faraj Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm. (2009). (e.d) Aymān Fū’ad Sayyīd. *Al-Fihrisat LilNadīm*. London, UK: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Abū al-Ḥafṣ, Ibn ‘Ādil al-Dimasyqīy. (1998). (e.d) ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. *Al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.
- Abū al-Qāsim, al-Baghdādīy. (1991). (e.d) Mahmud Hasan Abu Najiy. *Al-Jumān fī Tasybīḥāt al-Qur’an*. Jeddah, Arab Saudi: Markaz al-Ṣaf al-Elektrūniy.
- Abū al-Ṣalt, Umayyaṭ bin Abi Rabī‘aṭ al-Thaqafīy. (1998). (e.d) Sajī‘ Jamīl al-Jubaylīy. *Dīwān Umayyaṭ bin Abī al-Ṣalt*. Beirut, Lubnan: Dār al-Ṣādir.

- Abū Ḥātim, ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Idrīs. (1997). (e.d) ‘As‘ad Muḥammad Ṭayyib. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Riyad, Arab Saudi: Maktabat Markaz Muṣṭafā al-Bāz.
- Abū Islām Muḥammad bin ‘Alīy (2012). *Al-Nabatāt fī Al-Qurān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Islām.
- Abū Zuhraṭ, Muḥammad. (1970). *Al-Mu‘jizat al-Kubrā al-Qur‘ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fikr al-‘Arabīy.
- Abū ‘Ubaid al-Qāsim Sallām. (1989). (e.d) Ramaḍān ‘Abd al-Tawwāb. *Al-Gharīb al-Muṣannaḥ*. Al-Zāhir, Mesir: Maktabat al-Thaqāfat al-Dīniyyat.
- Abū Ubaidat, Ma‘mar bin al-Muthannā. (1954). (e.d) Fu‘ād Sīzkīn. *Al-Majāz al-Qur‘ān*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Khānajiyy.
- Abū Zā‘id al-Anṣārīy. (Zulkaedah, 1413). Kitāb al-Syajar wa al-Kalā’. *Majallat al-Luḡat al-‘Arabiyyat al-‘Urdunīy*, 45, 118-223.
- Abū Zaid al-Anṣārīy. (1995). (e.d) Anwar Abū Suwaylim. *Kitāb al-Nabāt wa al-Syajar*. Amman, Jordan: Dar al-‘Abjadiyyat.
- Aḥmad Aḥmad Badawīy (2003). *Min Balāghat Al-Qur‘ān*. Kaherah, Mesir: Nahḍat Meṣir.
- Aḥmad al-Hāsyimīy. (1999). *Jawāhir al-Balāghat*. Beirut, Lubnan: Mu‘assasat al-‘A‘lamīy Lilmaṭbu‘at.
- Aḥmad Muḥammad bin Ḥanbal. (1995). (e.d) Aḥmad Muḥammad al-Syākir. *Al-Musnad*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth.
- Aḥmad ‘Īsā. (1994). *Tārīkh al-Nabāt ‘inda al-‘Arab*. Kaherah, Mesir: Mu‘assasat Handāwī Lilita‘līm wa al-Thaqāfat.
- Aḥmad Qudāmat. (1982). *Qāmūs al-Ghadā’ wa al-Tadāwīy bi al-Nabāt*. Beirut, Lubnan: Dār al-Nafā’is.
- Aḥmad Syams al-Dīn. (1991). *Al-Tadāwīy bi al-‘Asyāb wa al-Nabāt Qadīmān wa Hadīthān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.

- Aimān al-Ḥusainīy. (1993). *Mawsū'at al-Ṭibb al-Sya'bīy wa al-'Ilāj al-Badīl*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ṭalā'i'.
- Al-Anbāriy, Abū al-Barakāt 'Abd al-Raḥmān. (1985). (e.d) Ibrāhīm al-Samārā'iyy. *Nazhat al-Albā' fī Tabaqāt al-'Udabā'*. Al-Zarqā', Jordan: Maktabaṭ al-Manār.
- Al-Andalusīy, Abū Ḥayyān Muḥammad bin Yūsuf. (1993). (e.d) 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maūjūd. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Al-Andalusīy, Athīr al-Dīn Abū Hayyān. (1983). (e.d) Samīr al-Majzūb. *Tuḥfat al-'Arīb bimā fī Al-Qur'ān Min al-Gharīb*. Beirut, Lubnan: Maktabaṭ al-Islāmīy.
- Al-Anṭākīy, Dawwud bin 'Umar. (1998). *Tazkirat 'Ūlī al-'Albāb wa al-Jāmi' Lil'Ājab al-'Uljāb*. Beirūt, Lubnān: Al-Maktabaṭ al-Thaqāfiyyaṭ.
- Anwar 'Alyān Abū Suwailim. (2000). *Diwan Amrū' al-Qais wa Mulḥaqātih bi Syarah Abī Sa'id al-Sukkrīy*. Emiriah Arab Bersatu: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārīkh.
- Al-Aṣfahaniy, Ḥamzaṭ al-Ḥassan. (1866). *Tārīkh Mulūk al-'Ard*. Kolkata, India: Maṭba'a Mazahir al-'Ajā'ib.
- Al-Aṣfahānīy, Abu al-Qasim al-Hussayn Muhammad. (t.t). *Al-Mufradāt fī Gharīb Al-Qur'ān*. Jeddah, Arab Saudi: Maktabaṭ Nazar Mustafā al-Bāz.
- Al-Aṣma'īy, Abū Sa'id 'Abd al-Malik bin Qurayb. (1908). (e.d) Ughasat Hafnar. Kitāb al-Nabāt wa al-Syajar. *Al-Bulghaṭ fī Sudzūr al-Lughat*. Beirūt, Lubnān: Al-Maṭba'aṭ al-Kāthūlikiyyaṭ Lil'Abā' al-Yasū'īyyīn.
- Al-Astarābādīy al-Raḍīy. (1996). (e.d) Imīl Badī 'Ya'qūb. *Syarḥ al-Kāfiyaṭ Ibn Ḥājib*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub 'Ilmiyyaṭ.
- Al-Azhariy, Abū Manṣūr Muḥammad bin Aḥmad. (1976). (e.d) Rasyīd 'Abd Raḥmān al-'Abidīy. *Tahzīb al-Lughat*. Kaherah, Mesir: Dar al-Miṣriyyaṭ Lita'līf wa al-Tarjumaṭ.

- Al-Azraqīy, Abu al-Walid Muhammad bin ‘AbdulLah. (2003). (e.d) ‘Abd al-Malik bin ‘AbdulLah al-Dahīsy. *‘Akhbār Makkat wa Mā Jā’a min al-Athār*. Makkah, Arab Saudi: Maktabat al-‘Asadīy.
- al-Asybilīy, Amawīy. (1989). (e.d) Ibrāhīm al-Abyārī. *Fihrasat Ibn Khayr*. Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-Miṣrīy.
- Badwīy Ṭabānaṭ. (1988). *Mu’jam al-Balāghat al-‘Arabīyyat*. Jeddah, Arab Saudi: Dār al-Manārat.
- Al-Baghdādīy, Al-Khaṭīb, Abū Bakar ‘Alīy bin Aḥmad. (1999). (e.d) Yūsuf bin Muḥammad al-Sa‘īd. *Al-Qaul fi ‘Ilm al-Nujūm*. Riyad, Arab Saudi: Dār al-Aṭlas.
- Al-Baghwīy, Abū Muḥammad al-Ḥussīn. (1991). (e.d) Muḥammad ‘AbdulLah al-Namar. *Ma‘ālim al-Tanzīl*. Al-Riyād, Arab Saudi: Dār al-Ṭaiybat.
- Al-Baiḍāwīy, Nāṣar al-Dīn. (2000). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Rasyīd.
- Al-Baihaqīy, Abū Bakar Aḥmad bin Ḥusin. (1991). (e.d) ‘AbdulLah bin Muḥammad al-Ḥāsyīdīy. *Kitāb al-Almā’ wa al-Ṣifāt*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Suwādīy Liltawzī’.
- Al-Baihaqīy, Abū Bakar Aḥmad bin Ḥusin. (t.t). (e.d) ‘AbdulLah al-Turkīy. *Al-Sunan al-Kabīr*. Kaherah, Mesir: Hajar Markaz Lilbuhūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabīyyat al-’Islāmiyyat.
- Al-Bānīy, Muḥammad Naṣr al-Dīn. (1988). *Ṣaḥīḥ al-Jāmi’ al-Saghir wa Ziyadahu*. Beirut, Lubnan: al-Maktab al-Islāmīy.
- Bint al-Syāṭī’, ‘Āisyah ‘Abd al-Raḥmān. (1971). *Al-‘Ijāz al-Bayānīy Lilqur’ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ma‘ārif.
- Carl Brockelmann. (1941). (e.d) ‘Abd al-Ḥalīm al-Najār. *Tārīkh al-Adab al-‘Arabīy*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ma‘ārif.

- Dasuqīy, Muḥammad ‘Abduh. (2011). *Al-Nabāt fī Al-Qur’ān wa Al-Sunnat min al-Manẓūr al-Islāmīy*. (Kajian Ilmiah). Sudan, Universiti Sudan Sains dan Teknologi.
- Al-Daynūriy, Abū Ḥanīfaḥ Aḥmad bin Dāwwud. (1974). (e.d) Bernard. *Kitāb al-Nabāt*. Beirut, Lubnān: Dār al-Qalam.
- Al-Fairūzābādīy, Majjad al-Dīn Muḥammad bin Ya‘aqūb. (2005). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Faiyūmīy, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alīy. (1977). (e.d) ‘Abd al-‘Azīz al-Syanāwīy. *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Syarh al-Kabīr LilRāfa‘iy*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ma‘ārif.
- Fā’izaḥ Muḥammad (1993). *Al-Nabāt wa al-’A ‘syāb al-Tibbiyyat: Kaif Tastakhdimuhā*. Kaherah, Mesir: Markaz al-‘Ahrām Liltarjamat wa al-Nasyr.
- Fakhr al-Dīn Qabāwaḥ. (1989). *’I’rāb al-Jumal wa Asybāhu al-Jumal*. Dimasq, Syiria: Dār al-Qalam al-‘Arabīy.
- Al-Farāhīdiy, Abū ‘Abd al-Rahmān Al-Khalīl bin Aḥmād. (2001). *Kitāb al-’In*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Farrā’, Abū Zakariyā. (1955). (e.d) ‘Alīy al-Najjār. *Ma‘āniy al-Qurān*. t.p. Dar al-Surūr.
- Al-Gharnāṭīy, Abū Ja‘far Aḥmad bin Ibrāhīm. (t.t). (e.d) ‘Abd al-Ghaniy Muḥammad ‘Alīy al-Fāsīy. *Malāk al-Ta’wīl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Ghasānīy, Abū al-Qāsīm al-Wazīr. (1990). (e.d) Muḥammad al-‘Arabīy al-Khiṭābīy. *Ḥadīqat al-Azhār fī Māhiyyat al-’Usyb wa al-’Aqqār*. Beirut, Lubnan: Dār al-Gharb al-Islāmīy.
- Al-Ghasānīy al-Turkumānīy. (2000). (e.d) Mahmūd ‘Amir al-Dimyāṭīy. *Al-Mu’tamid fī al-’Adawiyat al-Mufradat*. Beirut, Lubnan, Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyat.
- Ghulam al-Tha‘lab, Abū ‘Amrū Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid. (2002). (e.d) Muḥammad bin Ya‘qūd al-Turkistanīy. *Yāqūt al-’Širāt fī Tafsīr Gharīb al-Qurān*. Al-Madinah Al-Munawwarat, Arab Saudi: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.

- Al-Haithamiy, Nūr al-Dīn ‘Alīy bin Abū Bakar. (2001). (e.d) Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad ‘Aṭā’. *Majma’ al-Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*. Beirut, Lubnan. Dār al-Kutub ‘Ilmiyyaṭ.
- Al-Ḥalabīy, Abū Ṭayyib ‘Abd al-Wāhid. (1955). (e.d) Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhim. *Marātib al-Naḥwiyyīn*. Kaherah, Mesir: Maktabat Nahḍat Meşir wa Maṭba‘atuhā.
- Al-Hamdāniy, Lisān al-Yaman al-Ḥasan Aḥmad bin Ya‘qūb. (1990). (e.d) Muḥammad bin ‘Alīy al-’Akwa’. *Şiffat Jazīrat al-’Arab*. Şana‘ā, Yaman: Maktabat al-Irsyād.
- Al-Ḥarīriy, Abū Muḥammad bin al-Qasīm. (1299). (e.d) Aḥmad Syihāb al-Dīn al-Khifājīy. *Darraṭ al-Ghawaş fī Awhām al-Khawāş*. Istanbul, Turkiy: Maṭba‘at al-Jawā’ib.
- Ḥasanayn Muḥammad Makhlūf. (1995). *Kalimāt al-Qur’ān Tafşīr*. Arab Saudi: Hai’at al-’Ighāthaṭ al-’Alāmiyyaṭ.
- Husnā ‘Abd al-Ḥāfiz (Jumādā al-Ūlā, 1997). Al-Siwāk wa al-I’jāz al-’Ilmiy fī al-Sunnaṭ al-Nabawiyyaṭ. *Majallat al-Qāfilaṭ*, 22-23.
- Ibn ‘Āsyūr, Muḥammad Ṭāhir. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia. Dār Tunisiyyaṭ li Nasyar.
- Ibn ‘Alīy bin Ya‘īsy (t.t). *Syarḥ al-Mufaşşal*. Kaherah, Mesir: Idārat al-Tibā‘at al-Munīraṭ.
- Ibn ‘Aqīl, Bahā’ al-Dīn (1980). (e.d) Muḥammad Kāmil Barakāt. *Al-Masā’id ‘alā Tashīl al-Fawā’id*. Makkat, Arab Saudi: Markaz al-’Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmīy.
- Ibn ‘Aṭīaṭ, Abu Muhammad ‘Abd a;-Haq. (2007). (e.d) al-Raḥāllat al-Fārūq. *Al-Muḥarrar al-Wājīz*. Qatar. Wizārat al-Awqāf wa Syū’ūn al-Islāmiyyaṭ.
- Ibn al-’Azraq, Ibrāhīm bin ‘Abd al-Raḥman. (t.t). *Tashīl al-Manāfi’ fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmaṭ*. Kaherah, Mesir: al-Matba‘at al-Khayriyyaṭ.

- Ibn al-'Azraq. (2003). (e.d) Muḥammad Aḥmad al-Dālīy. *Masā'il Nāfi' bin al-'Azraq 'an 'Abdullah bin al-'Abbās*. Limassol, Cyprus: Al-Jaffān al-Jābīy.
- Ibn al-'Awām, Abū Zakariyyā Yaḥya. (1802). *Al-Falāḥaṭ*. Madrid, Sepanyol: Madrid en la Imprenta Real.
- Ibn al-Baiṭār. (2001). *Al-Jāmi' al-Mufradāt al-'Adawiyyaṭ*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Ibn al-Sarāj, Abū Bakar Muḥammad bin Sahal. (1996). (e.d) 'Abd Husīn al-Fatliyy. *Al-Uṣūl fī al-Naḥw*. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risālaṭ.
- Ibn al-Sikkīt, Ya'qūb bin Ishāq. (1998). (e.d) Fakh al-Dīn Qabāwaṭ. *Kitāb al-'Alfāz*. Beirut: Lubnān: Maktabaṭ Lubnān Nāsyirūn.
- Ibn al-Wardīy (t.t). (e.d) Muḥammad Sayyid al-Rafā'īy. *Manāfi' al-Nabāt wa al-Thimār wa al-Buqūl wa al-Fawākih wa al-Khaḍarawāt wa al-Rayāḥīn*. Dimasq, Syria: Dār al-Kutub al-'Arabīy.
- Ibn Bāz, 'Abd al-'Aziz. (1999). (e.d) Muḥammad bin Sa'ad al-Syaway'ar. *Majmū' Fatāwā wa Maqālāt al-Mutanawwi'at*. Riyad, Arab Saudi: Dār al-Qāsim Lilnasyar.
- Ibn Baṭūṭaṭ, Abū 'Abdullah Muḥammad.(t.t). (e.d) Ṭalāl Ḥarb. *Tuḥfaṭ al-Nazār fī Qarā'ib al-Amṣār wa 'Ajā'ib al-Aqdār*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Ibn Durayd, Abū Bakar Muḥammad bin al-Ḥassan. (1987). (e.d) Ramzī Munīr Ba'labakīy. *Jamraṭ al-Luḡaṭ*. Beirūt, Lubnān: Dār al-'Ilm LilMalāyyīn.
- Ibn Fāris, Abū Husain Aḥmad Zakariā. (2001). *Mu'jam Maqāyyīs al-Luḡaṭ*. Beirut, Lubnan: Dār I'hyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Ibn Hisyām al-Anṣārīy. (1991). (e.d) Mahy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd. *Mughniy al-Labīb 'An Kutub al-'A'arīb*. Beirut, Lubnan: Al-Maktabaṭ al-'Aṣriyyaṭ.

- Ibn Juzaiy al-Kalbiy, Abū al-Qāsim Muḥammad. (1995). (e.d) Muḥammad Sālim Hāshim. *Al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- Ibn Jinnīy, Abū al-Faṭḥ 'Uthmān. (1986). (e.d) 'Alīy al-Najdiy Nāṣif. *Al-Muḥtasib*. Kaherah, Mesir: Majlis al-'A'lā li Syu'ūn al-Islāmiyyat.
- Ibn Jinnīy, Abū al-Faṭḥ 'Uthmān. (1994). 'Abd al-Ḥamīd al-Handāwīy. *Al-Khaṣā'is*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl al-Quraysīy. (1997). (e.d) 'Alīy 'Abd al-Ḥamīd Abu al-Khayr. *Qaṣṣaṣ al-Anbiyā'*. Dimasq, Syiria: Dār al-Khayr.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl al-Quraisīy. (1999). (e.d) Khālid Muḥammad Maḥarram. *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut, Lubnan: Maktabat al-'Aṣriyyat.
- Ibn Khaldūn, Abū Zaid 'Abd al-Raḥman. (2001). (e.d) Abu Ṣuhayb al-Kurmīy. *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Amman, Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyat.
- Ibn Khāluwiyah (t.t). *Mukhtaṣar fī Syawāz al-Qur'ān Min Kitāb al-Badī'*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Mutanabbīy.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram. (1984). (e.d) Ruḥiyyat al-Nuḥḥās. *Mukhtaṣar Tārīkh Dimasyq li Ibn 'Asākir*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikir.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram. (1996). *Lisān al-'Arab*. Beirut, Lubnan: Dār I'hyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Ibn Qayyum al-Jawziyyat, Muḥammad bin Abū Bakar. (1957). (e.d) 'Abd al-Ghanī 'Abd Khāliq. *Al-Ṭib al-Nabawīy*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyum al-Jawziyyat, Muḥammad bin Abū Bakar. (1981). (e.d) Sa'īd Muḥammad al-Namr Khatīb. *Al-Amthāl fī Al-Qur'ān Al-Karīm*. Beirut, Lubnan: Dār al-Ma'rifaṭ.
- Ibn Qayyum al-Jawziyyat, Muḥammad bin Abū Bakar. (t.t). *al-Tabyān fī Aqsām al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Al-Maktabat al-Mutanabbīy.

- Ibn Qayyūm al-Jawziyyaṭ, Muḥammad bin Abū Bakar. (2002). (e.d) Masyhūr Ḥasan ‘Āl Salmān. *I’lām al-Mawqī‘īn ‘An Rabb al-‘Ālamīn*. Arab Saudi: Dār Ibn Al-Jawziyy li Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Ibn Qutaibaṭ, Abū Muḥammad bin ‘AbdulLah bin Muslim. (1978).(e.d) Aḥmad Ṣaqar. *Tafsīr Gharīb al-Qurān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ.
- Ibn Ruṣṭaṭ, Abu ‘Aliy Ahmad bin ‘Umar. (t.t). *Al-’A’lāq al-Nifīsāṭ*. (t.tp). Syarikat Nawābi‘ al-Fikr.
- Ibn Sīdah, Abū Ḥussīn ‘Alīy bin Isma‘īl. (2003). (e.d) ‘Abd al-Faṭḥ Sayyīd Salīm. *Al-Muḥkam wa al-Muḥīṭ al-’A’zam fī al-Lughat*. Kaherah, Mesir: Ma‘had al-Makḥṭūṭāt al-‘Arabīyyaṭ.
- Ibn Sīdah, Abū Ḥussīn ‘Alīy bin Isma‘īl. (t.t). *al-Mukhaṣṣas*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ.
- Ibn Sīnā, Abū ‘Alīy al-Ḥussīn. (1999). (e.d) Muḥammad Amīn al-Ḍannāwī. *Al-Qānūn fī al-Ṭibb*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ.
- Ibn Wāḍīh, Ahmad bin Ya‘qūb. (1860). *Al-Buldān*. Madīnat Līdin al-Maḥsūrāt.
- Al-‘Imādiy, Abū Sa‘ūd, Muḥammad. (t.t). (e.d) ‘Abd al-Qādir Muḥammad ‘Aṭā. *Irsyād al-’Aqal al-Salīm’Ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. Riyād, Arab Saudi: Maktabaṭ al-Riyād al-Hadīthaṭ.
- Al-Jāḥiẓ, Abū ‘Uthmān ‘Amr bin Baḥar (1998), (e.d), ‘Abd al-Salām Hārūn, *Kitāb al-Haiwān*. Beirut, Lubnan. Dār al-Fikīr.
- Jamā‘at min Kibār al-Lughawiyyīn. (2003). *Al-Mu‘jam al-‘Arabīy al-’Asāsīy*. Mesir: Al-Munazzamaṭ al-‘Arabīyyaṭ li al-Tarbiyyaṭ wa al-Thaqāfaṭ wa al-‘Ulūm.
- Jawāhir Muḥammad Surūr Sa’ad Bāslūm. (1994). *Al-Nabāt fī Dū’ Al-Qur’ān Al-Karīm wa Al-Sunnat al-Nabawīyyaṭ al-Muṭṭaharat*. (Tesis Ph.d). Universiti Umm al-Qurā, Arab Saudi.

- Al-Jawhariy, Isma'īl bin Ḥammad. (1990). (e.d) Aḥmad 'Abd al-Ghafūr 'Iṭṭār. *al-Ṣihhaḥ Tāj al-Lughat wa al-Ṣihhaḥ al-'Arabiyyat*. Beirut, Lubnan: Dār al-'Ilmiyy Li al-Malāyīn.
- Al-Jawziy, Abū al-Farj 'Abd al-Raḥman. (1987). (e.d) Ḥassan Diyā' al-Dīn 'Itir. *Funūn al-'Afnān fī 'Uyyūn 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyat.
- Al-Jawziy, Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥman. (1984). *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*. Beirut, Lubnan: al-Maktab al-Islāmiyy.
- Al-Juwālīqiy, Abū Mansūr. (1995). (e.d) 'Abd al-Raḥīm. *Al-Mu'rab min Kalām al-'A'jamī 'alā Ḥurūf al-Mu'jam*. Dimasq, Syiria: Dār al-Qalam.
- Al-Khāzin, 'Ala' al-Dīn Muḥammad (t.t). *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'āniy al-Tanzīl*. t.c. t.p.t.tp.
- Kokab Diyāb. (2001). *Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Asyjar wa al-Nabāt fī Lisān al-'Arab*. Beirut, Lubnan. Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- Lajnat min 'Ulamā' al-Azhar. (1995). *Tafsīr al-Muntakhab*. Kaherah, Mesir: Mu'assasat al-Ahrām.
- Māsiat Ḥāmid Khalīl Ḥāmid. (2006). *Alfāz al-Nabāt wa Syajar fī Al-Qur'ān Al-Karīm: Dirāsāt Dalāliyat*. (Tesis ph.d). Universiti al-Fayyūm, Sanna'a, Mesir.
- Maḥmūd, al-Ṣāfiy. (1995). *Jadwal fī 'I'rāb al-Qur'ān wa Ṣarfih wa Bayanih*. Beirut, Lubnan: Dar al-Rasyīd.
- Maḥmūd Muṣā Hamdān. (1992). *Adawāt al-Tasybīh Dilālātahā wa Isti'mālātahā fī Al-Qur'ān Al-Karīm*. Syubara, Mesir: Maṭba'at al-Amanat.
- Maḥyu al-Dīn al-Darwīsh. (1980). *'I'rāb al-Qur'ān al-Karīm wa Bayānuh*. Dimasq, Syiria: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Maidaniy, 'Abd Raḥmān Ḥassan Ḥanabakat. (1992). *Amthāl Al-Qur'ān wa Ṣuwar min Adabih al-Rafī'*. Dimasq, Syiria: Dar al-Qalam.

- Al-Maidaniy, ‘Abd Raḥmān Ḥassan Ḥanabakat. (2009) *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthāl li Kitāb Allah 'Azza wa Jall*. Dimasq, Syiria: Dar al-Qalam.
- Al-Marāghiy, Aḥmad Muṣṭafā. (1993). *Ulūm al-Balāghat*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Marāghiy, Aḥmad Muṣṭafā. (1946). *Tafsīr al-Marāghiy*. Kaherah, Mesir: Maktabat Muṣṭafā al-Bāniy.
- Al-Māwardīy, Abū Ḥaṣan ‘Alīy (t.t). (e.d) Al-Sayyid bin ‘Abd al-Maqsūd. *Al-Nukat wa al-Uyūn*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.
- Maymūn bin Qays. (2003). (e.d) Kāmil Sulaymān. *Dīwān al-’A’syā al-Kabir*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitāb al-‘Arabīy.
- Al-Mu’tāz Yaḥyā Sanbal. (2012, Disember). Al-Nabāt fī Al-Qur’ān Al-Karīm Ni’am wa Ibdā’. *Majalah al-Tabyān*, 102, 62-63.
- Al-Mubārakfūrīy, Abū al-‘Alā’ Muḥammad. (t.t). (e.d) ‘Abd al-Raḥman Muḥammad ‘Uthmān. *Tuḥfat al-’Aḥwazīy Syarḥ Jāmi’ al-Tarmīzīy*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Al-Mubārakfūrīy, ‘Abd al-Raḥmān. (t.t). *Taḥfat al-Aḥwazīy bi Syarḥ Jāmi’ al-Tarmuzīy*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Al-Mubarrad, Abū al-‘Abbās Muḥammad bin Yazīd. (1970). (e.d) Ramaḍān ‘Abd al-Tawwāb. *Al-Muzakkar wa al-Muannath*. Republik Arab Bersatu: Maṭba‘at Dār al-Kutub.
- Muḥammad ‘Abd al-Khāliq ‘Aḍīmat. (1972). *Dirāsāt li Uslūb Al-Qur’ān Al-Karīm*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth.
- Muḥammad Muḥammad Abū Mūsā. (1997). *Al-’Ijāz al-Balāghīy Dirāsāt Taḥlīliyat li Turāth Ahl al-’Ilm*. Kaherah, Mesir: Maktabat Wahbat.
- Muḥammad Fū’ad ‘Abd al-Bāqīy. (1994). *Al-Mu’jam al-Mufahras li’Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.

- Muḥammad Ibrāhīm Muḥammad Syarīf. (2007). *Asālīb al-Istifhām fī al-Baḥth al-Balaghīy wa Asraruha fī Al-Qur'an Al-Karim*. (Tesis Ph.d). Universiti Islam Antarabangsa, Ismlamabad, Pakistan.
- Muḥammad Sulaymān al-Maghribīy. (1998). (e.d) Abū 'Alīy Sulaymān al-Darī'. *Jam' al-Fawā'id min Jāmi' al-Uṣūl wa Majma' al-Zawā'id*. Beirut, Lubnan: Maktabat Ibn Kathīr.
- Al-Mukhalilaṭīy, Riḍwān bin Muḥammad bin Sulaymān. (1992). (e.d) 'Abd al-Rāzaq bin 'Alīy. *Al-Qaul al-Wājiz fī Fawāṣil al-Kitāb al-'Azīz*. Al-Madīnat al-Munawwarat, Arab Saudi: Maṭābi' al-Rasyīd.
- Mustafā bin 'Abdullah Ḥājīy Khalīfat. (1941). *Kasyf al-Zunūn 'An Asāmiy al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut, Lubnān: Dār 'Iḥyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Al-Nābulsiy, Muḥammad Rātib. (2010). *Mawsū'at al-Ijāz al-'Ilmīy fī al-Qur'ān wa al-Sunnat Ayāt Allah fī al-Insān*. Dimasq, Syria: Dār al-Maktabīy.
- Al-Nasfīy, 'Abdullah bin Aḥmad Abū al-Barakāt. (t.t). (e.d) Sayyid Zakariyā. *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl*. Jeddah, Arab Saudi: Maktabat Nazar Mustafā al-Bāz.
- Al-Nisābūrīy, Maḥmūd bin Abī al-Ḥasan. (1997). *Bāhir al-Burhān fī Ma'āniy Musykilāt al-Qur'ān*. (e.d) Su'ād bint Ṣāliḥ. Arab Saudi: Maktabat Malik Fahd.
- Al-Nisābūrīy, Muslim bin Ḥajjāj. (1998). (e.d) Yaḥyā bin Syarīf al-Nawawīy. *Al-Manḥāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin Ḥajjāj*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifaṭ.
- Al-Nuḥḥās, Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad. (1998). (e.d) Muḥammad 'Alīy al-Ṣobūnīy. *Ma'ānīy Al-Qur'ān*. Makkat, Arab Saudi: Markaz al-'Iḥyā' al-Turāth al-Islāmīy.
- Al-Nuḥḥās, Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad bin Ismā'īl. (2008). (e.d) Khālid al-'Alīy. *'I'rāb Al-Qur'ān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Ma'rifaṭ.
- Al-Nuwaiḥīy, 'Abd al-Salām Muḥammad. (1995). *Mawsū'at al-Ḥaḍārat al-'Arabīyyat al-Islāmīyyat*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fāris Lilnasyar wa al-Tawzī'.

- Al-Qaḍā'īy, Abū 'AbduLlah Muḥammad bin Salāmaṭ. (1985). (e.d) Ḥamdiy 'Abd al-Majīd al-Siflīy. *Musnad al-Syihāb*. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risālaṭ.
- Al-Qaisy, Abū Ṭālib. (1981). (e.d) Yūsuf 'Abd al-Raḥman. *Al-'Umdaṭ fī Gharīb Al-Qur'ān*. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risālaṭ.
- Al-Qāsimiy, Muḥammad Jamāl al-Dīn. (1957). (e.d) Muḥammad Fū'ad 'Abd al-Bāqīy. *Maḥāsīn al-Ta'wīl*. Ḥalab, Syiria: Dār 'Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyaṭ.
- Al-Qazuwainīy, Zakariyā bin Muḥammad bin Maḥmūd. (2002). 'Ajā'ib al-Makhlūqāt. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-'A'lamīy lilmaṭbu'aṭ.
- Al-Qifṭīy, Jamāl al-Dīn bin Yūsuf. (1986). (e.d) Abū al-Faḍl Ibrāhīm. *Inbāh al-Ruwāṭ 'alā Anbāh al-Nuḥḥāṭ*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabiyy.
- Al-Qinnawijīy, Abū Ṭayyib Ḥasan. (1992). (e.d) 'AbduLlah Ibrāhīm al-'Anṣāriy. *Fatḥ al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān*. Beirut, Lubnan: Maktabaṭ al-'Aṣriyyaṭ.
- Al-Qurṭubīy, Abū 'AbduLlah Muḥammad. (2006). (e.d) 'AbduLlah 'Abd al-Muḥsīn. *Al-Jāmi' li Aḥkām Al-Qur'ān*. Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risālaṭ.
- Rāghib al-Sarjānīy. (2009). *Qiṣṣaṭ al-'Ulūm al-Ṭibbiyyaṭ fī al-Ḥaḍāraṭ al-Islāmiyyaṭ*. Kaherah, Mesir: Mu'assasaṭ 'Iqra' Lilnasyar wa al-Tawzī' wa al-Tarjumaṭ.
- Rajā'īy, Maḥmūd. (1981). (e.d) Yusūf al-Hāj Aḥmad. 'Istimāl al-Siwāk Linazāfaṭ al-Famm wa Ṣiḥḥatuhu. *Mawsū'aṭ al-'Ijāz al-'Ilmīy fī Al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sunnaṭ al-Muṭahharaṭ*. Beirut, Lubnan: Maktabaṭ Ibn Ḥajar.
- Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb. (1999). *Fuṣūl fī Fiqh al-'Arabiyyaṭ*. Kaherah, Mesir: Maktabaṭ al-Khanjīy.
- Al-Rāziy, Abū Bakar Muḥammad bin Zakariyā. (2000). (e.d) Muḥammad Muḥammad Isma'īl. *Al-Hāwiy fī al-Ṭīb*. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.

- Al-Rāzīy, Fakhr al-Dīn, Abū AbdulLah Muḥammad bin Ḥusain al-Quraisīy. (1999). *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut, Lubnan: Dār I'ḥyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Al-Rāzīy, Muḥammad bin Abū Bakar 'Abd al-Qādir. (1986). *Mukhtār al-Ṣiḥḥāḥ*. Beirut, Lubnan: Maktabat Lubnān.
- Ruḥīy al-Ba'labakīy & Munīr al-Ba'labakīy. (1997). *Al-Mawrid al-Wasīf Muzdawaj*. Beirut, Lubnan: Dār al-'Ilm Lilmalāyyīn.
- Al-Sa'adiy, 'Abd al-Raḥmān Nāṣir. (2002). (e.d) 'AbdulLah bin 'Abd al-'Azīz 'Uqail. *Taisīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Riyāḍ, Arab Saudi: Maktabat al-'Abikān.
- Al-Ṣaghānīy, al-Ḥaṣṣan bin Muḥammad. (1981). Muḥammad Ḥasan Āl Yāsīn. *Al-'Ubāb al-Zākhīr wa al-Lubāb al-Fākhīr*. Baghdad, Iraq: Dār al-Rasyīd LilNasyar.
- Al-Samārā'īy, Ibrāhīm. (t.t). *Min Asālib Al-Qur'ān Al-Karīm*. Beirut, Lubnān: Mua'ssasat al-Risālat.
- Sālīm bin Basyīr (2005). (e.d) *Al-'Anwā' wa Manāzil al-Qamar*. Kuwait: Majmu'at al-'I'lāmiyyat al-'Ālamiyyat.
- Al-Samarqandīy, Abū al-Līth. (1993). (e.d) 'Alīy Muḥammad al-Mi'waḍ. *Bahr al-'Ulum*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub 'Ilmiyyat.
- Samīr Aḥmad 'Abd al-Jawwād. (1991). *Takhrījāt al-Naḥwiyyat wa al-Ṣarfīyyat li al-Qira'at al-'A'msy*. Kaheerah, Mesir: Maṭba'at al-Husīn al-Islāmiyyat.
- Al-Ṣan'ānīy, 'Abd al-Razāq. (1989). (e.d) Muṣṭafā Muslim Muḥammad. *Tafsīr Al-Qurān*. Al-Riyāḍ, Arab Saudi: Maktabat al-Rasyd.
- Al-Sayyīd al-Jamīlīy. (1992). *Al-'Ijāz al-'Ilmīy fi Al-Qur'ān*. Beirut Lubnan: Dār wa al-Maktabat al-Hilāl.
- Al-Sayyīd Faraj Khalīfat. (1973). *Al-Asyjār wa al-Syajirāt bi al-Mamlakat al-'Arabiyyat al-Sa'udiyyat*. Riyad, Arab Saudi: Maṭābi' al-Khālīd Li'usfust.

- Al-Sayyid Muḥammad Rasyid Riḍā. (1947). *Tafsīr Al-Qurān al-Ḥakīm*. Kaherah, Mesir: Dār al-Manār.
- Sayyid Quṭb. (2003). *Fī Zilāl Al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Syurūq.
- Al-Syarbīnīy, Al-Khaṭīb Muḥammad bin Ahmad. (1868). *Al-Sirāj al-Munīr*. t.c. t.tp.t.p.
- Sibawayh, ‘Amr bin ‘Uthmān Qanbar. (1992). (e.d) ‘Abd al-Salām Ḥārūn. *Al-Kitāb*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Khanjīy.
- Al-Ṣobūnīy, Muḥammad ‘Alīy. (1980). *Ṣafwat al-Tafāsīr*. Beirut, Lubnan: Dār al-Qūran al-Karīm.
- Ṣubḥī Ṣāliḥ (1977). *Mabāhith fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Beirut, Lubnan: Dār al-‘Ilmīy Li al-Malāyīn.
- Al-Suyūṭīy, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abū Bakar. (2003). (e.d) Markaz al-Dirāsāt al-Qur’aniyyat. *Al-Itqān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Arab Saudi: Majma‘ al-Malk al-Fahd Lilṭiba‘at.
- Al-Suyūṭīy, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abū Bakar. (1998). (e.d) Aḥmad Syams al-Dīn. *Ham ‘u al-Hawāmi ‘fī Syarḥ Jam ‘u al-Jawāmi‘*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmīyyat.
- Al-Suyūṭīy, Jalāl a-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abū Bakar. (1979). (e.d) Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. *Bughyat al-Wu‘āt fī al-Ṭabaqāt al-Lughawiyyīn wa al-Nuḥḥāt*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikīr.
- Al-Syāfi‘īy, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Idrīs. (1994). *Aḥkām Al-Qur’ān*. Kaherah, Maktabat al-Khānjīy.
- Al-Syāfi‘īy, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Idrīs. (2006). (e.d) Aḥmad Mustafā al-Farrān. *Tafsīr al-Imām al-Syāfi‘īy*. Riyad, Arab Saudi: Dār al-Tadmuriyyat.
- Al-Syaukānīy, Muḥammad bin ‘Alīy. (1994). (e.d) ‘Abd al-Raḥmān ‘Umairat. *Faḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ baina Fannīy al-Riwāyat wa al-Dirāyat min ‘Ilm al-Tafsīr*. t.tp.t.p.

- Al-Ṭabariy, Abū Ja‘far Muḥammad al-Jarīr. (2001). (e.d) ‘Abdullah ‘Abd al-Muḥsin. *Jami’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āl al-Qur’ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hajir.
- Al-Ṭabrānīy, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad. (1987). (e.d) Muḥammad Sa‘īd bin Ḥasan al-Najāriy. *Kitāb al-Du‘ā’*. Beirut, Lubnan: Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyat.
- Al-Ṭantāwīy, Muḥammad Sayyīd (1987). *Al-Tafsīr al-Wasīṭ li Al-Qur’ān Al-Karīm*. Kaherah, Mesir: Maṭba‘at al-Sa‘adat.
- Al-Tarmīzīy, Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Surāṭ. (1978). (e.d) Aḥmad Muḥammad Syākir. *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Tha‘ālābiy, Abū Maṣṣūr bin Ismā‘īl. (1994). (e.d) Jamāl Ṭalabat. *Fiqh al-Lughat*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.
- Al-‘Ukbarīy, Abu al-Baqā ‘Abdullah bin Husīn (t.t). (e.d) ‘Alīy Muḥammad al-Bajāwīy. *Al-Tabyan fī al-‘Irāb Al-Qur’an*. Halab, Syiria: ‘Isa al-Bābā al-Halabīy wa Syarākah.
- Umayyat bin Ibn Abī al-Ṣalt. (1998). (e.d) Sajī‘ Jamīl al-Jubaylīy. *Diwan Umayyat bin Ibn Abī al-Ṣalt*. Beirut: Lubnan: Dār al-Ṣādir.
- Wahbat al-Zuḥailīy. (2009). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-Aqīdat wa al-Syarī‘at wa al-Manhaj*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikīr al-Mu‘āsir.
- Al-Wāḥidīy, Abū Ḥassan. (1994). (e.) ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. *al-Wasīṭ fī Tafsīr Al-Qur’ān al-Majīd*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.
- Wardah Muṣṭafā Kaḥīl. (2009). *Al-Su‘āl fī Dū’ Al-Qur’ān Al-Karīm Dirāsāt Mauḍū‘iyyat*. (Tesis Sarjana). Universiti Islam Gaza, Palestine.
- Yāqūt al-Ḥamawīy, Syihāb Al-Dīn. (1993). *Mu‘jam al-Buldān*. Beirut, Lubnān: Dār al-Ṣādir.
- Al-Zabīdīy, Muhammad Murtaḍā. (1965). (e.d) ‘Abd al-Sattar Aḥmad al-Farj. *Tāj al-‘Arūs min Jawahir al-Qāmūs*. Kuwait: Maṭba‘at Ḥukumat al-Kuwait.

- Zaghlūl al-Najār. (2004). *Āyāt al-Nabāt fī Al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Syurūq.
- Al-Zahabīy, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad. (1990). (e.d) Aḥmad Rif‘aṭ al-Badrāwīy. *Al-Ṭibb al-Nabawīy*. Beirut, Lubnan: Dār ‘Ihyā’ al-‘Ulūm.
- Al-Zajjāj, Abū Ishāq Ibrahīm bin al-Sirriy bin Sahal. (1998). (e.d) ‘Abd al-Jalīl ‘Abduh Syalbīy. *Ma‘ānīy al-Qur’ān wa I’rābuh*. Beirut, Lubnan: ‘Ālim al-Kutub.
- Al-Zamakhsyariy, Maḥmūd bin ‘Amr bin Muḥammad. (1998). (e.d) Muḥammad ‘Abd al-Salām Syāḥin. *Tafsīr al-Kasysyāf ‘An Haqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmīyyat.
- Al-Zarkasīy, Badr al-Dīn. (1984). (e.d) Abū al-Faḍl al-Dimyāṭīy. *Al-Burhān fī ‘Ulūm Al-Qurān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth.
- Al-Zubaidīy, Abū Bakar Muḥammad. (1973). (e.d) Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. *Ṭabaqāt al-Naḥwiyyīn wa al-Lughawīyyīn*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ma‘ārif.
- Zuhair bin Abū Sulmā. (1905). (e.d) Badr al-Dīn Abū Firās. *Syarh Dīwān Zuhair bin Abū Sulmā*. Kaherah, Mesir: al-Maṭba‘aṭ al-Ḥamīdiyyaṭ.

2. RUJUKAN BAHASA MELAYU

- Abd Rahman Abd Rashid. (2003). *Kamus Teras Sastera*. Petaling Jaya: Longman.
- Ali Ma’shum. Zainal Abidin Munawwir. (2002). *Al-Munawwir, Kamus Arab-Indonesia*. Surabaya Indonesia: Pustaka Progesif.
- Dunya bin Dir. (2001). *Gambaran Pertanian di Dalam Al-Quran*. (Kajian Ilmiah). Universiti Putra Malaysia.
- Fadelah, A.A. (2000). (e.d) M.N Ramli, A.A Fadelah, I. Fauziah, M.K Illias, S.Y Mah, R. Melor, N,N Mohamad Roff and H. Rosiah. *Status dan pentingnya pengeluaran sayur-sayuran. Dalam Panduan pengeluaran sayur-sayuran*. Kuala Lumpur: Mardi.

- Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab. (1996). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Bahasa Arab-Huraian-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Jawatankuasa Istilah Linguistik. (1998). *Istilah Linguistik*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Selangor: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Besar, Arab-Melayu*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohammad Yazid bin Abdul Hamid. (2010). *Perbandingan Bahasa Kiasan Dalam Cerpen Arab Dan Melayu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Konsep agro-pertanian dalam Al-Qur`an menurut perspektif semantik-pragmatik*. (Kajian Ilmiah). Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad bin Idris al-Marbawiy. (t.t). *Qamus Idris al-Marbawiy*. Kaherah, Mesir: Muṣṭafā al-Bābā al-Ḥalabīy.
- Mahmud Yunus. (1969). *Tafsir Qur'an Karim*. Singapura: Tawakkal Trading.
- Ong, HC. (2004). *Sayuran: Khasiat & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Osman Khalid, (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Hulu Klang, Selangor: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Saipol Barin bin Ramli. (2004). *Analisis Gaya Bahasa Doa: Satu Kajian Deskriptif Di Dalam Al-Qur'an*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Fauziah Yusuf. (2012). *Mari Berubat Dengan Tumbuhan Sekeliing Anda*. Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Production Sdn Bhd.

Sukrom, Kamil. (2009). *Teori Kritik Sastera Arab Klasik Dan Moden*. Jakarta, Indonesia: Rajawali Press.

Yusuf Al-Hajj Ahmad. (2012). (e.d) Abu Maula MA, Abu Hana LC, Agus Irawan. *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al-Quran & Sunnah*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah Publication.

Zainuddin Hamidy Fachruddin. (1989). *Tafsir Qur'an*. Klang Selangor: Klang Book Centre.

3. RUJUKAN INTERNET

Aimān al-Kabīsīy. (2000, Mac 28). Al-Samgh al-‘Arabīy. *Akhbar Al-Bayān*. Diambil dari <http://www.albayan.ae/last-page/2000-03-20-1.1066966>

‘Alīy al-Syarqāwīy. (2013, Ogos 30). *Akhbar al-Waṭan*. Diambil dari <http://www.alwatannews.net/Document.ashx?ID=TmVz4I24oCNqIjGyv98333384vQ933339933339&CMD=y1XO0LxhayKaGVqyyhLUAQ933339933339>

Harun Yahya. (2002). *Miracle of The Quran*. Diambil dari <http://www.harunyahya.com/en/Books/870/miracles-of-the-qur%E2%80%99an>

Nazmī Khalīl Abū al-‘Aṭā. (1979). *I’jāz al-Nabāt fī Al-Qur’ān Al-Karīm*. Diambil dari <http://quran-m.com/container2.php?fun=sheckdetails&id=5>

Nazmī Khalīl Abū al-‘Aṭā. (1996). *Āyāt Mu’jizat min Al-Qur’ān Al-Karim wa ‘Ālim al-Nabāt*. Diambil dari <http://quran-m.com/container2.php?fun=sheckdetails&id=5>

Nazmī Khalīl Abū al-‘Aṭā. (2011). *‘Adālat Ahl al-Bayyt wa al-Ṣaḥābat Baina al-Āyāt Al-Qur’ānīyat wa al-Tarākib al-Nabātīyat*. Diambil dari http://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single3/ar_Adatat_Asshaba.pdf

Nazmī Khalīl Abū al-‘Aṭā. (2011). *Mu’jizat min Al-Qur’ān al-Karīm wa ‘Ālim al-Nabāt*. Diambil dari <http://quran-m.com/container2.php?fun=sheckdetails&id=5>

Şobāḥ Muḥammad Ḥussīn (2012). *Balaghāt al-Idrāb fī Al-Qur'ān*. Diambil dari <http://www.iasj.net/iasj?func=fulltext&aId=30067>

GLOSARI PERKATAAN

Bahasa Arab	Huraian	Bahasa Melayu
أَدَاةُ التَّشْبِيهِ	Peranti yang digunakan untuk membandingkan dua perkara.	Peranti Tasybīh.
أَدَاةُ الْقَسَمِ	Peranti yang digunakan untuk tujuan gaya bahasa sumpah.	Peranti sumpah
الإِدْعَام	Menyerapkan sebutan huruf yang mati ke dalam huruf yang berdekatan dengannya.	Idghām
أَرْكَانُ الْقَسَمِ	Asas al-Qasam.	Arkān al-Qasam.
الِاسْتِفْهَامُ التَّحْذِيرِيُّ	Gaya bahasa Tanya untuk tujuan menarik perhatian dan amaran.	Gaya bahasa tanta al-Taḥzīr.
الِاسْتِفْهَامُ الْإِنْكَارِيُّ وَالْتَوْبِيحِيُّ	Gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menyangkal dan mengejek sesuatu.	Gaya bahasa tanya al-Inkāriyy wa al-Tawbīkhīy
الِاسْتِفْهَامُ التَّقْرِيرِيُّ	Keadaan yang berkehendakkan kepada pendengar untuk mengakui atau mengiktiraf sesuatu kenyataan dalam berbentuk ayat pertanyaan. Sebenarnya, pendengar telah sedia maklum tentang jawapan tersebut sama ada dalam bentuk penafian atau penerimaan.	Gaya bahasa tanya al-Taqrīriyy
الِاسْتِفْهَامُ التَّبْكِيثِيُّ	Gaya bahasa tanya untuk tujuan pengakuan dan cercaan.	Gaya bahasa tanya al-Tabkīt
الِاسْتِعَارَةُ	Apabila dua rukun utama al-Tasybīh iaitu al-Musyabbah dan al-Musyabbah bih digugurkan dalam ayat al-Tasybīh.	Al-'Isti'arāt
الِإِضْرَابُ	Suatu penafian terhadap kenyataan pertama disebabkan oleh tersilap atau terlupa. Selain itu ia juga digunakan untuk menunjukkan keadaan cercaan atau cemuhan kepada pendengar. Ayat pertama dihentikan dengan tujuan untuk memulakan ayat yang baru atau menukar	Al-Idrāb

	idea percakapan kepada sesuatu yang baru.	
أُسْلُوبُ الْإِنْشَائِي	Ungkapan yang tidak boleh dianggap benar atau bohong.	Gaya bahasa al-Insyā'iy
أُسْلُوبُ الْقَسَمِ الصَّرِيحِ	Gaya bahasa sumpah yang menggunakan peranti sumpah sama ada huruf al-Wāw atau huruf al-Bā' atau huruf al-Tā' sumpah bersama-sama dengan perkataan lain.	Gaya bahasa sumpah al-Ṣarīḥ
أُسْلُوبُ الْقَسَمِ الضَّمْنِيِّ	Dikenali juga sebagai gaya bahasa sumpah الْمُضْمَرِّ (al-Muḍmarr). Keadaan ini berlaku apabila gaya sumpah tidak menggunakan peranti sumpah secara jelas. Gaya bahasa ini dapat dilihat dalam konteks kandungan ayat penyata yang digunakan bersama-sama dengan peranti الْلَامِ الْمُوَطَّئَةِ (al-Lām al-Muwattī'at) atau salah satu dari huruf الْنُونِ التَّوَكِيدِ (al-Nūn al-Tawkid) yang pada ayat jawab sumpah.	Gaya bahasa sumpah al-Ḍimniy
أُسْلُوبُ التَّشْبِيهِ	Perbandingan sesuatu dengan lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan peranti tertentu.	Gaya bahasa al-Tasybīh
أُسْلُوبُ الْمَثَلِ	Ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian tertentu.	Gaya bahasa bidalan
أُسْلُوبُ الْإِسْتِفْهَامِ	Gaya bahasa yang meminta keterangan sesuatu yang belum diketahui dengan menggunakan peranti tertentu.	Gaya bahasa pertanyaan
أُسْلُوبُ الْقَسَمِ	Gaya bahasa yang digunakan untuk tujuan menegaskan sesuatu ayat dengan menyebut nama Allah S.W.T.	Gaya Bahasa sumpah

البدل	Kata susulan yang sama fleksinya tanpa partikel penghubung, didahului oleh kata lain yang tidak dimaksudkannya.	Al-Badal
التدبيح البدعي	Proses menggunakan warna dalam kata-kata pujian dan sebagainya dengan tujuan kināyat atau tawriyyat.	Al-Tadbij al-Badī'iy
التشبيه المرسل	Al-Tasybīh yang disebut tiga rukun al-Tasybīh secara jelas iaitu al-Musyabbah, al-Musyabbah bih dan peranti al-Tasybīh.	Al-Tasybīh al-Mursal
التشبيه المحمل	Apabila ciri setara digugurkan dalam ayat al-Tasybīh.	Al-Tasybīh al-Mujmal
التشبيه التمثيلي	Tasybīh yang ciri persamaannya terdiri daripada gambaran pelbagai sifat.	Al-Tasybīh al-Tamsīliy
التشبيه الضمني	Merujuk kepada ayat al-Tasybīh yang tidak disebut asas al-Tasybīh secara jelas, sebaliknya gambaran dan asas al-Tasybīh dapat dilihat dari aspek makna ayat tersebut.	Al-Tasybīh al-Ḍimnīy
التشبيه المرسل	Ayat al-Tasybīh yang disebut tiga asas al-Tasybīh secara jelas iaitu al-Musyabbah, al-Musyabbah bih dan peranti al-Tasybīh.	Al-Tasybīh al-Mursal
التشبيه المحمل	Apabila ciri setara digugurkan dalam ayat al-Tasybīh.	Al-Tasybīh al-Mujmal
التورية	Perkataan yang mempunyai makna tersirat dan tersurat, tetapi yang dimaksudkan yang tersirat.	al-Tawriyyat
الجمع	Perkataan yang menunjukkan tiga atau lebih.	Jama'
الحسي والواقعي	Sesuatu unsur yang dapat dirasai dan dilihat oleh manusia.	Al-Ḥissīy dan al-Wāqī'iy
الصريح الحسي	Elemen nyata dan dapat dirasai.	Ḥissīy

الطباق الخفيّ	Ungkapan yang mengandungi dua perkataan yang berlawanan erti atau jenis yang unsurnya tidak jelas kelihatan.	Al-Ṭibāq al-Khafīy
طرقاً التشبيّه	Empat asas yang membentuk al-Tasybīh.	Asas al-Tasybīh.
رؤوس الآي	Menghentikan bacaan Al-Qur'an Al-Karim dihujung ayat setelah selesai bacaannya seperti bab الْكَافِيَةُ (al-Qāfiat) dalam syair dan bab الْقَرِينَةُ (al-Qarīnat) dalam al-Saja'.	Ru'ūs al-Āa
العلاقة باعتبار ما كان	Hubungan antara yang sekarang yang disebut dengan yang akan datang yang dikehendaki.	Al-'Alāqat Bii'tibār mā Kāna
القسم المحذوف	Gaya bahasa sumpah yang digugurkan.	Gaya bahasa sumpah al-Maḥzūf
الكناية	Perkataan yang maknanya tersirat di samping boleh menggunakan makna asalnya kerana tiada petanda yang menghalangnya	Al-Kināyat
اللام الموطئة	Huruf al-Lām yang menggantikan peranti al-Syarṭ untuk menunjukkan ayat yang berada selepasnya ialah jawab kepada sumpah sebelumnya dan tidak kepada jawab al-Syarṭ.	Huruf al-Lām al-Muwaṭṭi'at
المذكّر المجازي	Perkataan yang maknanya menunjukkan sesuatu yang dianggap jantan.	Al-Muzakkar al-Majāzīy
المستأنفة	Ayat ini dikenali sebagai ayat الإبتدائية, iaitu permulaan ayat yang baru selepas beberapa ayat lain sebelumnya. Idea yang dibincangkan dalam ayat ini adalah idea baru yang tidak berkaitan dengan ayat yang sebelumnya. Walau pun	Al-Musta'nafat

	begitu, terdapat pertalian antara ayat ini dengan ayat yang sebelumnya.	
المُشَبَّه	Sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang lain yang mempunyai ciri persamaan.	Al-Musyabbah
المُشَبَّه بِهِ	Sesuatu yang menjadi bahan penyerupaan musyabbah.	Al-Musyabbah bih
المُضْمَر	Orang yang melakukan sumpah.	Pelaku sumpah
المُضْمَر بِهِ	Objek yang dijadikan sebagai benda yang disumpah, contohnya buah-buahan.	Objek sumpah
المُضْمَر عَلَيْهِ	Perkara yang dijadikan topik sumpah contohnya Allah S.W.T bersumpah dengan masa yang mana manusia itu berada dalam kerugian. Kerugian itu adalah perkara yang disumpahkan.	Perkara yang disumpahkan
المُرَكَّب	Perbandingan yang mempunyai lebih dari satu bandingan ayat.	Perbandingan berangkai
المَعْنَوِي	Elemen tidak dapat dirasai	Al-Maknawīy
المُتَنِي	Perkataan yang menunjukkan makna dua.	Duaan
المُذَكَّر	Perkataan yang maknanya menunjukkan lelaki atau jantan dan biasanya tidak diakhiri dengan tā' marbūṭaṭ.	Maskulin
المُؤَنَّث	Perkataan yang menunjukkan perempuan, betina atau sesuatu yang dianggap betina.	Feminin
المُؤَنَّث المَجَازِي	Perkataan yang maknanya menunjukkan sesuatu yang dianggap betina.	Feminin Majāzīy
المَجَاز	Perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi tetapi mengikut kewajaran.	Al-Majāz

المَجَازُ الْمُرْسَالُ	Penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana tiada hubungan persamaan serta tiada penanda yang menghalang daripada menggunakan pengertian asal.	Al-Majāz al-Mursal
الْمَكْرَاهَةُ	Kata Nama yang menunjukkan makna umum.	Al-Nakirah
الْمَنْعَةُ	Perkataan atau ungkapan yang menyusuli kata nama bagi menerangkan sifatnya dinamakan sifat hakiki, atau bagi menerangkan sifat objek selepasnya dinamakan sifat sababi.	Sifat
وَجْهُ شَبَه	Ciri-ciri yang sama pada Musyabbah dan Musyabbah bih.	Ciri setara
	Satu bentuk perbandingan, yang membandingkan dua perkara tetapi tanpa menggunakan perkataan seperti <i>bagai</i> , <i>bak</i> , <i>macam</i> , <i>umpama</i> , dan <i>seperti</i> . Jika simile mengatakan A seperti B, metafora pula mengatakan A ialah B. Ia juga menyatakan perbandingan itu secara literal dan secara implisit.	Metafora